

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT PERTAMA PENGAL KEDUA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh** : 20 Mei 2014 (Selasa)  
**Masa** : 9.30 Pagi  
**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

---

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan</b>
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan</b>
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34.	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35.	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36.	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

**HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1.	YB. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Puan Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

***Dewan bermula pada jam 10.00 pagi.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bacaan doa.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Bacaan "DOA."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula.

**Setiausaha:**

Usul daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Baik. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan. Bahawa kami, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas pada 19 Mei 2014. Yang di-Pertua Dewan, saya di sini mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk turut serta atau pun sebagai pencadang usul ini membahaskan perkara-perkara yang telah pun dinyatakan oleh Yang di-Pertua Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan kelmarin. Beberapa isu telah saya bawa ke Dewan ini, walaupun saya sedikit sebanyak sibuk dengan kempen pilihan raya dan kurang sihat tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi buah fikiran tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kelmarin. Tahun 2014 merupakan satu tahun yang boleh dikatakan permulaannya amat menyedihkan bagi saya sendiri dan rakyat Malaysia secara amnya dan juga rakyat Pulau Pinang secara khususnya.

Pertama, kita dibelenggu dengan misteri kehilangan kapal terbang MH370. Belum lagi kita sempat menerima hakikat kehilangan kapal terbang itu, pesawat itu bersama-sama dengan penumpang-penumpangnya, kita kehilangan seorang negarawan pula di Pulau Pinang, saudara Karpal Singh. Mendiang Karpal Singh, seorang negarawan yang telah begitu banyak memberi sumbangan kepada arena politik di Malaysia. Saya ingin menyentuh pertamanya penghargaan saya kepada tokoh-tokoh politik daripada bukan saja dari Pakatan Rakyat tetapi juga dari Barisan Nasional yang telah datang menziarahi keluarga mendiang Karpal Singh di

rumahnya dan juga menghadiri upacara majlis pengebumian beliau yang telah disaksikan oleh rakyat di Pulau Pinang di mana melimpah, beribu-ribu yang telah datang untuk menunjukkan betapa pilu dan sedihnya mereka dengan kehilangan beliau.

Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri yang telah datang menziarahi keluarga mendiang Yang Berhormat Karpal Singh di rumah beliau, Tan Sri Lim Liong Sik, Presiden MCA. Datuk Seri Samy Vellu, bekas presiden MIC dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa tinggi penghormatan beliau terhadap mendiang Yang Berhormat Karpal Singh walaupun banyak yang diharungi oleh mereka bersama-sama, perbalahan-perbalahan politik dan sebagainya. Kehadiran mereka dalam upacara pengebumian tersebut menunjukkan bahawa mendiang saudara Karpal Singh memang merupakan negarawan yang statusnya saya rasa boleh dikatakan sama seperti pejuang-pejuang atau negarawan-negarawan lain seperti Nelson Mandela, seperti Mahatma Ghandi, dan Martin Luther King. Saya di sini ingin memberi buah fikiran saya kalau boleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang walaupun perkara ini, ketika beliau masih hidup lagi ialah satu perkara yang beliau tidak idamkan boleh dikatakan memberi satu penghormatan tertinggi dengan memberikan *prestigious award*...(dengan izin), Dato' Speaker, kepada beliau sebagai pengiktirafan perjuangan beliau. Di mana semasa riwayat hidupnya beliau dirujuk sebagai (dengan izin), *tireless an fearless, defender of the defend less*. Setiap golongan masyarakat telah beliau bela, anggota Polis telah beliau bela, orang-orang di luar negara pun telah beliau bela. Malahan ada pemimpin-pemimpin UMNO juga yang pernah meminta perkhidmatan beliau membela kes-kes mereka di mahkamah. Perkara ini tidak boleh dinafikan. Jadi ini ialah permintaan pertama saya kepada Kerajaan Negeri kalau boleh dipertimbangkan penganugerahan satu darjah kehormatan tertinggi Pulau Pinang *a prestigious award be fitting*...(dengan izin) seorang negarawan yang telah pergi.

Kedua saya ingin menyentuh misteri kehilangan kapal terbang MH370. Semua umum sedia maklum bahawa ini adalah kali pertama Dewan ini bersidang sejak kejadian ini telah berlaku, saya sebagai mencadang usul mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tuan Yang di-Pertua percaya adalah penting untuk saya menyentuh perkara ini kerana perkara ini jika di lihat teks ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, beliau telah menyentuh perkara ini di muka surat 20, sebelum mengakhiri ucapan beliau di mana beliau telah merakamkan perasaan sedih dan terharu terhadap kehilangan penerbangan MAS. Saya di sini, ingin menyatakan bahawa sejak kebelakangan ini, Negara Malaysia dibelenggu dengan bermacam-macam kehilangan misteri. Kalau dulu kita dapati bermula dengan kehilangan seorang *tourist* ...(dengan izin), pelancong, minta maaf. Pelancong daripada Mongolia bernama Altantuya. Kehilangan beliau pada awalnya dikesan oleh pihak Imigresen. Kemasukan beliau ke negara ini tidak dicatat. Selepas itu sidang akhbar dibuat dan kehilangan beliau, kehadiran beliau ke negara ini telah dimasukkan semula ke dalam sistem kemasukan Imigresen. Selepas itu kita dengar cerita tentang kehilangan enjin kapal terbang. Kapal terbang sebuah jet pejuang daripada Tentera Udara Diraja Malaysia. Di mana setelah penyiasatan dibuat kita mendapati jet, enjin kapal terbang itu dijumpai di sebuah negara di Amerika Selatan. Macam-macam lagi kejadian berlaku, kematian di dalam lokap, orang-orang yang ditangkap, dibawa ke lokap selepas itu meninggal dunia. Ini adalah misteri-misteri yang berlaku di negara ini. Sehingga sekarang berlaku satu kejadian yang begitu dahsyat. Kehilangan kapal terbang yang sehingga sekarang menjadi satu misteri.

Bila perkara ini mula-mula berlaku, kita lihat Kerajaan Malaysia hanya mendedahkan perkara ini, Kerajaan Persekutuan hanya mendedahkan perkara ini lebih kurang lapan (8) jam setelah pesawat itu hilang daripada radar. Pengesanan radar. Sidang akhbar ataupun kenyataan rasmi hanya dibuat lebih kurang pada pukul 8.00 pagi. Walaupun kapal terbang itu telah dikesan hilang daripada radar lebih kurang pukul 1.40. Selepas itu, misi pencarian dan menyelamatkan telah dikerah ke Vietnam atau Laut China Selatan dan selepas beberapa hari misi menyelamatkan dan mencari telah pun di tukar ke *Indian Ocean*. Rakyat di Malaysia dan rakyat di China khususnya, seluruh negara bingung dengan tindakan yang telah di ambil untuk mencari dan menyelamatkan pesawat ini dan penumpang-penumpang. Kalau masa itu, Singapura menghantar kapal tentera laut yang canggih dengan macam-macam peralatan, China menghantar sebuah kapal selam, Amerika Syarikat berbuat begitu, Australia berbuat begitu, Vietnam berbuat begitu, tetapi Kerajaan Malaysia mengambil tindakan yang begitu luar biasa, menyebabkan malu dengan membawa bomoh-bomoh. Bomoh-bomoh yang dibenarkan untuk duduk dan membuat macam-macam perkara dan memperkecilkan...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan YB. Dato' Speaker. Ada Ahli Seri Delima saya ingat sebagai Ketua *backbenchers*, tahniahlah dilantik sebagai ketua *backbenchers*. Tapi jangan jadi Ketua Temberang pula ya. Kerana apa ya, perkataan Kerajaan Malaysia membawa bomoh itu cukup tak betul. Kalau ada bomoh yang masuk duduk di belakang ini dikatakan YB. Dato Speaker bawa bomoh bawa masuk...(ketawa). Adakah ini patut ataupun. Kita nak cakap, kita kena cakap benda yang benar, benda yang boleh kita buktikan ya. Saya harap Seri Delima dapat tarik balik perkataan Kerajaan Malaysia membawa bomoh itu.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji)**

Terima kasih Ketua Pembangkang, saya akan buktikan, saya bukan ketua temberang. Aksi ketiga-tiga bomoh ini duduk melakukan perkara-perkara yang begitu melucukan, ini berlaku bukan di tempat letak kereta Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA. Aksi ini berlaku di dalam bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA, malahan saya difahamkan mereka di bawa ke suatu tempat yang boleh dilihat oleh orang ramai, semua wartawan-wartawan telah diberi kebenaran untuk beratur, garisan wartawan telah pun diletakkan, pegawai-pegawai Malaysia Airport berada di situ dan kononnya pegawai-pegawai atasan daripada kementerian-kementerian yang terlibat juga berada di situ, membenarkan mereka melakukan perkara yang telah mereka lakukan.... (gangguan), sebentar Yang Berhormat.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid)**

Konon-konon ini macam-macam bolehlah, konon-konon, ada bukti ini semua yang pegawai-pegawai benar dia orang masuk? Pegawai atasan-pegawai atasan mana yang beri kebenaran itu, tolong buktikan di sini, kita nak cakap sahaja nak memburuk-burukkan Kerajaan dan mereka-reka cerita ini adalah tidak wajar terutama dari seorang Ketua *Backbenchers*.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat untuk makluman, selepas itu juga Jabatan Agama Islam telah pun menyiasat dan mereka memaklumkan berhasrat mendakwa mereka di mahkamah kerana melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Tetapi sehingga kini tidak ada sebarang tindakan sebegitu diambil, ketiga-tiga bomoh Bujang Lapuk ini tidak di bawa ke mahkamah langsung dan kalau perkara itu berlaku tanpa keizinan Malaysia Airport Berhad, tanpa pihak-pihak berkuasa mengapa sehingga hari ini tidak ada sebarang kenyataan rasmi dikeluarkan oleh mereka menafikan bahawa sebarang keizinan diberikan dan bahawa perkara itu berlaku tanpa pengetahuan mereka? Ini adalah persoalan yang saya ingin tanya di sini. Saya membangkitkan perkara ini bukan kerana ingin memperkecilkan Kerajaan Persekutuan tetapi tindakan mereka membenarkan mereka berbuat begitu telah membawa (dengan izin).. *embarrassment* kepada seluruh Negara Malaysia. Negara-negara lain menggunakan Kapal Selam yang canggih, Kapal Laut yang canggih, alat-alat yang canggih untuk mengesan dan menyelamatkan pesawat ini dan penumpang-penumpang. Kita sendiri tak berkeupayaan kerana kapal selam kita tak boleh selam, kapal selam kita kalau boleh selam pun tidak mempunyai alat-alat untuk mengesan alat-alat sonar yang boleh buat pengesanan bangkai Kapal Terbang di dalam laut. Ditambah pula dengan itu tindakan pegawai-pegawai dari Malaysia Airports membenarkan bomoh-bomoh ini datang dan juga mengadakan satu upacara yang begitu menyebabkan malu ... (gangguan), saya nak meneruskan. Sila sila.

### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah)**

Yang Berhormat kalau secara rasmi Yang Berhormat katakan adakah surat *invitation* Malaysia Airport kepada bomoh-bomoh tersebut? Kalau kita cakap rasmi mesti ada *special invitation*, kalau perkara ini kita nampak Yang Berhormat cuba bawa supaya Dewan ini kononnya kerajaan jemput mereka, izin mereka, ini satu perkara yang fitnah terang-terang, siang hari ini pun kita nak fitnah. Saya ingat Yang Berhormat lebih sebagai seorang peguam mesti ada *fact* tunjuk pada Dewan, ini ada *invitation* kah kepada tiga bomoh Bujang Lapuk, saya pun tak tahu bomoh ini Bujang Lapuk, mungkin Yang Berhormat kawan dengan dia kot ada *brand*, mungkin kawan Yang Berhormat sebab Yang Berhormat boleh tau *branding* dia. Saya rasa Yang Berhormat lebih fokuslah pada bukti tunjuk ini surat daripada Majlis, ini surat jemputan daripada Kerajaan, ini surat daripada Kementerian so kita bolehlah sokong Yang Berhormat kalau macam itu dan kita memang tolak perkara-perkara syirik kalau tidak mengikut landasan agama. Sekian terima kasih.

### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekaran A/L Autherapady):**

YB. Dato' Speaker, saya ingin mencelah...(gangguan).

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta Seri Delima lebih tumpu kepada hujah-hujah sebagai seorang pencadang dan memperkemaskan lagi. Sila.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya bagi laluan kepada Pasir Permatang Pasir.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Sedikit persoalan berkenaan dengan semalam bila ada hari penamaan calon di Teluk Intan juga difahamkan kehadiran bomoh yang dikatakan. Jadi saya nak tanyalah Seri Delima apakah ada kaitan dengan kehadiran bomoh ini ke Teluk Intan. Itu yang saya nak tanya....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima tolong jangan jadikan Dewan bomoh sudah. Sila sila.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker saya membangkitkan perkara ini kerana saya ingin... (gangguan), menyentuh perkara ini kerana saya rasa begitu malu dan begitu tak boleh memberi penjelasan apabila berjumpa dengan kadang kala orang-orang Singapura, orang-orang daripada luar Negara Australia dan sebagainya dalam kerjaya kita dan saya pun lihat kalau bukan Bomoh Bujang Lapuk ini Bomoh Sepak Buaya yang memakai lencana 1Malaysia pada kot yang dipakai, ada, jadi kita berbalik kepada isu pokoknya iaitu Malaysia tidak mempunyai keupayaan di sebabkan oleh pimpinan Perdana Menteri untuk mencari....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya minta laluan, Yang Berhormat nak cakap Amerika, China semua negara besar juga tidak mempunyai kemampuan untuk mencari, ya kita faham *standard* Malaysia sama dengan Amerika pun tak boleh cari, negara yang begitu canggih teknologi maklumat pun tak boleh nak cari. Itu Yang Berhormat nak kata kewibawaan Perdana Menteri so Presiden Amerika pun tidak ada kewibawaan, so kena kata semua orang lah. Yang Berhormat kena kata semua presiden dalam negara, di dalam dunia ini tidak ada kemampuan untuk mencari, semua negara cari, Singapura cari tak jumpa, siapa cari jumpa? Kita pun tak tahu, kita pun rasa macam-macam masalah, kita berasa sedih sedangkan lagi Yang Berhormat politikkan isu ini dan saya rasa terima kasih kepada Yang Berhormat samakan Perdana Menteri Malaysia ini sama dengan Barrack Obama, sebab sama-sama tak boleh cari, tak sangka *standard* Perdana Menteri Malaysia tinggi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sebabnya mereka tak dapat cari Yang Berhormat adalah kerana butir-butir terperinci mengenai Kapal Terbang itu, iaitu penerbangan terakhir tidak dapat diberikan oleh Pihak Berkuasa di Malaysia. Pada awalnya jika kita lihat terdapat kenyataan-kenyataan bercanggah daripada Menteri Pengangkutan ketika itu,

selepas itu Perdana Menteri membuat kenyataan bercanggah mereka tidak dapat memberikan maklumat, malahan sekarang menurut Perdana Menteri beliau mengatakan, beliau tidak mengatakan pesawat itu telah terhempas. beliau mengatakan bahawa kenyataan beliau adalah *Indian Ocean was the place ...* (dengan izin). Tuan Speaker *the flight was last ended* penerbangan itu berakhir di situ jadi macam mana...(gangguan), sebentar *this is my floor*. Jadi macam mana kita lihat dengan kehadiran radar tentera udara, tentera laut dan pihak-pihak lain, kita masih tidak dapat memberi maklumat yang terperinci kepada sanak saudara, keluarga yang terlibat bukan sahaja di Malaysia sahaja tapi di luar negara juga. Perkara ini perkara yang begitu serius, kepimpinan Perdana Menteri, saya rasa perlu mengambil satu tindakan yang boleh menyakinkan dan apa tindakan itu, meletak jawatan sebagai Perdana Menteri. Sebab apa kalau kita lihat ...(dengan izin), saya memetik satu ini ialah fakta umum berita yang telah disiarkan dalam surat khabar *The Star The Peoples paper "South Korean PM quits over ferry tragedy, this is accountability,"* mana pergi Perdana Menteri Barisan Nasional, Najib masih lagi makan angin di luar negeri, luar negara... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Minta laluan, kalau Yang Berhormat cakap macam ini, semua Perdana Menteri seluruh dunia kena letak jawatan, mana pergi Barrack Obama mana pergi Perdana Menteri Australia yang bagi tahu dia nampak *satellite*, Yang Berhormat tak boleh *double standard* ini isu dunia, mana pergi President Boeing, mana pergi semua? Yang Berhormat tak boleh *double standard*, kena terima hakikat ini masalah bukan masalah Malaysia. Ini masalah-masalah dunia, seluruh dunia tidak ada jawapan. Hari ini Yang Berhormat nak bawa main isu politik sahaja. Kalau Yang Berhormat bangun bagi tahu Barrack Obama, Austalia, New Zealand *any country* yang *involve ...*(dengan izin) letak jawatan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta laluan Tuan Yang Berhormat Dato' Speaker, Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sila.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Isu ini, isu yang menyedihkan semua orang Malaysia, China semua orang menyedihkan, kita sepatutnya kena bagi fakta Dato' Speaker untuk berhujah berdebat di sini. Saya rasa eloklah kita beralih kepada isu lain, yang lebih, kita hormati apa yang berlaku eloklah kita beralih kepada isu lain yang boleh kita selesaikan dalam Dewan ini Yang Berhormat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima sedikit tentang MH370.....(gangguan).



**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya perlu sentuh YB. Dato' Speaker, tak perlu beralih. Ini adalah perkara sedih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

*You* cakap pasal Perdana Menteri, mana boleh. YB. Dato' sesuai, sesuaikan *floor*?....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

*This is my floor* Dato' Speaker...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima jangan bangkitkan isu ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya ingin sentuh Dato' Speaker ini adalah perkara yang menyedihkan, tidak ada perkara yang melucukan. Saya beritahu tahu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat jikalau anda fikir yang sebaliknya, memikirkannya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat saya minta laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

*No, no* biarkan saya habis dahulu, biar saya habiskan dulu, banyak keluarga-keluarga di mana ahli keluarga mereka yang menjadi punca pendapatan *the sole breadwinner the family*....(dengan izin) telah pun hilang dalam pesawat....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan Dato' Speaker, minta laluan, terima kasih Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Dato' Speaker, sebenarnya sampai sekarang siapa pun tidak tahu, apa jadi pada pesawat MH370, macam-macam telahan spekulasi dan macam-macam cerita dibuat. Jadi sebenarnya kita tidak mahu sambung-sambung lagi spekulasi itu di sini kerana macam-macam usaha telah pun dibuat, 14 buah negara, sekarang dah jadi 28 buah negara terlibat di dalam usaha untuk mencari, semua orang prihatin, semua

orang nak tolong. Jadi kita di sini pun seharusnya mempunyai sikap yang macam itu, kita simpati, kita ambil berat tentang isu masalah yang dihadapi oleh keluarga yang mangsa-mangsa yang terlibat dan kita berdoa semoga pesawat itu dapat dikesan, misteri kehilangan itu dapat dirungkai dan sebab kenapa hilang dan kematian berlaku supaya *liability* ...(dengan izin) dapat ditentukan pihak mana yang seharusnya bertanggungjawab. Ini dengan satu persoalan yang begitu belum terjawab kita nak kata Dato' Seri Najib yang salah. Ini saya tak faham logik mana yang Seri Delima gunakan.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker saya minta maaf mungkin Yang Berhormat Ketua Pembangkang perlu dengar dengan jelas, apa yang saya katakan tadi saya menggunakan kesimpulan seorang Perdana Menteri yang meletak jawatan di Korea disebabkan tragedi feri. Saya tidak menyalahkan beliau, saya meminta beliau menunjukkan *accountability* perletakan jawatan beliau boleh menyakinkan rakyat, bahawa beliau benar-benar rasa tanggungjawab di atas kehilangan kapal terbang tersebut, tetapi di sini kita lihat Perdana Menteri tidak begitu, beliau masih lagi meneruskan perjalanan ke keluar negeri makan angin dan sebagainya dan mengenai spekulasi-spekulasi siapa yang buat spekulasi.

Ini adalah spekulasi yang saya lihat cuba lihat surat khabar *The Star* other *The Sun* kelmarin sorry ya saya memetik *The Sun* "*someone is hiding something*" Dr. Mahathir Mohamad say *is it* ...(dengan izin) spekulasi atau teori dibuat oleh Dr. Mahathir sendiri bahawasanya Malaysia Airlines atau MAS sendiri yang cuba menyelindung sesuatu. Jadi spekulasi ini bukan dibuat oleh pihak-pihak ketiga, dibuat oleh bekas mantan Perdana Menteri Malaysia yang menyatakan bahawa ... (dengan izin) saya kalau boleh memetik. "*What goes up must come down. Airplanes can go up and stay up for a long periods of time. But even they must come down eventually, and it say ...*(dengan izin). *They can land safely or they may crash. But airplanes don't just disappear. Certainly not these days with all powerful communication system, radio and satellite tracking.* So, ini adalah kerana kenyataan oleh seorang mantan Perdana Menteri yang mengatakan bahawa kerajaan sekarang Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional menyembunyikan sesuatu.

#### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan Seri Delima. Saya tertarik berkenaan apa yang Seri Delima ungkapkan berkenaan pandangan Dr. Mahathir. Walaupun beliau adalah mantan Perdana Menteri bagi saya itu tetap pandangan peribadi dan saya percaya Dato' Mahathir tidak terus menyatakan MAS atau pun Kerajaan Malaysia cuma *someone, someone* ini seseorang saya bersetuju dengan pandangan Ketua Pembangkang. Kes MH370 adalah satu kes yang melibatkan kepentingan rakyat Malaysia seluruh negara. Apabila kehilangan MH ini adalah *unprecedented* benda yang tidak pernah berlaku sebelum ini di dalam sejarah dunia. Berapa lama dunia ada, berapa lama ya penerbangan bermula, tidak pernah berlaku sekali pun kapal terbang boleh hilang. Ini menyebabkan 28 negara sedang menggaru kepala, memikirkan sama ada teknologi yang mereka ada hari ini cukup untuk menangani masalah yang macam ini. Kita hari ini bercakap tentang MH370 sebab ia sebuah kapal terbang yang besar, tetapi kalau dibandingkan keluasan lautan yang ada di dunia ia ibarat sepertimana yang pernah disebut di dalam surat khabar bahawa ia ibarat mencari sebatang jarum di dalam *swimming pool* yang bersaiz Olimpik macam itu sekali. Hari ini kita tertanya-

tanya di manakah dia, berbanding dengan di Korea kapal tenggelam semua nampak cuma masa yang diambil untuk menyelamatkan itulah yang menjadi isu menyebabkan Perdana Menteri Korea rasa bersalah tapi hari ini Perdana Menteri masih bersama kita, dia keluar negara bukan untuk berseronok tetapi meneruskan tanggungjawab beliau sebagai Perdana Menteri untuk menjadikan negara kita ini berterusan sebagai sebuah negara. Jadi saya rasa apa yang Seri Delima lontarkan di sini sebagai tuduhan dan tuduhan demi tuduhan ini tidak membawa sebarang penyelesaian positif, terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker saya akan meneruskan dengan subjek yang lain tetapi permintaan saya di sini sebagai *Backbenchers* dengan rasminya adalah menuntut bagi rakyat Malaysia rakyat Pulau Pinang supaya Perdana Menteri kita meletakkan jawatan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Seri Delima apabila tragedi bot karam, bot naga di laut karam ramainya mati kita tidak menyuruh Air Putih letak jawatan, sebab kita faham, kalau itu tidak desak Air Putih meletak jawatan kerana ada kematian dalam bot karam di atas apa yang berlaku. Saya ingat ini saya amat tidak bersetujulah dengan apa yang dicadangkan, kalau itu Yang Berhormat sendiri harus juga memberitahu Air Putih untuk meletak jawatan kerana ada kematian dalam tragedi bot naga.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya beri jawapan pada perkara ini, bila tragedi itu berlaku di Pulau Pinang Ketua Menteri kita bersama-sama pimpinan EXCO telah berada di tempat tersebut sehingga semua mayat-mayat ditemui. Selepas itu kita telah mengadakan penyiasatan untuk merungkai siapa yang sebenarnya bersalah dan bertanggungjawab. Hasil siasatan itu telah pun didedahkan kepada umum. Di sini perbezaannya adalah Perdana Menteri kita masih lagi belum mengarahkan apa-apa siasatan terperinci dibuat, *public inquiry* dibuat. Ini perkara bukan perkara yang boleh digelak ketawakan Yang Berhormat ini adalah perkara yang serius dan tragedi ini yang berlaku adalah tragedi yang begitu besar sehingga pesawat itu langsung tak dapat dikesan jangan buat-buat perbandingan dengan tragedi bot karam.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima okey, MH370 berhenti di sini. Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya akan teruskan, saya bagi Sungai Aceh.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

MH370 tak dak.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Dak, dak, saya nak sebut.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tidak ada ya, tak ada boleh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Bila Seri Delima menyebut saolah-olah mewakili Rakyat Pulau Pinang meminta Perdana Menteri letak jawatan. Lebih kurang macam itulah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bukan lebih kurang, macam itu.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Mewakili rakyat Pulau Pinang. Saya rakyat Pulau Pinang tidak setuju *confirm*. Yang kedua apakah tindakan Seri Delima pula, bila kita dapati Bukit Botak patutkah Air Putih letak jawatan kerana gagal memantau dan ambil tindakan pada Bukit pertama botak.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nyata jelas di sini itu isu....(gangguan), nanti.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya rasa isu itu tidak perlu dijawablah.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti. YB. Dato' Speaker bagi tahu duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat bersabit dengan MH370 saya pun jelas nyata di sini isu ini *ended here*. Sila

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker terima kasih. Saya pun memang berniat untuk meneruskan tentang isu bukit botak dan sebagainya, saya rasa perkara itu tidak perlu dijawab. Perkara yang saya ingat membangkitkan perkara kedua adalah menyeru Kerajaan Negeri, untuk memikirkan jika satu proses perundangan boleh dimulakan di mahkamah bagi mencabar pengenaan atau pun GST yang akan bermula tahun depan. GST atau pun Cukai Barang-barangan atau pun perkhidmatan kita ketahui adalah sesuatu yang akan membebankan rakyat. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang selalunya mempelopori perkara-perkara yang membawa pembangunan atau dengan slogan *Penang Leads* di mana kita pun telah memulakan tindakan undang-undang untuk mengimplimentasikan *Local Government Elections* boleh memikirkan satu tindakan demi rakyat bagi rakyat Pulau Pinang dan Malaysia mencabar Kerajaan Persekutuan dalam pengenaan cukai GST pada tahun akan datang.

Perkara ini sebentar. Perkara ini....(gangguan), sebentar saya habiskan dulu. Perkara ini adalah sesuatu yang membebankan rakyat kalau sekarang saya membayar *road tax* ....(dengan izin) *income tax* ...(dengan izin) *customs tax* .... (dengan izin) pula dikenakan *goods and sales tax*. Bagi saya juga sebagai seorang wakil rakyat dan peguam perkara ini telah membebankan, akan membebankan saya. Kita lihat sebelum pilihan raya tahun 2013 macam-macam janji dibuat kepada rakyat, sebelum pilihan raya macam-macam janji manis dibuat oleh Perdana Menteri, Barisan Nasional dan orang-orang yang bertanding di sini, makhluk-makhluk yang bertanding di sini, mengatakan bahawa mereka sedia membela rakyat, memberikan itu dan sebagainya. Malahan semasa pilihan raya Yang Berhormat-Yang Berhormat tahu ada juga yang menawarkan minuman-minuman keras memberi *hamper*, membawa orang-orang daripada luar negara untuk mengadakan persembahan lagu dan sebagainya, semata-mata sebagai gula-gula semasa pilihan raya. Selepas ini, selepas pilihan raya kita lihat mereka telah Barisan Nasional telah mula menunjukkan belang, karakter sebenar dengan cadangan untuk mengenakan GST.

Jadi saya merayu kita ada EXCO-EXCO yang berwibawa Ketua Menteri kita juga boleh mempertimbangkan walaupun kita tidak akan berjaya kemungkinan besar tetapi berdasarkan kepada Peruntukan-Peruntukan Perlembagaan Persekutuan jikalau sesuatu undang-undang itu merupakan mempunyai kesan *oppressive*, *oppressive* menyusahkan rakyat seperti mengenakan GST Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh mempertimbangkan memulakan tindakan di mahkamah mencabar perkara ini dan membawanya ke Mahkamah Persekutuan. Supaya rakyat dapat lihat kesungguhan kita membela nasib rakyat terutamanya golongan-golongan yang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi, kebanyakannya daripada golongan-golongan yang mempunyai pendapatan RM1,000.00 dan kurang daripada itu, pembawa teksi, operator pengeluaran di kilang-kilang, banyak daripada golongan lapisan masyarakat yang begitu susah, yang begitu menggeruni apa yang akan berlaku pada tahun depan. Sila Yang Berhormat Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Okey Yang Berhormat Seri Delima pertama sekali saya suka sangatlah bila Yang Berhormat nak bawa kes ini ke mahkamah supaya kebenaran GST ini dapat semua orang faham. GST ini dia *replace* pada cukai yang sedia ada. Perkara teknikal dalam kefahaman GST ini semua kena tahu, *definition* dia dan kita di antara negara yang belum buat lagi dalam 160 negara yang ada dan kalau kita kata orang-orang pendapatan rendah yang akan tertekan, saya tak nampak pun minyak, gula, beras ini semua tidak kena GST dan kita tak lari daripada pembayar-pembayar cukai yang besar yang memanipulasikan sistem, yang beli *raw material*, berbilion, berjuta-juta. Bagaimanakah kaedah untuk mengawal mereka ini, sebab itulah GST di *impose*, di laksanakan supaya pembayar-pembayar apa ini, peniaga-peniaga yang besar ini tidak lari daripada *tax* yang sebenar, tapi saya tak mahu bincang panjang perkara ini sebab saya nampak kerajaan telah ambil kira semuanya dan kerajaan sekarang ini nak membendung ketirisan, pembohongan, pembelit, pelari-pelari cukai yang syarikat-syarikat besar ini dan saya harap cepat-cepatlah bawa kes ini di bawa ke mahkamah supaya kebenaran itu semua terserlah kepada rakyat Malaysia dan semua rakyat nampak siapakah yang nak membela rakyat atau siapakah yang cuba mengelirukan rakyat. Terima kasih Seri Delima cepat-cepat buat tuntutan itu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang. Ucapan tadi ataupun fikiran buah buah fikiran diberikan itu memang saya rasa macam sandiwara politik, *boss you jugalah, boss you*. Kalau kita lihat sekarang RM650.00 diberi sebagai Bantuan Rasuah 1Malaysia bukan Bantuan Rakyat 1Malaysia.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sebentar-sebentar saya akan habis dulu, RM650.00 diberikan sebagai Bantuan Rasuah 1Malaysia, terutamanya semasa pilihan raya dan sebagainya. Tetapi apa guna kita bagi RM650.00 bila kita mengenakan GST, apa guna, macam mana kita ingin meringankan beban rakyat dan dalam satu petikan surat khabar .... (dengan izin) *Star. The People's Paper* sekali lagi *your boss says it is either GST or facing bankruptcy, my god*, inilah tahap pentadbiran negara oleh Barisan Nasional 55 tahun. 55 tahun selepas memerintah mereka mengatakan kalau tidak mengenakan GST kerajaan akan mufliis. Negara akan mufliis. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tak layak memerintah Kerajaan Persekutuan, pentadbiran yang boros, menggunakan wang rakyat seperti Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini pergi ke salah sebuah Negara Arab membawa semua pegawai-pegawainya mesyuarat satu (1) hari, main golf lima (5) hari. Wang siapa? Wang rakyat. Bandingkan, malahan pemberian RM650.00 itu dipelopori oleh siapa Yang Berhormat? Kalau Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang tak memberi RM100.00, saya rasa mimpilah, seumur hidup Barisan Nasional tak memberi apa-apa wang.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Laluan, Seri Delima minta laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sila, sila.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya tertarik juga dengan Seri Delima ni, pertama dia dok bercakap pasal GST, *Good & Services Tax* ini. Seri Delima, Negara Malaysia kita memang sentiasa mengamalkan *tax. We are never a free tax country*. Cuma ...(dengan izin), hari ni, *tax* yang dahulu kita tukar kepada *tax* yang satu (1) lagi. Benda yang sama *still* bernama *tax*. 160 negara memperakui *GST is the best*. Baru-baru diperkenalkan, Menteri Besar Selangor sendiri pun mengakui bahawa GST betul, Dato' Seri Anwar Ibrahim pun mengakui GST betul, semua mengatakan betul. Hari ini, minggu sudah saya dan Dato' Jahara berkesempatan duduk bersama dengan *High Commissioner of Australia*, dia pun mengatakan bahawa sebagai sebuah kontinjen yang begitu besar, penduduknya adalah 7 juta lebih kurang daripada Malaysia, *they are very rich*

country. Australia, penduduk cuma 23 juta, kita 30 juta, *but they still impose GST*, sebab *that is the best system* pada masa hari ini, dan beliau mengatakan bahawa *the rate is 10%, Malaysia is imposing, .....*(dengan izin), 6%. itu satu. *Tax* diganti dengan *tax*. Dan Seri Delima menuduh BR1M sebagai satu rasuah, RM650.00 dan Seri Delima terus mengatakan bahawa mujurlah ada Kerajaan Negeri yang menawarkan RM100.00 kepada setiap rakyat. Seri Delima, *it's the matter of quantum*, hang bagi RM600.00, hang bagi RM100.00. Hang bagi RM50.00 aku bagi RM10.00. Sebenarnya benda ni benda yang berulang, ulang, ulang. Jadi, saya minta supaya Dewan ini cukup mulia, kiri kanan bagi saya cukup mulia. Kita jangan *mislead* the Dewan, *please*. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat tersalah faham, apa yang saya cuba mengatakan pertamanya adalah pemberian wang BR1M ini sebenarnya dimulakan selepas Kerajaan Negeri mula menawarkan wang kepada warga-warga emas. Itu adalah sesuatu perkara yang telah difikirkan, dipelopori oleh Kerajaan Negeri dan selepas itulah kita lihat. Ya, bagi saya pemberian BR1M itu merupakan satu rasuah. Dan isu kedua, jangan bandingkan Malaysia dengan Australia. Di sini kita masih mempunyai golongan-golongan rakyat, terutamanya daripada orang-orang Melayu, yang masih lagi susah, yang masih lagi tidak mampu menampung perbelanjaan harian mereka. Yang masih lagi percaya kepada pemimpin UMNO. Yang percaya UMNO akan membela mereka, yang mempercayai bahawa UMNO adalah dulu, kini dan selamanya, pembela mereka.

Tapi kini kita lihat, kini kita lihat polisi-polisi kerajaan hanya membebankan mereka seperti penggunaan GST....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Minta laluan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Mudah bagi kita ...(dengan izin) Yang Berhormat, mudah bagi kita untuk datang di sini mengatakan bahawa penggunaan cukai itu disokong oleh Perdana Menteri Australia dan sebagainya. Tapi kita harus lihat, menghalusi implementasi GST ini, dan kita lihat bila pembelian barangan-barangan dan perkhidmatan itu dibuat. Kalau umpamanya, kita membeli sebuah mesin membasuh untuk RM600.00, cukai 6% dikenakan. Jumlah itu mungkin jumlah yang kecil bagi Yang Berhormat, tapi bagi seorang yang mempunyai pendapatan RM1,000.00, keluarga yang besar, jumlah itu sangat membebankan. Perkara itu wajar diberi pertimbangan dan alasan yang diberikan oleh Perdana Menteri dalam liputan surat khabar ini adalah ... (dengan izin), *Najib said, out of entire workforce 14 million only 1.34 million paid income tax*. Apa berlaku kepada pengutipan cukai melibatkan orang-orang lain? Apa berlaku kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri? Mengapa tidak mereka mengambil inisiatif-inisiatif untuk mengutip cukai daripada bilangan-bilangan yang begitu besar, 13 juta pekerja yang tidak menyumbang kepada pengutipan cukai. Perkara ini harus diberi pertimbangan. Sila.sila.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan, terima kasih, Seri Delima. Saya rasa apabila kita bincang GST, adakah Seri Delima bersetuju tadi bilangan pekerja yang begitu ramai yang tak mampu bayar cukai *income tax* itu adalah orang-orang yang miskin. Dan pendapatan mereka adalah tidak mencapai satu tahap yang perlu bayar cukai *income tax*, tetapi dengan melaksanakan GST ini, kesemua 13 juta tenaga pekerja itu mereka perlu bayar GST, adakah kita boleh kategorikan cukai GST ini adalah satu cukai yang memiskinkan rakyat? Betul atau tidak saya nak tanya pendapat Seri Delima, sebab tadi kita nampak pihak Barisan Nasional, pihak pembangkang telah menyatakan cukai GST itu baik, tetapi kita boleh lihat adakah Malaysia sudah bersedia untuk melaksanakan cukai GST ini, padahal Perdana Menteri sendiri pun mengakui, pentadbiran ekonomi yang lembab, sekiranya kita tidak melaksanakan GST maka kerajaan akan bankrap. Kenapa apabila kerajaan nak bankrap nak membebankan rakyat lagi? Inilah satu pertanyaan yang kita perlu tujukan kepada Kerajaan Persekutuan, *thank you*.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sila, saya bagi Permatang Pasir.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Terima kasih Seri Delima, berkenaan dengan GST yang kita selama ini pun banyak diperbincangkan dan telah pun diluluskan pada Parlimen. Cuma hasrat rakyat sebenarnya tidak menepati dan bersesuaian apabila GST ini telah untuk sekurang-kurangnya memberi sedikit kita rasa bebanan kepada rakyat sebab kita masih lihat, masih banyak lagi ketirisan-ketirisan dan juga kebocoran duit rakyat. Begitu juga pendapatan rakyat juga masih tak seimbang, mengakibatkan satu tekanan kehidupan dan melibatkan kos perbelanjaan di kalangan rakyat akan meningkat. Begitu juga kita lihat di kalangan pemimpin-pemimpin besar Kerajaan Barisan Nasional juga masih lagi berbelanja mewah sama ada dalam negara atau pun di luar negara dan juga di kalangan kakitangan awam sehingga hari ini belum ada kita nampak kenaikan gaji untuk membolehkan penerimaan GST ini. Saya dengar tadi disebut oleh rakan saya daripada Bertam berkenaan dengan cukai-cukai yang banyak sudah pun seolah-olah nak tambah lagi satu cukai, sebenarnya ganti, sebenarnya kalau kita lihat di negara-negara yang lainlah, cukai-cukai lain banyak, selagi tak dihapuskan, kalau negeri lain bila cukai dihapuskan baru digantikan dengan, ataupun memberi laluan kepada GST. Jadi, sebab tu bagi kita rakyat biasa khususnya di Pulau Pinang, saya rasa kita rasa satu bebanan bahkan walaupun disebut beberapa barang tadi tak dikenakan GST, tetapi juga meliputi segala keperluan rakyat ini, saya rasa banyak menimbulkan keresahan yang amat sangat dan menimbulkan kesusahan bahkan kos-kos perbelanjaan juga meningkat. Jadi, saya minta pandangan Seri Delima.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan.



**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya bagi Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih, YB. Dato' Speaker, GST ini, kita harap tidak dikelirukanlah rakyat terutamanya di Pulau Pinang. Tadi Ahli Permatang Pasir kata nak tambah lagi. Sebenarnya ia adalah cukai berbentuk baru yang telah terbukti berjaya dilaksanakan di dalam kebanyakan negara di dunia. 160 buah negara telah meng *implement* kan GST. Dan ianya telah dibuat kajian dengan mendalam dan adalah sistem cukai yang lebih efisien, kita kata lebih efisien dari segi cara dia di *implement*, dikutipkan, dan kalau tadi Permatang Pasir sebut ada ketirisan mungkin ada sekarang, jadi inilah yang akan di atasi. Ketirisan, cukai berganda, pengelakan cukai oleh pihak-pihak tertentu yang kita seharusnya bersyukur sebagai sebuah negara yang membangun kita tidak mengenakan cukai pendapatan dan cukai keuntungan yang tinggi ke atas individu dan syarikat korporat. Berbanding dengan negara-negara maju yang lain, seperti Sweden, seperti, walaupun Amerika yang mengenakan kadar cukai yang cukup tinggi. Australia 40%, baru kita dimaklumkan, jadi di sini, kita *enjoy* ya.... (dengan izin) kita menikmati kadar cukai yang agak rendah, nak kata terendah tu tidak, tetapi inilah nikmat yang diperolehi dan ianya telah menjadi satu penyumbang ataupun satu faktor yang telah membolehkan ekonomi membangun dan rakyat dapat memberi produktiviti yang tinggi kerana ia memberi insentif yang besar kepada rakyat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sila, Penaga. Lama dia tunggu, lama dah.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Dato' Speaker. Saya tertarik juga dengan perbahasan pagi ini khususnya berkaitan dengan GST. Saya setuju dengan apa yang Kerajaan Pusat ingin melaksanakan melalui percukaian baru iaitu GST yang akan menggantikan *sales tax* ...(dengan izin) dan juga *service tax*. Kalau kita lihat, kadar yang akan dikenakan ataupun di apabila GST dilaksanakan pada tahun hadapan, kadarnya adalah hanya 6%, pada hal *sales tax* pada hari ini ialah 10%, dan juga *service tax* adalah 6%. Saya juga ingin mengatakan di sini sekiranya 160 negara yang telah melaksanakan GST, menganggap bahawa GST itu bukanlah satu cara ataupun kaedah percukaian yang baik, maka, negara-negara itu tidak akan melaksanakan GST. Kalau kita lihat di rantau ini, hanya Malaysia, Myanmar dan kalau tak salah saya Brunei yang belum lagi melaksanakan GST. Malahan Indonesia, Thailand, Singapore, jiran kita yang paling dekat, semuanya telah melaksanakan GST termasuklah Vietnam. Sebab saya pernah pergi ke Vietnam dan saya dapati mereka juga melaksanakan sistem percukaian ini. Jadi, kalaulah Kerajaan Pusat berpendapat GST ini adalah satu cara percukaian yang tidak baik, dan tidak efisien, dan tidak akan memberi manfaat kepada negara, saya percaya Kerajaan Pusat tidak akan sekali-kali ingin melaksanakan GST ini. Tetapi apa yang berlaku walaupun cadangan di Parlimen telah lama dibentangkan mengenai GST ini disebabkan dipolitikkan, maka perkara itu telah ditangguh sehingga ke hari ini.

Dan, *insya-Allah*, saya percaya dan yakin bahawa sistem percukaian baru ini akan memberi manfaat kepada negara dari segi untuk membangunkan negara ini dan percayalah, pengecualian yang diberi ke atas barang-barang keperluan harian untuk rakyat di Malaysia ini tetap ada seperti gula, beras dan sebagainya. Satu (1) lagi tadi YB. Seri Delima ada sebut tentang RM100.00 yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada warga emas di Pulau Pinang setahun sekali dan kalau tak salah saya, saya faham apa yang YB. Seri Delima ingin katakan bahawa pemberian BR1M itu adalah orang kata apa Kerajaan Pusat meniru Kerajaan Negeri dalam pemberian BR1M. Sebenarnya tidak betul, Kerajaan Pusat telah memberi pelbagai-bagai bantuan kepada rakyat Malaysia, saya bagi contoh mungkin YB. Seri Delima mungkin tak datang dari kawasan seperti saya, di mana ramai nelayan berada di Penaga contohnya setiap nelayan diberi bantuan RM200.00 sebulan oleh Kerajaan Pusat sebagai saraan hidup, selain daripada insentif penangkapan ikan, mengikut kilo, RM0.10 sekilo dan lain-lain lagi.

Jadi perkara pemberian ini sebenarnya telah lama diberi oleh Kerajaan Pusat kepada rakyat yang perlu bantuan atau pun kepada kumpulan sasaran, dalam konteks ini nelayan perlu dibantu dan Kerajaan Pusat tidak mengira, nelayan itu sama ada berada di Pulau Pinang di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat atau pun di negeri-negeri lain menerima RM200.00 sebulan dan perkara ini dah lama. Jadi kalaulah nak katakan bahawa BR1M ini adalah satu cara Kerajaan Pusat meniru Kerajaan Negeri dalam pemberian bantuan kewangan kepada rakyat, itu tidak betul sekali. Saya haraplah apa yang kita bahaskan di sini kita kenalah ada bukti, saya faham YB. Seri Delima memang selalu membawa bukti tetapi bukti-bukti mestilah ada untuk membantu hujah kita di dalam perbahasan kita ini, sekian terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Seri Delima....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya minta jalan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti, Seri Delima sudah lepas 60 minit sila pendekkan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker, baru mula belum hangat lagi. Saya ada isu-isu hangat yang...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti cepatkan.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

YB. Dato' Speaker, Kerajaan Pakatan Rakyat telah umum, bahawanya seperti Program Penghargaan Warga Emas kami tidak *copyright* kami hendak anda *copy it right* iaitu kata kewangan datang bukan daripada cukai tetapi hapuskan rasuah, jikanya kewangan tidak cukup kami kena semak bocor di mana, adakah rasuah, adakah salah guna kuasa, di sini saya terdengar bahawa Ketua Pembangkang juga mengaku bahawa *efficiency*. Kalau kutip *tax efficiency* mengapa tidak mengatakan *administration*, pentadbiran yang *efficiency*, jikanya pentadbiran yang *efficiency* saya percaya Malaysia negara yang begitu kaya, kami tidak akan jadi bankrap. Satu-satu alasan untuk menggunakan GST adalah kewangan ini hendak digunakan untuk bayar BR1M *so please copy it right* jikanya Kerajaan Pusat tak faham *my door is not lock, you don't have to lock it, open door and no wrong door policy* datanglah dan tunjuk kongsi kaya, macam mana tadbirnya....(gangguan).

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Seri Delima sambung, yang lain duduk...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan, tadi janji, tengok. Janji tak ditepati.

### **Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

YB. Dato' Speaker, saya difahamkan GST ini, khususnya di negara Taiwan ini, rakyat yang kena GST begitu juga dengan pelancong-pelancong yang membeli barangan dikenakan GST, tetapi apabila dia orang keluar dari Taiwan bayaran GST dikembalikan balik kepada pelancong, jadi saya nak tanya. Adakah di Malaysia akan berlaku macam itu kalau berlaku macam itu menunjukkan kos barangan akan meningkat dan kos sara hidup mengingkat. Itu yang saya nampak dan perlu kepada tindakan bahawa kepada rakyat kita kena bagi keutamaannya supaya mereka tidak dalam keadaan bebanan dan menanggung kos yang tinggi, sekian.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya minta jalan sikitlah, YB. Dato' Speaker, jika nak dibandingkan pilih perbandingan terbaik sekali. Saya terdengar Australia sedarkah bahawa Warga Emas di Australia tiap-tiap malam Jumaat, mereka telah dapat bayaran daripada Kerajaan Negeri tak kira siapa, tak payah minta dah cukup umur, cukup umur mereka bagi pencen, kerja tak kerja, ada bagi, tak bagi *every month, every week* RM500.00 terus masuk kepada akaun mereka. Adakah Kerajaan pusat mengimplimentasi GST juga akan bagi RM500.00 pada tiap-tiap minggu, tak payah minta, tak kira bangsa, agama atau faktor fahaman politik, masuk akaun mereka. Jika nak berbanding, bandingkan yang begitu baik, jangan berbanding kata, kutip duit saja, kalau orang lain kutip, *you* nak kutip, kalau orang lain samun *you* nak samun, orang pergi bunuh *you* nak bunuh, bagi yang baik.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Saya tanya satu soalan dalam Dewan tak boleh pun...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Sikit saja untuk memperbetulkan sedikit fakta.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Minta sikit.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tak bagi laluan, saya tak bagi laluan.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Bagilah lalu kita hendak terang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Bayan Lepas sila lah duduk,saya tak bagi laluan.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Saya tanya satu soalan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sorry, saya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Dalam Dewan pun....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tak bagi laluan. Yang Berhormat....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Bukan, ini masalahnya saya hendak cerita.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Tadi kata masalah Kerajaan Negeri...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Silalah duduk. Duduk.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Bagilah peluang. Sikit saja, hendak menjawab ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Duduk, duduk.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Ini ada jawapan bertulis ini.....(tunjukkan kertas).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Duduk dulu, duduk,

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

Ini ada jawapan bertulis, saya hendak jawab.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Duduk dulu, duduk, nanti ada peluang untuk bahas....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti ada peluang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker, terima kasih yang saya memang menghormati semua Ahli Pembangkang daripada BN ini lebih pandai daripada Perdana Menteri kerana Perdana Menteri tak bagi penjelasan-penjelasan ini. Ikut surat khabar, dia kata kalau tak dikenakan GST negara akan bankrap, patut *you* orang jadi Perdana Menteri, minta dia *resign*, terima kasih. Okey, baik isu yang saya bangkitkan sekarang ialah isu kaum wanita. Saya adalah seorang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat sikit saja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Duduk dulu YB. Telok Bahang, saya tak bagi, duduk dulu, *you* orang temberang lah. Semua macam temberang saja...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cukup-cukup, yang lain jangan ganggu, bagi Seri Delima habis.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dalam ucapan Tuan Yang Terutama beliau telah menyentuh peranan pembangunan wanita, Pakatan Rakyat pembela kaum wanita, Pakatan Rakyat memartabatkan wanita, malahan di Dewan ini setelah Pakatan Rakyat mengambil alih kepimpinan, kita ada seorang Setiausaha Dewan sebagai seorang wanita, macam-macam jawatan yang diberikan kepada wanita. YDP. MPPP, YDP. MPSP, Penasihat Undang-undang dan saya menggeruni Ketua Pembangkang seorang wanita saya difahamkan YB. Telok Ayer Tawar menyambut hari jadi beberapa hari yang lalu. Selamat hari jadi...(gangguan), (ketawa). Tetapi saya dukacitalah dengan karenah pemimpin-pemimpin UMNO, terutamanya daripada golongan wanita yang selalu ditafsirkan sebagai pencuri lembu. Saya tak kata, orang kata, saya tak kata orang kata, tahu sama tahulah. Pencuri lembu ini ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Tolong jelaskan apa maksud pencuri lembu ini kita tak biasa dengan cerita-cerita lembu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Telok Ayer Tawar, Datuk Shahrizat lah siapa lagi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Boleh buktikan Datuk Shahrizat curi lembu?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya akan buktikan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ha, ha.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Curi Kondo, bukan curi lembu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Janganlah jadi ketua temberang ya?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Isu saya nak bangkitkan adalah berita yang dikeluarkan, berita bahawa kelmarin, kalau kelmarin dulu. Untuk makluman Yang Berhormat, seorang gadis Melayu yang berkebolehan, berwibawa, seorang pengamal undang-undang telah

dicalonkan untuk bertanding di Teluk Intan, Dyana, ya betul, Datuk nampakkan, cantikkan, lebih cantik dari Shahrizat kan, setuju tak? Kalau kelmarin dulu Dyana disifatkan sebagai boneka alat yang digunakan oleh DAP oleh pencuri lembu, kelmarin semasa pencalonan pencuri lembu ini memberi amaran kepada Dyana... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, penjelasan. Saya mintalah kita jangan merendahkan martabat Dewan ini, Dewan ini cukup mulia kenapa menggunakan perkataan yang menghinakan seseorang itu dan saya mintalah peraturan Dewan yang menyatakan macam itu, boleh *repeat*, boleh ulangkan di luar, menyatakan ada pencuri lembu sekian-sekian, nama pula disebut di sini, ini adalah satu fitnah tak benar dan satu perkara yang merendahkan martabat Ketua *Backbencher*.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Saya minta lalu, sikit saja, setengah minit.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, saya belum habis lagi. Saya ingin sampai kepada isu pokok jangan alih-alihkan okey bukan pencuri lembulah, Datuk Shahrizat telah memberi amaran kepada calon DAP, jangan menderhaka dan apa yang dikatakan oleh beliau tambah lagi, kamu gadis Melayu dan belajar di UiTM jangan menderhaka. Inikah sikap pemimpin UMNO yang begitu rasis yang merendahkan seorang lagi kaum wanita semata-mata beliau dicalonkan oleh DAP...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Seri Delima, sekejap saya bagi sedikit, adalah lebih baik jangan, bukan, janganlah membuat tuduhan-tuduhan yang khasnya mereka yang tidak ada dalam Dewan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Baik, saya akan teruskan, saya akan teruskan, umum mengetahui apa yang telah dilakukan oleh Datuk Shahrizat, tetapi saya balik kepada isu pokok. Yang Berhormat saya tujukan kepada Ketua Pembangkang. Adakah Yang Berhormat setuju dengan kenyataan-kenyataan tersebut yang telah dikeluarkan oleh seorang wanita, pemimpin UMNO kepada seorang lagi yang datang dari kaum yang sama. Perkara ini, sila...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. YB. Dato' Speaker, jika apa yang disebutkan oleh Datuk Seri Shahrizat adalah pendirian dan pandangan peribadi dia. Seri Delima pernah menyebut dia Shahrizat bukan Ketua Wanita. Jadi di sini tak gunalah bawa isu-isu begitu ke dalam Dewan yang mulia ini ya, itu sebagaimana Seri Delima sebutkan tadi dipolitikkan benda-benda yang remeh-temeh, walhal sepatutnya kita mendebatkan dan membahaskan isu pembangunan Negeri Pulau Pinang, ucapan Tuang Yang Terutama Tun dan bagaimana rakyat Pulau Pinang boleh kita sejahterakan dan bahagiakan dan ekonomi Pulau Pinang dibangunkan.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Mungkin Yang Berhormat tak baca saya boleh bantu muka surat 17, Pembangunan wanita. Salah satu subjek yang disentuh oleh Tuan Yang Terutama. Saya menyentuh perkara ini. Mencalonkan seorang menjadi wakil rakyat membela rakyat juga adalah sesuatu yang menjadi isu yang menyumbang kepada pembangunan wanita dan saya begitu tertarik dengan kerenah Yang Berhormat Pembangkang. Bila saja kita menyentuh perkara yang betul, bernas yang ada bukti, selalunya dibuat tuduhan terhadap saya bahawa saya membahaskan perkara-perkara yang tidak kena mengena dalam Dewan ini. Saya begitu lucu dan saya juga simpatilah dengan pucuk pimpinan daripada Parti UMNO, khususnya kaum wanita dengan kenyataan-kenyataan tersebut yang telah dikeluarkan yang berbaur ugutan, yang saya percaya wajar dipertimbangkan sebagai satu tindakan yang begitu malu untuk dikeluarkan oleh seorang pemimpin sendiri yang mempunyai macam-macam skandal.

Saya sekarang ini menyentuh perkara yang melibatkan keamanan di Pulau Pinang. Dalam teks ucapan Tuan Yang Terutama, beliau telah menyentuh perkara berkenaan dengan keamanan dan kemakmuran di seluruh Negeri Pulau Pinang. Keamanan dan kemakmuran adalah sesuatu yang kita kecapai, yang tak boleh diganggu gugat oleh siapa-siapa, silaturrahim dan persahabatan yang telah dibina sejak 2008 di antara kaum-kaum Melayu, India, Cina, bangsa-bangsa lain, adalah sesuatu yang begitu bernilai dan berharga. Kita tidak boleh menjadikan keamanan, kemakmuran, silaturrahim, keamatan perhubungan di antara orang Melayu, orang India dan orang Cina.

Saya di sini ingin melahirkan kedukacitaan saya terhadap beberapa perkara yang telah berlaku baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, yang boleh mengganggu gugat keamanan dan kemakmuran di negara ini. Di negeri ini khususnya, dan saya lihat satu berita yang telah diterbitkan dalam Utusan Malaysia, tak tahu kalau mereka ada di sini. Satu perarakan yang diadakan oleh pemimpin-pemimpin UMNO, kita lihat muka-muka seperti Rizal Merican, dulu Ahli Dewan Undangan Negeri Dato' Shahbudin dengan membawa sepanduk-sepanduk dan *banner-banner*, ada lihat Yang Berhormat yang berbunyi seperti berikut:

“Kerana mulut pemimpin DAP 13 Mei 1969 terjadi. Mau lagi kah?”

Ini tindakan yang mengkhianati rakyat Malaysia. Celaka-celaka ini, celaka-celaka UMNO ini kurang ajar, biadap, selalu mengapi-apikan Mei 13. Mereka ini begitu mahu Mei 13 berlaku, siapa berani jawab, siapa berani bangun. Bukankah sepanduk-sepanduk ini dimainkan, dibawa, cuba mainkan isu-isu rasis, mahu Mei 13 berlaku, siapa lagi yang berani buat kalau bukan pemimpin-pemimpin UMNO, celaka mereka tapi sehingga hari ini tidak ada sebarang tindakan diambil.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Peraturan peraturan. YB. Seri Delima, untuk Yang Berhormat menzahirkan rasa marah, melahirkan rasa yang pemikiran bertentangan itu hak Yang Berhormat, tetapi sebagai Ahli Dewan saya merujuk kepada peraturan 46(xiii) seseorang Ahli itu mestilah janganlah menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati, menyentuh peribadi seseorang dan ini saya minta supaya Yang Berhormat kena



hormati, tidak perlu menggunakan perkataan-perkataan celaka-celaka, sebab andai kata perkataan itu dibenarkan YB. Dato' Speaker, maka Dewan ini mula menggunakan perkataan yang sama, terpulang kepada YB. Dato' Speaker kalau perkataan itu dibenarkan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima tolong jangan guna lagi perkataan yang sedemikian.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sudah gunakan tak apa? Okey tak ada masalah.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Tapi YB. Dato' Speaker, dia kena tarik balik. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tidak akan tarik balik. Saya tidak akan tarik balik. Saya akan mengulanginya sekarang kalau perlu. *Look at this photograph* YB. Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima saya sudah bagi perintah jangan gunakan perkataan sedemikian lagi telah pun diminta.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kalau tak kena tarik balik, *no problem*. Terima kasih. Saya teruskan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

YB. Dato' Speaker, saya nampak di sini, bahawa YB. Dato' Speaker telah pun membuat keputusan bahawa perkataan celaka yang digunakan oleh Seri Delima itu melanggar peraturan dan beliau diminta supaya menarik perkataan tersebut dan beliau enggan berbuat demikian. Saya memohon supaya YB. Dato' Speaker membuat satu keputusan, sama ada beliau ingkar peraturan yang ditetapkan oleh Dewan ini.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya sudah bagi amaran supaya jangan gunakan sesekali lagi, itu saja perintah saya untuk Ahli-ahli. Saya juga nanti minta Seri Delima supaya tolong jagakan perkataan-perkataan yang digunakan dan juga jaga masa. Saya tak ada masa lebih untuk Seri Delima lagi, sudah lebih daripada satu setengah jam. Boleh berhujah, tetapi berhujah dengan baik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tidak sandiwara di sini, saya hendak beritahu, sila lihat surat khabar di sini lihat gambar-gambar yang dipaparkan, kita ada suspek-suspek yang sama. Siapa dia? Rizal Merican, siapa dia pemimpin UMNO, Dato' Shabudin, siapa dia, pemimpin UMNO, dan apa yang mereka cuba buat, saya ulangi membawa kain-kain rentang, mengadakan satu demonstrasi cuba mengapi-apikan isu perkauman, memainkan isu perkauman, mencabar supaya Mei 13 berulang sekali lagi. Adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat mengetahui perkara ini saya ingin tanya. Adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat menegur rakan anda supaya tidak melakukan perkara ini, mengapa melakukan perkara ini berulang kali dan saya rasa kalau di Dewan kita berhujah di sini mengatakan keamanan adalah penting, kemakmuran adalah penting, kita perlu menjaga perhubungan dan silaturrahim di antara kaum-kaum berbilang bangsa di sini. Mengapa perkara-perkara ini dilakukan Yang Berhormat? Kalau nak demonstrasi, demonstrasilah mengapa membawa sepanduk-sepanduk begini, Ketua Pembangkang, boleh memberi penjelasan?

**Ahli Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ya, boleh bagi penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sila.

**Ahli Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, Mei 13 ini adalah satu peristiwa yang seharusnya diambil iktibar oleh semua rakyat Malaysia. Tak kiralah kaum mana pun. Kerana ia adalah satu titik hitam dalam sejarah negara kita dan kalau terpampang Mei 13 kita semua gerun dan saya rasa ini boleh memberi satu pengajaran kepada kita semua. Jangan supaya satu hari nanti Mei 13 berulang. Oleh sebab itu kita semua harus memandang peristiwa Mei 13 sebagai satu peristiwa yang harus kita berusaha untuk menghindari berlaku dan inilah yang ingin disampaikan mesejnya ialah supaya kita mengelak berlaku Mei 13 dan kalau kita teruskan dengan apa yang kita duk buat sekarang polarisasi antara kaum, tuduh-menuduh, tindas-menindas dan sebagainya. Ini perkara yang akan menyebabkan Mei 13 akan berlaku semula kerana ia adalah satu perkara yang menyumbang kepada polarisasi kaum di kalangan kita dan rasa benci. Ini yang paling mustahak. Kebencian yang sedang ditanam di kalangan rakyat Malaysia ini melalui berbagai cara, berbagai media dan sebagainya adalah satu perkara yang harus dihindari oleh semua pihak dan saya berharap kita semua memainkan peranan untuk mengelak daripada Mei 13 berlaku semula.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat saya bagi satu penjelasan. Satu-satunya cara yang kita boleh mengelakkan Mei 13 berlaku adalah yang memainkan isu-isu Mei 13 adalah dulu kini dan selama-selamanya, pemimpin-pemimpin UMNO. Kalau dalam sidang yang dulu saya telah beritahu Dato' Musa Sheikh Fadzil perwakilan daripada Pulau Pinang penghujahan beliau dalam perhimpunan Agong UMNO, mendakwa bahawa orang

India dan Cina telah menikam pemimpin-pemimpin Melayu. Macam-macam perkataan berbau hasutan dikeluarkan oleh pemimpin UMNO, ada cara kita boleh mengelakkan Mei 13 daripada berlaku, hapuskan Barisan Nasional dan UMNO. Undi mereka keluar hapuskan MIC, MCA, Gerakan dan UMNO, Mei 13 memang tidak akan berlaku kerana ini adalah bukti saya tunjukkan bukti. Yang Berhormat Penaga minta bukti, saya tunjukkan bukti, kain rentang apa berbunyi. “Kerana Mulut Pemimpin DAP, 13 Mei terjadi, mahu lagikah?” *That is challenge* dan siapa memegang kain rentang ini. Pemimpin-pemimpin UMNO, ini bukti.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima sambungkan dengan hujah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya di sini menegur kalau ada wakil Polis Diraja Malaysia, mengapa perkara ini tidak diambil tindakan. Kalau kita lihat Ahli Parlimen wakil rakyat Teresa Kok, tindakan menuduh beliau di mahkamah telah diambil kerana menerbitkan satu CD tayangan *Wonderful Malaysia* yang begitu melucukan yang kita boleh guna untuk lihat semasa masa lapang kita, berbanding dengan tindakan-tindakan pemimpin-pemimpin UMNO, mengapa Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Peguam Negara begitu takut mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin UMNO, macam-macam lagi perkara dibuat. Kita lihat masa pilihan raya ini banyak sangat Polis, di seluruh kawasan Bukit Gelugor, kalau *Special Branch* begitu banyak, ada helikopter yang terbang seolah-olah ada satu peristiwa yang begitu besar berlaku, tapi kejadian-kejadian yang begini penting, kejadian-kejadian yang mengugat kemakmuran, keamanan, kesejahteraan rakyat Pulau Pinang tidak diberi perhatian. Saya menyeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menghantar satu *protest note* bukan sahaja itu, kita juga lihat karenah pemimpin-pemimpin UMNO yang sanggup memukul seorang Timbalan Menteri. Kejadian berlaku bukan pemimpin Barisan Nasional, orang MIC sendiri kena hentam dengan orang-orang UMNO. Sikap kurang ajar dan kebiadapan, pemimpin-pemimpin UMNO yang sanggup melakukan apa sahaja kerana mereka ingat mereka kuat, mereka ingat mereka boleh melakukan apa saja yang mereka perlu, apa saja yang mereka boleh.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima, satu minit saya bagi lagi yang lain jangan ganggulah.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Seri Delima menggunakan perkataan kurang ajar, menyakit hati tadi YB. Dato' Speaker, kita dah pesan. Masih lagi YB. Dato' Speaker membiarkan perkara ini berlaku. Apa kata saya pula mengatakan dia juga kurang ajar?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jangan tuduh-menuduh. Sudah Sungai Aceh duduk. Satu minit saya bagi soalan, Seri Delima, cukup.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Satu (1) minit tak cukup YB. Dato' Speaker. Saya mahu membawa kepada perhatian YB. Dato' Speaker kejadian yang berlaku di Pulau Pinang kepada seorang penjawat awam. Ini perkara penting, saya adalah pembela wanita dan juga penjawat awam yang telah diserang pukul oleh samseng-samseng daripada UMNO juga. Kita lihat ada anggota-anggota Polis dalam gambar ini. YB. Dato' Speaker lihat sendiri, menggunakan kamera mengambil gambar tetapi tidak memberkas orang yang menghayun dan menumbuk seorang penjawat awam. Penjawat-penjawat awam di sini pun risau keselamatan mereka terutama ketika melaksanakan tugas-tugas yang dikerah oleh Kerajaan Negeri, sehingga sekarang tidak ada siapa-siapa dihadapkan ke mahkamah, tidak ada siapa-siapa yang dituduh di mahkamah dan kita tertanya-tanya apakah kaitan mereka dengan parti-parti politik UMNO khususnya menyebabkan mereka mendapat *special treatment*, keistimewaan di sisi undang-undang.

Akhir sekali, akhir kata, pendek kata, saya ingin membawa kepada perhatian Yang Berhormat, banyak perkara yang tertinggal. Satu liputan surat khabar dalam *The Star*, perkara yang juga mengejutkan saya 200 *sex hot spot in Penang*. Ini perkara yang kita wajar beri pertimbangan. Liputan daripada *The Star*. Dengan ungkapan ...(dengan izin), *some even comes with GPS coordinate according to the study*. Ini sudah dasyat begitu *hi-tech*, canggih, saya menyeru EXCO-EXCO berkenaan untuk memberi perhatian kepada perkara ini 200 *sex hot spots*, sesuatu yang perlu diberi perhatian. Tindakan harus diambil untuk memastikan tempat-tempat ini yang beroperasi ditutup, sekiranya tidak ia akan menyebabkan banyak masalah sosial dan moral kepada Negeri Pulau Pinang. Dengan itu sekian saya mohon menyokong.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang menyokong. Ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong. Bukit Tengah.

### **Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan saya mohon menyokong.

Dato' Yang di-Pertua Dewan, kebelakangan ini terdapat satu isu yang telah menjadi topik perbualan di kedai kopi, di gerai kopi tepi jalan iaitu pengumuman PBA pada bulan lepas bahawa PBA telah membuat satu keputusan untuk membawa kertas cadangan tentang kenaikan tarif air ke Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk urusan mereka. Ini bermakna tarif air akan dinaikkan sebaik sahaja pihak SPAN memberi kelulusan terhadap kertas kenaikan kadar tarif air berkenaan. Cadangan kenaikan tarif air ianya menjadi topik yang begitu hangat diperbincangkan di kalangan rakyat jelata hanya disebabkan kerana sebarang perubahan tarif air tentunya memberi kesan kepada kehidupan harian setiap seorang warga Pulau Pinang. Saya yakin cadangan kenaikan tarif air juga akan menjadi topik yang akan disentuh oleh banyak Ahli-ahli Dewan dalam perbahasan nanti. Hari ini dalam perbahasan saya ini, saya tidak bercadang untuk menyentuh sama ada kenaikan tarif air tersebut mempunyai justifikasi yang kukuh berasas ataupun tidak ataupun sama ada kadar kenaikan itu munasabah ataupun tidak. Tetapi saya ingin membawa

kepada Dewan ini kepada peringkat di mana sebelum keputusan menaikkan tarif air itu dimuktamadkan. Saya percaya apabila keputusan kenaikan tarif air diumumkan, Ahli-ahli Dewan ini, tak kiranya sama ada di sebelah sini atau sebelah sana menerima aduan dan juga pandangan daripada rakyat jelata berkenaan dengan kenaikan tarif air tersebut. Memang ada yang boleh terima, ada pula yang tidak setuju dengan kenaikan tersebut, malahan di antara mereka yang tidak setuju itu juga penyokong tegar Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Mereka telah bertanya kepada saya, kenapalah saya sebagai seorang wakil rakyat tidak membantah dalam Dewan ini berkenaan dengan kenaikan tersebut, pertanyaan tersebut seakan-akan menyoal saya, di mana saya telah mengabaikan tanggungjawab saya sebagai seorang wakil rakyat kerana gagal membawa suara rakyat ke dalam Dewan ini. Betul, semasa perbahasan ini, saya boleh memberi pandangan, sama ada kenaikan tarif air tersebut wajar atau kadar kenaikan itu munasabah atau tidak, tetapi segala perbahasan ini tentulah lebih bermakna sekiranya dia berlaku sebelum keputusan tentang kenaikan tarif air itu dimuktamadkan oleh PBA ataupun Kerajaan Negeri.

Bagi saya Dewan ini merupakan satu forum yang cukup penting dan tinggi nilainya dalam satu sistem demokrasi di mana wakil rakyat membincangkan dan membahaskan isu-isu yang menyentuh kehidupan rakyat, kehidupan harian rakyat jelata. Kalau kita sebagai wakil rakyat berbahas di sini berkenaan dengan satu keputusan yang telah dimuktamadkan, yang akan memberi kesan yang terus dan juga ketara kepada rakyat jelata. Perbahasan kita di sini hanya merupakan satu luahan pendapat yang hanya membawa makna yang cuma bernilai rendah berbanding dengan kedudukan Dewan ini yang tinggi dalam keseluruhan sistem demokrasi. Maka dengan ini saya bercadang kepada Kerajaan Negeri bahawa sebarang cadangan kenaikan tarif air haruslah dibawa ke Dewan ini untuk dibahaskan sebelum sebarang keputusan muktamad dibuat.

Dato' Yang di-Pertua Dewan, isu yang seterusnya yang ingin saya bawa di sini ialah isu yang berkaitan dengan lisan akhir petang kelmarin. Iaitu soalan saya nombor 21. Saya percaya Ahli-ahli Dewan di sini sedia maklum bahawa sebarang pemajuan perlu memohon kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan setelah Pihak Berkuasa Tempatan menerima permohonan kebenaran merancang ke atas sebidang tanah, pihak PBT itu akan menyerahkan notis di bawah Seksyen 21(6) Akta Perancangan Bandar Dan Desa Tahun 1976 kepada tuan tanah yang bersebelahan dengan pemajuan tersebut bagi memberitahu tuan tanah berkenaan hak-hak mereka untuk membantah permohonan kebenaran merancang tersebut.

Di sini saya ingin membawa perhatian Dewan ini dengan amalan berbeza di dua (2) PBT di Pulau Pinang ini berhubung dengan bantahan Seksyen 21(6) tersebut. Saya difahamkan di pihak MPPP bantahan di bawah Seksyen 21(6) tersebut akan didengar oleh OSC itu sendiri, maka semasa OSC mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang secara langsung ia akan membuat keputusan sama ada menerima bantahan tersebut atau tidak. Ini bermakna sekiranya bantahan itu diterima permohonan kebenaran merancang tersebut akan ditolak ataupun perlu membuat pindaan bagi menampung bantahan tersebut. Ini adalah amalan di MPPP.

Tetapi setahu saya amalan di MPSP berbeza, bantahan di bawah Seksyen tersebut akan didengar oleh satu jawatankuasa dengan bantahan di mana keahlian jawatankuasa tersebut adalah berbeza daripada keahlian dalam OSC. Maka ia akan timbul satu keadaan yang berbeza di mana jawatankuasa dengan bantahan menerima bantahan dan mengesyorkan kebenaran merancang yang dipohon itu, dipinda sebelum diluluskan ataupun mengesyorkan permohonan kebenaran merancang berkenaan ditolak, akan tetapi terdapat situasi di mana kemudiannya OSC pula membuat keputusan meluluskan permohonan merancang tanpa sebarang pindaan. Jelas keputusan OSC adalah bercanggah secara langsung dengan keputusan jawatankuasa mendengar bantahan.

Di sini saya ingin merujuk pada satu kes yang spesifik dalam kawasan saya di mana situasi sebegitu berlaku. Iaitu permohonan kebenaran merancang untuk cadangan satu (1) blok pangsapuri 29 tingkat di atas Lot 4166, Mukim 6, Daerah Seberang Perai Tengah. Tuan punya tanah bersebelahan telah masukkan bantahan terhadap pembangunan tersebut dan jawatankuasa dengan bantahan bukan sahaja telah mendengar alasan bantahan, malahan membuat lawatan ke tapak bagi menilai bantahan tersebut. Berikutan itu, jawatankuasa mendengar bantahan tersebut telah membuat keputusan bahawa bantahan oleh tuan punya tanah bersebelahan boleh di terima kerana ia mempunyai asas yang kukuh dan mengesyorkan pemaju berkenaan meminda kebenaran merancang menjadi cadangan satu (1) blok pangsapuri 12 tingkat sahaja, malangnya OSC kemudiannya meluluskan kebenaran merancang untuk cadangan satu (1) blok pangsapuri 29 tingkat tanpa sebarang pindaan.

Dato' Yang di-Pertuan Dewan, situasi ini menimbulkan kekeliruan dan ketidakpuasan di pihak tuan punya tanah bersebelahan, memang kita tahu kalau tuan punya tanah bersebelahan tersebut tidak berpuas hati dengan keputusan OSC mereka boleh merayu kepada Lembaga Rayuan Negeri tetapi dia boleh merayu tidak bermaksud situasi seperti ini boleh diterima oleh tuan punya tanah ataupun amalan yang ada sekarang di pihak MPSP adalah tepat dan betul. Kalau kita tengok definisi dalam Akta Perancang Bandar dan Desa Tahun 1976, Pihak Berkuasa yang diberi tanggungjawab untuk menimbang kebenaran merancang adalah Pihak Berkuasa Tempatan. Ia melihat Pihak Berkuasa Tempat itu sebagai satu (1) unit keseluruhan, tambahan lagi penubuhan unit OSC di PBT bagi tujuan menimbang permohonan kebenaran merancang hanya dilaksanakan secara pentadbiran bagi tujuan meningkat mutu perkhidmatan PBT. Ini bermakna OSC hanya merupakan salah satu (1) jawatankuasa dalam PBT dan kedudukannya sama sahaja dengan jawatankuasa-jawatankuasa lain yang ditubuhkan dalam PBT termasuklah Jawatankuasa Mendengar Bantahan.

Selain itu dari sudut rakyat jelata, mereka tentu melihat MPSP sebagai satu Pihak Berkuasa Tempatan, *look at the local council as a home, ...*(dengan izin) dan mempunyai jangkauan, iaitu *they have their own expectation, ...*(dengan izin) bahawa keputusan MPSP haruslah konsisten, malah dalam kes ini tuan punya tanah bersebelahan telah membawa bantahan dan tentunya mereka menjangka sebegini. Beliau terima notis daripada MPSP, beliau membuat bantahan dengan mengemukakan alasan-alasan kepada MPSP. MPSP telah mendengar bantahan dan menerima bantahan beliau, tetapi keadaan tersebut memang munasabah untuk

tuan punya tanah bersebelahan itu menjangka bahawa kebenaran merancang yang akan diluluskan oleh MPSP adalah untuk cadangan satu (1) blok pangsapuri 12 tingkat sahaja, tetapi hakikatnya kemudian MPSP pula meluluskan kebenaran merancang untuk pangsapuri 29 tingkat.

Persoalan saya ialah sekiranya OSC merupakan satu jawatankuasa yang menimbangkan permohonan kebenaran merancang. Mengapakah MPSP tidak mengamalkan amalan seperti di MPPP iaitu OSC sendiri yang mendengar bantahan dan membuat keputusan terhadap bantahan tersebut. Kalau kita kata keahlian dalam OSC itu mempunyai kelayakan teknikal kerana dianggotai oleh pelbagai jabatan teknikal yang lebih arif dalam isu kebenaran merancang mengapa pula kita nak tubuhkan lagi satu Jawatankuasa untuk mendengar bantahan kebenaran merancang dan kemudiannya pula membuat keputusan yang bercanggah antara dua (2) jawatankuasa tersebut. Kes di kawasan saya ini bukanlah satu-satu kes berlaku di Seberang Perai dan saya percaya banyak kes telah berlaku dan saya difahamkan oleh Ahli Kawasan Berapit beberapa kes yang sama dalam berlaku bagi permohonan kebenaran merancang kawasan beliau. Amalan sebegini MPSP bukan sahaja memberi imej yang tidak baik di kaca mata rakyat jelata kerana keputusan dua (2) jawatankuasa dalam MPSP bercanggah sesama sendiri berhubung dengan satu isu yang sama, malahan ia akan mencerminkan satu urus tadbir yang tidak cekap. Di sini saya berharap satu (1) penjelasan yang lebih lanjut dapat diberikan berkenaan dengan isu ini. Dato' Yang di-Pertua. Silakan...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih. Yang di-Pertua Dewan, ada satu (1) kes yang saya fikir boleh sokong kepada penjelasan yang diberi oleh Ahli Kawasan Bukit Tengah. Iaitu satu (1) kes di Tanjung Bunga di mana MPPP, OSC, EM 71909 LB di mana 2 blok 33 tingkat kondominium 265 unit di atas lot 48, 3563 dan 3627 Mukim 18, Persiaran Lembah Permai, Daerah Timur Laut untuk Tetuan Nilai Arif Sdn. Bhd., di mana tuan tanah atau pemilik kejiiranannya juga memberi bantahan kerana bukan sahaja alasan-alasan yang lain, tetapi juga tanah itu terletak di atas bukit ketinggian melebihi daripada 76 meter yang ditunjukkan dengan *Google Maps* juga. Ada juga tiga (3) *spot* ketinggian yang melebihi 80.7 meter, ada satu (1) *spot* 86.6 meter dan satu (1) lagi 80.9 meter. Ketiga-tiga *spot* tersebut adalah dalam kawasan itu dan tidak seharusnya diluluskan untuk pembangunan mengikut *Penang High Land Development Guidelines*. Ini adalah satu (1) kes yang saya fikir boleh menyokong Yang Berhormat.

#### **Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Saya percaya apa yang disebut oleh Ahli Kawasan Tanjung Bunga adalah berbeza sedikit dengan keadaan saya dengan isu yang dibangkitkan di sini kerana saya merujuk kepada dua (2) keputusan yang dibuat oleh dua (2) jawatankuasa dalam MPSP yang bercanggah sesama sendiri berhubung dengan satu (1) isu, dan apa yang disebut oleh Ahli Kawasan Tanjung Bunga pula ialah sama ada aspek-aspek tertentu ataupun garis panduan tertentu diambil kira semasa meluluskan kebenaran merancang.

Dato' Yang di-Pertua Dewan, isu seterusnya juga berhubung kait dengan amalan yang berbeza di pihak MPPP dan MPSP berhubung berkaitan juga dengan permohonan kebenaran merancang. Saya difahamkan bahawa di MPPP permohonan kebenaran merancang akan dipanjangkan kepada ADUN kawasan untuk ulasan. Tetapi di MPSP tiada amalan sebegini. Kebiasaan setelah kebenaran merancang diluluskan dan kerja-kerja pemajuan dimulakan dan sedang dijalankan, wakil rakyat tentulah akan menerima aduan berhubung dengan cadangan pemajuan tersebut. Maka wakil rakyat akan menjadi orang tengah antara pemaju, PBT dan juga pengadu bagi menyelesaikan aduan tersebut. Saya percaya sekiranya MPSP dapat memanjangkan permohonan kebenaran merancang untuk ulasan ADUN kawasan ia tentu akan membantu semua pihak bagi menangani sebarang aduan pada kemudian hari semasa projek pemajuan tersebut sedang dijalankan. Ini adalah kerana ADUN kawasan telah dimaklumkan tentang cadangan pemajuan dan dapatlah memberi maklumat yang tepat semasa membuat penerangan kepada pengadu. Saya yakin sebarang aduan yang memaksa kerja-kerja pemajuan tersebut dihentikan sementara tentunya akan membawa kerugian kepada pemaju serta membawa imej buruk terhadap PBT kerana pengadu tentunya akan menganggap PBT tidak cekap kerana meluluskan kebenaran merancang yang menimbulkan begitu banyak masalah kepada masyarakat setempat. Dengan ini saya berharap MPSP dapat mengikut amalan di MPPP dengan memanjangkan permohonan kebenaran merancang kepada ADUN kawasan untuk ulasan dan komen.

Dato' Yang di-Pertua Dewan, isu seterusnya yang akan saya bangkitkan di sini adalah berkenaan tentang pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010. Menurut jawapan kepada soalan bertulis yang berkenaan dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyiapkan keseluruhan pentadbiran Kerajaan Negeri menjelang pelaksanaan sepenuhnya Enakmen tersebut di antara jawapan adalah sebegini:

“Iaitu pembentangan usul pelantikan Ahli Lembaga Rayuan dan penetapan tarikh penguatkuasaan Enakmen 16 di dalam sidang DUN pada Mei 2014.”

Pemahaman saya terhadap jawapan tersebut ialah penetapan tarikh penguatkuasaan Enakmen tersebut akan dibuat di dalam sidang DUN ini akan tetapi usul yang ada dalam Susunan Urusan Mesyuarat ialah berkenaan dengan pelantikan Ahli Lembaga Rayuan dan dengan ini saya ingin mendapat penjelasan lanjut tentang tarikh penguatkuasaan sepenuhnya Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 iaitu bilakah ia akan dilaksanakan sepenuhnya.

Dato' Yang di-Pertua Dewan, akhir sekali saya ingin mengambil maklum berkenaan dengan pesanan Tuan Yang Terutama Tun dalam ucapan perasmian beliau kelmarin di mana Tuan Yang Terutama Tun mengingatkan semua Ahli Dewan Undangan ini supaya menghadiri setiap sesi bersidang dengan memberi cadangan dan buah fikiran yang bernas demi kebaikan dan kesejahteraan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang tanpa mengira kaum dan agama dan juga DUN ini dapat berfungsi dengan baik dan sempurna dengan semua Ahli Dewan ini mengikut peraturan mesyuarat dan berhemah serta bertatasusila yang baik sebagai wakil rakyat. Pesanan Tuan Yang Terutama Tun itu nampak ringkas tetapi cukup bermakna kepada Ahli-ahli Dewan ini termasuklan saya sendiri. Yang di-Pertua Dewan sekali lagi saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.



## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertuan Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas pada 19 haribulan Mei 2014. Ahli-ahli Yang Berhormat siapa yang ingin mengambil bahagian dulu. Dipersilakan Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar.

## **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan. *Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua. Saya terlebih dahulu ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang di-Pertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan ucapan terima kasih ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sempena dengan pembukaan sesi Dewan pada awal tahun ini.

Yang di-Pertua Dewan, sebenarnya kita sungguh beruntung dan berbangga bahawa kita menjadi pemimpin untuk Negeri Pulau Pinang yang begitu berjaya di dalam berbagai bidang. Bahkan Negeri Pulau Pinang tersohor dan disenaraikan sebagai satu negara ataupun negeri yang paling selesa untuk didiami, *Most liveable city in the world* ...(dengan izin), nombor 17 kalau tak silap saya.

Jadi ini di samping satu kebanggaan yang kita perolehi, kita juga harus memandangkan sekeliling sama ada taraf yang telah diberikan kepada kita ini adalah satu kenikmatan yang dapat dikecapi oleh semua rakyat Negeri Pulau Pinang. Bila ditakrifkan sebagai sebuah negeri yang paling sesuai untuk didiami ini ia akan menjadi satu tarikan yang besar kepada rakyat Malaysia di tempat lain dan jiran-jiran yang ingin melabur untuk datang membeli hartanah perumahan di sini untuk membeli rumah *holiday homes* ....(dengan izin) menjadikan juga *Malaysia My Second Home* ...(dengan izin) di Negeri Pulau Pinang.

Jadi Yang di-Pertua Dewan, kita juga berbangga juga kerana Pulau Pinang telah mempunyai satu jenama yang terkenal di seluruh dunia. Saya teringat semasa saya belajar di United Kingdom pada tahun 1984 atau 1985 begitu lama sekali. Di Westbourne Grove tempat yang masyhur untuk kawasan makanan dan sebagainya London ada sebuah restoran yang diberi nama Penang Laksa. Saya terkejut bila melihatnya kerana bayangkan makanan Pulau Pinang dijadikan nama sebuah restoran Penang Laksa dan ia mendapat sambutan yang begitu baik sekali kerana Bandar Raya London adalah satu Bandar Raya metropolitan yang begitu ramai bangsa-bangsa asing tinggal antarabangsa.

Jadi sebenarnya jenama Pulau Pinang telah mashyur begitu sekian lama sekali sejak dulu kala lagi dan kerana hubungan kita sebagai sebuah negeri di dalam negara Malaysia sebahagian daripada Negara Komanwel dan ianya tersebar seantero dunia dan sehingga sampai ke tahap sekarang Pulau Pinang menjadi destinasi untuk makanan di dunia, menjadi sebuah negeri terulung untuk makanan yang baik di dunia. Jadi kita berbangga dan oleh sebab itu asas untuk pembangunan terutama di sektor pelancongan dan perkhidmatan ini telah pun tersedia dan kita membina daripada asas-asas ini.

Jadi Yang di-Pertua Dewan, pelancong atau penduduk dunia datang ke Pulau Pinang untuk berbagai sebab. Mungkin setengahnya untuk melancong sahaja, untuk menikmati keindahan alam, kemudahan yang disediakan dan juga perkhidmatan yang diberi. Tapi selain daripada itu Pulau Pinang juga mashyur untuk destinasi pelancongan pendidikan MICE (Meeting Incentive Convention Exhibitions)...(dengan izin) dan juga untuk selain daripada itu untuk perubatan. Jadi, di sini perlulah disediakan kemudahan-kemudahan untuk membangunkan industri-industri ini supaya ianya dapat meningkatkan lagi pendapatan. Dan saya ingin menarik perhatian Dewan kepada ucapan Tuan Yang Terutama Tun di muka surat empat (4) dan muka surat lima (5) yang mana dinyatakan bahawa kedudukan negeri yang paling besar jumlah pelabur FDI sebanyak 19.7 bilion dari 2010 hingga 2013 menyumbang 20% kepada keseluruhan pelaburan asing di Malaysia.

Saya ingin bertanya kepada Dewan bila dirangkumkan dari beberapa tahun ia mungkin mengelirukan rakyat Pulau Pinang kerana di sini kita memberi fokus kepada tahun 2014, jumlah pelaburan yang telah dinyatakan oleh MITI iaitu Pulau Pinang menerima jumlah *domestic investment*, pelaburan dalam negeri RM587,534,422.00 dan pelaburan luar sebanyak RM243,980,221.00 menjadikan jumlah keseluruhan RM831,514,643.00. Jadi di sini jumlah-jumlah pelaburan ini seharusnya kalau boleh kita menunjukkan jumlah terkini supaya bila dicampur-campur dengan jumlah-jumlah sebelum ini mungkin menunjuk jumlah yang begitu besar.

Sebenarnya, *ranking* atau pun kedudukan Pulau Pinang dari segi penerimaan pelabur asing hanyalah di tahap yang kelima selepas Sarawak, Kedah, Selangor dan Johor. Jadi di sini YB. Dato' Speaker di samping menggalakkan pelaburan asing untuk datang ke Negeri Pulau Pinang, dasar-dasar Kerajaan Negeri seharusnya pertamanya memberi keutamaan kepada menjanakan ekonomi untuk Negeri Pulau Pinang dan saya rasa kita, rakyat di Negeri Pulau Pinang ini begitu bimbang sekali kerana kita menghadapi satu situasi di mana pertumbuhan penduduk dan kemasukan warga-warga dari negeri-negeri jiran ke negeri kita telah menambahkan satu keadaan di mana terdapat permintaan yang begitu tinggi untuk tenaga kerja dan ini menyebabkan juga permintaan begitu tinggi untuk kediaman dan perumahan.

Rakyat Pulau Pinang sekarang menghadapi satu tekanan atau pun *stress* ke atas permintaan perumahan. Saya dimaklumkan melalui jawapan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri, permintaan untuk perumahan di daerah, mengikut daerah di sini sehingga April 2014. Rumah Kos Rendah sahaja Daerah Timur Laut 7,229, Daerah Barat Daya 6,404, Daerah Seberang Perai Utara 4,157, Daerah Seberang Perai Tengah 3,820 dan Daerah Seberang Perai Selatan 2,064. Jadi ini adalah jumlah yang besar menunjukkan bahawa permintaan di Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, kawasan-kawasan tumpuan pembangunan begitu tinggi dan juga permintaan untuk Rumah Kos Sederhana Rendah yang berjumlah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak 72,500 adalah juga begitu tinggi di Daerah Timur Laut 19,641 dan seterusnya di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara dalam lingkungan 480 permohonan dan Seberang Perai Tengah 255 dan Seberang Perai Selatan tinggi juga di sini 1,755. Dan permintaan seterusnya sedang dibuat pendaftaran untuk Rumah Mampu Milik konsep baru yang diperkenalkan yang mana dikawalkan rumah-rumah supaya ianya menepati di dalam kategori kemampuan oleh rakyat.

Jadi di sini YB. Dato' Speaker, persoalannya di sini, Pulau Pinang menghadapi urbanisasi ataupun penghijrahan dan peningkatan kadar urbanisasi ini yang tinggi iaitu 90.8% kadar urbanisasi di Pulau Pinang ini dan kita bawah sikit pada Selangor saja 91.4%. Ia juga selain daripada itu, seperti mana sebut tadi menimbulkan *housing stress* ...(dengan izin) dan di Pulau Pinang mencatatkan kenaikan 83.3% pada tahun 2012. Kenaikan 83.3% ini sejak tahun 2000 adalah lebih tinggi daripada kadar purata negara. Di samping itu, kalau kita buat analisa, peningkatan pendapatan purata isi rumah di Pulau Pinang hanyalah 62%. Jadi peningkatan kepada perumahan ini tinggi dan ia menyebabkan satu jurang di mana bila pendapatan isi rumah ini tidak meningkat dengan tinggi dan harga-harga rumah meningkat dengan begitu banyak, ia menyebabkan jurang atau lompang di antara penduduk yang apa mampu memiliki rumah semakin kurang bahkan harga-harga rumah di Negeri Pulau Pinang begitu tinggi sekali dan ini bila kita tanya pemaju-pemaju perumahan ataupun agen-agen hartanah mereka mengatakan bahawa sebenarnya yang membuat spekulasi bukannya besar kerana apa perumahan baru, penawaran dan penjualan rumah baru hanya 30% daripada keseluruhan transaksi penjualan rumah dan 70% adalah di dalam kumpulan rumah ataupun kategori *secondary market* ...(dengan izin) iaitu rumah yang dah siap yang dijual dan orang ramai lebih selesa membeli rumah yang dah siap daripada rumah yang baru nak dibangunkan kerana mereka takut nanti projek tak siap atau pun terbengkalai. Jadi, di dalam kategori rumah kumpulan yang dikatakan spekulator ini kurang daripada 50% yang spekulator daripada rumah yang baru dibeli. Dan rumah yang *secondary market* ini lagi kurang yang masuk membeli untuk *speculate* ataupun membuat spekulasi ...(dengan izin).

Jadi di sini, sasaran dasar Kerajaan Negeri untuk mengenakan beberapa dasar yang mengurangkan spekulasi ini mungkin tidak akan mencapai sasaran kerana apa di sini kenaikan kadar indeks harga rumah di Pulau Pinang sebanyak 83% dalam masa satu tahun ia tidak dapat mengekang permintaan yang tinggi ini walaupun dikenakan syarat-syarat baru yang sedang dilaksanakan di sini iaitu kawalan harga yang dikenakan Rumah Kos Rendah, Rumah Sederhana Rendah dan Mampu Milik dan juga moratorium yang dikenakan terhadap penjualan rumah dalam masa dua (2) tahun oleh pembeli sebanyak, kepada pembeli luar negara atau bukan rakyat 3% dan rakyat Malaysia sebanyak 2%. Ini akan menyebabkan tambahan kepada kos transaksi membeli rumah dan ia juga akan menambahkan kepada kos kepada harga rumah.

Di samping itu, didapati di sini dasar-dasar Kerajaan Negeri juga menyebabkan menyumbang kepada kenaikan harga rumah. Antaranya ialah penjualan-penjualan tanah yang telah pun dilaksanakan. Penjualan di Bayan Mutiara, penjualan di Sri Tanjung Pinang 1 & 2 dan juga di Batu Kawan. Tanah-tanah di Seberang Perai telah melonjak seperti mana lonjakan yang berlaku di Pulau Pinang dan juga di Balik Pulau sehingga ia menyebabkan harga rumah di Pulau Pinang begitu tinggi sekali. Dan apa yang berlaku dengan siapnya Jambatan Kedua yang sampai ke Batu Kawan dan kepesatan pembangunan yang berlaku di Batu Kawan telah menyebabkan hartanah di Batu Kawan melonjak begitu tinggi dan ini akan menyebabkan sekali lagi *spiral effect* ...(dengan izin) ia akan menggandakan kenaikan harga dan ini akan menyebabkan rakyat Pulau Pinang lagi *stress* ke atas masalah perumahan. Dan kita dapati di sini beberapa perkara yang telah berlaku selain daripada moratorium ke atas penjualan ini, rumah, kos untuk pembangunan di Negeri Pulau Pinang adalah tinggi. Ia menyebabkan apa ni

disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya ialah bayaran pasti yang dikenakan ke atas pemaju, seperti yang dikenakan oleh Majlis Perbandaran-Majlis Perbandaran. Semakan semula ke atas peraturan tanah yang terakhir dibuat pada tahun 2005 dan sekarang telah dibuat semula, disemak semula, banyak yuran-yuran untuk berurusan dengan Pejabat Daerah yang telah dilipatgandakan. Setengah itu sampai 200%. Dan juga bayaran-bayaran pasti kepada pemaju seperti sumbangan perparitan dahulunya hanya 10,000 seekar, sekarang dilipatganda lima (5) kali, 50,000 seekar, kos sumbangan perparitan. Ini contoh, bagaimana kos ini akan dikenakan semula ke atas pembeli dengan kenaikan harga rumah dan di Negeri Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai jangan terkejut kerana rumah-rumah di Seberang Perai dah mencecah lebih sejuta. Penawaran harga projek-projek baru di Seberang Perai telah mencecah lebih sejuta. Yang ini adalah *trend* yang tak akan patah balik, ia akan naik saja, dia tak akan turun. Berapa banyakkah komponen dari segi harga rumah ini yang disebabkan oleh tanah, berapa banyakkah komponen harga rumah disebabkan oleh kenaikan harga bahan binaan dan berapa banyakkah komponen ini disebabkan oleh spekulasi dan kalau kita hanya menekankan kepada usaha untuk mengekang spekulasi, ianya tidak akan menyebabkan harga ataupun tidak dapat menyejukkan pasaran hartanah.

Kenaikan cukai keuntungan hartanah yang dikenakan oleh Kerajaan Pusat sebanyak 30% ke atas untung, juga tidak mengekalkan atau menyejukkan pasaran hartanah kerana kita dapati bahawa penjualan seterusnya melebihi keuntungan 30% dan *speculator* sanggup mengambil risiko untuk membeli dan menjual dan membayar cukai keuntungan hartanah sebanyak 30%.

Jadi kaedah dengan menambah-menambahkan lagi kos untuk rumah akan menyebabkan pasaran hartanah di Negeri Pulau Pinang melambung-lambung tinggi dan ini adalah begitu tidak adil kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang kerana kita tidak mahu orang di Pulau lari pergi beli rumah di Seberang, orang di Seberang Perai lari pergi beli rumah di Nibong Tebal, Kulim, Padang Serai, Sungai Petani dan kita melambai-lambai datang pembeli dari Singapura, Taiwan, Hong Kong dan negeri-negeri luar. Apakah masa depan Negeri Pulau Pinang, tambahan pula di kawasan warisan George Town, penduduk di situ dah lari keluar kerana harga hartanah meningkat dan sewa dah meningkat mereka pun tidak mampu nak tinggal di kawasan warisan, bangunan pun lama dan membaik pulih mengambil kos yang tinggi. Kita harus melihat dari segi demografi kesan-kesan kepada dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan bagaimana ia akan memberi impak kepada kehidupan rakyat di Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Speaker, pihak-pihak yang berkepentingan seperti REHDA membuat rayuan supaya membuat kenaikan kesukaran untuk rakyat mendapat pinjaman dan juga kenaikan moratorium dan sebagainya yang dikenakan ke atas penjualan rumah ini semua menekankan permintaan ke atas perumahan dimaklumkan bahawa permintaan untuk rumah baru dah turun 30% dan ini walaupun macam itu, walaupun dikenakan berbagai bayaran yuran yang tinggi, kenaikan harga, tetapi rumah di Pulau Pinang masih lagi ada permintaan dari luar.

Di samping itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita jangan lupa kepada mereka yang miskin di Negeri Pulau Pinang kerana untuk rumah perumahan rakyat PPR selama ini hanya Kerajaan Pusat sahaja yang memberi sumbangan untuk membina sebelum ini di bawah Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Negeri memberi tapak dan Kerajaan Pusat menyediakan rumah dan terdapat beberapa

projek PPR dibina untuk yang termiskin. Kita kena ingat juga walaupun diberi insentif 30% untuk membantu membiayai perumahan dan sebagainya, ada di kalangan rakyat kita yang tidak mampu untuk membeli rumah membayar RM100 sebulan dan mereka ini haruslah diberi perhatian untuk membolehkan ada bumbung untuk mereka berlindung di Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin beralih tajuk kepada Pembangunan Keluarga dan Wanita. Saya ingin juga walaupun dah lambat sedikit mengucapkan kepada semua wanita selamat Hari Ibu yang jatuh pada 10 Mei yang lalu. Negeri Pulau Pinang di dalam bancian penduduk tahun 2013 menunjukkan mempunyai penduduk seramai 1.6284 juta di mana 816.5 adalah lelaki dan 811.9 adalah perempuan. Di mana jadi sebenarnya lelaki lebih ramai daripada perempuan di Negeri Pulau Pinang tidak ada sebab mereka nak memberi alasan bahawa lebih wanita di negeri kita tetapi yang menariknya di bawah umur 69 tahun lelaki lebih, di atas umur 69 tahun perempuan lebih.

Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada penglibatan tenaga kerja wanita di dalam sektor-sektor di negeri, negara kita di Malaysia terdapat 43.8% wanita terlibat di dalam sektor pekerjaan, dan di sini ada satu *trend* yang akan meningkat dan ini pada tahun 2012 meningkat kepada 49.5 % dan saya nak mengucap syabas ada inisiatif juga usaha-usaha di pihak Kerajaan Negeri untuk agenda *gender mainstreaming* ini tadi...(dengan izin), walau bagaimanapun, kita harus memandang jauh bahawa penglibatan kaum wanita akan menambah bahkan kita boleh lihat di Eropah 52%, Cambodia 79%, dan di Asia keseluruhan 58%. Dan ini adalah satu perkara yang harus diambil perhatian kerana penyediaan kemudahan-kemudahan untuk wanita haruslah di beri perhatian. Saya pun nak tanya, selain daripada meminta pandangan umum tentang bagaimana untuk menjadikan kemudahan-kemudahan di Negeri Pulau Pinang *gender sensitive*. Apakah usaha-usaha sebab di dalam Bajet Negeri yang telah dibentangkan tahun lepas pun tidak seberapa. Saya nak tanya juga sasaran untuk mencapai 30% penglibatan wanita dalam membuat keputusan di JKKN dan juga di Majlis-Majlis Perbandaran. Berapa peratus penglibatan wanita yang diadakan. Sekiranya ianya susah untuk ditepati mungkin satu kuota hak penglibatan perlu dikenakan. Bukan sekadar untuk melaung-laungkan kita mempunyai YDP wanita, Setiausaha Dewan wanita ini secara simbolik dan token tetapi biarlah hakikatnya keseluruhan terdapat penglibatan wanita di dalam semua bidang bukan sahaja ramai di sektor pembuatan, *assembly line* tetapi juga di sektor ataupun ditahap yang lebih tinggi iaitu sektor membuat keputusan.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih, saya nak minta jalan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang maka saya lihat begitu ghairah untuk memperjuangkan penglibatan wanita yang lebih menyeluruh dan holistik dan sungguh pun saya memang bersetuju kita harus menambahkan usaha kita, tapi di sini kita nak tegaskan bahawa dari segi penglibatan wanita bukanlah setakat token sahaja seperti Yang Berhormat sendiri akui bahawa bila kita melantik wanita Setiausaha Dewan yang pertama. Saya rasa itu bukan token kerana bukan sekadar LA seorang wanita, YDP Kerajaan Tempatan yang pertama pun wanita, bukan sahaja satu tapi kedua-duanya sekali yang ini tidak pernah di buat sebelum ini di Semenanjung Malaysia. Sekarang bukan sekadar YDP sahaja tapi juga Pegawai Daerah sekarang ada dua (2) daripada lima (5) pegawai daerah terdiri daripada wanita, so di sini kita boleh lihat bahawa ia bukan sekadar *token* banyak itu syarikat-syarikat GLC diketuai oleh golongan wanita, tetapi saya

memang akui kita harus menambahkan kalau perlu, tapi saya kurang setuju bahawa kita bersifat token kalau kita lihat perlantikan yang Kerajaan Negeri buat selama ini jauh lebih banyak kalau sebelum ini, kalau dibandingkan dengan kerajaan-Kerajaan Negeri lain. Oleh itu, saya harap bahawa marilah Ketua Pembangkang pun kali pertama seorang wanita, saya ucapkan tahniah, ini hanya dapat dimungkinkan kerana Pakatan Rakyat menang dalam pilihan raya menang besar pada akan datang itu memungkinkan Yang Berhormat menjadi Ketua Pembangkang, tapi kita harus meluaskan sumbangan dan penglibatan golongan wanita dan saya rasa Yang Berhormat juga setuju kalau kita boleh menambahkan ADUN-ADUN wanita, bukan sahaja di Pulau Pinang di semua negeri termasuk juga di peringkat Parlimen. Oleh sebab itu, bila parti DAP mencalonkan Dyana Sofya sebagai calon Pilihan Raya Kecil Teluk Intan. Kita harap dapat sokongan tapi sebaliknya Ketua Wanita UMNO pula cari pasal dengan membuat kritikan-kritikan yang saya rasa kurang berbudi terhadap Dyana Sofya hanya kerana beliau menjadi calon wanita Melayu pertama dari DAP di kawasan Parlimen Teluk Intan.

Di sini saya harap janganlah kita politikkan seseorang itu wanita kalau dilantik atau kalau dipilih, saya rasa harus berikan galakan bukanlah buat tohmahan-tohmahan atau pun fitnah yang bukan-bukan kerana saya lihat di sini kita memang ada *double standard* kalau seorang calon lelaki tidak ada orang akan paparkan gambar-gambar palsu bahawa dia pakai bikini atau dia pakai seluar renang pendek, tapi kalau wanita pula gambar-gambar palsu sedemikian akan berlaku. Ini datang daripada kaum lelaki, kita tahu ini lelaki punya memang jahat punya la. Tapi yang tak disangka bukan lelaki yang jahat, kadang-kadang wanita lagi jahat, wanita lagi jahat ke atas kaum wanita sendiri. Saya harap bahawa perkara ini harus diberikan sokongan, galakan kepada penglibatan wanita bukanlah terhad kepada kaum lelaki sahaja. Ini salah, persepsi ini salah, kalau hanya datang dari lelaki, saya rasa ia tidak akan berjaya tanpa galakan yang diberikan oleh kaum wanita sendiri. Kita harap bahawa Yang Berhormat sebagai seorang wanita yang juga telah memecahkan siling kaca, *you broke the glass ceiling* yang menjadi Ketua Pembangkang wanita pertama, harap bahawa perkara ini dapat diberikan perhatian dan juga mereka yang melibatkan diri diberikan galakan dan bukanlah buat tohmahan-tohmahan, fitnah-fitnah hanya kerana beliau seorang wanita.

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan yang sama. Terima kasih Yang Berhormat dari Telok Ayer Tawar merupakan seorang Ketua Pembangkang di dalam Dewan ini walaupun di seluruh barisan sana hanya Yang Berhormat seorang wanita, kami tidak akan kata bahawa Yang Berhormat adalah token kerana kami tahu bahawa Yang Berhormat ialah yang *five (5) terms*, lima (5) penggal memang berkelayakan duduk di tempat situ dan sama juga untuk wanita-wanita yang dilantik ke jawatan yang tinggi di MPSP, MPPP dan di *office* mereka bukan *token*. Jadi pun saya terus tidak bersetuju, jangan kata mereka *token, they are not token, they are qualified*, mereka memang berkelayakan. Walaupun nombor kecil tapi mereka memang layak, kalau mereka tidak layak, mereka tidak akan diletak di situ khususnya wanita. Jadi saya harap Yang Berhormat lebih faham dan memang saya bersetuju dengan Ketua Menteri memang ada wanita lebih jahat lagi, kalau berbanding dengan lelaki dalam perkara ini kerana mereka adalah *politician*. Mereka nak mengekalkan jawatan mereka, mereka tidak mahu wanita lain bersaing dengan mereka dan mereka juga begitu di *mainstream* kan oleh fikiran *mainstream* yang mereka sama. Fikiran mereka sama dengan *mainstream, mainstream* ialah lelaki, jadi mereka pun menghinakan wanita muda yang menjadi

calon untuk DAP. Jadi kita harus faham, wanita perlu faham, ini adalah fikiran *mainstream* dan saya bangga dengan Ketua Pembangkang di sini kerana tidak bersetuju dengan pandangan Ketua Wanita UMNO memang kita berbeza. Jadi ini merupakan pandangan yang baik. Saya rasa DAP khususnya DAP peningkatan wakil wanita semakin cepat. Saya rasa kita akan mencapai 30% pada pilihan raya yang akan datang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih. Sebenarnya sasaran 30% itu adalah bukan hadnya kalau boleh kita hendak seperti Sweden sampai 60 hingga 70%. Saya memang akui untuk melepasi siling kaca itu, wanita perlu mempunyai *merit* yang lebih daripada lelaki kerana yang akan menolong dia melepasi siling kaca itu dan juga kaum lelaki. Jadi saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa kita tidak ada masalah DAP hendak bubuh wanita, wanita muda yang cantik, teruskan. Yang menjadi persoalan.... (gangguan), (ketawa). Tidak ada masalah pada kita, bahkan bagus boleh letak seorang wanita muda. Persoalannya di sini adalah kerana beliau datang daripada usaha yang telah dibuat oleh parti Barisan Nasional juga. Dari UiTM yang menubuhkan universiti untuk memberi pendidikan kepada anak muda kita. Jadi inilah produk kita, manusia ini macam-macam ada juga pepatah Melayu mengatakan ada kacang lupakan kulit.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bantahan. Tarik balik. Saya minta tarik balik.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya kata ada pepatah Melayu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya kata yang terhormat tarik balik. Itu adalah tuduhan terhadap calon wanita kita.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Duduk, duduk

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker, saya minta YB. Telok Ayer Tawar tarik balik.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya tidak tuduh sesiapa pun.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tarik balik perkataan itu.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Duduk semua.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker, ini peraturan.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Duduk semua.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker, saya bangkitkan peraturan.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Ingkar perintah. Duduk, duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya bangkitkan peraturan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chow Kon Yeow):**

Tapi Telok Ayer Tawar telah bagi saya.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Duduk.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Duduk semua. Sungai Aceh duduk,

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Seri Delima duduk. Baru kita duduk.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Telok Ayer Tawar, sila.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker, tidak boleh.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Peraturan Mesyuarat tak akan tidak tahu.



**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Kalau Telok Ayer Tawar tidak beri laluan, tidak payah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta penjelasan saya, siapa yang dimaksudkan kacang lupakan kulit.  
*What did you mean by kacang lupakan kulit.*

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tidak sepatutnya berlaku.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker, saya bangkitkan isu peraturan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya tidak beri laluan YB. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta peraturan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Peraturan. Saya tidak bagi laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Peraturan. Yang terhormat duduk. Saya bangkitkan isu peraturan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Apa dia peraturan apa?

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Perkataan-perkataan yang menyakitkan hati. Apa maksudnya kacang lupakan kulit? Tarik balik perkataan itu.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Apa ini.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Cukup. Sungai Aceh duduk dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker, saya minta supaya perkara ini diberi perhatian.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Okey. Peraturan mesyuarat, Sungai Aceh duduk, saya dengar.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Peraturan.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Saya dengar, sila.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya mohon laluan Yang Berhormat.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Peraturan mesyuarat dulu. Seri Delima, beritahu peraturan mesyuarat dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dengan izin, perkataan-perkataan yang menyakitkan hati. Saya sakit hati Yang Berhormat. Saya ini pembela kaum wanita. Perkataan Yang Berhormat yang mengatakan kacang lupukan kulit itu adalah menyindir Dyana Sofya. Jadi saya minta Yang Berhormat kalau betul-betul menghormati wanita menarik balik kenyataan itu. Terima kasih.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Sila, teruskan, tidak perlu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang terhormat saya mohon beri laluan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tidak ada. Saya tidak beri laluan. Beri saya teruskan ucapan, kemudian lepas ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Bonda, bonda tolong sikit.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tidak payah anakanda. Anakanda tolong dengar cakap bonda.....(ketawa)

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Sebab saya UiTM juga. Saya hendak sebut. Saya hendak sebut, saya hendak bangkit. Tolonglah.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya hendak teruskan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Sikit, sikit.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Kata hormat bonda tadi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Ya, minta tolong elok-elok, sikit saja.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Okey, *ahead*.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**Terima kasih

Terima kasih bonda Telok Ayer Tawar.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Macam ini boleh.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya daripada UiTM. Kalau hendak kata kacang lupakan kulit, kalau kita ambil analogi ini negara ini tidak merdeka sampai sekarang sebab apa Tunku Abdul Rahman pergi belajar dekat mana? London. Belajar di UK. Najib belajar dekat

mana? Belajar dekat London. Patut usah lawan mereka. Mereka semua betul, jangan lawan British sampai bila tidak merdeka yang sekarang ini orang muda macam saya dari UiTM, Dyana Sofya dari UiTM. Kami lawan UMNO dan Barisan Nasional kerana kami telah *fed-up* dengan UMNO dan Barisan Nasional. Sakit hati bukan sebab kacang lupakan kulit sebab kami hendak lupakan UMNO dan Barisan Nasional.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Bahas begini boleh. Sila....(ketawa).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Hendak lupakan UMNO. Jangan lupa Kerajaan yang telah membantu kita untuk mewujudkan persekitaran keadaan yang begitu stabil yang begitu baik yang membolehkan rakyat Malaysia untuk pelajaran sampai ke luar negara.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Permatang Pasir dulu. Sila.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Permatang Pasir, Sungai Dua duduk dulu.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Sebagai sebuah kerajaan dia bertanggungjawab sebenarnya atas di bawah tanggungjawab dia sudah tentu apa yang diberikan oleh kerajaan itu ialah untuk kepentingan rakyat. Tidak perlu diungkitkan mengatakan bahawa kacang lupakan kulit. Ini tanggungjawab.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih Telok Ayer Tawar. Saya suka menarik perhatian Seberang Jaya tadi yang mengatakan bahawasanya asalnya beliau daripada UiTM begitu juga dengan calon Teluk Intan. Saya tidak berapa ingat nama. Calon Teluk Intan yang saya ingat lain banyak, hak itu saya tidak ingat sebab emak bapa saya mengajar supaya kita kena kenal orang yang berjasa kepada kita, kita kena kenang. Emak bapa saya ajar begitu, jadi orang hak tidak kenang tidak perlu, saya ingat tapi sebab dinda saya Seberang Jaya ada depan saya maka ingatkan dia. Walaupun dia lupa diri, lupa kepada UiTM orang yang banyak berjasa kepada dia dan saya tahu asal keluarga dia, siapa bapa dia, siapa emak dia. Saya tahu, dalam masa yang juga saya ambil kesempatan ini ucap banyak terima kasih juga kepada pengasas-pengasas PKR orang yang mendokong kuat PKR Pakatan Rakyat juga yang banyak sudah lari tinggalkan Pakatan Rakyat menyokong Barisan Nasional. Terima kasih.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Jenis ini nanti tidak akan beri laluan.....(ketawa). Sila Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya ingin meneruskan YB. Dato' Speaker.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Tengok, mengelirukan Ketua Pembangkang....(ketawa).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Isu ibu bapa bekerja yang telah menyebabkan sekarang tekanan kepada keluarga menyebabkan anak-anak menjadi masalah. Kita gembira mendapat laporan bahawa kadar jenayah di Pulau Pinang telah turun 20% tetapi kita juga mendapat laporan bahawa kadar jenayah juvana di Pulau Pinang meningkat 40%. Jadi ini adalah satu perkara yang cukup membimbangkan kerana yang terlibat adalah generasi baru, pelapis-pelapis untuk Negeri Pulau Pinang. Kita terima kasih kepada pihak Polis yang telah berjaya untuk membanteraskan masalah peningkatan jenayah dengan visi perangi jenayah bersama orang ramai dan juga mensasarkan masa tindak balas, *response* ...(dengan izin) kepada aduan orang ramai dalam masa 10 minit. Ini misi Polis Negeri Pulau Pinang dan ianya jika tercapai akan memberi khidmat yang cukup baik kepada Negeri Pulau Pinang dan diharap dapat membantu menurunkan lagi kadar jenayah, tapi bagaimanakah kita di Negeri Pulau Pinang hendak mengatasi masalah peningkatan jenayah juvana anak-anak muda di Negeri Pulau Pinang.

Persoalannya sini balik kepada masalah perumahan yang tinggal di rumah-rumah yang sempit, satu bilik, dua bilik, keluarga yang besar yang tinggal sempit dan juga keadaan sosioekonomi di mana pendapatannya rendah dan mereka tidak ada ruang untuk melepaskan masalah mereka, melepak, merempit dan pelbagai jenayah seperti mencuri, meragut dan merogol. Jadi isu sosial seharusnya diberi perhatian kerana tidak guna kita kata Pulau Pinang *mostly verbal* ....(dengan izin), cantik, indah, jadi tarikan kepada orang ramai tapi akhirnya kita mereput di dalam seperti berkarat di dalam kerana masalah masyarakat kita yang mempunyai generasi baru yang begitu tertekan. Jadi saya hendak tanya Kerajaan Negeri apakah kaedah cara-cara yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah peningkatan jenayah juvana di kalangan masyarakat Pulau Pinang. Di mana 80% adalah daripada orang Melayu, jadi makna ini kawasan-kawasan yang mempunyai *stress* kehidupan yang tertekan ini kawasan-kawasan yang padat, rumahnya sempit, pendapatannya rendah, ini adalah kawasan-kawasan *hot spot* (dengan izin) yang berlakunya masalah-masalah ini.

Selain daripada itu, di Malaysia gadis-gadis bawah umur 18 tahun telah melahirkan anak sebanyak 25% di luar institusi perkahwinan. Maknanya gadis-gadis bawah umur ini, 25% adalah yang melahirkan anak di bawah institusi perkahwinan. Terdapat pengguguran kehamilan sebanyak 70 hingga 100 ribu setahun. Jadi Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam isu ini bahkan dengan adanya pusat-pusat hiburan dan sebagainya yang menyebabkan budak-budak ponteng sekolah di kawasan-kawasan Batu Feringghi, Tanjong Bunga, hujung minggu kadar ponteng sekolah

tinggi kerana pelajar-pelajar ini ponteng sekolah untuk pergi bekerja di pusat-pusat hiburan dan restoran-restoran. Ini menyumbang kepada masalah-masalah kehamilan, masalah sosial dan sebagainya.

Berbalik kepada isu 200 *hot spot sex* ini yang dilaporkan di dalam media dan menjadi perbualan hangat, kita dapati di sini ada hubung kaitnya juga dengan kelulusan lesen-lesen untuk pusat-pusat hiburan keluarga kononnya. *Family entertainment* ...(dengan izin) pusat-pusat hiburan keluarga sebenarnya bukan untuk keluarga tetapi menjadi *fronting* ...(dengan izin) sebenarnya bukan beroperasi untuk hiburan keluarga tetapi untuk kumpulan-kumpulan tertentu menjalankan aktiviti-aktiviti yang terlarang. Saya ada banyak gambar-gambar ini saya rasa tidak payah tunjuk kepada Ketua Menteri, ada yang satu dekat dengan Pejabat Ketua Menteri pun yang mana tidak berlesen dan banyak *massage*, rumahurut....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Bagi saya habis ucapan ayat ini dulu. Rumah-rumah urut yang wujud ini, yang lama, yang baru, yang tidak berlesen, yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang meragukan beroperasi begitu banyak, yang berlesen ini saya dimaklumkan dari jawapan yang saya diberikan oleh MPSP, pusat urut, pusat hiburan, pusat snooker di MPPP juga banyak sekali. Pusat urut saja di Negeri Pulau Pinang jumlahnya 108 yang berlesen. Pusat hiburan 644 dan pusat snooker 142 dan jumlah ini meningkat-meningkat lagi dan kalau kita kira yang tak berlesen lagi banyak, bagaimanakah pusat-pusat ini dibiarkan beroperasi dan juga apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sebalik papan tanda pusat urut ini. Silakan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa isu-isu sosial yang diketengahkan hari ini bukan isu yang baru berlaku. Ini merupakan isu yang begitu lama. Saya rasa di negeri-negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional pun begitu juga. Dan juga apabila Barisan Nasional mentadbir Pulau Pinang, ini isu-isu yang wujud juga. Jadi saya akui ada isu-isu seperti ini dari dulu sehingga sekarang dan juga saya rasa selama-lamanya. Tapi yang *important* nya, yang pentingnya adalah selain dari membawa isu-isu ini, adakah Yang Berhormat boleh beri sedikit cadangan, apakah kita boleh buat untuk mengatasi isu-isu ini dan Yang Berhormat pun pernah menjadi EXCO untuk menjaga isu-isu ini dan bolehkah Yang Berhormat berkongsi pengalaman bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Penyelesaiannya bukan kepada EXCO Padang Lalang atau pun pada sesiapa individu yang tertentu. Ini adalah masalah negara dan masalah negeri. Cerita lama tetapi kalau ia masalah akan berterusan kalau kita tidak akan ambil tindakan dan akan meningkat lagi kalau kita biar. YB. Dato' Speaker, yang memerintah adalah kerajaan yang ada sekarang fikir-fikirlah dan tahupun tidak boleh nak kata ini isu lama, isu BN tak buat apa, sekarang dah pisau di tangan, timun di tangan bentuklah macam mana pun, buatlah yang terbaik

kita pun nak tengok perubahan yang dibawa dan peningkatan kesedaran yang timbul di kalangan pembuat dasar dan pelaksanaan dasar dan juga kesannya kepada rakyat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih kepada YB. Telok Ayer Tawar. Saya rasa YB. Telok Ayer Tawar memang akui bahawa sebelum ini, lesen-lesen sedemikian juga dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional. Kita tentu akan dapat maklumat sama ada ada peningkatan yang ketara. Tapi dalam pengetahuan kita tidak ada peningkatan ketara, khususnya sepertimana yang disebut, kalau kita lihat tentang bilangan lesen rumah urut seperti yang ditimbulkan oleh YB. Telok Ayer Tawar sebelum 2008, daripada MPPP ialah 146 buah, MPSP ialah 44 buah, jadi keseluruhan 190 buah rumah urut. Tapi selepas 2008, lesen yang dikeluarkan MPPP 32, MPSP 32, jadi keseluruhan 64. So saya rasa ini adalah satu perbezaan yang amat ketara tapi yang penting ialah tentang tuduhan yang dibuat oleh Telok Ayer Tawar adalah 200 *hot spots*. Baca laporan tak apa. Kalau ada maklumat sedemikian harus diberikan kepada pihak berkuasa. Tentang 200 *sex hot spots*, saya sendiri ada tanya Ketua Polis Negeri dan beliau dengan perasaan yang tidak puas hati sekali menafikannya sekeras-kerasnya dan Ketua Polis Negeri pun menyatakan apabila berita seperti ini, dia anggap berita ini sebagai berita palsu dan berita disiarkan beliaupun dapat panggilan dari pihak atas sekali, ini tidak benar dan beliau menghubungi pihak tertentu untuk mendapat maklumat mereka tidak dapat memberikan maklumat. Oleh itu beliau rasa tidak puas hati dan dalam aspek ini YB. Telok Ayer Tawar kalau tidak percaya sama Kerajaan Negeri, saya minta hubungi terus dengan CPO. Saya minta CPO untuk memberikan semua maklumat yang perlu kepada YB. Ketua Pembangkang kerana dari pihak beliau, beliau menyatakan ini memang tidak benar sama sekali dan bukanlah satu gambaran seperti mana yang di pameran. Sebagai Ketua Polis Negeri beliau bertanggungjawab dan ini adalah sesuatu yang mencerminkan seakan-akan satu kecacatan ke atas beliau dan beliau rasa ini memang tidak adil, dia tidak ada maklumat yang sewajarnya. Dan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat, kita adakan mesyuarat bulanan tentang jenayah dan keselamatan awam. Ini pun di antara isu yang dibangkitkan dan selagi tidak ada maklumat yang boleh dipercayai adalah susah untuk kita menjalankan sebarang tindakan. Saya rasa maklumat yang saya berikan telah menunjukkan bahawa dari segi bilangan lesen yang dikeluarkan jauh lebih rendah kalau dibandingkan dengan Kerajaan Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan. Berkenaan dengan 200 *hot spots* untuk *sex hot spot* ini, saya percaya semua Ahli-ahli Dewan dan juga seluruh rakyat Malaysia faham bahawa itu cuma merupakan satu laporan yang dibuat kajian oleh The Northern Network for Migration and Refugees (JUMP). Beliau melaporkan bahawa daripada kajian yang dibuat, daripada *survey* yang dibuat melalui pemandu-pemandu teksi, pemain-pemain pelancongan di Pulau Pinang, itulah laporan yang dibuat dikumpul dan dilaporkan. Tentu kita sebagai rakyat Pulau Pinang, kita menentang sebarang pandangan yang hendak menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah tempat tarikan seks. Tetapi kita harus faham bahawa sebelum dan sehinggalah tahun 1980 apabila hak pelabuhan bebas ditarik balik oleh Kerajaan di Pulau Pinang, sebelum itu memang banyak pelancong-pelancong asing, mereka kenal Pulau Pinang ini sebagai tempat-tempat begini. Tetapi hari ini, kita rasa sebagai rakyat Pulau Pinang

kita menentang sebarang cadangan yang memaparkan Pulau Pinang sebagai satu tempat yang menawarkan industri seks. Walau bagaimanapun kita kena faham bahawa kajian ini dibuat bukanlah melalui kajian dibuat kepada setiap orang ataupun dari satu rumah urut kepada satu rumah urut, tapi sekadar melalui pandangan pemandu-pemandu teksi dan juga Pemandu-pemandu pelancong. Jadi berbalik kepada soalan di sini walau pun kita tidak dapat mengenal pasti, tetapi saya rasa tidak salah untuk kita sama-sama membuat kajian, untuk kita sama-sama membuat buat peraturan yang lebih teliti bagi memastikan kalau ada kebenarannya walau pun tidak banyak 10% atau 20% pun kita kena atasi. Sebab itu saya tengok laporan daripada ADUN Padang Kota, EXCO Kerajaan Tempatan yang melapurkan bahawa sehingga kini 135 buah hotel tanpa lesen dikenal pasti di bahagian Pulau, manakala terdapat 20 hotel tidak berlesen di Tanah Besar. Jadi ini juga berkemungkinan boleh menjadi tempat-tempat berlakunya benda-benda begini. Jadi di dalam Dewan ini kita tidak perlu saling tuduh-menuduh, tapi kita mencari penyelesaian. Kalaulah benda-benda ini ada dan *enforcement* kenalah kita teruskan dan kita pastikan bahawa kajian yang di bawa dan dibentangkan adalah sesuatu yang tidak benar. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ingin kembali ke hujah yang dibuat oleh Y.A.B. Air Putih tadi tentang jumlah keluaran lesen-lesen ini kalau dibandingkan sebelum 2008 dan dari 2008 hingga 2014 jadi kalau kelulusan kurang sekarang ini adalah kerana enam (6) tahun yang sebelum ini *the cumulative* adalah lama dah lama diluluskan itu satu memang tahun lepas saya ada tanya juga sebenarnya jumlah itu adalah tinggi diluluskan selepas maknanya tahun 2009, 2008 banyak diluluskan.

Pokoknya di sini adalah pemantauan dan *enforcement* di sini tentang bukan sahaja yang berlesen tetapi terutama sekali yang tak berlesen, ini yang tidak ada dalam REHDA Ini tetapi wujud. Dan tidak tahu apa benda yang dia orang beri, khidmat apa yang diberi. Setengah itu begitu lama sekali beroperasi dan tidak dapat dikesan, hanya orang-orang tertentu yang melanggan tempat itu saja yang tahu. Jadi inilah yang kita harap dapat diawasi dan dibanteras bukan sahaja hendak dibanteras masalah penjaja haram, kilang haram tetapi masalah sosial yang dibawa oleh tempat-tempat ini yang menyebabkan tadi antaranya peningkatan kepada jenayah dan jenayah juvana. Terutama sekali pusat-pusat *snooker* yang nampak *innocent* macam tidak ada salah. Ada satu meja *snooker* di depan, di belakang macam-macam. Jadi ini yang menjadi masalah dan juga pusat-pusat *cyber* yang juga membuka pintu untuk pelajar-pelajar untuk ponteng sekolah dan pergi main di situ, membuang masa dan buang duit mak bapak.

YB. Dato' Speaker, saya ingin menyentuh berkenaan isu air ini. Banyak dah dicakapkan. Banyak telah diolah dan dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri tentang hasrat dan untuk meningkatkan atau menambahkan surcaj ke atas rakyat Negeri Pulau Pinang sebagai satu usaha untuk mengajar ataupun mendidik rakyat Pulau Pinang memberi kesedaran untuk mengurangkan penggunaan air. Walaupun surcaj dikenakan pada tahun 2010, di mana PBA mensasarkan untuk mengurangkan penggunaan air kepada 291 liter sehari, tetapi ianya terus meningkat kepada 311 liter sehari. Kena surcaj pun naik juga penggunaan. Dan kita mungkin menghadapi masalah kita kenakan lagi tambahan surcaj pun, kita tidak tahu sama ada kita dapat mengurangkan penggunaan air. *Benchmark* nya di sini, penanda aras di sini



mungkin Singapura hanya 151 liter sehari dan kalau berbanding dengan *United Nation*, Bangsa-bangsa Bersatu yang merekomenkan 100 liter sehari. *National average* 212 liter sehari masih rendah daripada Negeri Pulau Pinang. Tetapi kita harus tengok satu (1) daripada tarikan orang duduk di Pulau Pinang, pelabur datang ke Pulau Pinang adalah air. Kita mendengar cerita pengusaha batik di Kelantan, bawa batik, cuci batiknya di Pulau Pinang. Kos untuk tambang ke sini kerana kualiti air dan kos air yang lebih baik. Jadi rakyat Pulau Pinang menikmati harga air yang rendah dan juga kita dapati ini adalah satu perkara yang tidak seharusnya kita rentap dari rakyat Negeri Pulau Pinang hanya untuk mengajar, ada kalanya kita dah ajar pun susah juga lagi nak kurangkan. Dan ini seharusnya dipandang secara holistik bagaimana hendak mengatasi masalah penggunaan air yang tinggi di Negeri Pulau Pinang. Salah satu daripadanya adalah budaya kita *water culture* ....(dengan izin), kita ada *water culture* di Pulau Pinang, mungkin rakyat Pulau Pinang ini mandi lebih daripada dua (2) kali sehari, rakyat Singapura mandi sekali sehari. Kita tak tahu, macam itu boleh jimat air ya, lap-lap saja atau gosok gigi sekali ja, syampu seminggu sekali. Kita di Pulau Pinang mandi dua (2) sekali sehari sekurang-kurangnya, syampu lagi, basuh kereta lagi dan sebagainya, begitu mewah.

Ini budaya mengguna air kita kena tengok semula. Bagaimana nak membudayakan semula rakyat Pulau Pinang dari segi penggunaan air. Di barat, United Nation bolehlah kenakan 100 liter sehari, dia orang sejuk, mandi entah dua (2) minggu sekali ka, sebulan sekali. Jadi kita di sini dengan keadaan cuaca, budaya di Penang panas ini kerana kita Pulau. Jadi rakyat Pulau Pinang banyak mengguna air kerana kita suka pada air sebab kita dikelilingi oleh air dan selalu mandi. Jadi di sini, kalau nak kenakan, nak ketuk kenalah ada juga *carrot and stick*. Nak pukul nak ajar mestilah ada juga insentifnya.

Menggunakan *rebate* kepada rakyat yang mempunyai keluarga besar adalah satu dasar kebajikan, membantu mereka yang keluarga besar, pendapatan rendah tetapi bagaimana dengan rakyat keseluruhannya? Kita juga perlu, kalau nak mendidik kena menyeluruh bukan hanya sahaja memberi *rebate* ataupun memberi bantuan galakan kepada yang berpendapatan rendah atau pun mempunyai keluarga yang besar. Perubahan budaya hanya boleh berlaku kalau ada perkara yang memberi galakan kepada perubahan itu. Ia kena datang dari dalam kemahuan oleh rakyat itu sendiri.

Jadi di sini, saya tak tahu sebab pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri, EXCO dan Ketua Menteri semuanya mempunyai akal fikiran yang cukup tajam tentu boleh memikirkan kaedah dan cara yang kreatif bagaimana nak mendidik rakyat Pulau Pinang supaya mempunyai budaya *water culture* itu tadi, budaya mengguna air dengan lebih baik supaya mengelakkan Negeri Pulau Pinang menghadapi masalah atau pun krisis air sehingga terpaksa mencatu air. Yang mana yang kita harap tidak berlaku kerana tentu sekali teruk-teruk kita bawa pelabur ini semua akan lari dan tak ada pelabur baru yang akan datang kerana Pulau Pinang menghadapi krisis air.

#### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Minta laluan. Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih Ketua Pembangkang. Saya tertarik dengan perbahasan mengenai isu air. Apa yang saya lihat mungkin saya salah, jika salah, saya minta diperbetulkan. Saya dapati penerangan, sebagai Kerajaan Negeri cuba mengajar, meminta rakyat Pulau Pinang supaya berjimat cermat dengan penggunaan air. Tetapi apa yang saya lihat program

atau langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri khususnya PBA dalam hal ini untuk mendidik, memberi penerangan atau pun memberi cara-cara bagaimana untuk menjimatkan penggunaan air ini di kalangan rakyat Pulau Pinang. Saya kurang nampak sebenarnya. Itu sebab saya katakan tadi mungkin saya salah, tetapi saya tak nampak langsung di kawasan saya. Saya tak nampak langsung Pegawai PBA kah, atau pun Kerajaan Negeri yang datang untuk memberi penerangan, satu (1).

Yang kedua, saya tak nampak langsung apa-apa poster dan *pamphlet* yang dihantar ke rumah memaklumkan pengguna bagaimana untuk menjimatkan air. Jadi bagi saya, sebelum kita, sebelum Kerajaan Negeri ingin orang kata apa mengenakan tarif yang lebih tinggi, perkara-perkara begini sepatutnya dibuat terlebih dahulu supaya rakyat faham dan rakyat akan cuba untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk berjimat-cermat dalam penggunaan air. Saya nampak *rebate* yang diberi mempunyai surcaj yang dikenakan terhadap penggunaan air yang berlebihan had. Kadang-kadang untuk saya rasa kalau tak salah saya untuk 6 orang seisi rumah, saya rasa 8 ramai sangat sebenarnya. Kalau kita tengok pendapatan rakyat di Pulau Pinang bukan semuanya yang bergaji tinggi dan dengan gaji katalah RM1,000 mempunyai anak lima orang, bersekolah lagi maka perbelanjaan bulanan pun tinggi dan jika dikenakan surcaj disebabkan beliau tidak dapat menuntut *rebate* disebabkan kurang daripada jumlah penduduk di dalam rumah tersebut maka beliau tidak layak mendapat *rebate*. Ini tentu sekali akan membebankan keluarga tersebut. Jadi selain daripada program-program untuk mengajar rakyat supaya rakyat berjimat cermat, cara-cara dan sebagainya. Ini juga perlu diambil kira dan dengan pengenaan surcaj itu sahaja pun sebenar kalau kita tengok bil, sebab saya di kawasan saya selalu ada orang-orang yang kurang berkemampuan yang datang ke Pusat Khidmat saya dan meminta saya tolong membayar bil air mereka. Setelah saya melihat bil air tersebut saya nampak surcajnya dan surcajnya bukanlah sedikit RM16. Bagi mereka nak bayar itu pun tak boleh. Jadi inilah perkara-perkara yang saya harap Kerajaan Negeri ambil kira dalam keinginan untuk meningkatkan tarif. Sekian, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):**

Sedikit sahaja. YB. Dato' Speaker terima kasih. YB. Ketua Pembangkang, tadi YB. Ahli Penaga dia nak kemukakan soalan dia nampak pi kot nu, pi kot ni pusing jauh sikit. Tapi saya nak tanya sikit ja. Terus kepada soalan. Apakah tarif air yang dinaikkan oleh Kerajaan Negeri? Adakah kerana kos PBA Pulau Pinang yang meningkat. Kelmarin saya tanya kepada YB. Timbalan Ketua Menteri I, dia tak boleh nak jawab, jadi saya tanya YB. Ketua Pembangkang, adakah tarif air yang naik ini kerana kos PBA itu meningkat. Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ya, YB. Dato' Speaker. Memang telah dimaklumkan kepada rakyat bahawa kos PBA ini telah meningkat. Akibat daripada pemindahan aset, perjanjian pemindahan aset ini, PBA terpaksa membayar kos air mentah kepada Kerajaan Negeri. Sebelum ini tak pernah pun kena bayar dan juga kepada Kerajaan SPAN. Juga kos pengendalian yang tinggi. Ini yang menyebabkan kos untuk PBA meningkat tetapi ianya tidak seharusnya menyebabkan PBA untuk menaikkan tarif air kerana

apa PBA sudah pun sebelum ini pun mencapai satu tahap pengurusan air yang baik antara yang terbaik yang menjadi contoh kepada negeri-negeri lain dan rakyat Pulau Pinang mungkin sudah begitu selesa dengan keadaan bayaran air yang begitu rendah.

Di sini apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memberi pendidikan kepada rakyat Pulau Pinang dan juga memberi insentif. Tadi kita kata ada tekanan untuk menjimat kerana kenaikan air tetapi apakah insentif yang boleh diberi kepada rakyat kerana menjimat air. Mungkin dari segi pakejnya untuk penjimatan *water harvesting*...(dengan izin) dan sebagainya kaedah-kaedah untuk menyimpan air hujan, menggunakan peralatan-peralatan yang menjimatkan air, seperti mana rakyat negara kita telah berusaha untuk mengurangkan kos elektrik kita gunakan *bulb* api yang walaupun mahal sikit tapi tahan lama dan jimat elektrik kerana ada insentifnya beli mahal sikit tapi jimat kos elektrik. Begitu juga dengan air ini apakah insentifnya kepada rakyat Negeri Pulau Pinang untuk berusaha untuk meningkatkan penjimatan dan janganlah kita nak tekan sahaja dengan kenaikan harga tetapi juga galakkan secara positif untuk menjimat air.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan. Terima kasih YB. Ahli Telok Ayer Tawar dan YB. Dato' Speaker. Saya cuma ingin membawa sidang Dewan untuk melihatkan isu kenaikan tarif ini. Salah satu aspek lagi yang mungkin kita terlepas pandang. Di mana di Negeri Pulau Pinang ini kita memang merupakan satu negeri pelancongan dan setiap tahun ramai pelancong yang datang dan juga akan gunakan air yang tinggi dan pengiraan tersebut saya rasa itu mungkin tidak dilihat dari segi itu. Juga kita sebagai satu (1) negeri perindustrian juga yang membawa ramai juga pekerja-pekerja asing dan penggunaan air oleh pekerja-pekerja asing tersebut. Apakah yang kita kategorikan mereka kerana sekiranya kesemuanya ini telah ditambahkan ke dalam isi di dalam keluarga. Maka memang penggunaan air di setiap rumah atau domestik itu akan bertambah. Saya rasa angka sekiranya hanya dibahagikan kepada bilangan penduduk Pulau Pinang itu maka penggunaan itu akan menjadikannya terlalu tinggi. Saya rasa pertimbangan itu perlu kita ambil kira juga, adakah kenapa orang-orang Pulau Pinang ini menggunakan air begitu banyak, adakah kita terlepas pandang dengan penggunaan-penggunaan oleh orang-orang pelancong dan juga pekerja-pekerja asing itu?

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Dato' Speaker. Saya nak beralih ke tajuk-tajuk lain memandangkan dah hampir pukul 1.00.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya hanya nak memberikan sedikit pembetulan sahaja. Kita telah menyatakan bahawa tujuan untuk kenaikan kos air adalah untuk mengelakkan daripada catuan air bukanlah untuk menghadapi masalah kos. Ini masih boleh diambil kira dan diresapi oleh pihak PBAPP. Saya rasa ini tidak menjadi isu tentang bahawa kita naikkan tarif air untuk menghadapi atau mengatasi masalah kos yang meningkat. Saya rasa ini tidak timbul langsung. Tujuan utama kenaikan tarif air ialah untuk mengelakkan daripada catuan air berlaku, itu sahaja.

Yang kedua, tentang pengiraan pengguna air. Saya rasa saya pun nak betulkan kesilapan daripada YB. Machang Bubuk sama dengan YB. Telok Ayer Tawar. Itu pengiraan penggunaan air adalah berdasarkan domestik, pelancong adalah perniagaan. So bila kita cakap tentang pengguna air adalah berdasarkan domestik. Perniagaan tak diambil kira langsung kerana mereka tak menikmati sebarang subsidi. So bila kita sebut tentang penggunaan air ini hanya domestik sahaja.

Jadi pelancong-pelancong datang, mereka duduk dekat hotel domestik dan domestik ini adalah berpandukan pelancong yang datang berdasarkan pelancongan ataupun perdagangan atau perniagaan kita *call it trade tariff*, itu baik di restoran atau hotel ini semua perdagangan ini tak diambil kira kita tentang 311 itu *domestic tariff*, itu tak ada hubung kait langsung. Apabila kita buat takrifan adalah berdasarkan syarat guna tanah dan *zoning*. So, saya rasa itu amat jelas. Sungguhpun mungkin Yang Berhormat silap faham, ingat pelancong datang itu menyebabkan kita punya penggunaan air naik, ini tidak betul mereka adalah di bawah tarifan perdagangan. So, tak ada hubung kait.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Haji Dato' Roslan bin Saidin):**

YB. Dato' Speaker, ada sedikit soalan yang saya nak sebut kepada Yang Amat Berhormat kepada persoalan ini. Adakah Kerajaan Negeri mengenakan caj kepada PBA apabila air yang dipam melalui Sungai Muda di rumah pam Lahar Tiang sebab sebelum ini tahun 2011 tidak ada dikenakan *charge* selepas 2011 dikenakan *charge*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya jawab dulu kerana ini semua kita tandatangani Surat Perjanjian Penghijrahan Aset Air dengan SPAN dan itu adalah ekoran daripada menandatangani Surat Perjanjian Pengisytiharan Aset kepada SPAN di mana Pulau Pinang adalah di antara negeri yang paling awal menandatangani Pengisytiharan Aset supaya kita boleh menjalankan projek Empangan Mengkuang, saya rasa saya akan beri lebih lanjut apabila saya menggulung nanti dan tetapi secara ringkas ini susulan daripada kita tandatangani surat perjanjian ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Dato' Speaker, berkenaan dengan isu air tadi ada permintaan daripada rakyat supaya bil air ini dibuat sebulan sekali kerana sekarang dua (2) bulan sekali, ramai melepasi had 35 metrik isi padu...(gangguan), tak ada kaitan. Jadi mereka kata bila melepasi had itu mereka kena surcaj itu, mereka kena surcaj setiap bulan ataupun penggunaan surcaj...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Bahagi dua (2).

## Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Atas bayaran bulanan dan ini adalah untuk mengurangkan kekeliruan rakyat. Dato' Speaker, banyak telah dikatakan juga tentang isu Sri Tanjung Pinang 1, Sri Tanjung Pinang 2, tapi persoalannya di sini kita ambil kira setiap cuti sekolah atau hujung minggu yang panjang hampir 300,000 kenderaan masuk ke Pulau Pinang, ini memberi kesan terus menerus kepada rakyat yang tinggal di kawasan Pulau, sehingga ada setengahnya kata datang hujung minggu sama ada mereka lari keluar bercuti tempat dari luar Pulau Pinang atau pun tak keluar dari rumah *shopping* keluar awal, tak mahu keluar rumah kerana sangkut dengan *traffic jam*. Jadi kita nak kata nak tingkatkan kesejahteraan hidup dan kurangkan *stress* tetapi salah satu untuk memiliki rumah adalah *stress* dan masalah dengan masalah lalu lintas dan *traffic jam trend* nya seluruh negara terutama di negara maju adalah untuk mengurangkan kenderaan di jalan dengan mengadakan hari yang tak ada kereta di setengah-setengah laluan, dengan menggalakan penggunaan basikal dan *Eco-friendly* kurangkan pengeluaran asap yang merbahaya dan sebagainya. Tetapi kita kerajaan merancang untuk membina lagi banyak jalan kononnya untuk menyuraikan trafik dan juga mewujudkan projek-projek yang akan menyebabkan lebih banyak rumah lagi dibina dan peningkatan penambahan penduduk, ini akan menyebabkan lagi sekali yang berlaku pusingan sekali lagi lebih ramai penduduk dan lebih banyak kereta dan jalan yang nak dibina itu akan lebih sesak semula. Di sini saya nak tanya Kerajaan Negeri bagaimana perancangan melepasi 10 atau 20 tahun selepas ini akan memastikan bahawa apa yang kita rancang sekarang tidak akan memberi kesan negatif balik kepada Negeri Pulau Pinang. Kajian kebarangkalian yang dilaksanakan oleh syarikat yang telah diberi untuk melaksanakannya, drafnya yang telah pun disediakan begitu cepat sekali dan perlu diberi pandangan-pandangan, kalau kerajaan ini adalah kerajaan yang *consultative* kepada pandangan rakyat. Seharusnya juga memberi ruang dan menerima pandangan begitu banyak sekali komen-komen dan bantahan yang telah dibuat oleh NGO-NGO dan pihak awam sendiri tentang masalah menambakkan kawasan pantai di Batu Feringghi dan Tanjong Tokong dan juga Gurney Drive yang akan menjadi tapak untuk terowong itu nanti dan juga masalah ekologi.

Kelmarin, ADUN Sungai Puyu menyatakan *middle bank* nak jaga kawasan alam semula jadi di kawasan itu, yang mana mahu tak mahu dengan pembinaan Projek Sri Tanjung Pinang 2 ini dan terowong ini kita kena terima hakikat akan memberi kesan terus-menerus kepada kawasan pantai yang terlibat kepada penduduk di sekitar yang terlibat dan juga mereka mencari makan harian seperti nelayan-nelayan di situ. Selut yang telah banyak naik ke Gurney Drive kerana telah diberi jawapan oleh Alam Sekitar bahawa kerana laut, kekuatan ombak tidak cukup untuk menghakiskan atau mengeluarkan selut yang sampai ke pantai.

Perubahan kepada laluan arus telah berlaku. Dan bukan sahaja Gurney Drive yang menerima padah dan kawasan pantai di kawasan saya juga menerima padah, kawasan Penaga juga menerima padah. Selut naik begitu banyak menyebabkan muara sungai tertutup dan nelayan tidak boleh masuk bot masing-masing untuk naik, untuk mendaratkan ikan dan JPS pula terpaksa mengorek kawasan muara ini untuk membolehkan bot-bot nelayan masuk dan kawasan-kawasan, kita kena ingat Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang dulu begitu maju dari segi perikanan dan sekarang kita dapati bahawa jumlah tangkapan menurun dan jumlah tangkapan ini terpaksa ditambah dengan akuakultur pemeliharaan ikan dalam sangkar dan

sebagainya untuk menambah bekalan ikan. Tetapi kesannya adalah kekal bahawa gangguan kepada laluan atau tempat mainan ikan ini dan juga gangguan kepada aliran arus menyebabkan perubahan kepada kawasan pantai dan juga memberi kesan kepada tangkapan dan pendapatan nelayan-nelayan kita yang payah nak dibaiki, kita ingat dulu kawasan Bagan Ajam kawasan saya, kawasan Pulau Aman masyhur dengan tempat buat belacan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ya nak cakap tentang belacan. Tak apa ini kawan baik saya Ahli Kawasan Sungai Puyu, teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Di sini saya baru dengar satu *confession* daripada Ketua Pembangkang. Pada tahun 2004 saya duduk sebagai Ketua Pembangkang, apabila saya membangkitkan masalah tebus tanah di sana, apakah jawapan yang saya dapat. Apabila saya buat

bantahan kepada *sea-bed mining* apakah jawapan yang saya dapat? Hari itu saya terdengar bahawanya Ketua Pembangkang di sini akui apa yang terjadi. Untuk tapak yang baru, saya nak tanya satu (1) soalan di Dewan yang mulia ini.

“Adakah menggunakan *total hydro flow system* atau telah dibuat kajian atau kerajaan pada masa itu ambil kira 3 km *up and down* sahaja atau keseluruhan Negeri Pulau Pinang sahaja kerana di sini kami dengar di sini sehingga Pulau Aman telah kena menjejaskan.”

Kini belum buat apa-apa lagi tetapi keadaan telah begitu, siapa yang bertanggungjawab. Tanjung Pinang 2 belum dibuat, hanya Tanjung Pinang 1 sahaja sudah dibuat dan hanya pencemaran ini semua. Saya minta jikanya kehendak, saya ingat Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak layak untuk buat kenyataan ini, kalau orang baru yang buat kenyataan ini saya lagi boleh terima kerana mereka tidak tahu, keputusan yang telah dibuat kerana adalah Ahli Berhormat Ketua Pembangkang juga adalah seorang ahli EXCO, yang membuat keputusan, saya ingat kalau mahu minta maaf dulu dari rakyat Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Dato' Speaker, kita selalu kita kena imbangi keperluan, keperluan untuk pembangunan, keperluan untuk membina jambatan, sekarang mempertimbangkan keperluan untuk membina terowong dan sebagainya, kesan kepada alam sekitar dan kesan diberi kepada penduduk Pulau Pinang seharusnya diambil tindakan untuk meminimumkan kesan ini. Kesan ini akan berlaku tidak boleh dielakkan tapi bagaimanakah cara untuk meminimumkan kesan ini.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, bantahan-bantahan yang telah diutarakan oleh berbagai pihak dan persoalan-persoalan yang timbul berkenaan dengan projek yang akan dilaksanakan ini terutamanya sekali pembinaan nanti hampir 20,000 unit-unit perumahan dan komersial di kawasan Sri Tanjung Pinang 2 ini, yang mana bila kos penambakan itu tinggi, harga jualan dimaklumkan kelmarin oleh Ahli Kawasan Padang Kota RM1,300 sekaki, projek macam mana yang akan dibina di atas tapak itu. *Sorry*, Bagan Jermal yang maklumkan tentang kos yang ditawarkan oleh Konsortium Zenith ini. Jadi dengan kos RM1,300 unit sekaki projek macam mana yang akan dibina? Tentu sekali ianya projek-projek mewah *high end* ... (dengan izin) dan siapakah sasaran pembeli-pembelinya tentu sekali yang *bottom* 60% penduduk tidak akan mampu untuk membeli unit-unit ini dan pemasaran akan dibuat untuk pelabur-pelabur dan mereka-mereka dari luar negara kerana kadar tukaran, misalannya Singapura yang tinggi dan negara-negara lain yang membolehkan mereka memiliki.

Yang Amat Berhormat dari Air Putih menyatakan ada kuota 30% bagaimana pula dengan yang 70% lagi? Kita kena ambil kira keperluan rakyat Negeri Pulau Pinang dan saya bimbang dengan dasar baru untuk membolehkan rumah kos rendah misalannya tidak dibina di situ di tempat itu, boleh dibina di kawasan lain. Ini juga akan mengurangkan atau tidak membolehkan rakyat yang tidak mampu untuk tinggal di kawasan itu. Mewujudkan kawasan-kawasan yang menjadi masalah ataupun kurang yang rumahnya murah tetapi jauh dari pekan dan menimbulkan masalah pengangkutan dan sebagainya.

YB. Dato' Speaker, pandangan-pandangan dan bantahan-bantahan ini haruslah diambil kira di dalam perancangan sebab dimaklumkan kelmarin bahawa kajian keberangkalan itu belum lagi siap walaupun drafnya telah disediakan. Seharusnya ianya tidaklah hendak disegerakan kerana terdapat projek-projek yang perlu disiapkan sebelum 2016 atau terowong ini dijangka siap pada tahun 2025. Sebab kita lihat Jambatan Kedua yang baru siap ini pun ini telah boleh buat masa ini menyediakan keperluan pengangkutan antara Seberang Perai dan Pulau Pinang dan ianya akan mengurangkan tekanan pengangkutan di atas Jambatan Pertama sebanyak 20% seperti dimaklumkan. Kita pun berasa lega sedikit menggunakan jambatan pertama bila jambatan kedua sudah siap. Seharusnya kita mengurangkan jumlah kenderaan yang masuk di Pulau. Saya hendak tanya Pulau Pinang ini adakah dibuat kajian jumlah banyak mana yang boleh diterima kenderaan masuk, tentu ada kapasitinya yang maksimum, bukan bebas, banyak mana kenderaan boleh masuk saja, kita kena bina lagi banyak terowong dan laluan untuk orang masuk dan ini akan menambah kesesakan Pulau Pinang dan menyebabkan rakyatnya begitu tertekan. Biarlah dasar-dasar atau perancangan-perancangan yang dibuat itu mengambil kira bukan sahaja kesan ke atas alam semula jadi dan pendapatan rakyat tempatan, kemampuan rakyat tempat tetapi juga perancangan masa depan supaya Pulau Pinang ini lebih selesa.

YB. Dato' Speaker, saya ingin pergi kepada tajuk di bawah jawapan yang diberi oleh YB. Batu Maung tentang kutipan zakat di Negeri Pulau Pinang yang telah pun meningkat kepada lebih RM80 juta tetapi agihan yang dinyatakan di dalam jawapan yang saya terima ini menunjukkan ada banyak ruang untuk diperbaiki, dari segi kaedah-kaedah bantuan dan juga agihan mengikut asnaf, terutama sekali yang dekat kepada saya ialah asnaf mualaf di mana 5.26% sahaja diagihkan, makna ada ruang lagi untuk mengagihkan bantuan kepada asnaf ini.

Satu (1) lagi, Darul Sakinah ataupun pusat untuk saudara baharu ini di Permatang Tok Gelam kawasan saya telah pun siap dibina, tetapi pelantikan jawatankuasa pentadbiran itu belum dilaksanakan, saya ingat sudah ENAM (6) tahun, saya pun tidak tahu hendak tunggu sampai bila. Tetapi ini adalah penting pembangunan saudara baru dipertingkatkan. Pusat itu dijadikan tempat untuk pusat berdakwah. Aktiviti untuk melibatkan Persatuan-persatuan Saudara Baharu ini perlu diberi sokongan bagi membantu Majlis Agama Islam dalam usaha untuk berdakwah dan juga meningkatkan kebajikan saudara-saudara baharu.

Di sini kita dapati bahawa mewujudkan pusat itu sahaja tidak cukup, kita harus menggalakkan persatuan-persatuan untuk membantu saudara-saudara baru ini kerana kalau Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama itu sendiri dengan kakitangannya yang ada, masa yang ada tidak cukup untuk melihat aspek-aspek pembangunan lain saudara-saudara baharu ini. Saya juga mendapat rungutan daripada orang ramai, kita sebagai wakil rakyat juga berdepan dengan permohonan-permohonan bantuan zakat. Walaupun di sini mendapat jawapan yang cukup cantik iaitu permohonan diproses dan dalam masa dua minggu diberi jawapan tetapi sebenarnya di bawah ini bermasalah, setengahnya itu sampai setahun tidak mendapat jawapan dan permohonan tidak diproses dan terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan bantuan.

Jawapan daripada YB. Batu Maung tentang surau-sarau yang dibina di taman-taman perumahan yang tidak digunakan oleh masyarakat Islam di situ kerana apa kawasan perumahan di situ sedikit sahaja ada orang Islam. Ada satu taman di kawasan saya yang ada lima (5) keluarga Islam saja, ada surau. Bila kita pergi memantau kemajuan surau itu apa jadi, ianya sudah ditukar dan diguna oleh pemaju untuk jadi pejabat. Saya tanya di mana surau, sudah digunakan sebagai pejabat. Jadi inilah cara kaedah yang perlu diambil serta pemantauan dibuat oleh Majlis Agama Islam tentang surau-sarau. Di sini dimaklumkan terdapat 23 buah surau yang disediakan oleh pemaju-pemaju perumahan yang telah terbiar, yang tidak ada keperluan ataupun kurang penduduk Islam. Kalau boleh, macam tempat letak kereta MPSP dan MPPP boleh memberi kelonggaran supaya membuat bayaran *in lieu, contribution*, sumbangan untuk tempat letak kereta. Kalau taman perumahan itu tidak ada masyarakat Islam untuk menggunakan surau, buat pemantauan, kalau tidak diguna, biarlah pemaju bayar kos untuk membina surau itu kepada Majlis Agama Islam dan Majlis Agama Islam boleh menggunakan duit itu membina surau di tempat lain yang mana ada ramai penduduk Islam. Ini supaya keadaan ini tidak dibiarkan begitu sahaja di mana unit-unit yang disediakan untuk surau digunakan untuk tujuan lain tanpa pengetahuan MAIPP, Majlis dan pihak-pihak berkuasa tempatan. Saya harap masalah ini tidak berlarutan dan diambil tindakan segera.

Satu perkara yang saya ingin bangkitkan ialah tentang Rumah Warga Emas Islam Darul Hanan yang mana saya sendiri adalah pengerusinya. Ini adalah salah satu daripada usaha oleh NGO. Pihak persatuan untuk mengendalikan rumah warga emas. Di Malaysia ini hanya ada dua (2) Rumah Warga Emas Islam yang dikendalikan oleh NGO, yang lainnya semua dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan. Tentang Darul Hanan ini, sumbangan untuk membina kompleks Rumah Warga Emas ini telah diberi oleh Yayasan Bukhari. Masalahnya di sini ialah terdapat permintaan yang tinggi daripada hospital-hospital dan juga masyarakat Islam untuk menyediakan kemudahan penjagaan untuk warga emas yang terlantar. Pihak Darul Hanan telah pun berusaha untuk menubuhkan *Geriatric Center*, pusat jagaan warga emas ini.



lanya terhalang kerana kompleks ini tidak mempunyai sijil layak menduduki, tak ada O.C. Kita sudah cuba berbincang, bukan sahaja pihak pengurusan Darul Hanan tetapi Majlis Agama Islam sendiri sebagai pemilik telah cuba berbincang dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai tetapi tidak berjaya untuk mendapat sijil layak menduduki, hanya diberi kebenaran untuk mengguna. Ini menjadi satu penghalang besar kepada usaha kita untuk menubuh Pusat Geriatrik ini. lanya satu keperluan yang amat penting kerana ia membantu hospital-hospital yang mana warga-warga emas yang tidak mempunyai waris ini dibiarkan sahaja di situ untuk dijaga kerana tidak ada tempat. Jadi saya minta kerjasama YB. Batu Maung sebagai EXCO Agama dan MPSP untuk melihat usaha baik ini untuk menubuhkan Pusat Geriatrik di Darul Hanan dan memberi bantuan supaya Sijil Layak Menduduki ini diperolehi.

Satu perkara lagi boleh, sedikit sahaja, lima (5) minit lagi. Jawapan yang diberi oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan YB. Chow Kon Yeow tentang isu gagak. Saya telah dimaklumkan bahawa MPSP telah berusaha untuk mengurangkan burung-burung gagak di Kawasan Seberang Perai. Ia mungkin dipandang remeh tetapi gagak ini adalah satu manifestasi keadaan kekotoran di kawasan kita. Gagak hanya boleh membiak kalau ada makanan dan bila koloninya besar ini menunjukkan bahawa sampah sarap banyak yang memberi makanan kepada gagak ini. Ia adalah satu perkara negatif kepada pembangunan pelancongan kawasan-kawasan cantik tepi pantai, penuh dengan pokok rhu didiami penuh dengan gagak. Saya minta supaya usaha untuk mengurangkan, nak hapuskan terus mungkin susah, tetapi mengurangkan gagak ini dapat dipertingkatkan supaya kawasan-kawasan di persekitaran yang cantik untuk orang beriadah dapat dipertingkatkan kemudahan-kemudahan seperti perbanyakkan tong sampah dan sebagainya untuk kesejahteraan dan keselesaan penduduk tempatan.

Akhir kata YB. Dato' Speaker, saya amat berterima kasih kepada jabatan-jabatan sama ada Persekutuan dan Negeri yang telah memberi kerjasama kepada saya sebagai wakil rakyat dan untuk kawasan DUN Telok Ayer Tawar. Saya juga berharap Dewan tertinggi ini kalau betul seperti mana Y.A.B. Air Putih menyatakan begitu menyanjung dengan adanya wanita sebagai Ketua Pembangkang dan adanya ramai wanita diletakkan di dalam Dewan Undangan Negeri oleh pihak PKR, saya pun hendak tanya, kalau boleh tambahlah EXCO wanita, sekarang baru seorang, belum sampai 30%. Maafkah kaum lelaki, bukan hendak suruh ambil tempat lelaki....(gangguan).

YB. Dato' Speaker, Dewan Undangan Negeri adalah majlis tertinggi untuk wakil rakyat menyuarai masalah rakyat, untuk kita meneliti dasar-dasar pembangunan dan kaedah-kaedah serta bagaimana kewangan negeri diuruskan dan dilaksanakan. Sebab itu ada *Parliamentary Privilege*, keistimewaan kepada semua wakil rakyat untuk berhujah di dalam Dewan yang mulia ini. Tidak seharusnya Dewan ini digunakan untuk menyekat sesiapa untuk berucap terutama sekali menekan dan melabel sesiapa sahaja yang berucap bila ianya tidak menyenangkan orang yang mendengar.

Bukan semua yang dipertuturkan itu akan menyenangkan semua yang mendengar kerana apa-apa masalah-masalah dan isu-isu rakyat ini bukan semua yang menyenangkan dan baik-baik sahaja yang perlu dibawa ke tengah. Jadi saya rasa melabelkan sesiapa di dalam Dewan ini atau menggunakan perkataan-perkataan kesat di dalam Dewan ini tidak seharusnya berlaku kerana ia mencemarkan nama baik Dewan Undangan, mencemarkan kedudukan wakil-wakil rakyat. Tentu

sekali kalau menggunakan Buku Peraturan ini, menyakitkan hati orang yang mendengar. Saya rasa kita semua perlu menjaga *decorum*, walaupun kita duduk di lain-lain pihak, kita kena ingat ini seperti *the wheel of fortune*, ...(dengan izin). Saya dulu pernah duduk di sana, YB. Sungai Puyu duduk di sebelah sini, hari ini tempat sudah bertukar tetapi mungkin bertukar kembali. Apa pun.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, saya minta penjelasan, sedikit sahaja. Satu isu sahaja.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tak payahlah, saya nak *wean up* dah

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

*Just what....*(gangguan). *One issue* saja.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Satu perkataan sahaja...(ketawa).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Duduklah dah cakap terima kasih tadi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sebentar, belum tanya soalan lagi. Saya juga telah beri banyak peluang kepada YB. Telok Ayer Tawar tadi. Saya mungkin hendak tahu sama ada saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu patut diberi kepada pemimpin-pemimpin sendiri, bukan sahaja di dalam Dewan, tetapi pemimpin-pemimpin seperti UMNOlah yang menganjurkan demonstrasi-demonstrasi. Patut saran kepada mereka juga. Setuju atau tidak setuju Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Seri Delima...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tapi pemimpin-pemimpin ini pernah memainkan isu Mei 13.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Yang Berhormat Seri Delima ini cakap di luar konteks.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Isu Mei 13.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya bercakap tentang *decorum* di dalam Dewan. Okey Seri Delima selalu rawit ke sana, sini, tepi jalan dalam longkang dan sebagainya. Saya berharap Dewan ini menghormati satu sama lain, saya rasa pihak PKR tidak payah bimbang lagi, 30 di sana, 10 sahaja di sini, nak takut apa? Kalau kena tegur pun, terima sahaja, saya kata tidak perlu takut pun. Di sini biarlah jangan kita menindas dan menyukarkan perbahasan. Kita dilindungi di dalam Dewan, tetapi walaupun di lindungi di dalam ini, apabila di luar dan membuat ulasan tentang apa-apa yang berlaku di dalam Dewan ini dan melabelkan macam-macam dan ini akan menyebabkan satu sekatan kepada perbahasan dan ianya menghadkan kebebasan yang ada pada kita untuk bercakap. Seharusnya kita menghormati Dewan, ini bukan *circus*, kita diberi amanah sepertimana kita berdoa setiap pagi, di beri amanah untuk menjaga negeri ini dan amanah itu besar, sama-samalah kita memikul amanah itu. YB. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan Y.A.B. Air Putih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

YB. Dato' Speaker, selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 20 Mei 2014 hari Selasa dilanjutkan hingga jam 10.00 malam.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B Ketua Menteri telah pun mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini, 20 Mei 2014 hari Selasa dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

### **Ahli-ahli Pembangkang:**

“Tidak”

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.30 minit petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.20 petang.***

***Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.***

### **Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Dewan di sambung semula.

### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Selamat petang YB. Timbalan Speaker, dan rakan-rakan sekalian. Petang ini saya bangun untuk menyertai usul terima kasih terhadap ucapan Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Yang telah disampaikan kelmarin, di Dewan yang mulia ini. Dan YB. Timbalan Speaker, saya rasa perbincangan kita pada pagi ini saya dengar banyak isu-isu yang diketengahkan dan isu-isu nasional yang mempunyai kepentingan dan isu-isu negeri yang mempunyai kepentingan umum. Dan saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk membincangkan satu (1) isu yang saya rasa isu yang penting, isu nasional dan juga isu yang mempunyai kepentingan negeri. Iaitu, TPPA (Trans-Pacific Partnership Agreement). Satu (1) perjanjian perkongsian *Trans-Pacific* yang sedang dalam rundingan pihak Kementerian *International Trade*. TPPA ini kalau kita banyak membaca dalam artikel-artikel dalam rencana dan surat khabar dan dalam pelbagai sumber bahawa ia akan mempunyai implikasi, implikasi yang besar di mana dua belas (12) negara termasuk Malaysia dan juga negara-negara lain yang juga akan menyertai terhadap *Free Trade Agreement* ini di TPPA.

Walaupun saya faham yang perjanjian TPPA ini lebih fokus kepada *national issue* yang telah diperdebatkan secara hebat di Parlimen dan juga atas desakan Ahli-ahli Parlimen dari Parti Pakatan Rakyat satu (1) *caucus* telah ditubuhkan antara Ahli Parlimen tapi satu (1) atau saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk memperdebatkan isu ini di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Kerana pada pandangan saya, dia bukan sahaja ada *international interest*, dia ada *National Interest*, dan juga *State Interest*. Dan kerana *free trade agreement* yang sedemikian yang melibatkan dua belas (12) negara dengan yang akan memasuki satu (1) perjanjian yang akan mengikat terhadap banyak industri di mana akan dengan pertama kali dengan begitu banyak negara dengan 800 juta penduduk 12 negara di

mana keluaran KDNK. *US Dollar 47.5 trillion* dengan memasukan elemen-elemen seperti buruh, alam sekitar, *e-commerce*, hak harta intelek, telekomunikasi, syarikat milik kerajaan dalam TPPA ini. Dari segi hak-hak negeri saya perlu bangkitkan di sini bahawa ini bukan sahaja perlu diperdebatkan di Parlimen, perlu juga di semua *state assembly* di seluruh negara kerana kita seperti yang semua maklum adalah di bawah *federal list* Perlembagaan Persekutuan ada Senarai Negeri, ada senarai Persekutuan, ada senarai Negeri dan ada senarai bersama. Isu-isu seperti hak tanah, isu-isu tanah, isu-isu perhutanan, isu-isu alam sekitar, isu-isu seperti perolehan kerajaan, *statutory body* dan sebagainya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Dan saya rasa belum lagi kita mempunyai satu perbincangan yang serius terhadap TPPA di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Belum ada satu perbincangan yang serius berkenaan isu TPPA di semua Dewan Undangan Negeri di seluruh Malaysia. Kita hanya bincang di peringkat Parlimen sahaja. Dan saya rasa pihak Kementerian *International Trade*, Perdagangan Antarabangsa perlu adakan satu (1) mekanisme untuk *engage* dengan semua Kerajaan Negeri di seluruh Malaysia. Supaya kita bukan sahaja apabila menandatangani perjanjian perdagangan, banyak isu yang kita perlu selesaikan tentang bukan bukan sahaja isu tanah, isu perolehan kerajaan, isu *state enterprise*, hak intelek dan juga isu yang berkenaan dengan Kerajaan Negeri.

Dengan ini saya mencadangkan kerana belum ada yang mempunyai isu yang begitu implikasi yang begitu besar. Saya mencadangkan agar satu (1) *National Council* untuk TPPA perlu ditubuhkan. Sekarang hanya ada satu mekanisme fokus diperingkat Parlimen sahaja. Perlu kita ada satu (1) *National Council* untuk TPPA. Iaitu wakil-wakil daripada Dewan Undangan Negeri di seluruh Malaysia hantar wakil untuk *National Council* TPPA dan meneliti perjanjian, perkataan demi perkataan, *line by line* kerana ia akan mengikat, ia akan mempunyai implikasi perdagangan, implikasi dari semua aspek dan *of course* apabila kita *open out* membuka *free trade open out our borders* tentang perdagangan bebas ini, dia bukan sahaja impak positif terhadap sektor perdagangan dan perindustrian, dia juga impak negatif terhadap peniaga-peniaga kecil, petani-petani dan juga industri kecil-kecilan yang mungkin akan menghadapi masalah apabila perdagangan TPPA (*Trans-Pacific Partnership Agreement*) ini dimuktamadkan. Oleh itu kita perlu, apabila Obama datang ke sini kita dan saya juga lihat banyak perbincangan terhadap TPPA tapi kita kurang *engagement* dengan Kerajaan Negeri. Saya mencadangkan supaya satu (1) *National Council* untuk TPPA ini ditubuhkan supaya input-input daripada Dewan Undangan Negeri di seluruh Malaysia di dapati.

YB. Timbalan Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian, belum datang lagi Ketua Pembangkang. Tunggu dia, saya juga ingin membincangkan isu-isu seperti *Strata Management Bill*. Satu undang-undang *Strata Management Bill* telah diluluskan di Parlimen pada tahun 2013. Saya apabila meneliti *Strata Management Bill* ini satu akta untuk membuat satu perundangan baru untuk pengurusan flat-flat, bangunan bertingkat di seluruh Malaysia. Saya nampak *Strata Management Bill* ini mempunyai banyak pembaharuan, banyak *reform* dari segi pengurusan flat. Tetapi selepas satu (1) tahun, ia masih belum dilaksanakan, ia masih belum dilaksanakan dan masih lagi belum diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, bukan sahaja Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang tetapi juga Dewan Undangan Negeri, negeri-negeri lain. Saya nak tanya, apakah status *Strata Management Bill* ini. Kerana jika kita tak lulus di peringkat Dewan Undangan Negeri kita tak dapat melaksanakan *Strata Management Bill*, walaupun ia satu Akta Parlimen, dia perlu mendapatkan kelulusan Dewan Undangan Negeri ini. Dan juga Dewan Undangan Negeri lain. Dan

saya nak dapat satu penjelasan kerana ada satu usul yang telah cuba dibentangkan pada penggal lalu tetapi telah ditarik-balik pada saat akhir, tapi saya jangka akan dibentang semula pada sidang ini, tapi masih belum nampak bayangnya. Dan saya nak tanya juga mendapatkan penjelasan dari EXCO yang berkenaan. Apakah status *Strata Management Bill* yang bakal perlu diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan apa juga status di Dewan Undangan Negeri dan negeri-negeri lain?

YB. Timbalan Speaker, saya juga merakamkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mempunyai banyak perancangan tentang pembangunan di kawasan-kawasan saya, kawasan Air Itam, dan juga kawasan kawasan berdekatan. Di kawasan Bukit Gelugor dengan banyak infrastruktur dan juga dari segi pengangkutan yang diumumkan, antaranya ialah tentang pelebaran jalan di Lebuhraya Thean Teik, pelebaran jalan di Lorong Batu Lancang sedang dilaksanakan dan juga ada dua (2) projek *highway* yang dipanggil Air Itam *Bypass* yang sedang, yang telah diumumkan menghubungkan Bandar Baru Air Itam dengan Jelutong *Express* ataupun Tun Lim Chong Eu *Express Way* satu (1) *highway* akan meleraikan trafik dengan pembinaan *highway* ini, saya rasa ia akan membantu dari segi peleraian trafik, *free congestion, are prevent free congestion* dan juga saya mengalu-alukan pengumuman tentang Paya Terubong *paired road*, walaupun ia di kawasan Paya Terubong, tetapi dia akan sambung ke Kawasan Air Itam, dia akan dapat juga mengurangkan kesesakan trafik di Kawasan Air Itam dan Paya Terubong. Saya rasa pengumuman-pengumuman sedemikian adalah baik dan mengalu-alukan, saya mewakili penduduk-penduduk di kawasan Air Itam mengalu-alukan pengumuman sedemikian dan saya juga mengambil kesempatan ini mendapatkan *schedule* dengan jadual masa yang bakal dilaksanakan untuk kedua-dua projek Air Itam *Bypass* dan Paya Terubong *paired road* tersebut.

YB. Timbalan Speaker, saya juga ini mungkin mendapatkan pandangan daripada Pejabat Speaker kerana saya terbaca surat khabar *Malay Mail* pagi ini yang menyatakan bahawa *appraisal system for Penang State Assemblymen* tajuk dia dengan satu (1) ....(dengan izin) *Penang State Assembly has introduce a new appraisal system to access the quality of debate by the forty assemblymen*. Kalau dengan terjemahan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan satu sistem penilaian untuk menilai kualiti perdebatan empat puluh (40) orang Ahli Dewan Undangan Negeri. Saya rasa ini adalah sistem yang baru. Tapi saya belum nampak, saya pun belum ada atas meja saya apa-apa borang penilaian.... (gangguan), saya tanyakan. Saya pun belum tak dirujuk atau tak nampak borang penilaian tersebut. Mungkin boleh kita dapatkan penjelasan tentang borang penilaian ini. Bukan kita menolak borang penilaian, semua ADUN saya rasa kebanyakan, apabila kita bertanding sebagai wakil rakyat, kita adalah sentiasa, setiap hari, setiap saat, setiap percakapan kita atau setiap pergerakan kita adalah dipantau oleh orang awam. Tetapi saya nak juga dapat tahu berikan borang *input* penilaian tersebut. Semua kita tak dimaklumkan. Ada tak? kita tak dimaklumkan borang penilaian, kita hanya baca dari surat khabar tentang adanya wujud borang penilaian tersebut.... (gangguan).

### **Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Saya pun ada terbaca dalam Sinar pagi ini. Ditunjuk oleh YB. Dato' Speaker sendirilah ada dua (2) kotak. Saya pun tak nampak lagi sampai sekarang di mana letaknya kotak yang supaya diisi oleh orang ramai tentang perjalanan dan juga bagaimana kedudukan Ahli-ahli Dewan. Saya pun tak nampak. Tapi dalam Sinar ada gambar itu.

### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Kita sebenarnya tak ada masalah tentang apa-apa sistem penilaian. Tetapi hendaklah dijalankan dengan cara subjektif dan menyeluruh dan juga mendapat *input* daripada ADUN-ADUN kerana kita yang dinilai. Kita kena perlu memberi *input* supaya *input* penilaian ini dapat dijalankan menyeluruh dan saya juga melihat penilaian itu terhadap empat puluh (40) orang ADUN termasuk Tuan Timbalan Speaker, termasuk YB. Dato' Speaker, termasuk Pembangkang dan semua. Semua orang yang dinilai saya rasa ini perkara yang mungkin perlu juga mendapat *input* dan pandangan semua pihak saya nak juga. Tadi saya ada bincang dengan Berapit untuk Bahasa Inggeris untuk *Malay Mail* saya nak berikan sedikit “*Assemblymen* dia tak *gender neutral*” *is you use the word, what's the better words? Assembly person would be a better words ....(gangguan) elected representative is a better word* kerana *assemblymen* memang hanya merujuk kepada lelaki sahaja, di dalam Dewan ini terdapat wakil rakyat perempuan juga yang memperjuangkan hak-hak wanita, tadi Seri Delima membela hak wanita tapi dia tak ada tak syok la, dia ada dia boleh tambah sedikit oleh itu dari segi perkataan juga kita perlu juga guna perkataan yang *gender neutral ... (gangguan)*, bukan hanya *assemblymen* itu pandangan sedikit tentang perkara ini. Ketua Pembangkang masih belum sampai.

Saya juga hendak dapatkan maklumat ataupun input dari segi Penang Port kalau saya terbaca dalam surat khabar bahawa terdapat *management* yang baru terhadap Penang Port, kita pun hairan kenapa *management* yang baru terhadap Penang Port dan tidak dapat maklumat. Surat khabar bertarikh *The Star* bertarikh 22 Mac 2014 menyatakan *to announce the Federal Government*, Ketua Menteri menyeru *Federal Government, Federal Government have being urged to announce the appointed new operator for the Penang Port*, ada Operator baru Penang Port tetapi tak ada pengumuman rasmi daripada Kerajaan Persekutuan saya pun hairan *Sea Port*, laporan ini menyatakan bahawa pada Januari 10hb Seaport Terminal (Johor) Sdn. Bhd *Director* Dato' Mohd Sidek Syed Osman menyatakan bahawa Seaport Terminal (Johor) Sdn.Bhd *had been appointed to take over the operation of Penang Port Sdn.Bhd on January the 9.*

Sejak 9 Januari Seaport Terminal (Johor) Sdn. Bhd telah *take over* Penang Port dan tak ada kenyataan rasmi daripada Menteri berkenaan, daripada KSU berkenaan atau daripada apa-apa *information* rasmi. Oleh itu kita nak tanya apakah status Penang Port sekarang. Ini adalah di bawah bidang kuasa *Federal*, di bawah bidang kuasa *Federal* dan saya nak satu penjelasan yang lengkap daripada EXCO berkenaan. Siapa yang menguruskan Penang Port sekarang? Ini adalah berita yang saya paling akhir terbaca 22 Mac selepas itu tak ada pengumuman rasmi daripada *Federal Ministry* sepanjang dua (2) bulan tak ada siapa-siapa pun *announce* siapa uruskan Penang Port kerana dia merupakan begitu infrastruktur yang begitu penting kita nak tahu apakah cerita di belakang pelantikan Seaport Terminal (Johor) Sdn.

Bhd. dan siapakah *Directors* yang duduk dalam *board* tersebut kerana ia merupakan ia Penang Port merupakan satu (1) *port* yang begitu penting untuk kita. Saya rasa ini kita perlu ada satu (1) maklumat lanjut tentang pengurusan yang Port yang diuruskan.

Di samping itu saya juga ingin menyatakan tentang dasar penyewaan rumah oleh MPPP, baru-baru ini saya menerima satu (1) aduan daripada Ang Bee Nah yang telah menyewa rumah kepada Puan Teh Sun Sun seorang waris kepada penyewa rumah MPPP yang beralamat di 147-H Jalan Padang Tembak, pengadu ini telah menghuni di premis lebih kurang 50 tahun, penyewa Teh Sun Sun telah menghuni di premis lebih kurang 50 tahun tetapi telah menerima notis daripada MPPP untuk mengosongkan premis tersebut. Dia sudah duduk 50 tahun di premis diminta oleh MPPP untuk mengosongkan premis yang di sewa dia dan diberi notis dua (2) minggu dan saya rasa MPPP dari segi dasar penyewaan rumah, perlu juga turun ke padang, perlu juga menjalankan *interview* tentang *background* penyewa-penyewa supaya orang-orang yang perlu memerlukannya jangan dianiaya kerana pada kes ini apabila saya menemu ramah pengadu ini, saya mendapati kes dia memang kukuh, dia sudah menghuni di sana melebihi 50 tahun, walaupun rumah itu bukan atas nama dia, dia adalah mempunyai hubungan persaudaraan dengan penyewa asal, penyewa asal sudah meninggal dunia, saya rasa kes ini ada *justification* dan saya telah meminta MPPP supaya menyemak semula dasar penyewaan rumah dan jawapan yang saya terima daripada pegawai-pegawai berkenaan yang mungkin pegawai-pegawai bawahan itu ada dasar yang sedia ada. Saya rasa dasar adalah dibuat oleh kita semua, kita adalah pembuat dasar *legislators* seperti kita kita duduk di Dewan ini buat dasar dan pegawai-pegawai mengikut dasar yang kita merangka dan saya meminta MPPP supaya menyemak semula dasar penyewaan rumah, supaya orang-orang yang sudah duduk lama seperti Teh Sun Sun ini menghuni melebihi 50 tahun supaya dapat ditukar nama dia kepada sebagai penyewa dan bukan menerima satu notis keluar dari MPPP hanya bagi tempoh dua (2) minggu sahaja, saya minta satu penjelasan tentang kes ini.

Berbalik kepada kes-kes pembangunan saya tertarik Ketua Pembangkang menyatakan Seri Tanjung Pinang 1 dan 2 tentang projek-projek mungkin Ketua Pembangkang tidak *realist* projek-projek itu telah ditandatangani semasa sewaktu Kerajaan lama di mana beliau seorang EXCO sewaktu Kerajaan Barisan Nasional terdahulu. Walau bagaimanapun saya ingin membincangkan satu kes tentang Redevelopment of Royal Malaysia Air Force (RMAF). Saya baca dalam surat khabar, saya baca dalam surat khabar cadangan Redevelopment of Royal Malaysian Air Force di Butterworth di RMAF *base* dan projek ini dikatakan bernilai RM13 bilion, RM13 bilion kemudian *involve land swap covering the 558 hektar* dan tiada pengumuman terhadap perkara ini, perkara ini dibongkarkan apabila Ketua Menteri mengadakan sidang akhbar pada 18 Mac 2014.

Ketua Menteri meminta jawapan tentang RMAF *base* itu. Kemudian saya baru baca baru kawan-kawan kita dari Tasek Gelugor MP for Tasek Gelugor dan muka Ketua Pembangkang dalam gambar ini dan juga Permatang Berangan dalam gambar ini juga, Sungai Dua dalam gambar ini juga dan semua dalam gambar ini baru kita tahu bahawa apabila kita membongkarkan dia baru kawan-kawan kita sebelah baru tau ada satu projek *mega development* di RMAF *base* dan saya rasa perkara-perkara begini *how come there no consultation* dari *Federal Minister*? Mengapa *Federal Minister* tidak *consult* kawan-kawan kita Sungai Dua tak *consult*, Permatang Berangan tak *consult*, Telok Ayer Tawar projek yang begitu besar dengan



melibatkan TSR Capital Bhd. Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Pembinaan Bukit Timah Sdn. Bhd., tak ada *consultation, announce* begitu saja kita bongkar baru kita tau apabila kita Ketua Menteri membongkar perkara begini baru kita tahu.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Saya minta diperbetulkan beberapa fakta di sini Air Itam ya. YB. Dato' Speaker setelah dibongkar oleh Ketua Menteri itu perkataan yang disebut oleh Air Itam sebenarnya bongkar maksudnya benda baru, baru diketahui, kita dah buat *press statement* sebelum, ini yang baru keluar sahaja yang terbaru kita buat, tapi sebelum itu Ahli Parlimen Tasek Gelugor, ketiga-tiga ADUN dalam Parlimen Tasek Gelugor telah pun menyatakan bantahan dan memang kita di sini tidak ketahui, tidak dirujuk dan perkara macam ini tidak seharusnya berlaku, benda yang tak betul pun kita kena bantahkan, kita kena nyatakan tak betul, kaedahnya tak betul dan sebab itu kita buat bantahan dan kita semua tidak setuju di atas rancangan untuk memajukan tapak TUDM itu dan setelah kita buat bantahan cara dalaman dengan berjumpa dengan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan semua pihak-pihak yang terlibat telah pun diadakan, tapi sehubungan dengan itu juga saya ingin menyatakan kekesalan bahawa ada Ahli Dewan Undangan dalam Dewan ini mungkin tak ada di sini sekarang yang membuat kenyataan di khalayak ramai dihadiri oleh beribu orang menyatakan bahawa kami tiga orang ADUN dan Ahli Parlimen Tasek Gelugor dah menjual tapak TUDM kepada syarikat kroni, ini adalah satu fitnah pembohongan yang keterlaluan. Saya nak cabar dia suruh tunjuk bukti, tunjuk bukti kalau ada bukti kami tiga (3) orang rela letak jawatan, sekiranya kami terlibat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Terima kasih atas penjelasan, saya pun hairan tadi dalam ucapan Ketua Pembangkang tadi yang Seberang Jaya ada tapi Ketua Pembangkang tidak bangkitkan isu ini tapi sekarang telah keluar dan saya juga ada terbaca tentang notis-notis ini, kita boleh *I mean* membuat perdebatan tentang isu sedemikian kerana ia melibatkan *State National Interests* atau isu RMAF ini melibat *State National Interests* tempatan dan saya rasa perlu juga bukan sahaja Kerajaan Negeri perlu di *consult*, perlu dirujuk saya merasa kesal terhadap menteri berkenaan, Kementerian pertahanan saya rasa, Kementerian Pertahanan yang beria-ria nak melaksanakan RMAF pembangunan semula RMAF *base* dengan menggantikan dengan *land swap*, bukan sahaja *land swap*, saya rasa dia nak bina *mixed project integrated mixed project with GDV value of more than 10 billions Ringgit* dalam perancangan.

Saya meminta supaya Kementerian Pertahanan, Menteri Pertahanan memberikan satu penjelasan *of course* di Parlimen. Mungkin Ahli Parlimen boleh mendapatkan penjelasan tentang perkara ini kerana melibatkan *National Interest* dengan MH370 ini apabila kalau terbang MH370 yang melalui RMAF Butterworth yang radar pun kita walaupun mungkin dikesan, tak kesan kita pun tak tahu, ini misteri ia sudah menjadi satu misteri kerana RMAF Butterworth MH370 dilaporkan melalui RMAF Butterworth, radar pun kesan tak kesan tak tahu. Itu satu *question mark* misteri, bukan sahaja radar itu misteri, tetapi penjualan tanah juga misteri, penjualan tanah juga satu misteri, kita pun tak tahu ada satu (1), bagaimana berlaku, apakah projek, apakah progres dia, kita tahu sana bantah, sini bantah, *you know*

kerana ini pula nak keluarkan *legal* notis. Janganlah keluarkan *legal notice* kena minta pergi, pergi jumpa Menteri Pertahanan untuk hentikan projek ini dan dapatkan penjelasan lanjut bagaimana ini berlaku. Saya rasa perkara ini penting *National Interest* kerana ada RMAF telah wujud di Butterworth melebihi berapa lama, 50 tahun ada? Dulu Australian, *Australian Air Force*, mungkin *you* lebih tau daripada saya 51 tahun. So lama semenjak dia mempunyai kepentingan nasional, janganlah Kementerian Pertahanan bekerjasama *consortium-consortium, big time developer* untuk mendapatkan tanah kita dan apa *national interest* membuat rumah-rumah mewah melebihi RM10 bilion, saya menyeru semua pihak, bukan saya sebelah sini sebelah sana juga, sama-sama kita meminta kementerian pertahanan untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada mereka. YB. Timbalah Speaker dan saya juga....(gangguan).

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan. Terima kasih YB. Air Itam, terima kasih YB. Timbalan Speaker saya tertarik dengan isu ini dan saya rasa tadi untuk Ketua Pembangkang DUN Telok Ayer Tawar pun ada membangkitkan tentang isu, di mana ketiga-tiga wakil rakyat di kawasan itu pun tidak dirujuk dan juga diminta ulasan. Saya rasa adalah penting dalam Dewan ini dengan kita berharap supaya Kerajaan Negeri yang akan memantau tentang transaksi tanah tersebut khasnya ini adalah tanah yang dimiliki oleh rakyat, tanah rakyat ada apa-apa pembangunan nak dijalankan ia mesti melalui satu proses yang terbuka dan rakyat ingin tahu apa yang akan dijalankan di kawasan sana.

Saya rasa Ayer Itam bangkitkan isu ini sangat penting untuk kita semua tahu bahawa rakyat Pulau Pinang ini memang prihatin terhadap tanah tersebut dan sekiranya ada apa juanya pembangunan yang akan dilaksanakan pada hari yang akan datang, saya rasa pihak PBT dan juga pihak Kerajaan Negeri pun akan memantau dan juga meluluskan projek tersebut. Oleh itu saya rasa perkara ini bolehkah Air Itam terima cadangan supaya projek ini atau tanah tersebut, apa-apa jenis pembangunan itu perlu dibawa dirujuk kepada bukan sekadar ADUN kawasan atau Ahli Parlimen Kawasan tetapi Kerajaan Tempatan dan juga Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan sikit, saya nak tanya Air Itam YB. Dato' Speaker sama ada Air Itam setuju kalau kita membawa satu usul di bawa Dewan ini untuk membantah sebarang pembangunan ke atas tanah TUDM.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Pembangkang kena draflah, kita lihat bagaimana, *I mean pembangkang you* kena draflah kalau *you propose you draft then we see how the wording....* (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan sedikit, sebelum kata sokong, tak sokong, saya kena tahu pendirian, pendirian adalah ketiga-tiga buat bantahan kerana tidak dirujuk pada ketiga-tiga ini dulu atau ketiga-tiga ini buat bantahan pada projek ini, yang mana satu, kalau kerana tidak rujuk pada ketiga-tiga saya tak sokong, kerana mengapa

iaitu kata orang Cina kata belum ...(cakap loghat Cina), itu satu perkara, jikanya bantah kepada pembangunan di sana itu lain cerita, yang mana satu so supaya semua dalam Dewan ini tahu dan faham prinsip *and a desire*.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Laluan. Terima kasih YB. Dato' Speaker dan Air Itam. Usul kita ingin bawakan adalah kerana kita membantah sebarang pembangunan ke atas tapak TUDM itu, bukan kerana tak dirujuk. Jadi saya minta sokonganlah pada semua dalam Dewan ini, supaya usul tu dikemukakan nanti.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Ya, YB. Tuan Speaker *I mean* selain daripada isu-isu pembangunan yang saya bangkitkan tadi tentang TPPA, tentang RMAF, dasar penyewaan rumah dan juga *strata management bill. The appraisal system for Penang assemblymen* dan sebagainya saya juga ingin memuji Kerajaan Negeri kerana ada inisiatif dari segi *Community Goodwill* program-program *Community Goodwill* yang telah dipelopori dan dianjurkan oleh Kerajaan Negeri kerana Ahad lalu kita Kerajaan Negeri menganjurkan *State Wesak Day, State Wesak Day* dianjurkan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri juga menganjurkan Hari Gawai dan Kaamatan di Esplanade dan saya rasa Hari Wesak Day dan juga Hari Gawai dan Kaamatan adalah satu *good move* kerana ia bukan sahaja merapatkan perhubungan antara kaum dan juga memberikan pengiktirafan kepada agama-agama dan juga praktis amalan-amalan kebudayaan semua kaum kerana sebelum ini kita tak ada Wesak Day peringkat negeri, *State Wesak Day* yang dikeluarkan yang ditaja oleh kerajaan sebelum ini tak ada *State Wesak Day*, sebelum ini hanya *Buddhist Temple* dan juga *Buddhist Organisation* menganjurkan Wesak Day mereka sendiri tapi sejak 2012 Kerajaan Negeri mengeluarkan wang dan juga menaja *State Wesak Day*. Saya rasa ini satu langkah yang baik dengan bukan sahaja memberikan pengiktirafan sepatutnya kepada semua bukan sahaja ada Hari Raya Aidilfitri, bukan sahaja ada Deepavali, Thaipusam yang ditaja oleh Kerajaan Negeri, *Wesak Day* juga ditaja *State Christmas Open House* kita juga menunjukkan contoh kepada kawan-kawan kita dari Sabah dan Sarawak. *We are the part of the federation*, kita sebahagian daripada Persekutuan. Kita hendaklah selalu ingat kita sebahagian daripada Persekutuan, ramai penduduk-penduduk dari Sabah dan Sarawak yang bekerja di Pulau Pinang ramai yang jadi jururawat banyak di hospital swasta sini, *but* ramai jururawat daripada Sabah dan Sarawak, ramai juga mereka yang bekerja-bekerja di kilang-kilang kita dan kita menganjurkan satu Hari Gawai dan Kaamatan buat pertama kali dalam sejarah Pulau Pinang. *First time State Government organize State* Hari Gawai dan Kaamatan ini satu petanda yang bagus, saya rasa program-program *community goodwill* ini hendaklah diteruskan, hendaklah diteruskan supaya bukan sahaja hendak *celebrate the diversity* dengan kepelbagaian supaya kebudayaan dan juga kita lebih lagi kaya dan dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada semua dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Paya Terubong.

## Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Yang Berhormat, YB. Timbalan Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang diberikan untuk berbahas pada petang di Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker saya di sini ingin lagi menyentuh isu mengenai Rancangan Tempatan Pulau Pinang, (*Penang Local Plan*) walaupun Yang Berhormat Datok Keramat cuba menjawab soalan lisan saya pada hari kemarin daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Dato' Keramat, kelewatan pewartaan Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 ada disebabkan oleh kerana Rancangan Kawasan Khas (RKK) kawasan tapak warisan dunia George Town dan RKK Taman Botani. Oleh kerana kerajaan ingin mengambil kira kedua-dua RKK tersebut, maka draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang telah ditangguhkan sejak tahun 2008 sehingga tahun ini. Saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri terhadap Akta Perancang Bandar dan Desa *Town and Country Planning Act* di mana akta tersebut telah jelas menyatakan bahawa Rancangan Tempatan mempunyai hierarki yang lebih tinggi daripada Rancangan Kawasan Khas di mana seluruh rancangan tempatan patut diwartakan sebelum Rancangan Kawasan Khas. Saya mengambil contoh misalan Rancangan Struktur Negeri (RSN) Pulau Pinang 2020 di mana kita tidak pernah mengambil alasan bahawa Rancangan Tempatan Pulau Pinang belum diwartakan atau diputuskan, maka Rancangan Struktur Negeri tidak boleh diwartakan.

Dalam hierarki perancangan, Struktur Negeri berada di tahap paling tinggi, selepas ini baru Rancangan Tempatan, dan selepas ini barulah sampai Rancangan Kawasan Khas. Jadi Rancangan Tempatan harus diwujudkan sebelum Rancangan Kawasan Khas. Sekarang kelewatan seluruh rancangan tempatan Pulau Pinang adalah disebabkan oleh belum putusanya RKK Tapak Warisan George Town dan Taman Botani. Keadaan sedemikian telah mewujudkan sesuatu keadaan yang tidak adil terhadap kawasan-kawasan lain yang bukan kawasan George Town dan kawasan Botani. Saya membangkitkan kelewatan pewartaan Rancangan Tempatan ini sebab saya mendapati bahawa banyak pemaju telah mengambil peluang kesempatan untuk membina projek-projek yang mungkin tidak selaras atau tidak harmoni dengan kawasan yang sedia ada atas alasan kekurangan ketiadaan pewartaan *Penang Local Plan* tersebut. Saya mengambil contoh yang paling baik iaitu projek The Cantonment di Jalan Cantonment di KADUN Pulau Tikus di mana sebuah kondominium 32 tingkat yang mempunyai 71 unit kondominium mewah telah dibina disekitar kawasan perumahan teres, Semi-D, banglo yang semuanya *low-rise*. Keadaan memang *sangat* tidak selaras dengan keadaan sekeliling dan dijangka akan mewujudkan keadaan trafik yang tidak selesa pada suatu hari nanti walaupun *Traffic Impact Assessment* di luluskan oleh MPPP semasa permohonan rancang.

Saya pernah mempunyai perbincangan dengan perunding atau *town planner* dari Singapura di mana kejayaan Singapura dalam perancangan bandar adalah sebab mempunyai rancangan bandar dan desa yang jelas dan *definite*. Perbezaan Singapura dengan Pulau Pinang sekarang adalah Singapura mempunyai rancangan yang jelas dan bervisi panjang sementara plan perancangan pembangunan Pulau Pinang sekarang adalah dalam keadaan '*ad hoc*'. Saya di sini bukan ingin mengecam pihak Kerajaan Negeri tetapi memang harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bercita-cita menjadikan sebuah bandaraya yang berjaya haruslah mempercepatkan pewartaan Rancangan Tempatan Pulau Pinang. Draft telah diluluskan di tahun 2008 sampai sekarang lebih kurang 5 tahun 6 tahun. Saya nampaknya ini bukan satu amalan yang *efficient*. Untuk wartakan pelan, perlu

mengambil begitu banyak masa. Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merayu kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya dapat mengambil perhatian rayuan daripada Tanjung Bunga terhadap pengekalan *seagrass beds* di *Middle Bank* lautan Pulau Pinang demi kepentingan alam sekitar.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga ( YB. Teh Yee Cheu):**

Sebelum saudara Yang Berhormat pergi ke isu *sea grass beds* saya nak tanya Yang Berhormat Paya Terubong kalaulah pelan struktur Pulau Pinang 2007 tu dikaji semula dengan sempurna dan juga Pelan Tempatan diwartakan secepat mungkin mungkin semua permohonan akan dijalankan dengan lebih lancar dan adakah berkemungkinan SPC tidak payah lagilah.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Terima kasih Tanjung Bunga. Pada pendapat saya kalau RSN dikaji semula diwartakan semula dan juga Rancangan Tempatan dapat diwartakan. Memangnya semua pelan permohonan akan lebih senang dan kebanyakan mungkin tidak akan dirujuk kepada SPC sebab semua zon-zon adalah sangat jelas dan contohnya sekarang ada zon pertanian boleh dipohon ke SPC untuk dizonkan sebagai zon perumahan. Kalau ada Rancangan Tempatan semuanya ini tidak akan diperlukan lagi. YB. Tuan Speaker, saya di sini ingin memberi sokongan kepada ADUN Tanjung Bunga terhadap pengekalan *sea grass bed* sebab saya percaya ini bahawa bantahan Tanjung Bunga terhadap projek tebus guna tentu adalah adanya alasan dan rasionalnya yang disokong oleh pakar-pakar. Jadi saya berpendapat Negeri Pulau Pinang yang terkenal sebagai sebuah *Green State* (Negeri Hijau) perlu lebih berhati-hati dalam pelaksanaan projek tebus guna yang mungkin mengancam alam sekitar. Begitu juga projek Sri Tanjung Pinang Fasa 2 (STP2) yang telah ditandatangani oleh kerajaan BN dahulu. Saya mengambil pendirian bahawa kepentingan ekonomi tidak patut mengatasi kepentingan alam sekitar khususnya jikalau keuntungan atau kepentingan komersial hanya di sebelah pihak pemaju sahaja. Sekiranya tebus guna ada untuk kepentingan awam (*public interest*) contohnya pembinaan lapangan kapal terbang ditebus guna ini mungkin boleh disokong kerana in adalah *public interest*. Jikalau tebus guna hanya diguna untuk membina rumah mewah yang akhirnya akan dibeli orang kaya raya sahaja atau oleh warga asing sahaja. Saya merayu Kerajaan Negeri adalah lebih perlu berhati-hati dan perlu lebih mengambil pandangan daripada orang tempatan. STP2 ini memang telah ditandatangani kontrak oleh kerajaan BN dahulu dengan pemaju. Walaupun risiko atau ganti rugi mungkin perlu dibayar oleh kerajaan terkini kepada pemaju asal jikalau kerajaan terkini membatalkan kontrak.

Namun saya mengambil pendirian bahawa kepentingan alam sekitar tidak harus dikorbankan demi keuntungan pemaju swasta. Kita tidak mahu melihat impak atau kesan negatif terhadap alam sekitar yang akan menjejaskan kawasan rizab pantai di sekeliling Pulau Mutiara ini. Kerajaan Negeri boleh mengkaji daripada segi undang-undang mendapatkan *legal advice* atau *legal consultation* sama ada kontrak itu yang ditandatangani oleh kerajaan dahulu boleh dikaji semula atau dibatalkan.

YB. Timbalan Speaker, di sini saya ingin sentuh mengenai harga rumah di Pulau Pinang. Sebenarnya peningkatan harga rumah merupakan satu keadaan yang bukan hanya berlaku di Pulau Pinang sahaja, tetapi juga di seluruh Malaysia termasuk Kuala Lumpur dan Johor. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada YB.

Pulau Tikus dan YB. Tanjung Bungah sebab hartanah yang paling mahal adalah di Pulau Tikus dan Tanjung Bunga. Sekarang di Pulau Pinang, rumah di persiaran *Gurney* boleh dijual sampai ringgit malaysia 1,200 kaki persegi dan ada juga transaksi sampai 1,500 kaki persegi. Begitu juga di Tanjung Bunga dan Sri Tanjung Pinang. Di kawasan warisan George Town pun ada transaksi sudah sampai seribu ringgit kaki persegi. Di Jelutong pun ada sampai RM600,00 hingga RM800.000 kaki persegi kaki persegi. Kita tidak boleh mengharap harga rumah boleh jatuh, sebab harga dalam keadaan yang lembab atau keruntuhan ekonomi, harga hartanah akan runtuh. Kita memang tidak mengharap keadaan sedemikian berlaku di Malaysia mahu pun di Pulau Pinang seperti apa yang berlaku, krisis ekonomi yang berlaku di Amerika Syarikat di sebaliknya peningkatan harga rumah, harga hartanah boleh dilihat daripada segi positif di mana ini bermaksud permintaan banyak, semakin ramai populasi masuk ke Pulau Pinang. Ini juga satu tanda kemakmuran.

Sesebuah bandar yang membangun, populasi memang akan meningkat. Populasi meningkat memang permintaan terhadap rumah pun akan turut meningkat. Pulau Pinang merupakan sebuah bandar raya menarik. Maka tidak mustahil, tidak hairanlah harga tanah akan meningkat. Lagipun, semakin kurangnya tanah dan kenaikan kos *material* apalagi GST yang akan dilaksanakan pada tahun depan. Tentulah harga rumah akan terus naik dan tidak akan turun. Cabaran kita di sini bukan berdoa supaya harga rumah boleh jatuh, cabaran yang kita perlu lakukan adalah untuk membina lebih rumah mampu milik untuk memenuhi permintaan.

Pada persidangan Dewan kali ini saya telah mengemukakan soalan bertulis di mana YB. Datok Keramat telah memaklumkan dalam jawapannya bahawa sebanyak 250 unit kos rendah, 7,579 unit kos sederhana rendah dan 12,144 unit rumah mampu milik akan dibina oleh PDC Sdn. Bhd. Selain dibina oleh PDC Sdn Bhd., saya di sini juga ingin mencadangkan supaya pemaju swasta dapat digalakkan untuk membina lebih rumah mampu milik. Pemaju-pemaju yang ingin membina rumah mampu milik patut diberikan insentif.

Contohnya, *plan fee* yang mempunyai diskaun, keutamaan diberikan untuk memproseskan permohonan merancang di PBT atau *density* yang lebih tinggi untuk projek rumah mampu milik di kawasan yang tertentu. Saya juga berpendapat bahawa memang tiada satu mekanisme untuk bagaimana kita hendak *control*, hendak mengawal harga rumah dalam *open market* ini, dalam pasaran yang bebas yang terbuka ini, adalah mustahil untuk kita mengawal harga rumah. Tetapi apa yang boleh kita lakukan adalah untuk menambahkan pembekalan supaya wujud adanya keseimbangan diantara pembekalan dan permintaan. Ini adalah satu konsep ekonomi, barulah harga rumah boleh dikawal secara oleh dipasar terbuka ini.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker, di sini saya ingin memberi kepujian kepada YB. Datok Keramat terhadap kerajinan, keupayaan dan pencapaian beliau dalam portfolio beliau. Dalam persidangan yang dahulu saya telah membangkitkan masalah pekerja asing yang membanjiri rumah kos rendah di Pulau Pinang dan mencadangkan kita mencontohi Singapura yang membina *worker's village* iaitu hostel untuk pekerja asing.

Yang Berhormat Datok Keramat memang dapat mengambil keputusan yang cepat dan tindakan yang cepat untuk membuat kajian terhadap model di Singapura dan bagaimana untuk menyelesaikan masalah pekerja asing ini. Dalam fahaman saya, kajian telah dirujuk dan telah diambil balik daripada Singapura dan saya juga

difahami bahawa lokasi sedang dicari untuk pemindahan pekerja asing. Dengan secepatnya kewujudan hostel pekerja asing, masalah rumah kos rendah dibanjiri oleh pekerja asing haraplah dapat diselesaikan. Di sini saya jugai ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri di mana selain Singapura, model atau contoh daripada Dubai juga boleh dikaji. Kita sedia maklum bahawa Dubai merupakan sebuah negara yang sedang membangun dengan pesat dan juga mempunyai banyak pekerja asing di Dubai. Jadi, saya difahami bahawa Dubai mempunyai satu sistem pengawasan atau pengurusan yang baik dalam menempatkan pekerja asing supaya kehidupan orang tempatan tidak diganggu. Untuk menuju ke arah bandar raya yang berjaya, masalah pekerja asing ini mestilah diselesaikan dengan secepat mungkin dan juga mengkaji contoh-contoh yang sukses yang berjaya. misalnya Singapura atau Dubai.

Di sini saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai KADUN saya sendiri. Saya telah dalam soalan bertulis di persidangan ini meminta supaya pihak kerajaan menjadikan dan menyenaraikan Bukit Penara di Paya Terubong dan Tokong Tua Pek Kong di pekan Relau sebagai tempat pelancongan baru. Walaupun Bukit Penara telah diwartakan sebagai hutan simpanan kekal di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 dan terpelihara daripada pembangunan termasuk pembangunan perumahan. Memandangkan keindahan semula jadi yang kaya di Bukit Penara, Kerajaan Negeri sepatutnya mempertimbangkan cadangan saya untuk menyenaraikan Bukit Penara sebagai satu tempat pelancongan eko yang terbaru. Bagi pelancong yang pergi ke Bukit Bendera juga boleh dibawa datang ke Bukit Penara untuk melihat *sunset* yang cantik, melihat kebun bunga di atas bukit dan juga makan durian di atas bukit. Bukit Penarak juga kaya raya dengan sejarah zaman penjajahan Inggeris dan Jepun di mana wujudnya penduduk tempatan menentang askar-askar Jepun dan askar Inggeris. Oleh kerana ketiadaan penjagaan yang baik.

Saya dimaklumkan oleh orang tempatan di atas bukit bahawa dahulunya memang ada bangunan yang didirikan oleh orang Inggeris tetapi telah rosak dan tidak dapat dijumpai lagi. Selain Bukit Penara sebagai tempat pelancongan eko yang baru, sebuah tokong yang terletak di pekan Relau yang mempunyai sejarah melebihi 100 tahun, pun juga mempunyai kelayakan disenaraikan sebagai tempat pelancongan. Memang di Pulau Pinang ini kaya dengan pelbagai kebudayaan yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kita ada masjid, tokong, kuil yang bersejarah. Kesemua ini dapat dijadikan tempat pelancongan yang baru atau tarikan yang baru kepada pelancong-pelancong luar. Saya difahami bahawa Tokong Tua Pek Kong di Relau ini dibina pada zaman Maharaja Guang Xu iaitu melebihi 100 tahun daripada sekarang. Sejarah tokong ini boleh dijadikan satu tarikan kepada pelancong-pelancong dari Negara China, Taiwan atau Hong Kong selain Tokong Ular di Bayan Lepas. Saya berpendapat tiada kemudahan untuk kerajaan menyenaraikan lebih banyak lagi tempat-tempat pelancongan yang baru. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada tarikan-tarikan yang sedia ada sahaja. Demi mempromosikan sektor pelancongan negeri, kita mesti mempromosikan lebih banyak tempat kepada pelancong.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas usaha untuk membantu pemuliharaan projek terbenakalai perumahan Majesty Height fasa 2 dan Pasar di Paya Terubong. Walaupun projek pemulihan Majesty Height fasa 2 dan Pasar di Paya Terubong baru-baru ini diumumkan oleh Kerajaan Negeri sebelum Pilihan Raya Kecil Bukit Gelugor. Saya ingin menjelaskan bahawa pengumuman ini bukan dibuat semata-mata untuk PRK Bukit Gelugor sahaja, sebaliknya, saya sebagai ADUN

tempat, telah banyak kali memastikan kedua-dua isu ini sejak tahun 2008 apabila saya dilantik sebagai ADUN untuk kawasan Paya Terubong. Saya boleh menjadi saksi bahawa kedua-dua projek pemulihan tersebut telah dalam rancangan sejak tahun 2008. Kerajaan Negeri telah bermula rundingan dengan *White Knight*, kedua-dua projek ini sejak iaitu PLB untuk projek terbengkalai Majesty Height dan *White Knight* untuk projek fasa terbengkalai sejak tahun 2008.

Secara kebetulannya, kadua-dua projek terbengkalai ini tibalah masa perlu dibuat pengumuman sebelum PRK Bukit Gelugor. Selain kedua-dua projek ini, projek *Paired Road* yang menyambungkan Jalan Bukit Kukus dari Paya Terubong ke Bukit Jambul juga akan dilaksanakan demi menyelesaikan masalah trafik di Paya Terubong. Saya dapat melihat bahawa Paya Terubong akan dapat dibangunkan dengan pesat dengan lebih pesat dan lebih tersusun dalam 10 tahun yang akan datang ini. Kilang Getah Lee Rubber yang telah ditutupkan pada tahun 2012 dan tapaknya seluas 25 ekar yang kini telah dibeli oleh *Sunway Group*. Saya berharap tapak tersebut 25 ekar ini dapat dibangunkan dengan projek yang bukan hanya merangkumi perumahan tetapi juga ada kemudahan awam seperti taman, kawasan lapang, pusat membeli belah, hab pengangkutan, pusat pendidikan yang akan diwujudkan. Akhir kata saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat menggubalkan polisi-polisi atau program yang dapat membangunkan negeri ini dengan satu prancangan yang lebih sensitif kepada keperluan rakyat di Pulau Pinang dan dapat meningkatkan lagilah kualiti rakyat secara umum, sekian, saya memohon menyokong.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang:**

Seterusnya Pengkalan Kota.

#### **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih YB. Timbalan Speaker kerana memberi saya peluang untuk membahas hari ini. Isu yang saya ingin sentuhkan adalah tentang ucapan T.Y.T. Tun pun ada sentuh dalam ucapan Tun atas pelancongan Negeri Pulau Pinang bahawa kita semua tahu mulai Jun tahun ini, Kerajaan Negeri akan mengutip levi sebanyak RM2.00 setiap bilik penginapan di hotel satu hingga tiga *star* hotel-hotel yang empat (4) *star* ke atas akan dikenakan levi sebanyak RM3 setiap bilik penginapan. Ini saya masih ingat beberapa tahun yang lalu, saya pernah mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini tentang supaya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengutip cukai pelancong asing sebanyak RM10.00 setiap orang, setiap kali untuk yang mengunjungi Negeri Pulau Pinang kerana ini adalah untuk mendapatkan lebih banyak duit untuk mempromosikan dan menaik taraf tempat-tempat pelancongan di Pulau Pinang.

Selepas Kerajaan Negeri memberi pertimbangan yang berat dan selepas beberapa kali mesyuarat akhirnya Kerajaan Negeri telah memutuskan pengutipan levi bagi setiap bilik penginapan melalui Pihak Berkuata Tempatan. Ini saya memang setuju atas keputusan ini bahawa Kerajaan Negeri sudah dikenali sebagai tempat pelancongan yang popular dan kita memang perlukan satu kos yang tinggi untuk menaikkan taraf tempat pelancongan dan termasuknya tapak warisan, supaya kita dapat dapat menarik lebih banyak pelancong dari luar negara atau pun negeri yang lain dan bukannya dan bagi Kerajaan Negeri dapat melaksanakan pelbagai aktiviti-aktiviti untuk pelancong-pelancong dan juga untuk memastikan pelancong yang



datang ke Negeri Pulau Pinang bukannya satu (1) kali sahaja dan semasa ke semasa apabila mereka ingin pergi *travel*...(dengan izin). Mereka akan ingat mereka akan mahu mari ke Negeri Pulau Pinang, akan menjadi pilihan yang pertama untuk mereka.

Melalui polisi ini saya ingin tahu bagaimanakah PBT dapat mengawal dan memastikan setiap penginap di hotel-hotel sekitar Negeri Pulau Pinang atau pun operator-operator hotel tersebut dapat mengutipkan duit levi itu dan membayar balik kepada PBT dan apakah mekanisme yang akan diamalkan oleh Kerajaan Negeri supaya perbuatan tersebut dapat diamalkan dengan betul dan macam mana memastikan mereka boleh membayar dan manakah *department* yang mereka bayar levi tersebut kepada PBT, so ini kena *make it very clear*.....(dengan izin) kerana kita akhirnya tentu kena bagi tahu untuk penduduk rakyat Negeri Pulau Pinang tahu berapakah levi yang kita kutip dan macam mana juga disimpan oleh *department* mana satu dan lagi yang lagi pentingnya selepas kutipan levi tersebut adakah rancangan yang perlu diadakan oleh Kerajaan Negeri supaya selain daripada membuat program-program untuk menarik perhatian daripada pelancong-pelancong tetapi juga yang pentingnya dapat menaiktarafkan lagi dan supaya tempat pelancongan tersebut akan menjadi lebih baru dan segar untuk pelancong yang pernah datang ke Pulau Pinang. Saya memang setuju dengan rakan YB. Paya Terubong yang tadi sudah kata sektor pelancongan kita tak boleh, sekarang masih macam *stop* di status yang sekarang, kita perlukan cari jalan yang lebih banyak untuk mengatasi supaya kerana dapat mengalakkan lebih banyak pelancong setiap tahun.

YB. Timbalan Speaker, isu yang saya akan sentuhkan ialah seterusnya ialah tentang masalah-masalah yang selalunya kita menghadapi ialah *maintenance fee* yang setiap kali kita tak dapat menerima aduan-aduan seperti mereka tak cukup duit untuk membuat kerja-kerja menaiktaraf seperti tangki sudah rosak, tangki bocor, lif rosak kena tukar yang baru dan lain-lain bahan-bahan kena *upgrade* dan AJK bangunan tersebut tidak mampu membayar kos-kos tersebut kerana yuran *maintenance fee* mereka yang sepatutnya dikutip, mereka tidak kutip dengan sempurna. Saya percaya masalah-masalah *building* rumah pangsa *I think* Pulau Pinang pun, saya percaya YB. Paya Terubong pun menghadapi masalah ini juga dan apa yang AJK bangunan itu menghadapi ialah kekurangan wang kerana mereka ada yang mereka tak berani pergi kutip dan mereka tidak merasa senang kutip setiap bulan jika orang tidak bayar kerana kebanyakan orang-orang yang bayar juga mungkin ialah jiran mereka dan mereka tak berani nak tiap-tiap hari pergi untuk kutip *maintenance fee* dan ini juga telah menyebabkan kekurangan kutipan *maintenance fee* juga menyebabkan kesusahan kepada penduduk-penduduk yang lain yang membayar *maintenance fee* setiap bulan dan ini juga tidak adil kerana masalah tersebut telah timbul dan masalah yang timbul ini juga pernah penduduknya AJK pernah datang ke *office* adun untuk mencari cara penyelesaian dan selalunya kami telah mengatur satu (1) mesyuarat dengan COB yang di bawah MPPP untuk memberi kerjasama dan pertolongan atas AJK-AJK yang mereka menghadapi masalah dan walaupun COB telah memberi banyak kerjasama dan pertolongan akan tetapi masalah-masalah tersebut masih timbul. Oleh itu saya merasa kita sebagai Kerajaan Negeri mungkin akan cari satu cara penyelesaian untuk menangani isu ini walaupun kita tahu bangunan tersebut merupakan *private property* akan tetapi setiap kali mereka menghadapi masalah ini walaupun *private property*, ajk-ajk tersebut akan datang ke *office* ADUN untuk meminta pertolongan daripada mereka so di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan atau pun PBT supaya bolehkah

mengkaji sama ada PBT dapat mengutip *maintenance fee* dan kemudiannya melalui proses tender melantik syarikat pengurusan untuk mengurus bangunan-bangunan bertingkat ini dan pada masa itu PBT akan menjadi agensi yang sah untuk memantau dan mengawal semua bangunan-bangunan bertingkat. Mungkin cadangan ini kita juga akan menghadapi halangan pelaksanaan dari segi undang-undang tetapi saya merasakan kita perlulah mengkaji cara-cara atau jalan yang berkemungkinan untuk melaksanakannya bagi menangani masalah ini.

YB. Timbalan Speaker, pada masa ini golongan belia yang telah terjerat dengan penggunaan telefon pintar dan penggunaan produk-produk elektronik secara berlebihan sehingga mengabaikan kehidupan sosial mereka hari ini. Daripada apa yang saya lihat kebanyakan pemuda dan pemudi masa kini hanya mementingkan penggunaan telefon pintar untuk aktiviti bersosial seperti laman *face book*, *you tube*, permainan *game* secara *online* dan sebagainya sehingga terbawa aktiviti di meja makan, malahan percakapan antara perbualan sesama rakan juga semakin berkurangan. Di sini saya ingin mencadangkan adakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menggalakkan beliawan dan beliawanis Negeri Pulau Pinang supaya lebih mengamalkan gaya hidup sihat melalui aktiviti bersukan atau pun rekreasi dan membina jati diri masing-masing. Saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri boleh membina arena sukan pelbagai guna atau kompleks sukan pelbagai guna di setiap komuniti atau pun di setiap kawasan yang pesat dengan penduduk dan atau di daerah mempunyai satu arena kompleks, arena sukan itu supaya golongan belia menjalankan aktiviti-aktiviti sukan. Pada masa yang sama juga boleh menggalakkan pemuda menyertai aktiviti sukan dan memupuk suasana sukan.

Dengan sedemikian pemuda mempunyai satu *platform* untuk potensi bakat mereka kerana walaupun kita tahu membina arena sukan atau pun mendirikan satu kompleks sukan adalah memang kos tinggi dan *maintenance* yang kita perlu mempertimbangkan dan juga ini kos sukan mungkin akan mengalami kerugian atas *maintenance* kerana kita tidak mengutip bayaran dan ini juga merupakan satu tanggungjawab sebagai walaupun ada masalah-masalah tetapi ini juga merupakan satu tanggungjawab yang patut dipikul oleh kerajaan sebagai Kerajaan Negeri kerana kita tau jikalau ada di semua tempat kita memang memerlukan satu arena yang sukan yang bertaraf antarabangsa. Ini juga ada satu kaedah yang membantu Kerajaan Negeri dapat mencapai matlamat *international city* yang kita inginkan dan dengan semua arena tersebut yang sedia ada, kita mungkin akan mendapat menganjurkan aktiviti-aktiviti atau program-program sukan berantarabangsa, jika ada tempat-tempat yang menganjurkan sukan-sukan berantarabangsa, ini juga akan membawa juga lebih banyak pelancong datang ke negeri kita sambil bersukan dan juga nama Pulau Pinang akan juga pada masa yang sama akan menjadi lebih terkenal atas kerana kita bukan sahaja *state* yang *truly state tourism state*, kita juga mementingkan sukan-sukan dan menjadikan nama Pulau Pinang di antara *international squash* dapat dikenalkan oleh ramai orang dan masalah-masalah yang kita hadapi sekarang yang kita boleh nampak di kompleks-kompleks sukan memang tidak cukup. Jika ada tempat yang bersukan kita boleh nampak dapat cari di bawahnya *private club* yang tertentu dan ini juga hanya untuk *members* sahaja, untuk ahli sendiri sahaja dan tidak dapat tolong pemuda-pemuda yang di kalangan miskin dan penduduk-penduduk di sekeliling Pulau Pinang.

Oleh itu, saya juga difahamkan bahawa di MSN pun menghadapi masalah tempat atlet-atlet untuk *training* dan seperti baru beberapa dua (2) tahun yang lalu Persatuan Ping Pong Pulau Pinang baru dapat satu tempat di untuk melatih atlet-

atlet ping pong Negeri Pulau Pinang ialah di Kompleks Dewan Komuniti Macallum di tingkat 3. Dewan Komuniti Macallum. Ini sudah banyak tahun atlet-atlet dan MSN juga menghadapi masalah ini dan saya ingat masa sekarang ialah masa yang tepat supaya kita dapat *move forward* dan supaya kita betul-betul buat sesuatu untuk mendirikan nama baik negeri kita dan dalam bidang sukan dan juga untuk mengatasi masalah-masalah atlet negeri kita yang susah nak cari tempat untuk berlatih, dan ini saya memang berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan-cadangan seperti di atas yang saya telah sentuh dan saya memang berharap selepas Dewan ini kami dapat teruskan membincangkan isu-isu seperti di atas dengan lebih teliti dan kita sama-sama mencari jalan untuk mengatasi masalah-masalah yang telah menghadapi pada masa sekarang dan kita boleh bincang lebih teliti dan carikan cara untuk mengatasinya. Saya memang berharap setiap kali jika dalam Dewan yang mulia ini setiap ADUN, cadangan ADUN yang memberikan dapat di jika cadangan itu cadangan yang baik. Kerajaan Negeri patutnya mempertimbangkan dan mungkin boleh mengadakan satu mesyuarat atau yang menubuhkan satu AJK yang kecil untuk mengkaji cadangan-cadangan ADUN-ADUN sekalian dan dengan cadangan-cadangan di atas saya mohon menyokong. *Thank you.*

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Kebun Bunga.

#### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan puan saya hormati sekalian. Terima kasih diberi peluang untuk membahas Ucapan Perasmian Penggal Kedua oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. YB. Timbalan Speaker, dalam ucapan Tun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua beberapa perkara telah disentuh misalnya isu mempertingkatkan aktiviti pelaburan dan perindustrian, infrastruktur dan kemudahan, pengangkutan dan lalu lintas, pelancongan dan lain-lain lagi. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahas isu-isu yang tersebut seperti di atas.

YB. Timbalan Speaker saya berjanji bahawa saya akan singkatkan dan mengambil masa tidak lebih daripada tiga jam, tiga puluh minit mungkin. Dengan opsyen untuk memperpanjangkan ...(dengan izin) YB. Timbalan Speaker, Saya tidak sama dengan Seri Delima, saya tidak akan sentuh atas isu bomoh, tiada isu kapal terbang MH370, dan tidak ada lembu dicuri di kawasan saya ataupun isu Altantuya. Saya hanya nak jelaskan sahaja, isu-isu yang akan disentuh adalah mengenai isu Pulau Pinang dan kawasan saya. Saya akan pendek katakan kesemuanya juga.

Pertama sekali YB. Timbalan Speaker, mengenai infrastruktur dan kemudahan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada EXCO-EXCO dan *backbenchers* ...(dengan izin) yang bekerja kuat khasnya seorang EXCO selain daripada EXCO-EXCO yang lain khasnya, seorang EXCO Perumahan, di mana kawasan saya. Pangsapuri Padang Tembak senantiasa perlukan bantuan EXCO Perumahan dan EXCO Yang Berhormat telah banyak membantu kawasan, saya dan khasnya mengecat pangsapuri, memberi lif-lif yang baru, walaupun belum semua lif yang ada telah digantikan, walaupun belum semua yang diminta diberikan lagi. Tempat parkir, *parking* kereta yang besar dan baru dengan CCTV belum ada

lagi. Saya hanya memperingatkan beliau tapi beliau tak ada di sini, tapi pendek kata, untuk jangan buang masa saya mengucapkan terima kasih kepada EXCO-EXCO khususnya kepada EXCO Perumahan. Satu perkara yang kurang memuaskan, saya nak ambil kesempatan di sini, tapi dia tak ada di sini, untuk merakamkan bahawa walaupun kerja-kerja banyak dibuat oleh EXCO dan juga pembantu-pembantu dan juga biro-biro ataupun pejabat-pejabat yang berkaitan itu banyak kerja kuat dilakukan tapi kadang-kadang akibat ataupun ...(dengan izin) *result* yang keluar tidak memuaskan kerana *sub contractor* tertentu. Ini isu yang saya ambil kesempatan untuk berbincang sikit sahaja, iaitu *sub contractor* yang dibawa itu tidak mahir dan kerjanya tak berkesan. Jadi di dalam rantai *effectiveness* ...(dengan izin).

Timbalan Speaker kadang-kadang semuanya berkesan dan KPInya cukup bagus. Dari *hierarchy* ...(dengan izin), *hierarchy* EXCO sampai ke pejabat perumahan, semua boleh buat tapi bila sampai *main contractor* dan *sub contractor*, dia tak mahir ataupun dia tak boleh *deliver* ...(dengan izin). Misalnya, saya nak *highlight* kan, dekat kesemua masa satu (1) tahun untuk memperbaiki paip yang bocor 1,000 unit di Rumah Pangsa Padang Tembak itu. Baru-baru ini, untuk laporan kepada Dewan yang mulia, lebih kurang 800 ke 1,000 unit itu sudah diperbaiki sampai tinggal lebih kurang tiga puluh (30) ataupun lima puluh (50) unit. Walau bagaimanapun selepas dibaiki yang macam airlah *you block* sini dia keluar sana, ini merupakan situasinya jadi pendek kata saya minta agar lebih berkesan dari segi *hierarchy* untuk kerja memperbaiki di kawasan Pulau Pinang khususnya di Kebun Bunga.

Saya membawa isu saya ke isu yang kedua, YB. Timbalan Speaker saya ingin bangkitkan khususnya mengenai cabaran dan mengekalkan potensi ekonomi Negeri kita. Saya ingin membawa isu yang berkaitan dengan kemajuan ekonomi, infrastruktur kemudahan Negeri, khususnya isu pelaburan asing ke Pulau Pinang, juga isu strategi ekonomi, isu perhubungan antara Pulau Pinang dengan negara jiran, ini berkaitan dengan ekonomi juga bukan *diplomacy*, cara menambahbaikan ataupun memimprovisasikan ekonomi Negeri kita dengan perubahan keadaan politik di Negara jiran. Dan isu-isu ini, saya hanya singkatkan isu-isu ini dan saya akan bincang dengan pendek kata mengenai tiap-tiap bahagian itu dan juga satu yang saya tentu akan ...(dengan izin) *push* akan tolak sampai dia menjadi suatu kejayaan untuk Negeri kita ialah industri alternatif, *alternative industry* ...(dengan izin), Timbalan Speaker khususnya industri perfileman tapi saya akan bawa ini kemudian.

Pertama mengenai isu menjemput pelaburan asing ke Pulau Pinang. Baru-baru ini YB. Timbalan Speaker, kerusuhan anti pelaburan asing khususnya pelaburan dari Negara China, Taiwan, Jepun ataupun Singapura telah berlaku di Vietnam baru-baru ini dan perusuhan terhadap kilang-kilang dari Negara China, Taiwan termasuk Singapura, Korea dan Jepun juga dan juga kilang-kilang Malaysia yang melabur di Vietnam, menyebabkan syarikat-syarikat tersebut lari diri dari Vietnam. Isu ini ada dua segi dua sudut, satu adalah negatif satu adalah positif. Dari sudut positif YB. Timbalan Speaker, yang isu yang positif adalah jikalau syarikat-syarikat yang lari dari Vietnam itu, kita sebagai negara jiran, kita boleh mengambil masuk ataupun dari segi keseluruhan polisi, ataupun strategi Negeri Pulau Pinang yang dekat dengan Vietnam itu, kita mungkin boleh ...(dengan izin), kita boleh *angle* atau ambil satu sudut untuk mengambil masuk sumber dan juga pelaburan. Yang lebih penting lagi bukan sahaja sumber dan pelaburan tetapi juga *technology transfer* yang pelabur-pelabur asing sedia masukkan di Negara Vietnam itu. Kita boleh...(dengan izin), *harvest*, kita boleh dapat. Para pelabur asing yang menjadi mangsa kerusuhan ini

menyatakan dan juga merancang pemindahan kilang-kilang. Untuk satu statistik kepada Dewan yang mulia kilang-kilang berkaitan yang larikan diri ataupun kemungkinan akan keluar dari Vietnam adalah lebih kurang 5,000 kilang. Dari 5,000 kilang ini dari Taiwan sahaja dan juga ada beberapa, ribu kilang Negara lain lagi, jikalau diambil kira ada lebih daripada 10,000 kilang yang terjejas di kawasan yang bersangkutan dengan rusuhan di Vietnam. Ini menjadi satu kesusahan untuk pelabur asing di Vietnam. Jadi saya ...(dengan izin) YB. Timbalan Speaker, saya dari sudut yang positif saya memantau dan menganggap ini sebagai satu sumber yang besar yang berkemungkinan boleh diterima masuk ke dalam Negeri kita iaitu Pulau Pinang. Oleh itu Malaysia dan Negeri Pulau Pinang boleh mengambil kesempatan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. The Yee Cheu):**

Penjelasan. Terima kasih. Saya nak tanya tahu tanyakan pelaburan tahu di Cambodia itu adalah *laboring* intensif industri, adakah dia sesuai semua sekali, saya pun masuk ke Pulau Pinang ada lagi, satu lagi kita juga kekurangan labour kena masuk lagi banyak *labour* pekerja asing, tambah lagi mungkin lebih baik saya fikir alternatif industri itu yang lebih baik diperkuatkan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih sahabat saya dari Tanjong Bunga. Saya ada, saya tau Timbalan Speaker saya tahu Tanjong Bunga akan tanya soalan ini, jadi saya sudah ada jawapan. Tapi ini bukan sandiwara. Saya tahu ini berkaitan dengan basikal dan Vietnam salah satu Negara yang terbesar untuk meng *assemble* kan basikal. Untuk jawapan kepada tiga soalan itu Timbalan Speaker. Yang satu mengenai industri alternatif, iaitu soalan ketiga itu, saya memang saya akan jawab soalan ini kemudian. Soalan satu dan kedua mengenai *labour* intensif dan juga soalan kedua kekurangan *labour* intensif. Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia, bukan kesemua, mengikut *research*, kajian saya bukan kesemua industri-industri di Vietnam adalah *labour intensive*. Memang Vietnam ada banyak *industry labour*, tetapi setahu saya, pelaburan di Vietnam termasuk pelaburan *engineering* dari negara luar termasuk dari Amerika Syarikat, Malaysia, Singapura, *Singapore* merupakan pelaburan yang ketiga terbesar dan banyak teknologinya, jika tak silap menggunakan Vietnam sebagai *backyard*. Jadi tak semestinya, kalau nak bincang mengenai bidang industri di Vietnam, pendek kata, tak semestinya semua *labour intensive*, ada juga yang lain. Mengenai isu kekurangan *labourer*, memang ini bukan had bagi negara kita, ini satu situasi yang kita boleh improvise termasuk melatih semula *workforce* di Pulau Pinang ataupun pekerja-pekerja di rantau ini.

Boleh saya teruskan, dengan kerusuhan di Vietnam mungkin boleh memfaedahkan ekonomi Pulau Pinang. Jadi kita kena ambil kesempatan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus cepat mungkin merancang kalau boleh untuk menggalakkan dan menjemput pelabur- pelabur asing yang kita boleh....(dengan izin), *filter, pick and choose*, tak semestinya 5,000 kilang kilang itu. Kita mungkin tak ada tempat, tapi kita memang boleh cuba nak mendekati mereka dengan apa yang kita boleh dapat, yang kita minat, yang baik untuk kita, apa yang baik untuk kita, kita ambil, tak baik kita tak ambil.

### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Penjelasan, YB Kebun Bunga cakap ambil kesempatan kebaikan kita semua....(gangguan) apakah iktibar daripada insiden di Vietnam, jangan kita selalu ambil kesempatan orang jangan kerana orang kecoh, kita pun gembira bukan kita kena fikir dari segi ekonomi sahaja, apakah iktibar yang boleh kita ambil tentang insiden di Vietnam? apa yang boleh *apply* di Pulau Pinang supaya Pulau Pinang, adakah perbezaan kos yang terlalu kekayaan dan kemiskinan yang besar ke? Ataupun bagaimana, kenapa ini berlaku dan bagaimana kita boleh belajar ambil iktibar daripada insiden di Vietnam supaya tidak berlaku selain daripada kilang-kilang boleh di *move* dari Pulau Pinang, itu pandangan daripada ekonomi bagaimana pula dengan, apa yang kita boleh belajar daripada tersebut, silakan

### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih YB. Air Itam, yang saya dah cakap pada mula-mula saya kata saya akan cakap mengenai ekonomi. Memang ada yang lain yang kita ambil kira, tapi jika saya hendak ambil semua ini mungkin 10 jam pun saya tak sempat. Memang ada lagi yang saya nak membawa ke Dewan ini, so saya minta maaf jika saya tak boleh jawab dengan keseluruhan satu impak mengenai membawa masuk pelaburan. Pada masa lain, mungkin saya boleh kajikan dan beritahu kepada Dewan yang mulia ini. Jadi, Negara Taiwan adalah pelabur asing keempat terbesar di Malaysia, jadi saya tak nak panjang lebar mengenai apa yang boleh faedahkan kita tetapi dengan *volume* yang sebesar ini di Pulau Pinang. Untuk makluman, jikalau kita mengatakan apa faedah yang lain. Untuk makluman, satu pusat kajian seperti ....(dengan izin), HsinChu di tengah Taiwan, setiap tahun keluarkan 3,000 *patents* ....(dengan izin) untuk buat saintifik bukan *discovery* sahaja tetapi juga *discovery science* untuk dibuat sebagai ...(dengan izin), *applied science*. Jadi yang dikaji itu boleh diguna oleh kita. Maksud saya mereka ada banyak kajian *research* R&D yang cukup sempurna yang kita boleh bawa masuk. Maksud saya antara 5,000 syarikat itu kita boleh ambil seperti yang kata kesempatan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker Pulau Pinang dikenali sebagai *Silicon Island of the East*...(dengan izin). Pulau Pinang juga adalah perintis *Free Industrial Zon "FTZ"* yang pertama di Malaysia. Dengan ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus mengambil peluang dan mengalakkan *technology transfer* ini, jika kita boleh ambil teknologi ini dengan keadaan macam itu. YB. Timbalan Speaker, selain daripada Vietnam, ada juga saya bukan nak ambil kesempatan tapi di Negara Thailand pun ada situasi seperti begitu.

Baru-baru ini YB. Timbalan Speaker, saya nak sentuh sedikit mengenai kemajuan ekonomi kerajaan Malaysia dengan Negara Indonesia dengan Malaysia. Penubuhan organisasi seperti *Indonesia-Malaysia-Thai Growth Triangle* (IMT-GT) adalah untuk memperkukuhkan talian ekonomi di antara ketiga-tiga negara ini yang berhampiran dari segi geografi dan mempunyai perhubungan yang ketat dari aspek sejarah budaya dan bahasa. Negara Indonesia telah mengadakan Pilihan Raya Dewan Perwakilan Rakyat Indonesia di bulan April dan juga Pilihan Raya Presiden Indonesia akan diadakan pada bulan Julai yang akan datang. Keputusan kedua-dua pilihan raya ini amat penting ada berkaitan untuk ekonomi Negara Indonesia dan juga dengan jiran seperti Malaysia dan Singapura. Keputusan Pilihan Raya Presiden itu di Indonesia pada tahun 2014 dijangka memberi impak kepada keadaan ekonomi

dan polisi negara yang sedia ada di Indonesia. Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus memberi perhatian kepada perubahan ekonomi dan polisi yang bakal berlaku di Indonesia yang mungkin akan membantu ataupun menjejaskan pertumbuhan ekonomi di antara Indonesia dan Malaysia. Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu berwaspada dan harus melahirkan strategi untuk memajukan ekonomi Pulau Pinang dengan apa jua perubahan ekonomi yang berlaku di rantau kita termasuk di Indonesia.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, satu (1) lagi isu yang ditimbulkan di sini, saya berasa amat gembira kerana dalam ucapan perasmian Tun Yang Terutama dengan khasnya membangkitkan kepentingan industri penggambaran filem di Pulau Pinang. Penggambaran filem di Pulau Pinang ini dianggap bagi saya, adalah satu industri alternatif ataupun industri tambahan untuk Pulau Pinang. Perkara yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai potensi ataupun mungkin sudah jadi kenyataan bahawa Pulau Pinang memang satu lokasi sebagai lokasi produksi filem antarabangsa. Oleh itu saya ingin memberikan pandangan saya bahawa satu (1) organisasi penyelaras Kerajaan Negeri yang berfokus untuk membantu para pembuat filem di negeri Pulau Pinang ini amat diperlukan jika kita ingin mewujudkan industri perfileman di Negeri Pulau Pinang. Saya katakan begitu bukan sahaja sia-sia sahaja, tetapi untuk makluman YB. Timbalan Speaker. Negeri Perak telah menubuhkan "Perak Film Office" dan telah beroperasi sejak tahun lepas. Negeri Sarawak dan Negeri Johor juga menubuhkan pejabat perfileman mereka untuk memupuk industri alternatif ini. Pada masa yang sama, membantu industri pelancongan negeri masing-masing. Matlamat projek ini yang ingin dicadangkan adalah untuk menarik lebih banyak pembuat filem ke negeri masing-masing. Perak menyediakan sebuah kompleks yang dilengkapi oleh studio untuk kerja-kerja pengeluaran filem (dengan izin)...*post production* juga ....(dengan izin).

Untuk makluman, pekerjaan membuat filem termasuk sebelum sedang dan selepas pemfileman, jadi ada tiga (3) peringkat, dan pemprosesan filem yang boleh dilakukan di Negeri Perak selepas kerja penggambaran. Ini memudahkan para pembuat filem tanpa dikehendaki meninggalkan Negeri Perak untuk kerja *post production* yang biasanya dibuat di Bangkok ataupun di Singapura. Selain daripada itu "Perak Film Office" juga menyediakan perkhidmatan perundingan....(dengan izin) *consultancy* kepada para pembuat filem yang ingin membuat penggambaran di Negeri Perak. Filem Hollywood seperti *Anna & The King* dan banyak lagi tak payah saya cakap yang dibintangi oleh Jodie Foster, Chow Yun Fat, ataupun banyak lagi Jackie Chan, ada datang juga Michelle Yeoh banyak lagi, nanti saya akan beritahu sikit, telah difilemkan di Malaysia dengan kebanyakan penggambaran dilakukan di Negeri Perak. Istana yang dibina untuk projek filem *Anna & The King* sekarang ini sedang membawa tiap-tiap tahun berjuta-juta ringgit daripada orang yang pergi melawat sebagai satu tempat pelancongan. Saya cadangkan kita boleh ada *Autocity*, *Digital City*, *Entertainment City* mungkin kita boleh ada *Film City* di Pulau Pinang juga. YB. Timbalan Speaker, filem Hollywood juga telah difilem di Pulau Pinang dilokasi seperti di Lebuhraya Armenian. Bangunan Syed Al-Attas, Mansion di Lebuhraya Armenian, dahulunya Penang Islamic Museum, Swettenham Piers, Pelabuhan Pulau Pinang. Penang Townhall dan di Tokong Cina Khoo Kongsi juga, dan banyak lagi. Negeri Pulau Pinang tidak kurang kehebatan dari segi warisan dan sejarah untuk menarik perhatian pembuat filem tempatan dan antarabangsa jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

Yang Berhormat Timbalan Speaker sejak hari Persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan ini yang lalu di tahun 2013 pada November dan Disember yang lalu, di mana saya telah membangkitkan isu perfileman di Pulau Pinang hingga ke hari ini hanya enam (6) bulan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini. 20 filem telah dibuat di Pulau Pinang, Saya akan beritahu kepada Dewan yang mulia ini lebih kurang berapakah jumlah wang yang dilaburkan didalam filem ini sekejap lagi. Saya akan senaraikan pendek sahaja, kurang dari 1 minit. Saya senaraikan filem-filem yang dibuat dalam enam (6) bulan itu sejak kita berbincang di Dewan yang mulia ini pada November atau Disember yang lalu. Yang pertama yang kita sudah tahu iaitu televisyen siri drama *Indian Summer*. Sekarang dibuat untuk dua (2) tahun di Bukit Bendera. Mereka telah sewakan bangunan Negeri Pulau Pinang dengan satu jumlah wang sebanyak RM800,000 untuk dua (2) tahun dan pelaburan ke atas filem, untuk buat filem ini lebih kurang RM50 juta ke RM60 juta.

Yang kedua, ketiga sampai kedua puluh. *Young Hearts*, filem Petronas yang dibawa ke Pulau Pinang yang dijemput oleh saya ke Pulau Pinang telah dibuat di Pulau Pinang. Filem yang pengarahnya orang Pulau Pinang iaitu Encik Lee Heng Ching saya ada bawa ....(dengan izin) kesemua poster-poster filem yang ada dibuat di Pulau Pinang, nanti saya tunjukkan. Encik Lee Heng Ching sedang bekerja untuk Media Corps di Singapura dengan Jack Neo. Filem *Everybody's Business* yang baru ini ditayangkan pada Januari 2014. YB. Timbalan Ketua Menteri I juga datang ke *premier* itu. Filem seperti *The Journey* yang masyhur itu, krewnya dan antara dia punya team produksinya orang Pulau Pinang atau kru Pulau Pinang. Filem *My Mr. Right* yang dibuat oleh Malaysia, Taiwan dan juga Negara China yang dibintangi oleh pelakon seperti Amber Chia difilemkan di Pulau Pinang juga.

Filem tempatan Negeri Pulau Pinang dan juga Kuala Lumpur, Selangor iaitu "In The Dark" juga dibuat separuhnya di Pulau Pinang. Filem aksi "The Beggar's Hero" juga dibuat di Pulau Pinang dan dilaburkan oleh orang Pulau Pinang. Filem tempatan komedi Pasar Malam juga dibuat di Pulau Pinang. Satu lagi NTV7 *criminal* drama juga dibuat di Pulau Pinang iaitu di Kebun Bunga. Filem seram "The Transcend" kru dan *team* produksinya adalah orang Pulau Pinang. Filem seram "Behind The Scene" actresnya adalah Pulau Pinang dan pelaburnya juga adalah orang Pulau Pinang. Ianya akan ditayangkan pada mungkin September 2014. Filem Kung Fu, saya tak ada namanya, yang baru-baru ini dibuat di Chulia Street, krunya adalah dari Pulau Pinang. Filem "The Noise" pelaburnya dari Pulau Pinang. Ianya sudah dibuat dan akan ditayangkan. Filem "The Journey The Voyage II" yang ini dari Singapura pelaburnya dan krunya kebanyakan dari Pulau Pinang. Filem "Mata-mata" dari Singapura sekarang dibuat di tempat rumah tetamu Ketua Menteri di Jalan Macalister. Ini Filem "The Transcend", dan banyak lagi, untuk makluman, ini penting yang dibuat lebih kurang RM2.5 juta selepas tiga (3) bulan membawa keuntungan RM20 juta lebih. Lebih kurang 10 kali di dalam tiga (3) bulan. Ini Pelakon Pulau Pinang tetapi tidak boleh buat filem di Pulau Pinang dan pergi ke Hong Kong untuk buat filem.

Saya jumpa beliau. Namanya Meow Meow. Baru-baru ini, beliau balik ke Pulau Pinang untuk buat filem. Ini filem "KL Gangster" tapi bukan dari Pulau Pinang, tapi produksinya orang dari Pulau Pinang. Filem yang lain kita akan bawa aktor-aktor tersebut juga. Ada banyak lagi untuk pendek kata. Baru ini ada tiga (3), empat (4) lagilah filem dan satu lagi "Kids dari New York." "The White Girl" dan satu lagi juga "Police Story Academy" akan dibuat di Pulau Pinang. Untuk singkatkan dan tak



buang masa dalam masa yang singkat enam (6) bulan ini, berapa jutakah yang telah dan akan dilaburkan untuk 20 filem itu? Kiraan saya ialah lebih kurang RM135 juta. Ini hanyalah pelaburan, *investment* sahaja. Jikalau buat “profit”, mungkin akan berkali ganda. Jikalau tak buat “profit” akan rugi. Tapi jikalau buat “profit” ia lebih kurang RM100 juta lebih.

Jadi cadangan saya seperti yang dinyatakan, industri ini bukan industri mimpi sahaja tetapi industri ini Timbalan Yang Speaker dan di Dewan yang mulia ini, ia berkaitan dengan industri fesyen, industri pengiklanan, industri internet, berkaitan dengan industri *design* atau pun industri televisyen, industri *computer games* .... (dengan izin), industri teater, *performance arts* ....(dengan izin) pelakonan dan banyak lagi. Dan ada juga industri buat cerita, rekaan cerita sastera. Ia berkaitan dengan industri-industri yang tertentu dan dengan industri alternatif seperti industri perfileman ini, dia akan merangkumi, *encompass* ....(dengan izin) akan membawa masuk industri yang membuat fesyen atau pun *hair styling* ....(dengan izin).

Untuk singkatkan cadangan ini, saya berpendapat YB. Timbalan Speaker bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu bersaing dengan negeri-negeri yang lain terutamanya dengan Perak, dengan Selangor, dengan Johor. Johor sekarang ini untuk maklumat Timbalan Speaker ada Pinewood Studio di kawasan Iskandar yang juga ada pelaburan yang besar dari GLC, kumpulan *Government Links* dan syarikat yang lain. Tetapi di Pulau Pinang kita belum ada lagi. Itulah saya cadangkan bahawa boleh dapat sokongan moral atau pun secara *material* dari segi sokongan Kerajaan Pulau Pinang. Saya berpendapat bahawa Negeri Pulau Pinang boleh bersaing dengan negeri-negeri yang tertentu untuk membuat pengembaraan dan kerja-kerja produksi filem untuk menubuhkan satu, (dengan izin)... *One Stop Centre* di mana penyelaras Kerajaan Negeri akan membantu para pembuat filem.

Timbalan Yang DI-Pertua Dewan Undangan Negeri keadaan macam itu, cerita yang pendek adalah bila pelabur datang ke negeri kita mereka akan cari tempat-tempat untuk bersinggah, tempat untuk beli *material*, lokasi untuk buat filem. Bila ini berlaku mereka akan melaburkan wang di dalam hotel, kepada tukang-tukang jahit dan mereka akan mewujudkan peluang pekerjaan *employment* ....(dengan izin). Dengan industri seperti itu akan membuka peluang pekerjaan yang lain. Industri ini yang akan mewujudkan pekerjaan yang tertentu, bukan lagi seperti rakan saya Ahli Kawasan Tanjung Bunga kata “*labour intensive.*” Walaupun “*labour intensive,*” tetapi juga *intellect intensive*...(dengan izin) maksudnya *intellect intensive*....(dengan izin) iaitu industri yang kena ada pengarah, industri yang kena ada penulis, industri yang kena ada pencipta fesyen termasuk atau pun yang buat perabut untuk *background*....(dengan izin) atau pun industri mewujudkan *intellectual property* .... (dengan izin) yang kita boleh jual seperti di Negara Itali, seperti di Milan atau pun Florence tempat-tempat itu ataupun di Rome atau pun di Perancis, Paris atau pun di Eropah. Tempat-tempat di Eropah di mana negara atau negeri atau pun kota-kota yang penting mereka seperti London telah mewujudkan satu industri *intellectual property* ...(dengan izin), di mana kita sebagai Kerajaan Negeri dapat menambah *value*, nilai kepada pekerja-pekerja kita, pencipta-pencipta kita dan industri kita. Kita menambah nilai.

Jadi saya cadangkan industri alternatif macam perfileman itu untuk membawa industri yang lain seperti yang saya sudah bincangkan. Satu contoh lagi misalnya kereta lumba seperti Lamborghini, misalnya kereta lumba seperti Ferrari. Ianya tak semestinya enjin baik tetapi dia mempunyai *external outlook* yang boleh menjadi

satu reka cipta, satu *design* yang boleh kita jual sebagai satu aset *international property design*. Jadi dengan tidak membuang masa saya ada dua (2) cadangan yang pendek. Satu adalah untuk mencadangkan bahawa kita bersetuju jikalau boleh untuk mewujudkan satu One Stop Centre seperti berikut YB. Timbalan Speaker. Yang kedua adalah jikalau Kerajaan Negeri pada masa hadapan akan mewujudkan atau menubuhkan *One Stop Centre* ....(dengan izin) seperti berikut saya kena cadangkan ianya kena diuruskan oleh *technocrat* ....(dengan izin) dan bukan *bureaucrat* ....(dengan izin) kerana ini yang penting Timbalan Speaker kerana biasanya bila sesebuah kerajaan mewujudkan satu sistem atau satu penubuhan untuk menguruskan satu projek, kadang-kadang *bureaucrat* yang dimasukkan ke dalam sistem itu tak semestinya mahir dalam bidang ini.

Oleh itu sistem ini menjadi tidak “effective”, berkesan. Jadi cadangan kedua saya bila atau jikalau Kerajaan Negeri akan mewujudkan satu *One Stop Centre* ... (dengan izin) kita mesti berhati-hati memastikan supaya *technocrat* ....(dengan izin) atau pun orang yang mahir dalam bidang itu untuk pengurusan produksi, mengarah, menulis, melukis, *design* masukkan untuk membantu dalam sistem itu, untuk melatih lebih banyak orang dalam industri itu. Kita kena memastikan bukan, bukan, bukan, *bureaucrat* yang dimasukkan untuk membantu sistem “One Stop Centre” ini kerana *bureaucrat* tak semestinya mahir dan keberkesanan sistem itu terjejas. Jadi dengan izin YB. Timbalan Speaker, saya juga mencadangkan dengan singkat sahaja bahawa Kerajaan Negeri memupuk dan membantu dan menyokong industri *medical tourism* ..(dengan izin) pelancongan perubatan. Ini saya juga ada bincang dalam sesi yang dahulu, jadi saya tidak panjang lebar, hanya mengatakan pada tahun 2011 yang lalu seramai 30,000 pesakit antarabangsa datang ke Pulau Pinang lebih kurang untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan. Pada tahun yang sama, 60% dari pelancong perubatan yang datang ke Malaysia memilih untuk mendapat perkhidmatan perubatan di Pulau Pinang. Jadi nampaknya, ianya satu industri yang besar, yang kita boleh memupuk dan juga sokong. Saya tak nak masuk ke dalam perbincangan yang panjang mengenai perkara ini. Cukup kata mengenai industri pelancongan perubatan ini kita kena memantau dan membantu.

Satu lagi isu YB. Timbalan Speaker adalah mengenai pusat pendidikan dan juga trafik. Saya campurkan kedua-dua sekali kerana masa tak banyak. Negeri Pulau Pinang bukan saja terkenal sebagai salah satu pusat pelancongan dan perubatan yang utama di Asia, tetapi juga sebagai pusat pendidikan yang utama. Kita berminat dan berhasrat untuk mewujudkan Pulau Pinang sebagai pusat pendidikan yang utama. Universiti-universiti tak payah saya cakap seperti University of Hull di Batu Kawan dan banyak lagi institusi, sekolah antarabangsa juga datang ke Pulau Pinang untuk *setup*, untuk dibina di Pulau Pinang. Dengan itu, isu yang penting yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur di Negeri Pulau Pinang. Yang lain saya tidak membincang, saya ambil kesempatan membincangkan sedikit atas pelancongan perubatan, industri alternatif yang lain, mungkin saya boleh cadangkan kita lebih kerap atau pun lebih fokus atas infrastruktur jalan raya yang saya tak akan .... (dengan izin) *go in details* tetapi masalah kesesakan lalu lintas memang satu masalah yang sering ditimbulkan oleh rakyat dan oleh pihak pelancong dan kita semua yang banyak kali di dalam Dewan yang mulia ini disebut dan dibangkitkan. Dengan secara ringkas saya rasa tumpuan yang lebih banyak kena ditumpukan di atas, fokus di atas bagaimana kita cari satu jalan, bagaimana cari jalan untuk pengangkutan kita. Memang saya fahami bahawa sistem pengangkutan awam banyak dikawal di bawah sistem *federal*, Kerajaan Pusat dan oleh itu, Kerajaan

Negeri susah untuk dapat *authority*....(dengan izin) untuk mengendalikan sistem pengangkutan awam itu. Walau bagaimanapun, saya rasa mungkin lebih tumpuan dan mungkin satu jawatankuasa, memang sudah ada jawatankuasa tapi mencari jalan untuk mengurangkan kesesakan jalan untuk keseluruhan Pulau Pinang.

YB. Timbalan Speaker, Negeri Pulau Pinang negeri yang keluasan tanah kita tak banyak, kecil dan tanah keluasan kecil, berbanding dengan negeri lain. Dengan sumber semula jadi yang tak semestinya lebih dari negeri yang lain, jadi strategi untuk kita ....(dengan izin) untuk *survive* adalah penting. Cadangan tadi saya harap Dewan yang mulia ini boleh ambil kira dan dibalas dengan jawapan yang positif dan dengan ini strategi kita sebagai sebuah kerajaan adalah untuk kita mengekalkan generasi muda kita bukan sahaja untuk dapat pekerjaan tetapi juga peluang untuk pekerjaan yang lebih baik dan dengan nilai tambahan bagi mereka. Ini hasrat saya dan saya rasa ini juga hasrat Kerajaan Pulau Pinang. Dengan ini, saya ucapkan terima kasih. Saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

*Sorry*, minta laluan. Maaf, saya mencadangkan agar Jawatankuasa Kecil Perfileman ditubuhkan di bawah EXCO Pelancongan dan Kebudayaan agar pada persidangan akan datang kalau ada sesiapa ADUN ada apa-apa persoalan tentang perfileman bolehlah ditunjukkan kepada EXCO tersebut dan tidak payah dibentangkan dengan terlalu panjang dalam persidangan ini dan juga akan memberi peluang kepada ADUN Kebun Bunga untuk membangkitkan isu-isu tempatan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya sokong memang sokong, tapi salah tempatnya diletakkan. Dia adalah satu alternatif industri harus di bawah TKM 1 itu saya fikir lebih tepat.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, saya minta laluan sikit. Ada filem kalau perlu hero bagi tahu.....(ketawa), (gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Dato' Timbalan Speaker, terima kasih atas ruang diberi untuk ucapan, atas ucapan Yang di-Pertua Negeri. Timbalan Dato' Speaker, Kerajaan Pusat yang dipimpin oleh Barisan Nasional akan memperkenalkan GST atau *Goods and Services Tax* pada April 2015 atas semua barang-barang yang dibeli oleh rakyat. Ini akan mengakibatkan harga barang-barang keperluan naik dan membebankan rakyat terutama dari golongan pendapatan rendah dan sederhana. Golongan rakyat yang miskin dan tidak perlu membayar cukai kini akan dipaksa membayar cukai melalui GST. Ini akan mengakibatkan rakyat yang miskin menjadi lebih miskin dan taraf kemiskinan ini di negara akan naik. GST akan membangkitkan masalah sosial dikalangan rakyat dan yang paling membebankan adalah masyarakat Bumiputera

atas sebab pendapatan mereka adalah paling rendah di kelas pendapatan rendah dan sederhana. Ini bermakna rakyat dari golongan miskin dan sederhana akan membayar GST dan lebih dari segi peratusan.

Kos untuk menghantar anak-anak ke sekolah akan naik. Ibu bapa terpaksa membayar GST semasa membeli beg sekolah, kasut sekolah, buku, pen dan pensel. Kalau dalam sebuah keluarga ada tiga (3) atau empat (4) orang kanak-kanak bersekolah ibu bapa yang miskin mungkin tidak mampu menghantar semua ke sekolah. Makanan harian seperti sardin, maggi mee, makanan dan minuman dalam tin semua akan kena GST. Rakyat akan hadapi masa depan yang suram. Rakyat Malaysia mesti bersatu padu untuk berhentikan GST. Kerajaan Pusat hanya berminat untuk kutip cukai tapi tidak minat untuk hapuskan rasuah atau mengurangkan belanja dalam projek-projek yang tidak membawa faedah kepada rakyat. Adalah dosa untuk kutip cukai dari orang-orang miskin dan tidak mampu. Ini menunjukkan UMNO, Barisan Nasional tidak pedulikan kebajikan rakyat terutama yang datang dari golongan miskin dan sederhana.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Minta laluan, terima kasih Tuan Speaker Yang Berhormat. Sebenarnya GST ini kita tak yah buat *explanation* yang panjang-panjang la. GST ni *replace of sales tax*. Dalam *sales tax there is hidden tax*. *Hidden tax* ini rakyat tidak tahu yang mereka ini bayar cukai. GST ni *clearly* rakyat tahu dia bayar cukai. So, *hidden tax* ini dia ada tiga (3) peringkat. Kilang, dia *charge sales tax*, 10%. Dia hantar ke *distributor*, dia *charge* 10%. *Distributor* hantar ke *supermarket*, dia *charge* 10%. So dah jadi 30%. So, isu dia sekarang di sini bila kita letak 6% itu dia telah tidak kena 30% tolak 24% sudah *save*, satu (1).

Yang kedua, kita kena bagitau dekat rakyat sebenar-benarnya *tax*. Kita tak mau bagi peniaga, golongan *businessman* yang mengambil kesempatan ini dan kita nak kena kawal peniaga yang besar yang beli *raw material*. *Raw material* ni beli depa tidak kena *tax*. So, bila kita introduce GST, *raw material* itu kerajaan dah ambil dah siap-siap. So dia tidak boleh elak cukai. Tidak pun dia akan buat *statement* dia, dia akan lari cukai. So yang kena cukai ini rakyat yang tidak tahu, menanggung *tax* yang 30% itu. Saya ingat kita kena lebih faham pasal benda ini. Itu kefahaman saya. Saya baca, saya tengok, ooo begitu. Sebab *save*. Kalaulah GST ini membebankan, bagaimana 160 negara boleh terima ini.

Saya ingat kita kena lebih banyak faham sebelum kita menjadi, kata nak jadi negara maju. Myanmar tak pakai GST. Negara-negara maju lain pakai. Sebab bila kita boleh kawal, Ini hilang duit berjuta-juta, berbilion-bilion daripada peniaga yang rakus, daripada peniaga yang melari cukai, peniaga-peniaga yang tamak. So kita tidak mahu biar yang kaya bertambah kaya seperti slogan sahabat kita. Inilah yang kita buat dan semua orang tahu ini, semua orang faham. So kita berilah penerangan yang betul dan saya, kita punya ketua *backbencher* tak dak. Dia cakap nak bawa pergi mahkamah kan. Saya tunggu dia bawa pergi mahkamah. Kita tengok biar sapa yang betul, GST kah betul nak aniaya rakyat atau pun GST yang nak menolong rakyat. Dan saya harap perkara ini janganlah kita putar belitkan. Kita kena faham betul-betul. Pi tengok. Ada item-item tertentu dah *confirm*, beras, gula, minyak rakyat tidak kena. Yang kita khatir peniaga yang rakus ini mengambil peluang dan melari *tax* berpuluh-puluh bilion setiap tahun. Setakat tu cukup lah.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Boleh saya cakap sikit. Terima kasih Tuan Speaker. Saya tak nak cakap panjang. Saya rasa perkara ini telah dibahaskan agak panjang pagi tadi semasa Yang Berhormat Seri Delima menyentuh dalam perbahasan beliau. Saya rasa kalau kita tak faham apa katanya kita panggil pihak Kastam yang sedang menjalankan tugas mereka untuk memberi penerangan. Panggil pihak Kastam untuk memberi penerangan kepada semua dan pada masa itu sapa nak tanya soalan pun boleh. Jadi saya rasa kalau ada Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini yang rasa tak puas hati berkaitan dengan penjelasan boleh tanya daripada pihak Kastam ataupun daripada mana-mana pihak yang lebih tahu berkaitan dengan GST. Sekian, terima kasih. Itu saja saya nak bagitahu.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Apa yang dikatakan tadi oleh Telok Bahang, saya ingat tak betul. Kalau ikut yang dikatakan barang mesti, harga barang akan dikurang, harga barang akan naik.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Belum lagi dilaksanakan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Pemimpin di Putrajaya sangat lemah dan tidak punyai kemahiran sebab itulah hutang negara dalam keadaan yang amat bimbang. Kutipan GST dibuat untuk menyelamatkan negara dari menjadi *bankrupt*. Dan ini adalah kenyataan Perdana Menteri sendiri. Kalau GST akan menolong rakyat, dia tak kan kata GST menyelamatkan negara dari *bankrupt*. Wang rakyat kalau banyak dicuri oleh golongan tertentu. Tahun demi tahun *report auditor general* menunjukkan bagaimana wang rakyat telah dirompak. Apa tindakan yang diambil atas pihak-pihak yang mencuri wang rakyat. Tidak ada apa-apa tindakan. Bukan Perdana Menteri tidak tahu, apa tindakan, mereka dilepas macam itu juga untuk bersambung dengan perompakan mereka. UMNO takut mengambil tindakan atas pihak yang salah guna kuasa untuk kayakan diri sendiri. 56% rakyat Malaysia adalah mempunyai pendapatan bawah RM3,000.00. Golongan ini sekarang tidak bayar *tax*, tetapi bila GST diperkenalkan mereka semua patut bayar *tax*, mereka akan derita. Pihak Kerajaan Pusat yang dipimpin oleh Kerajaan UMNO tidak menguruskannya dengan baik....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Yang Berhormat seminit sahaja, saya ingat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang di-Pertua, saya nak tanya sikit Yang Berhormat membuat tuduhan mengenai rompakan dan macam-macam lah, saya pun saya tak tahu apa yang dimaksudkan, sampai saya naik pening. Sekarang saya nak tanya sekarang Yang Berhormat ada bukti atau tidak? dan siapa? Kalau ada pergi buat laporan kepada pergi SPR sekarang juga, SPRM maksud saya. Kita tidak perlu cakap kosong macam itu, buang masa lah saya rasa. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Ini bukan cakap kosong, ini apa *Auditor General* kata dalam report mereka, tahun-tahun mereka cakap begitu. Apa cakap kosong.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat kita semua tahu sumber *income* negara, negeri datang daripada mana, Datang daripada *tax*, bila kita nampak kaedah bagaimana kita boleh menambah kekayaan negara untuk rakyat, negara ini rakyat punya, kita kena bagitahu rakyat yang selama ini memang kena *tax* hanya mereka tidak nampak *tax*. *Service tax* tu mereka tidak nampak apa yang patut Yang Berhormat dan saya risau bagaimana peniaga yang rakus itu mengambil satu kaedah meletak bebanan itu diletak kepada rakyat, bagaimana itu diletak kepada rakyat. Itu yang hendak kita kaji dan itu kaedah yang hendak kita bincang, tidak boleh kata mereka tidak kena *tax*, mereka dah bayar dalam *sales tax*, *sales tax* ini tukar kepada GST saja, tukar nama kaedah sahaja yang *different*, so kita risau itu, bukan kita kata sebelum ini mereka tidak pernah kena *tax*, semua barang, semua orang bayar dan bayar dengan kaedah yang tinggi dan GST lebih kurang yang selama ini mereka kena dan mereka tidak tahu daripada, saya ingat Yang Berhormat saya setuju dengan Peniaga kita panggil Kastam, kita dialog dengan mereka. Kita bagi cantikkan lagi daripada kita menuduh. Saya boleh terima kalau benar okey, tapi bila kita buat kajian, saya pun tengok, baca konteks nampak strukturnya begitu, so saya minta Yang Berhormat, tidak payah bawa isu ini, kita tunggu Sri Delima bawa ke Mahkamah supaya kita boleh faham, rakyat semua faham.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Kita tidak boleh nafikan bahawa setelah GST diperkenalkan barang-barang *necessities* akan naik harga, itu kita tidak boleh nafikan, tentu akan naik harga.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya dah bagi tahu, *you* bagi sapa, *you* bagi geng.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Dia belum cakap lagi.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Bagan Dalam kerana bagi saya peluang untuk mencelah, saya rasa ada sedikit kekeliruan di sini yang telah cuba ditimbulkan oleh Telok Bahang kerana dia mengatakan bahawa *sales tax* itu dikenakan kepada kilang-kilang sahaja, *sales and service tax (SST)*. Saya nak bangkitkan SST ini, *sales tax* itu 10% *service tax* 6% tapi dalam senarai barangan atau perkhidmatan yang perlu dikenakan SST itu hanya ada terhad dia, tetapi dengan cukai GST dikenakan semua barangan dengan hanya sebilangan kecil sahaja seperti yang dikatakan beras, atau gula itu, tiada dikenakan cukai GST, tapi yang lain semua kasut, baju, tambang bas pergi ke

sekolah, peralatan alat tulis, surat khabar, semua kena bayar cukai GST. Satu lagi yang dikatakan bahawa kenapa kerajaan katakan sekarang cukai kurang, tidak dapat mengutip cukai yang mencukupi untuk pembangunan-pembangunan kepada rakyat tetapi kita lihat cukai SST yang dikutip itu *sale and service tax* itu memang kurang kerana dulunya senarai barangan *service tax* itu hanya sedikit sahaja. Ini menunjukkan bahawa kerajaan UMNO, BN sekarang mengenakan cukai GST untuk tambahkan cukai, mana wang itu datang, wang sekarang datang daripada rakyat yang kena bayar cukai walaupun kilang-kilang itu akan bayar juga tetapi itu merupakan satu *value added tax*, ..(dengan izin) Yang Berhormat Timbalan Speaker. Itu masalah yang kita bangkitkan hari ini, kenapa kita bantah GST dan tadi kata ada penerangan. Boleh kita buat penerangan kita minta Kastam datang. Tapi saya nak bagitahu di sini cukai rang undang-undang, cukai GST ini juga diluluskan di dalam Parlimen dengan tergesa-gesa. Ahli Parlimen kita pun tidak diberi peluang untuk berdebat. Diberi peluang pun dengan masa yang begitu terhad. Kenapa Kerajaan UMNO, BN begitu tergesa-gesa nak melaksanakan GST ini. Itulah yang saya rasa kita perlu jelas kenapa kita wakil rakyat khususnya dari Pakatan Rakyat kita bantah GST atas sebab-sebab itu.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Tolong bagi laluan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Saya ingat cukup lah. Machang Bubuk telah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

*Confuses.*

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Telah memberi keterangan....(gangguan),

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Tak terang, mana terang.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

dengan teliti.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Semua orang kena tax, *hidden tax*, kita kena tahu mereka bayar *hidden tax*. So, GST, *explore. Before this, they do not know they pay .....*(dengan izin) cakap orang putih sikit, Yang Berhormat faham, tak faham juga.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Rakyat faham, mereka yang akan bayar GST tahun depan, mereka akan faham apa GST, kalau beli satu tin sardin pun harga sudah tambah lagi 6 % sen, ini orang miskin yang makan, orang kaya UMNO tidak makan sardin, *salmon fish.....*(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Apa cakap UMNO ini sudah, mana boleh cakap UMNO, UMNO, ini tarik balik...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

*Salmon fish.....*(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

UMNO bukan kerajaan, Barisan Nasional kerajaan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Tidak adalah GST, tengok....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Yang Berhormat, boleh saya minta laluan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Ikan yang mahal tidak ada GST apa ini, ini isu rakyat, semua rakyat, orang Pulau Pinang juga pun mesti kena akan bayar GST, bukan Putrajaya saja, so ini semua orang ada hak untuk cakap tentang GST dan bantah GST.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Penjelasan. Yang Berhormat dari Bagan Dalam sedarkah Yang Berhormat, bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah berbelanja beratus juta ringgit untuk dibahagikan kepada pemimpin-pemimpin kerajaan khususnya Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin di akar umbi untuk menjalankan satu kempen *packaging*, sapu kosmetik ke atas GST ini supaya mereka boleh meyakinkan Malaysian atau rakyat Malaysia supaya menerima GST ini. Adakah Yang Berhormat melingkungkan kedua-



dua wakil rakyat ini turut menyertai program untuk membuat *packaging* dan sapu kosmetik untuk GST supaya rakyat boleh terima GST, tapi mereka dapat juga pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin di akar umbi telah mendapat satu pendapatan yang begitu lumayan untuk menjalankan kempen ini.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Yang Berhormat YB. Speaker, saya terkejut dengan apa yang dikatakan oleh Bagan Jermal sebab apa yang saya terkejut kononnya kerajaan berbelanja berjuta-juta ringgit dan kami juga saya difahamkan begitu, saya faham seperti Bagan Jermal menuduh bahawa kami juga terima bayaran itu, adakah begitu. Kalau betul saya cabar Bagan Jermal pergi kata di luar sekarang, saya akan ikut sekarang, pergi kata di luar, saya faham macam itu mengatakan bahawa kami pun terlibat menerima sejumlah wang daripada juta-juta yang dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat. Itu yang saya faham. Betul tak?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Apa yang saya kata, saya kata Kerajaan Pusat telah belanja satu jumlah supaya boleh meyakinkan rakyat terima GST ini melalui pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan juga akar umbi. Saya tanya kepada Yang Berhormat Bagan Dalam sama ada kedua-dua wakil rakyat di sini, adakah antara mereka yang dapat layanan seperti ini. Saya tanya kepada Yang Berhormat Bagan Dalam saya tidak menuduh terus kata kedua-dua wakil rakyat ini ada terima, saya tanya Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Yang di-Pertua, cara soalan itu ditanya walaupun dituju kepada Bagan Dalam tetapi ia seperti implikasinya kepada kami, jadi itu sebab saya cabar sekarang pergi kata di luar, pergi kata di luar sekarang kalau berani.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Kalau Yang Berhormat Bagan Dalam kata ya, kalau ia kata ya, itu baru disahkan kalau beliau kata tidak ada, tidak adalah. Saya tanya kepada beliau, saya bukan terus tuju kepada *you*...(gangguan).

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan. Terima kasih Bagan Dalam, sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Bagan Jermal itu memang betul telah diakui oleh Timbalan Menteri Kewangan iaitu Datuk Ahmad Maslan di mana RM17 juta telah dibelanjakan oleh Putrajaya untuk mempromosikan GST memang dan juga ada peruntukan-peruntukan diberi kepada setiap bahagian UMNO di seluruh negara untuk menjalankan program-program yang selain daripada RM17 juta ini ada juga lagi sejumlah yang akan di beri kepada bahagian-bahagian UMNO yang memang telah disebutkan untuk setiap, mungkin Pulau Pinang belum dapat lagi. Tapi jika belum dapat, memang akan, jika ada buat program-program kempen kesedaran untuk promosi GST memang akan dapat, itu tapi hanya khas untuk UMNO sahaja, yang itu memang juga dalam laporan media.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Minta jalan Bagan Dalam. Saya rasa ini satu informasi yang sangat mengejutkan kenapa parti UMNO diberikan layanan khas Ketua Bahagian UMNO diberikan layanan sedemikian, mendapat tadi saya dengar ada peruntukan kepada UMNO untuk menjalankan kempen. Orang kuat dalam Balik Pulau, bahagian Balik Pulau, tak dapat, mesti ada, sapa dapat kemudian....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Itu saya hairan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Orang kuat Tasek Gelugor....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya pun hairan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Kena siasat.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Cakap di luar.

**Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherarady):**

Ini memang, apa yang Bagan Jermal kata memang betul. Baru-baru ini ada seorang mufti dari satu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Bukti betulkah ada mengatakan kami ambil itu yang bagi saya yang penting. Saya hendak tahu adakah bukti itu mengatakan kami ambil, kami terima, itu yang saya hendak tahu.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Mufti.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Soalannya. Soalan saya. Bila kata ada bukti mengatakan kami terima.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Saya tidak kata Yang Berhormat terima, saya cakap ini memang betul apa Machang Bubuk ada kata tadi, dia ada beri di mana RM17 million telah dibelanja untuk mempromosikan GST. Baru-baru ini Mufti pun kata GST bagus, apa Mufti tahu tentang GST. Ini sangat ingat jelas UMNO jangan tipu sama rakyat. Ini GST memang akan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

YB. Dato' Speaker, ini menyakitkan hati. Mana boleh. Saya terasa sakit hati.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Duduk.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Mana buku peraturan? Tidak bawa....(ketawa).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Saya mahu habiskan ini isu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Apa ini?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Memang GST akan membebankan rakyat dan rakyat akan susah dan terutama banyak orang Bumiputera, *because* mereka berpendapatan rendah *lower income* banyak daripada kaum Bumiputera dan UMNO tidak kisah dengan Bumiputera, tak jaga kaum Bumiputera, jaga poket sendiri.

Okey isu lain sekarang. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas cadangan naik taraf Jala Siram Butterworth dan lain-lain jalan yang sudah sedia dibina. Saya pun ingin tahu daripada EXCO bila kerja-kerja akan dimulakan di Jalan Siram kerana ini pun sudah lama dan banyak penduduk-penduduk di situ tanya sama saya sebagai wakil rakyat bila kerja akan bermula. Saya pun tidak dapat jawab. Cadangan Kerajaan Pulau Pinang untuk bina rumah mampu milik di Kampung Jawa dialu-alukan. Butterworth bersinar semula dengan Kerajaan Pakatan Rakyat. Penduduk kawasan sesak seperti di Kampung Hujung Batu Bagan Dalam akan dapat duduk dalam perumahan baru apabila EXCO Negeri buat keputusan untuk membangunkan Kampung Hujung Batu tetapi dalam zaman Barisan Nasional orang-orang miskin dibiarkan sahaja. Perumahan tidak diberi keutamaan. Bukan saja di Bagan Dalam rumah mampu milik akan dibina tetapi di tempat-tempat lain seperti Batu Kawan, Bukit Mertajam, Bagan Jermal dan George Town. Rumah mampu milik akan didirikan.

YB. Timbalan Speaker, dalam isu pelancongan, walaupun pelancongan di Pulau Pinang telah tambah baik tahun demi tahun, langkah-langkah mesti diambil untuk menjadi Pulau Pinang destinasi utama bagi pelancong-pelancong asing. Lebih banyak promosi mesti dibuat di samping pantai-pantai kita mesti dibersihkan kerap kali supaya pelancong asing tertarik kepada pantai jangan fikirkan tempat lain seperti Phuket atau Bali. Mereka mesti ingat kepada Pulau Pinang. Satu promosi yang agresif patut dibuat di merata-rata negara supaya Pulau Pinang lebih diketahui di antarabangsa untuk semua kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Pulau Pinang.

Saya juga tertarik kepada program-program wanita Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Dalam jawapan bertulis kepada saya, MMK meminta Pulau Pinang mengatakan bahawa mereka ada program untuk memberikan program untuk wanita dasar dan pelan tindakan jagaan kanak-kanak, dasar dan pelan tindakan gender. Dasar dan pelan tindakan jagaan kanak-kanak bertujuan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Dengan penubuhan TASKA di KOMTAR untuk keperluan jagaan anak-anak kakitangan kerajaan. Ini merupakan satu konsep atau model yang boleh diguna pakai bagi memanfaatkan kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah di samping membolehkan golongan wanita untuk terus keluar kerja. Juga Briged Wanita Pulau Pinang sebuah badan sukarela di bawah naungan kerajaan ditugaskan untuk mendaftarkan wanita setempat bagi menyebarkan maklumat mengenai program bantuan Kerajaan Negeri seperti program bantuan ibu tunggal, ibu emas, mikro kredit dan pemeriksaan mammogram percuma. Syabas kepada MMK Wanita atas usaha-usaha mereka.

Akhirnya, saya rasa sangat sedih permintaan kaum Tamil di Negeri Pulau Pinang untuk mendirikan sebuah sekolah menengah Tamil di Pulau Pinang ditolak oleh Kerajaan Pusat Barisan Nasional. Walaupun Kerajaan Negeri sedia memberi tanah untuk mendirikan sekolah tersebut Pulau Pinang sekarang ada 28 sekolah rendah Tamil tetapi sekolah menengah kita tidak ada satu pun. Oleh sebab itu, murid-murid yang ingin menyambung pelajaran di sekolah menengah tidak ada sebuah sekolah seluruh Malaysia. Hasrat orang-orang Tamil di sini adalah untuk mengadakan sebuah sekolah Tamil bukan sahaja di Pulau Pinang di negeri-negeri lain juga. Saya harap Kerajaan Pusat ini akan meluluskan permohonan ini untuk mendirikan sebuah sekolah menengah Tamil di Pulau Pinang. Dengan itu Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Machang Bubuk.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih ucapan Timbalan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam inovasi saya ucapkan kepada semua. Sempena ulang tahun pertama 505 ini pemerintahan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang telah menghadapi pelbagai cabaran. Antaranya adalah pengurusan sumber air, sistem pengangkutan dan pembangunan yang mampan. Dalam tempoh saya menjadi ADUN Machang Bubuk selama setahun ini, saya juga telah berdepan dengan pelbagai isu penting di sidang yang lepas dalam perbahasan bajet saya juga membangkitkan masalah banjir kilat yang sering

berlaku di kawasan saya, dalam setengah tahun terdapat beberapa kawasan perumahan telah menghadapi lima (5) kali banjir kilat. Memang selepas itu pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), JKR, Pejabat Tanah dan Daerah SPT dan MPSP untuk mengatasi masalah banjir ini. Salah satu projek penempatan banjir yang dirancang iaitu *pipe pass channel* ...(dengan izin) dengan tujuan untuk mengalih 40% air hujan daripada Taman Impian disalur ke rumah Pam Permatang Tinggi. Projek tersebut amat dinanti-nantikan oleh penduduk-penduduk di sekitar Alma ini khasnya penduduk yang mengalami masalah banjir. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat melaksanakan projek tersebut dengan segera dan juga supaya dapat dipantau oleh penduduk-penduduk setempat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini, supaya menyeru kepada Kerajaan Negeri iaitu cadangan kolam takungan banjir Alma yang seluas 8.7 hektar ini dapat dilaksanakan memandangkan proses pengambilan balik tanah yang akan mengambil kos yang agak tinggi kerana harga tanah di kawasan sana juga sedang naik. Saya di sini saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi satu pengalaman yang satu kes tadi dengan izin bagaimana penglibatan awam dalam usaha penempatan banjir.

Di samping pelbagai usaha seperti menaik taraf parit, pembersihan dan juga membuat kolam-kolam tadahan air, penglibatan komuniti dalam usaha tebatan banjir adalah sangat mustahak. Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Machang Bubuk telah mengadakan satu inisiatif di mana kita telah dengan kerjasama penduduk-penduduk yang prihatin telah menubuhkan satu badan bertindak penempatan banjir untuk kawasan Machang Bubuk. Konsep badan bertindak adalah berlandaskan mendemokrasikan komuniti disebabkan oleh kekurangan saluran untuk melibatkan diri dalam menyelesaikan masalah komuniti kebanyakan penduduk adalah pasif dan hanya bergantung kepada kerajaan dan wakil rakyat untuk menangani masalah-masalah mereka. Sebenarnya pengetahuan serta kepakaran masyarakat setempat dalam masalah yang dihadapi oleh mereka sendiri, mereka adalah sangat arif. Mereka merupakan golongan yang paling memahami keadaan sebenar di tempat tinggal mereka. Penduduk boleh tahu mana longkang yang tersumbat, reka bentuk longkang yang tidak sempurna atau pembangunan di sekitar mereka yang tidak terkawal dan sebagainya.

Oleh itu, *platform* badan bertindak ini adalah menyediakan ruang untuk penduduk mensyuarat pandangan serta melibatkan diri dalam proses membuat keputusan serta mengatasi cara yang diambil sekarang yang terlalu didominasi oleh pemaju atau oleh pihak-pihak tertentu sahaja. Oleh itu, selain daripada penubuhan badan bertindak, maka ramai pemimpin-pemimpin komuniti juga dapat dilahirkan dalam proses penubuhan ini. Dalam proses menangani banjir pemimpin komuniti juga akan berpeluang untuk menganalisa masalah, menyertai mesyuarat dan dialog dengan pihak berkuasa untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu, mangsa-mangsa banjir kilat juga akan dipanggil ke mesyuarat untuk mengenal pasti punca-punca sebenarnya berlakunya banjir. Semua peserta-peserta dalam badan bertindak itu akan didedah dengan peta kawasan dan diminta untuk menanda kawasan-kawasan *hot spot* yang sentiasa mengalami banjir dan maklumat-maklumat tersebut dapat juga kita salur kepada pihak berkuasa.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, pembangunan infrastruktur untuk *liver city* ..... (dengan izin) KADUN Machang Bubuk telah menjadi tempat pembangunan yang pesat. Banyak projek-projek perumahan telah diluluskan dan kebanyakan adalah pembangunan yang berpotensi tinggi. Memang pembangunan adalah penting untuk memastikan kualiti hidup rakyat dapat dipertingkatkan. Namun demikian, pembangunan yang tidak mampan bukan sahaja tidak membawa manfaat kepada rakyat, malahan mendatangkan banyak masalah seperti banjir, kesesakan lalu lintas dan persekitaran yang kotor. Selain daripada masalah banjir, kesesakan lalu lintas di KADUN Machang Bubuk sudah bertambah serius tambahan pula dengan pembukaan *shopping mall* AEON atau JUSCO yang akan dibuka pada bulan yang akan datang. Jalan utama seperti Jalan Kulim, Jalan Rozhan, Jalan Alma Bukit Minyak sudah tidak dapat menampung permintaan pengguna jalan raya. Kesemua jalan tersebut telah mengalami kesesakan lalu lintas khususnya pada waktu *peak hour* ....(dengan izin).

Kami di Machang Bubuk mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri untuk menaik taraf Jalan Alma Bukit Minyak yang sedang dalam proses pengambilan balik tanah. Saya berharap projek tersebut dapat disiapkan dalam masa yang terdekat agar kesesakan yang serius dapat di atasi dengan segera. Cadangan Kerajaan Negeri untuk membina jejantas merentasi Jalan Rozhan amat tepat pada masanya. Reka bentuk jalan raya yang sedia ada di Jalan Rozhan adalah sempit dan mempunyai terlalu banyak lampu isyarat. Tambahan pula dengan penambahan tiga (3) lampu isyarat ke atas Jalan Rozhan selepas pembukaan *shopping mall* Aeon atau JUSCO, maka dijangka keadaan lalu lintas akan menjadi lebih serius lagi.

Demi keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya, saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempercepatkan proses pembinaan jejantas tersebut. Pembinaan jejantas tersebut akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di sekitar Alma dan seterusnya membangun kawasan Alma sebagai kawasan perumahan yang mampan dan selesa tau *movable city* ....(dengan izin). Di samping menaik taraf jalan-jalan utama, Kerajaan Negeri perlu berusaha untuk menyediakan pengangkutan awam kepada penduduk setempat dengan kerjasama dengan pihak swasta. Di kawasan Bukit Mertajam, kebanyakan orang memilih untuk menggunakan kenderaan persendirian untuk bergerak. Penggunaan pengangkutan awam amat rendah dan tidak mencapai konsep atau matlamat *Moving People Not Cars*.

Dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Pulau Pinang (PIP), konsep utama dalam menangani isu pengangkutan adalah *Moving People not Cars*...(dengan izin), iaitu menggerakkan orang daripada terlebih bergantung pengangkutan persendirian kepada satu sistem pengangkutan awam yang lebih ekonomi serta ekologi yang mampan. Oleh itu, skim penyediaan bas percuma di kawasan-kawasan perumahan di sekitar Bukit Mertajam adalah sangat penting untuk menggalakan lebih orang ramai menggunakan pengangkutan awam daripada kenderaan sendiri. Pengangkutan awam yang selamat, senang dicapai tepat pada jadual waktu serta *frequency* yang cukup perlu disediakan agar penduduk tidak tergantung kepada kereta persendirian.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu (1) isu di mana satu (1) kemalangan atau tragedi yang berlaku di Jalan Gajah Mati yang menyambungkan Kampung Machang Bubuk ke Kampung Tasek, Junjong, sempadan Kulim. Jalan P143 ini sepanjang 5.8 KM dan

lebarnya adalah sempit. Sebahagian daripada jalan tersebut terletak di kawasan bukit yang lengkok. Tiada lampu jalan di sepanjang jalan tersebut. Pada malam 9 Mei 2014, Jumaat seorang pekerja kilang Tan Chong Zhan yang balik bekerja dari Alma telah mati dalam kemalangan melanggar seekor kerbau yang merentasi jalan. Tragedi tersebut berulang lagi pada hari keesokan pagi yang juga seorang lelaki melanggar seekor lembu di kawasan yang sama. Nasib baik dia hanya patah tangan dan dua tulang rusuk. Kenapa saya ingin membangkitkan peristiwa ini dalam sidang Dewan yang mulia ini? Sebab tragedi seperti ini seringkali berulang dan nyawa yang tidak ternilai selalunya dikorbankan begitu sahaja. Apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak yang berkenaan sebelum *tragedy* seperti ini berulang lagi.

Keadaan jalan yang bahaya pernah dibangkitkan di mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah malah lawatan tapak juga pernah dibuat bersama pegawai-pegawai kerajaan yang berkaitan. Namun demikian, disebabkan dengan kekurangan peruntukan atau tiada dalam rancangan maka cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan sampai sekarang. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada Kerajaan Negeri agar meluluskan permohonan memasang lampu jalan di sepanjang P143 Jalan Gajah Mati dalam masa yang terdekat untuk mengelakkan tragedi terus berulang lagi.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, saya sekarang hendak membawa Dewan ini untuk kita membincang satu isu yang sangat penting iaitu Pulau Pinang telah menjadi *Shopping Mall* yang besar atau kita kata *shopping-mall-ization* di Pulau Pinang ....(dengan izin). Dalam KADUN Machang Bubuk yang hanya mempunyai pengundi seramai kira-kira 31,000 orang pengundi tetapi sudah mempunyai dua (2) kompleks beli-belah yang besar. satu lagi yang baru yang tadi saya sebut, JUSCO akan dibuka pada bulan depan dan Kerajaan Negeri juga sedang dan berjaya menarik masuk IKEA dan Premier Outlet ke Batu Kawan yang tidak jauh dari KADUN Machang Bubuk. So, dalam beberapa tahun sahaja, bila kita tengok bilangan kompleks beli-belah di Seberang Perai Tengah memang seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Di Seberang Perai Tengah adalah bilangan yang paling tinggi mengikut soalan yang telah dijawab oleh YB. Padang Kota di mana bilangan hypermarket yang terdapat di Pulau Pinang ini SPT adalah yang paling tinggi iaitu ada enam (6) buah, dua (2) hypermarket, tetapi Daerah Timur Laut hanya ada tiga (3), Daerah Barat Daya hanya ada satu (1), tapi SPU dan SPS langsung tidak ada. Dan ini semua kita nampak banyak *shopping mall*. Memang ada lebih daripada bilangan ini, ini hanya *Hypermarket*. Ada *shopping mall-shopping mall* yang tidak termasuk dalam *hyper market*. Antara sepuluh (1) itu, enam (6) adalah di SPT.

Mengikut sumber daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta atau NAPIC, jumlah ruang penawaran kompleks beli belah di Pulau Pinang adalah 914,124 meter persegi. Ruang kosong sebanyak 292,519 meter persegi atau merangkumi 32% daripada keseluruhan ruang penawaran kompleks beli-belah ini. Maklumat tersebut telah menunjukkan bahawa terdapat lebih penawaran atau .... (dengan izin) *over supply* ruang perniagaan kompleks beli-belah ini. Masalah lebih penawaran ruang perniagaan sebenarnya bukan sesuatu yang baru kerana hanya di KADUN Machang Bubuk sahaja telah mempunyai tiga (3) kompleks beli-belah yang terbengkalai sehingga hari ini tiada aktiviti perniagaan yang berlaku tetapi ada aktiviti-aktiviti yang berlaku seperti pembiakan nyamuk aedes atau ancaman denggi di bangunan-bangunan besar yang terbiar itu. Pulau Pinang telah menjadi satu kompleks beli-belah yang besar. Kita nampak...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta laluan. Saya ingin bangkitkan bahawa sebenarnya saya tidak setuju sedikit bahawa Pulau Pinang telah menjadi sebuah *shopping mall* yang besar. Saya perhatikan di KADUN saya ada *trend* di mana lebih banyak orang suka pergi ke *shopping mall* daripada pergi ke kedai-kedai kecil di sepanjang jalan raya. Salah satu sebab ialah kerana ianya lebih selesa untuk berjalan di *shopping mall*. Untuk pergi ke *shopping mall* dari rumah *you* masuk kereta, pandu kereta masuk dalam *shopping mall*, keluar dalam *shopping mall* dan berjalan dalam *shopping mall*. Masalahnya sekarang adalah sebenarnya antara persaingan dengan pembangunan *shopping mall* dengan pembangunan bandar, pembangunan *shopping mall* telah menang, telah berjaya tapi pembangunan bandar tidak dapat mengikut kadar pembangunan *shopping mall*. Akibatnya adalah bahawa jalan-jalan kami, bandar-bandar kami tidak begitu selesa, senang diguna berbanding dengan *shopping mall*. Jadi sebenarnya tidak tepat untuk kata Pulau Pinang telah jadi *shopping mall* kerana masalahnya hanya Pulau Pinang terlalu banyak *shopping mall*. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Pulau Tikus. Sebenarnya kita tidak ada percanggahan. Memang tadi apa yang telah dibangkitkan oleh Pulau Tikus itu benar, ramai akan lebih suka pergi ke *shopping mall*. Semua ada, *you* boleh dapat semua di sana, parking ada, *air-con* ada selesa memang merupakan satu *trend* yang telah diminati dan itulah mengapa corak pembangunan pada hari ini dan kita pun juga menggalakkan lebih banyak lagi *shopping mall* untuk datang ke Pulau Pinang. Kita nak masukkan IKEA, mungkin lain kali kita boleh masuk banyak lagi *shopping mall*, *that's why* saya kata pada umumnya pembinaan kompleks beli-belah itu seolah-olah juga dapat membangunkan sektor hartanah di sekelilingnya. Seperti apa yang saya bangkitkan dalam soalan lisan semalam kita jemput IKEA datang kita jual tanah 75 ekar untuk *shopping mall*, tetapi 170 ekar itu akan dibangunkan dengan pembangunan campuran.

Itulah yang saya maksudkan pembinaan *shopping mall* dan kompleks belah belah itu dapat telah menaikkan harga hartanah di sekeliling. So seluruh Pulau Pinang penuh dengan kompleks beli belah dengan mengharapkan tarikan pelabur asing dan tempatan yang besar ke Pulau Pinang. Maka ekonomi negeri dapat membangun dengan pesat dan dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan. Pembangunan kompleks beli belah seolah-olah merupakan satu lokomotif ekonomi yang berkuasa untuk merangsangkan pengguna serta membangunkan bidang hartanah. Peluang perniagaan juga dapat diperbanyakkan dengan adanya kompleks beli-belah tetapi sebenarnya kita juga perlu mengkaji dengan terperinci sama ada model pembangunan ini adalah menuju ke arah yang baik atau buruk kepada Pulau Pinang. Sentiasa kita cenderung berpendapat bahawa pembangunan kompleks beli belah itu akan membawa lebih banyak peluang perniagaan, perkhidmatan dan barangan yang mewah, aktiviti perniagaan di sekitar juga akan di bawa, dinaikkan dengan maju. Pilihan akan bertambah untuk pengguna malah kadar sewa ruang niaga dan juga kadar sewa rumah akan naik secara mendadak di sekitar *shopping mall* itu.

Tetapi namun demikian kita juga perlu kaji aspek keburukan yang disebabkan oleh pembangunan kompleks beli belah yang biasanya kita terlepas pandang. Contohnya ruang hidup untuk peniaga-peniaga kecil atau bisnes yang sederhana,



*survival of the petty traders* .....(dengan izin). Cabaran kepada golongan tersebut sangat besar. Tambahan pula dengan pelaksanaan cukai GST dan kenaikan harga barangan, daya saing mereka akan hilang dan sukar untuk terus berniaga. Bisnes di kedai-kedai di sekitar Alma dan KADUN Machang Bubuk juga mengalami kesukaran untuk terus berniaga. Antaranya ada kedai dan restoran dan perkhidmatan terpaksa tutup kedai kerana tidak dapat bisnes. Penduduk tempatan lebih suka pergi ke kompleks beli belah dan telah menyebabkan bisnes-bisnes kecil ini sukar bersaing dengan syarikat-syarikat besar ini. Mungkin ada juga yang berpendapat fenomena di mana peniaga-peniaga kecil tidak dapat terus bisnes dan juga tersingkir dalam persaingan perniagaan tersebut adalah satu perkara yang biasa dalam sistem ekonomi yang bebas ini.

Pihak yang hilang daya saing perlu gulung tikar dan tutup bukannya satu masalah besar. Pada hakikatnya ekonomi yang setempat yang banyak bergantung kepada penduduk tempatan khususnya di Seberang Perai Tengah, peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh kilang-kilang biasanya diperolehi oleh pekerja asing. Maka penduduk-penduduk tempatan banyak bergantung kepada bisnes kecil dan sederhana. Peranan kedai dan peniaga bisnes kecil ini sangat penting. Dulu bisnes-bisnes kecil tersebut dapat membiayai kehidupan satu keluarga malah menjana pendapatan yang stabil untuk keluarga tersebut. Sekiranya bisnes mereka tidak dapat diteruskan maka bukan seorang sahaja yang menganggur atau bukan satu kedai sahaja yang tutup tetapi seluruh ahli keluarga dan seluruh masyarakat setempat itu akan menghadapi masalah pengangguran dan pendapatan seisi rumah yang akan terjejas.

Oleh itu kita tidak boleh menganggap kompleks membeli belah akan mewujudkan peluang pekerjaan. Sebaliknya ramai peniaga-peniaga kecil yang akan menghadapi tutup atau gulung tikar tidak dapat terus berniaga. Ini adalah satu masalah besar. Dengan merujuk kepada pembangunan kompleks membeli belah di negara lain. Modal bisnes yang besar-besar khususnya *multinational companies* (MNC) ini dalam memperolehi barangan dan juga *franchising* mereka mempunyai daya saing yang tinggi dan mempunyai rekabentuk bangunan yang menarik serta tempat letak kereta yang banyak kepada pengguna. Pada permulaannya kita mendapati bahawa kompleks beli belah tersebut membantu komuniti kita dan ekonomi setempat dengan kemasukan *multinational company* yang banyak ini di komuniti kita, pengguna mempunyai lebih banyak pilihan. Apabila bisnes-bisnes kecil di komuniti tidak dapat bersaing dan tutup akhirnya pengguna sudah tidak dapat mempunyai pilihan lain kerana bisnes tersebut telah menjadi monopoli oleh syarikat multinasional ini.

#### **Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Machang Bubuk, apabila banyak *supermarket*, timbul *supermarket* sebenarnya apa yang dikesan ini dibuat tadi yang dicakapkan tadi ialah banyak *multitudes* yang mungkin kehilangan bisnes. Saya ingat, kalau mereka boleh dikumpulkan daripada *supermarket* itu jangan ambil dari pekerja-pekerja atau pun penggerai-penggerai seharusnya dikumpulkan mereka dan dimasukkan di beri ruang untuk dikawal dan diberi pendidikan untuk masuk ke dalam *supermarket*, mungkin itu Yang Berhormat boleh anjurkan di tempat Yang Berhormat sendiri. Terima kasih.

## Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih, YB. Pantai Jerejak. Cuma saya nak dibangkitkan di sini sebab kita lebih cenderung tentang melihat aspek kebaikan *shopping mall* itu, tetapi kita jarang tengok implikasi keburukan itu terhadap ekonomi setempat yang telah lamanya dijalankan dalam kawasan-kawasan tersebut. Oleh itu, proses pertimbangan kelulusan kompleks beli belah itu perlu dijalankan dengan lebih waspada agar implikasi negatif dapat dikurangkan. Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu sedar bahawa kesan-kesan negatif kompleks beli belah terhadap bisnes-bisnes kecil komuniti ini. Kita tidak boleh berat sebelah dengan mengalu-alukan kedatangan kompleks beli belah tanpa memikirkan implikasi negatifnya. Saya bagi contoh, Hong Kong yang terkenal dengan *shopping paradise*. Ramai pergi Hong Kong nak *shopping*. Memang banyak *Shopping Mall Paradise* di Hong Kong juga telah didirikan dengan kadar sewa yang sangat-sangat tinggi. Siapa yang nak buat bisnes dalam kompleks beli belah di Hong Kong itu, kadar sewa mereka memang mahal. Kalau sewa yang mahal itu akan dikenakan kepada siapa? Pengguna-pengguna, pembeli-pembeli, pengunjung-pengunjung *shopping mall* itu.

Kadar sewa yang tinggi seolah-olah dapat merangsangkan ekonomi setempat dan juga pembangunan hartanah akan tetapi siapa yang mendapat manfaat daripada kadar sewa yang mahal dan terlampau tinggi itu? Akhirnya kadar sewa yang tinggi tersebut tidak dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk tempatan. Malahan kadar sewa yang tinggi akan ditambah ke atas kos dan harga barangan dan perkhidmatan tersebut. Maka pengguna yang terpaksa membeli barangan dan perkhidmatan dengan harga yang mahal.

Oleh itu kita perlu memahami pengagihan manfaat atau *benefit* dalam proses tersebut. Sekiranya kita mendapati sebahagian besar penduduk Pulau Pinang tidak memperolehi manfaat daripada pembangunan kompleks beli belah ini, maka kita perlu mempertimbangkan pembangunan kompleks dengan lebih waspada dan bukannya menarik pelaburan kompleks beli belah dengan membuta tuli. Lebih penting adalah bagaimana kita membantu bisnes-bisnes kecil untuk memperkembangkan peluang perniagaan mereka. Infrastruktur dan juga mesra alam untuk perniagaan mereka. Membangun ekonomi setempat yang boleh mendatangkan manfaat kepada komuniti setempat. Kesimpulannya model pembangunan kompleks beli belah bukannya pembangunan yang *ideal*. Kebaikannya hanya sementara sahaja dan tidak membawa manfaat yang jelas kepada penduduk setempat dalam jangka masa yang panjang.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, selain daripada hala tuju pembangunan yang berteraskan hartanah mewah serta kompleks beli belah yang amat membimbangkan. Kita berharap usaha di mana kita melihat menilai indeks pembangunan yang mampan serta tamadun sebuah bandar daripada pelbagai aspek dan bukannya bilangan kompleks beli belah atau pencakar langit yang telah didirikan. Lebih penting adalah bagaimana juga bandar kita, metropolitan kita melayani golongan-golongan yang kurang bernasib baik, golongan miskin, golongan pekerja serta *minority*. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia 2012, bilangan tenaga buruh asing di Pulau Pinang telah mencapai 339,200 orang untuk separuh tahun 2012 atau 30.92% berbanding dengan tenaga buruh tempatan yang mempunyai 757,700 orang. Perangkaan ini menunjukkan Pulau Pinang banyak bergantung kepada tenaga buruh asing dalam pembangunan negeri. Gaji pekerja

asing yang rendah serta jenis kerja yang dibuat biasanya adalah kerja 3D .... (dengan izin), iaitu *Dirty, Dangerous and Difficult*. Tambahan pula kerja mereka adalah tidak digemari atau diingini oleh penduduk-penduduk tempatan. Maka sumbangan mereka perlu dipasti dan dihormati. Malahan hak asasi pekerja asing juga perlu dijamin agar penindasan tidak berlaku ke atas manusia.

Apabila kita sebut tentang pekerja atau pendatang asing, kita lebih cenderung untuk menganggap ini adalah satu masalah sosial. Pelarian juga, *refugee* .... (dengan izin) adalah masalah sosial, akan tetapi anggapan begitu adalah salah dan tidak tepat. Seperti pembinaan kompleks beli belah yang mega ini, kita memerlukan ramai tenaga buruh asing yang murah. Banyak pembangunan infrastruktur, projek menaik taraf prasarana seperti jalan, jambatan dan tempat awam serta banyak kerja-kerja yang kemahiran rendah adalah bergantung kepada golongan pekerja asing. Mereka adalah pembangun Negeri Pulau Pinang. Mereka juga adalah pembangun masyarakat kita. Pekerja asing juga memainkan peranan yang penting dalam sektor sosio ekonomi di masyarakat kita. Setelah pembinaan kompleks beli belah yang mega di Pulau Pinang, banyak kedai-kedai kecil atau peniaga-peniaga kecil telah menghadapi kesukaran untuk terus berniaga. Nasib baik, dengan bilangan tenaga buruh asing yang ramai ini, peniaga-peniaga kecil ini sekarang boleh bergantung kepada sokongan atau pengguna-pengguna terdiri daripada pekerja-pekerja asing ini. Dalam persaingan dengan kompleks beli belah yang mega, kedai-kedai kecil terpaksa bergantung kepada perbelanjaan pekerja-pekerja asing ini atau ekonomi komuniti.

Oleh itu, dalam dua (2) aspek yang saya sebut tadi, pekerja-pekerja asing merupakan penyumbang penting kepada masyarakat dan ekonomi negara kita. Maka adalah mustahak untuk menetapkan gaji minimum dan dasar-dasar yang menghormati hak asasi pekerja-pekerja asing supaya mereka tidak ditindas dan dizalimi. Saya menyeru kepada pihak Kerajaan Negeri agar tidak menangani isu pekerja asing dari perspektif masalah sosial. Sebagai Kerajaan Negeri kita perlu lihat isu pekerja asing sebagai satu komponen yang penting dalam sosio-ekonomi masyarakat kita, khasnya dalam respon keperluan pekerja-pekerja asing.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, saya nak juga ambil perhatian Dewan selain isu pekerja asing, iaitu isu komuniti pelarian Rohingya yang juga ramai bilangannya di Pulau Pinang. Lebih kurang 35,000 pelarian Rohingya di Malaysia dan antaranya 8,000 mereka berada di Pulau Pinang. Bilangan golongan Muslim Rohingya yang ramai di Pulau Pinang ini menyebabkan kita tidak dapat lari daripada tanggungjawab untuk membantu mangsa penindasan atau pembunuhan kaum di Negara Myanmar. Kaum Rohingya adalah kumpulan yang beragama Islam dalam sejarah yang panjang. Mereka lari dari tempat asal mereka iaitu Arakan, sebahagian daripada Myanmar kerana mengalami pembunuhan kaum berpuluh-puluh tahun. Ramai di antara mereka telah menjadi mangsa permerdagangan manusia, diculik, dikurung, didera malah dibunuh sekiranya wang tebusan tidak diterima oleh penculik.

Masalah penindasan hak asasi manusia yang berlaku ke atas komuniti Muslim Rohingya khasnya bagi mereka yang sedang mencari perlindungan di Pulau Pinang. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) juga mendesak supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menubuhkan sebuah Badan Bertindak atau *Task Force* untuk menangani masalah yang dihadapi oleh komuniti Rohingya. Badan Bertindak itu amat penting untuk mengatasi ketakutan di kalangan komuniti Rohingya terhadap Permerdagangan Manusia dan juga Pihak Berkuasa. Saya difahamkan bahawa

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mempunyai inisiatif untuk menubuhkan Badan Bertindak tersebut tetapi tiada tindakan yang jelas dalam usaha menangani masalah penculikan dan pembunuhan yang kian hari kian serius. Semasa saya berucap di sini, ada golongan Rohingya yang sedang diculik, seorang dikurung dan ahli-ahli keluarga mereka atau saudara mara mereka sedang mengutip, mengumpul wang untuk mencukupi untuk menebus orang-orang yang telah diculik itu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, Ahli Machang Bubuk. Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan kata dikurung, diculik, dibunuh, didera. Adakah peristiwa ini berlaku di Pulau Pinang?...(gangguan), oh di sana, di tempat mereka, terkejut. Di sinik, di Malaysia? Kalau boleh diperjelaskan sikit apa sebenarnya berlaku sebab kita hairan kalau benda ini berlaku di Malaysia dikurung, diculik, dibunuh, didera dan sebagainya kita tak buat kalau boleh kalau boleh diperjelaskan sikit, apa yang berlaku, apa mana dan siapa buat dan siapakah mangsa-mangsanya kita tahu orang Rohingya tapi tolong beri butiran.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar yang telah menyatakan keprihatinan beliau terhadap isu ini. Sebenarnya isu ini telah berlaku untuk khasnya beberapa bulan ini dan memang ada golongan Rohingya datang ke pejabat saya untuk meminta pertolongan. Ada mayat yang dijumpai kawasan Machang Bubuk juga tetapi disebabkan mereka tiada identiti mereka bukan warganegara Malaysia maka cara pengurusan itu juga jarang dikenal diketahui oleh orang tempatan, di surat khabar orang juga hanya kata ada seorang warga asing telah dibunuh itu sahaja. Oleh itu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan, Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya ingin jemput Ahli Berhormat daripada Machang Bubuk untuk hadir mesyuarat yang dijadual pada 29 Mei 2014 pagi untuk membincangkan isu di mana pada UNHCR akan datang. Saya berharap maklumat-maklumat tadi yang baru diucapkan yang harus dipanjangkan untuk disiasat kerana memang Kerajaan Negeri amat prihatin pada isu ini dan ada beberapa sesi mesyuarat di mana berkenaan dengan keselamatan, isu ini juga dibincang, baik pun di kebajikan dan setiap tahun di UNHCR wakilnya ada berhubung dengan Kerajaan Negeri untuk ambil maklumat dan juga bagi cadangan dan bantuan untuk selesaikan masalah ini.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Ahli Kawasan Sungai Puyu. Dan memang ini tujuan saya bangkitkan di Dewan ini kita memang akur bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah yang proaktif dalam menangani isu-isu pelarian Rohingya ini.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan lagi, satu perkara lagi yang bagi kesulitan kepada agensi kerajaan baikpun daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah kerana Malaysia telah menandatangani *Malaysia ASEAN Non- Interference*. Itu satu perkara yang harus Kerajaan Pusat di Barisan Nasional kehendak lihat dari segi kemanusiaan. Iaitu kata memang daripada segi *non political interference* tetapi kerajaan harus lihat dari segi keselamatan, jenayah dan kemanusiaan. Saya harap bahawa kawan-kawan yang duduk di sana khasnya daripada UMNO panjangkan apa yang dibincang dalam Dewan yang mulia ini terhadap pemimpin-pemimpin mereka harus lihat daripada kejiranan dan kemanusiaan.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Ahli Kawasan Sungai Puyu, saya nak tambah lagi kerana badan bertindak atau *task force* yang telah ditumpukan oleh Pulau Pinang ini saya rasa tak boleh terdiri daripada wakil kerajaan wakil-wakil daripada agensi kerajaan seperti Polis, Imigresen atau UNHCR sebagainya dan juga wakil-wakil Rohingya serta NGO yang bekerja untuk isu Rohingya sendiri. Mengapa kita cakap begini apabila mereka mendapat maklumat-maklumat berkenaan kes penculikan itu dan ramai pelarian-pelarian Rohingya ini tidak ada identiti yang sah akan menghadapi masalah untuk berunding atau menyampaikan maklumat itu kepada pihak-pihak yang berkuasa khasnya Polis atau Imigresen. Mereka mengalami satu kebimbangan bahawa mereka akan dikenakan tangkap dan juga kad UNHCR itu tidak dipandang serius oleh pihak yang berkuasa. Mereka rasa kad UNHCR itu adalah kad yang palsu atau tidak benar itu. Oleh itu ada pelbagai laporan Polis memang telah dibuat oleh wakil-wakil Rohingya kepada Polis tetapi kita tahu semua maklumat itu sedar termasuk bank akaun, nama akaun semua ada tetapi dia penculik itu sampai sekarang penculik tidak dapat ditangkap lagi. Badan bertindak itu boleh berunding sebagai bagi pihak mangsa perdagangan iaitu manusia yang tiba masuk ke Malaysia tanpa kad UNHCR agar layanan keselamatan dan perubatan kepada mereka yang perlu. Penyelesaian jangka masa perlu juga perlu....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Saya menyokong cadangan Yang Berhormat agar satu *task force* telah ditubuhkan. Untuk makluman atau pertimbangan Yang Berhormat Machang Bubuk, saya pernah pun menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang untuk mempersoalkan serta membincangkan mekanisme untuk menangani manusia ini pada pandangan saya masalahnya masalah pemantauan kerana amat sukar untuk kami untuk menentu dan mengenal pasti tempat-tempat di mana manusia telah diculik atau pun terlibat perdagangan manusia disimpan, disembunyikan dan memang ada banyak kes-kes teruk yang pernah dikeluarkan dalam berita dan saya pun telah membangkitkan bahawa situasi kini lebih genting disebabkan Negara Thailand, Negara Thailand telah pun menjadi lebih keras terhadap mengambil tindakan ke atas pemerdagangan manusia dan ini menyebabkan banyak penculik-penculik serta mereka yang terlibat dengan pemerdagangan manusia untuk masuk dari Negara Thailand masuk ke utara Semenanjung Malaysia termasuk Pulau Pinang dan mekanisme yang telah pun saya cadangkan adalah agar kita menggunakan mekanisme sedia ada melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah.

laitu setiap Pegawai Kerajaan, Pegawai Kerajaan Tempatan serta termasuk juga dan juga termasuk Ahli JKKK kami prihatin terhadap situasi pemerdagangan manusia serta diberi arahan agar memantau atau pun prihatin terhadap tempat-tempat rumah-rumah yang mungkin ada situasi pemerdagangan manusia, mereka boleh melalui ADUN melaporkan mana-mana tempat, mana-mana rumah yang dicurigai, agar pihak Polis dan pihak Imigresen yang hadir dalam Mesyuarat Tindakan Daerah boleh diberitahu dan tindakan boleh diambil. Sepertimana Yang Amat Berhormat katakan tadi sebenarnya orang tempatan lebih tahu tentang keadaan situasi kawasan mereka, maka saya rasa bagi menangani pemerdagangan manusia, kami perlu mengaktifkan penduduk-penduduk tempatan mempertingkatkan keprihatinan orang ramai, Pegawai-Pegawai Kerajaan, Pegawai-Pegawai Kerajaan Tempatan tentang situasi ini. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya minta jalan sikit. Kalau kita nak wujudkan satu jawatankuasa adakah ini melanggar syarat-syarat? Ini adalah usaha Kerajaan Pusat. Jika nak hapuskan kes-kes ini satu langkah utama adalah hapuskan rasuah, jikanya ada rasuah tidak akan selesaikan masalah. Jikanya Ahli Yang Berhormat minat untuk ambil bahagian dan perbincangan dan cadangan ini saya juga jemput Ahli Yang Berhormat hadirkan ke mesyuarat pada 29 Mei 2014 pukul 9.00 pagi di KOMTAR.

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Isu pelarian ini sama ada Burma, Myanmar, Sri Lanka atau mana-mana pesalah yang besar yang utama kita tak ada satu (1) status pelarian di negara ini. Tidak ada dasar dan ini kad yang dibekalkan oleh UNHCR adalah kad sementara, itu pun mungkin dipilih oleh UNHCR mungkin mempunyai satu (1) dasar atau pun strategi sendiri. Mereka yang menerima UNHCR adalah status sementara, ini tidak bermakna tidak dapat status pelarian tidak ada status pelarian sama ada untuk orang dari Sri Lanka atau Rohingya walau satu masa dan ketika Malaysia cuba ingin memberi status pelarian kepada Rohingya sebab mereka orang Islam itu pun tiada. Itu orang Aceh tidak ada status pelarian. Beribu orang Indonesia tidak ada status pelarian tapi itu masalah lain.

Jadi sepertimana Yang Berhormat dari Sungai Puyu ini adalah hal Kerajaan Pusat dan oleh kerana kita tidak ada dasar, *you* tak boleh harapkan kad UNHCR itu adalah sementara kenapa mereka bagi kad, supaya mereka duduk sementara dan kad ini tidak memberi peluang untuk masuk sekolah atau pun dapat pekerjaan. Cuma harapan bahawa negara lain akan ambil mereka. ....(Dengan izin), *that is the rule*. Jadi Malaysia pun tidak menandatangani beberapa perjanjian dengan Bangsa-Bangsa Bersatu dan walaupun juga masuk hubungan antara dengan negara-negara ASEAN. Dari segi kemanusiaan Malaysia sebenarnya kedudukan Malaysia ini tidak selaras dengan perkembangan kemanusiaan dunia. Malaysia dari segi pelarian adalah satu (1) negara kejam sekali. Baru-baru ini satu delegasi dari Sri Lanka yang diketuai oleh Menteri Pertahanan datang secara senyap-senyap dan buat satu perbincangan dengan Kementerian Dalam Negeri supaya bagi satu (1) senarai mana orang Tamil yang kena tahan di sini. Yang terlibat dalam gerakan pengganas dan sebagainya itu.

Malaysia sebenarnya satu negara yang tidak mematuhi mana-mana undang-undang tentang kebajikan dan juga perikemanusiaan pelarian, Malaysia is a very cruel country ....(dengan izin), *very cruel in so far as I am concerned* sama ada Rohingya atau Sri Lanka sama itu daripada Burma atau pun Thailand, cuma atas dasar politik ia akan dari semasa ke semasa memberi mungkin tutup satu mata sahaja. Tidak ada dasar. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih kepada Ahli dari Kawasan Sungai Puyu dan Ahli Kawasan Pulau Tikus yang memberi tambahan kepada apa yang saya bangkitkan tadi dan ini adalah yang saya terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri walaupun Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Persekutuan yang kejam dan tidak mengambil perikemanusiaan terhadap isu-isu pelarian ini tetapi Kerajaan Pulau Pinang tetapi kita menghormati prinsip dan juga mengangkat prinsip hak asasi manusia ini sebagai salah satu arah yang kita hendak bangkit ini dan sebenarnya tadi ada juga yang menyatakan makluman-makluman tentang pemerdagangan manusia ini saya sudah bagi tahu bahawa memang ada nama akaun dan nombor akaun bank dan juga no telefon serta tempat kejadian itu telah diberi maklumat-maklumat seperti itu telah diberi kepada pihak yang berkuasa khususnya Polis, tetapi yang mengecewakan adalah badan-badan kerajaan tersebut seolah-olah tidak dapat dapat membanteras jenayah tersebut.

Sekiranya Polis dan pihak berkuasa boleh bertindak dengan efisien dan efektif. Oleh itu kita memang berharaplah badan bertindak itu, yang kita tubuhkan itu dapat membantu menyelesaikan dan menangani kontroversi ini. Walaupun isu komuniti Rohingya merupakan isu yang kontroversi di kalangan masyarakat umum, namun Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil satu tindakan progresif dan proaktif dalam menangani isu ini. Oleh itu saya ingin mengakhiri perbahasan saya dengan mengungkap satu prinsip dari *theory of Justice* ...(dengan izin) yang dikarya oleh John Rawl di mana keadilan merupakan prinsip utama dalam sistem masyarakat kita. Keadilan yang dimaksudkan adalah kesaksamaan dan kebebasan yang amat diperlukan. Dalam membentuk dan membina persekitaran serta pembangunan masyarakat, kita perlu memastikan bahawa setiap individu tanpa mengira kaum, jantina, agama dan kelas, dapat menikmati peluang yang sama atau *equal opportunity*...(dengan izin). Prinsip ini seolah-olah difahami dan dipersetujui oleh semua pihak. Namun begitu, kita perlu mengesahkan sama ada sistem dan dasar yang sedia ada pada hari berlandaskan prinsip keadilan serta usaha untuk mewujudkan suasana persekitaran yang adil. Dalam perbahasan saya menyentuh tentang kemudahan asas dan infrastruktur sebagai asas untuk membina sebuah bandar yang sesuai didiami atau *liveable*, sampai ke hala tuju pembangunan yang membawa manfaat kepada siapa, adakah kita meneliti dan meninjau pembangunan secara keseluruhan telah mengabaikan kepentingan sebahagian besar masyarakat kita yang berada di akar umbi, tenaga kerja ataupun seperti peneroka bandar yang berada di Kampung Permatang Tok Suboh.

Semasa mempertingkatkan taraf hidup serta kebajikan rakyat, adakah kita terlupa atau mengabaikan hak asasi manusia golongan pendatang asing, yang terjejas seperti pekerja asing dan pelarian Rohingya. Dengan ini saya berpendapat bahawa sebagai sebuah parti yang *reform* atau ahli politik yang berjuang untuk reformasi, selain daripada memperjuangkan satu sistem politik yang bersih dan

telus, kita juga perlu menjamin dan mempertahankan kesejahteraan dan kebebasan setiap individu yang ada dalam masyarakat kita. Ini barulah amalan keadilan yang sebenar. Dengan ini saya memohon untuk menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Tanjong Bunga.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih YB. Timbalan Speaker memberi peluang kepada saya dalam ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dalam mesyuarat ini. Terlebih dahulu saya juga hendak mengucapkan ribuan terima kasih dan salam sejahtera kepada semua, salam Polomi Hari Wesak, salam kasih sayang pada ibu dan salam berjaya hari guru.

YB. Timbalan Speaker, saya perlu lebih banyak masa untuk bahaskan beberapa isu demi kepentingan umum dan Dewan ini, terutama sekali usul dan Rang Undang-undang Persendirian, kalau ditolakkan sebelum dibenarkan, dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini telah menunjukkan *separation power* Dewan ini telah dicampur tangan. Saya pernah mengatakan dalam persidangan Dewan yang terdahulu, kita patut menghadkan Ketua Menteri, Menteri Besar, Perdana Menteri kepada dua (2) penggal sahaja agar DUN tidak berlakunya *Chief Ministerial government*, Menteri Besar *Government* atau *Prime Ministerial Government*. Walaupun seperti jawapan daripada Y.A.B. Setakat ini masih belum ada sebarang peruntukan di dalam Enakmen Negeri yang menetapkan hak pelantikan Ketua Menteri itu terhad kepada dua (2) penggal sahaja, melainkan adanya undi tidak percaya.

Saya yakin jika adanya menghadkan itu, ia akan lebih CAT demokrasi sepenuhnya akan dikembalikan kepada *separation of power* dalam Dewan ini, jadi DUN, Dewan ini adalah pentas semua DUN di mana semua ADUN berhak menjalankan tugasnya sebagai Wakil Rakyat dalam sistem demokrasi demi keadilan kesaksamaan dan kebebasan, apa yang dilakukan oleh Menteri Besar Terengganu dan sehubungan dengan itu adalah akibat salah guna atau mungkin dia gila kuasa di bawah Menteri Besar *Government*.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Adakah ADUN Tanjong Bunga, ingin mengusulkan pindaan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang untuk masukkan cadangan supaya penggal Ketua Menteri itu dihadkan kepada dua (2) penggal sahaja. Soalan saya terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Diberi peluangnya memang saya berhasrat membuat begitu, terima kasih kalau mendapat sokongan selepas dibahaskan pada masa akan datang. Ini adalah untuk satu (1) Dewan yang lebih demokrasi yang saya selalu hendak bangkitkan, perjuangkan. Jadi apa yang dilakukan dengan Dewan yang mulia ini, saya fikir adalah *floor* ADUN berbahas membentangkan usul dan Rang Undang-undang mahupun bersendirian, sementara persidangan dilaksanakan dan jikalau di luar



Dewan memang adalah *floor* eksekutif dan ADUNnya akan bantu. Jadi diharap fungsi dan hak asasi ADUN dan *floor* ADUN di kembalikan pembentangan sesuatu usul atau Rang Undang-undang Persendirian terutamanya patut di berikan peluang berbahas demi hak asasi manusia. Perbahasan akan memberi peluang semua pihak saling memahami pandangan yang tidak sama memutuskan dengan minda yang terlebih terbuka dan hati yang lebih ikhlas murni supaya sesuatu usul atau Rang Undang-undang Persendirian dibentangkan, walaupun keputusannya tak diterima tetapi ini hak yang *basic*. Ini adalah tuntutan yang berpatutan saya berfikir *in house...* (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, terima kasih Tanjung Bunga. Adakah ini bermaksud bahawa Kerajaan yang ada sekarang ini tidak mengamalkan prinsip demokrasi yang tulen, tidak membenarkan prinsip pembahagian kuasa itu dilaksanakan dengan sepenuhnya, bila pandangan dan cadangan walaupun datangnya daripada parti sendiri tidak diambil berat tidak diberi perhatian dan tidak diberi peluang untuk didengar ataupun dibahas.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

YB. Telok Ayer Tawar, pandangan saya soalan yang dibangkitkan itu bukan saja Kerajaan tertentu. Ini adalah eko-politik di Malaysia yang kita perlu membuat perubahan, itu pandangan saya. Jadi saya fikir *in house* dalam Dewan dalam harus dikemaskan dahulu sebelum kita urus tadbir tugas yang lain, supaya kita perkasakan tadbir urus baik CAT menerusi kedaulatan undang-undang, kepimpinan berintegriti dan pembekalan moral insan yang terlatih. Saya juga di sini hendak mengucapkan terima kasih kepada NGO-NGO seperti berikut yang memberi sokongan dan semangat kepada saya untuk memperjuangkan demokrasi dalam Dewan ini. Mereka adalah SUARAM Penang ...(dengan izin) ...( cakap bahasa Cina ), dan *Penang Freedom to Love*, tetapi dalam nama yang betul saya tak dapat tahu, itu saya minta maaf, saya gunakan bahasa Cina.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Minta laluan, adakah cadangan Tanjung Bunga bahawa akan tempoh Ketua Menteri ini kepada semua negeri di Malaysia dan juga Perdana Menteri, tempoh Perdana Menteri juga dihadkan kepada dua (2) penggal.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Ya, itu memang ideologi saya untuk seluruh Malaysia dilaksanakan bukan untuk dilihat masa tertentu, walaupun dibangkit pada masa ini, dia akan makan masa untuk berbahasa tahun demi tahun, mungkin dua (2), tiga (3) penggal kemudian permohonan ini baru boleh berjaya. Justeru...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Apa pandangan Tanjung Bunga setuju tak atau boleh tak sebelum kita mengajak di negeri-negeri lain juga ikut, kita mulakan dengan Negeri Pulau Pinang dahulu.

## **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Ya, di mana-mana ia berlaku. Ini adalah satu proses, kalau di sini saya bangkit di Dewan ini memang saya juga berhasratlah satu (1) peristiwa yang seperti ini berlaku mulai dari Pulau Pinang sebagai *Penang Lead* lah dan sebagai satu negeri yang kita mahu jadi satu bandar raya yang internasional yang berkualiti.

Justeru, saya fikir penubuhan Jawatankuasa Mak Nyah atau hak asasi minoriti bukanlah satu isu sensitif dan baru. Mak Nyah yang dimaksudkan adalah dari segi gender identiti iaitu genderisme, iaitu lelaki atau perempuan. Saya telah sediakan satu kertas dan memorandum untuk rujukan Yang Berhormat-Yang Berhormat supaya lebih faham fungsi Jawatankuasa tersebut dan telah diedarkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Kalau tiada soalan dan masalah, saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat sokongkan usul saya ini yang akan dibentangkan sekali lagi kalau boleh pada persidangan DUN pada hujung tahun ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyokong perbahasan pada penggal yang lalu, saya juga jelaskan bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyokong penubuhan jawatankuasa ini tidak bermaksud, Yang Berhormat-Yang Berhormat perlu melibatkan diri dalam isu atau jikalau tidak selesa, tidak sesuai atau tidak berminat atas sebab tertentu biarlah yang berminat atau saya mewakili Yang Berhormat-Yang Berhormat menghadapi atau menangani isu ini. Ini pun penggal demi penggal sahaja. Harapan untuk keyakinan akan meneruskan terus kehidupan yang memerlukan harapan yang kita beri dengan harmoni.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, seterusnya saya juga hendak bangkitkan tentang peningkatan sektor pelancongan terutama Bukit Bendera di mana di bawah pengurusan PHC, saya fikir keadaan di Bukit Bendera memang bertambah baik jauh daripada pentadbiran dahulu, tetapi saya, ia juga terdapat beberapa aspek yang masih tidak dipertingkatkan, terutamanya banglo-banglo Kerajaan atau PBT tidak dapat diurus dengan baiknya. Seperti:

- (i) Fern Hill
- (ii) South View
- (iii) Rocky
- (iv) Hill Top
- (v) Convalescent

dibiarkan reput sendiri, sebaliknya didapati juga bahawa kebanyakan banglo persendirian di Bukit Bendera boleh dipelihara dengan baik kerana banglo-banglo itu diduduki dan dijaga oleh tuan rumah sendiri. Justeru, saya untuk memelihara banglo-banglo kerajaan dengan baik, saya cadangkan banglo-banglo tersebut diagihkan dan duduki EXCO-EXCO dan Yang Amat Berhormat sendiri. Sekurang-kurangnya kalau diduduki EXCO-EXCO mereka juga boleh menjaga banglo-banglo tersebut sehari seminggu duduk di sana mungkin juga boleh adakan mesyuarat EXCO di sana sekali.

YB. Timbalan Speaker, dari tajuk melestarian sektor pertanian dan asas tani, saya dapat satu jawapan soalan 23 saya, menunjukkan sektor pertanian adalah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Pulau Pinang pada tahun 2012 bahawa sektor pertanian adalah sebanyak 1.9%. Sektor perlombongan/pengkuarian 0.8%. Sektor pembuatan (industri) 48.4%. Sektor Perkhidmatan/Pelancongan 46.4% dan sektor pembinaan 2.5%. Sektor dari statistik ini sektor Perlombongan/Pengkuarian cuma menyumbangkan 0.8% sahaja, dan sektor ini adalah satu sektor yang tidak *friendly* kepada alam sekitar dan saya fikir dia akan mengakibatkan pencemaran alam sekitar dan tidak juga seharmonis dengan pembangunan atau perumahan baharu yang berdekatan dengannya dan sosio aktiviti terutamanya di bahagian Pulau. Jadi memandangkan sektor perkhidmatan pelancongan adalah satu ekonomi kuat Negeri Pulau Pinang maka dicadangkan kalau boleh sektor pengkuarian di bahagian Pulau dikurangkan, dihadkan atau dipindahkan di Seberang atau tempat yang bersesuaian. Dicapadangkan juga kebanyakan tanah lapang PBT yang tidak diselenggarakan dan dijaga dengan baik selalu dibiarkan semak-samun, kalau tapak-tapak atau tanah lapang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Penjelasan, saya membantah kuari Penanti pun sudah ada empat (4) dan pelbagai masalah yang telah ada, jadi saya memang tak suka apa-apa cadangan untuk *transfer* atau menukar kuari ke atau pun kilang-kilang yang tidak sesuai di Pulau dan di hantar ke Seberang Perai *especially* di Penanti, sebagai contohnya, sampah-sampah di Pulau yang 750 tan sehari pun di hantar ke Seberang Perai iaitu di Ampang Jajar dan Pulau Burung. Saya rasa kita tidak boleh menganaktirikan Seberang Perai, terutamanya kawasan-kawasan kampung di mana tidak ada satu pun pembangunan atau pun tidak ada langsung kawasan perindustrian apa-apa hanya industri kuari. Kalau saya pun hendak tutup kuari-kuari di Penanti kalau boleh, tapi belum berjaya, terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih YB. Penanti, saya minta maaf kalau pemindahan itu tidak diterima. Saya juga harap Kerajaan Negeri boleh cari satu jalan baik untuk menempatkan sektor pengkuarian ini. Untuk kebaikan negeri kita, memandangkan penyumbangannya tidak begitu menarik dan tidak ekonomi. Saya juga hendak mencadangkan bahawa kebanyakan tanah lapang PBT yang tidak diselenggarakan dan dijaga dengan baik dan selalu dibiarkan bersemak samun, itu kalau boleh disewakan kepada usahawan tani muda, usaha tani muda agar mereka menggalakkan lebih ramai usahawan tani muda di bawah skim *social enterprise* melalui tabung usahawan tani muda yang dicadangkan.

YB. Timbalan Speaker, kemudian saya hendak menyentuh pemulihan alam sekitar dalam tajuk ucapan ini. Tentang isu *Middle Bank Sea Grass Bed* memang banyak sudah dibincangkan saya tidak akan sentuh banyak, tetapi saya ingin menasihatkan supaya Kerajaan Negeri boleh menimbang saranan MP Gelang Patah supaya berfikir bersungguh-sungguh sebelum ia dimusnahkan. Mengikut jawapan soalan dua (2) saya dimaklumkan bahawa Lot. Ini tentang Bukit Relau yang digondolkan. Mengikut soalan dua (2) saya dimaklumkan bahawa Lot 11396 MK 13, Daerah Timur Laut adalah terhasil dari permohonan pecah sempadan Lot No. 9445 yang telah diluluskan PBN melalui rujukan tahun 2007.

Dimaklumkan kadar cukai tanah yang dibayar selama ini adalah berdasarkan perumahan dan bukan tanah bukit, walaupun Lot. 11396 ini adalah bertujuan untuk mendapatkan hak milik berasingan bagi pembangunan perumahan dan mengikut Pelan Dasar Perancangan Kawalan Kemajuan MPPP 196 Lot 11395 Mk 13 DTL dizonkan sebagai perumahan kos rendah. Manakala Lot 11396 MK 13 DTL di zonkan sebagai tanah bukit, akan tetapi kadar cukai tanah yang dibayar selama ini adalah berdasarkan perumahan dan bukan tanah bukit. Saya hendak tanya mengapa kadar tanah cukai yang dibayar selama ini berdasarkan perumahan dan bukan tanah bukit. Adakah pembayaran kadar cukai tanah atas lot ini sudah salah selama ini, mengapa ia boleh berlaku. Jadi jelasnya saya fikir lot ini dari segi dokumen dan juga dari fizikal geografi ia adalah bukit yang tingginya 870 kaki, maka di bawah Penang Hill Development Guidelines, ia tidak boleh digondolkan dengan sewenang-wenangnya oleh tuan tanah. Oleh itu tindakan harus terus diadakan cepat.

YB. Timbalan Speaker, satu lagi perkara untuk pemuliharaan alam sekitar, tajuknya ialah saya minta kalau boleh untuk mencapai Negeri Pulau Pinang sebuah Negeri Hijau yang lebih bersih, lebih hijau dan lebih sihat dan selamat dan Bandar Raya Internasional, saya cadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diisytiharkan kita turuti kempen *Meatless Monday* adalah antarabangsa. Tujuan kempen *Meatless Monday* adalah kempen international menggalakkan orang ramai mengurangkan makan daging dengan tujuan kurangkan 5% penggunaan makan daging. Kempen *Meatless Monday Goes Global...*(dengan izin) dia bermula pada tahun 2003 oleh John Hopkins Bloomberg School of Public Health. Jadi selepas 2009 kempen ini pertama kali berada di luar Amerika Syarikat dan berkempen di Ghent, Belgium, kemudian pada masa kini kita terdapat 34 buah negara melaksanakan, menjalankan kempen *Meatless Monday* ini, sehari seminggu dengan kempen *Meatless Monday* ini seseorang itu akan lebih sihat terutamanya dari segi:

(i) *Limit Cancer Risk*

Didapati bahawa *red* dan *processed meat* ...(dengan izin), akan menyebabkan *colon cancer* dan *go vegan* ia akan mengurangkannya.

(ii) *Reduce Heart Disease*

Satu kajian oleh Harvard University bahawa jika daging dan *full fat dairy* dikurangkan dan digantikan minyak sayur atau *nuts/seeds (polyunsaturated fat)* akan mengurangkan penyakit jantung dengan 19%.

(iii) *Fight Diabetes*

Jika makan banyak *red meat* dan *processed meat* akan mengakibatkan *diabetes* jenis dua kalau itu pun daripada laporan kajian dan kita boleh ...(dengan izin) *live longer* tanpa atau kurangkan daging akan memanjangkan umur manusia itu sudah terbukti.

YB. Timbalan Speaker, satu lagi isu tentang pemuliharaan alam sekitar iaitu STP2 itu adalah Seri Tanjung Pinang 2 iaitu *reclamation land* di Tanjung Tokong, dan terbuktinya STP1 yang ada sekarang sudah selesai. Sejak pembangunannya hingga

hari ini telah menjejaskan ekosistem dan alam sekitar di perairan di sekeliling lautan terutama di Gurney Drive dengan selut yang terdapat di sana dan nelayan-nelayan juga kehilangan tapak menangkap ikan mengakibatkan kekurangan tangkapan dan juga kehilangan mata pencarian dan rezeki, terpaksa juga dan nelayan yang cari rezeki yang lain.

Dengan keadaan STP1 ini, justeru STP2 DEIA itu yang lebih besar projeknya dengan 800 ekar tanah akan ditebus guna, dua (2) buah pulau iaitu amat, saya fikir kekhawatiran dari segi ekosistem alam sekitar perikanan sosial harmonian pengangkutan dan trafik, populasi yang akan bertambah bekalan air dan sebagainya. Jadi DEIA yang disediakan pemaju yang diterima DOE oleh JAS adalah banyak tidak kesempurnaan dibangkitkan dan dicabarkan NGO dan *professional group* mereka telah pun bantangkan sekurang-kurangnya 140 perkara atau komen untuk dirujukkan terutamanya oleh Penang Forum, Penang *Green Council*, *Environmental Law Alliance Worldwide*, CAP dan SAM. Saya fikir Kerajaan Negeri mesti berteguh dengan pendekatan dan polisi Negeri Hijau. Kalau boleh membantahkan laporan DEIA STP2 yang mempunyai begitu banyak ketidaksempurnaan. Pemaju mesti disyaratkan bertanggungjawab atas ketidaksempurnaan itu yang dilibatkan pada masa hadapan adalah mala petaka atau isu-isu yang tak diingini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta jalan sekejap. Timbalan Speaker, kalau tidak lama kami biarkan, kalau lama saya mencadangkan bahawa rakan-rakan kita hendak tunaikan kewajipan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lama lagi, panjang lagi?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Tadi saya kata, saya minta lebih banyak masa untuk bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sehingga 6.45 petang.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Tak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Nanti sambung lagi.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih. Jadi saya fikir pemaju mesti dipertanggungjawab atas ketidaksempurnaan *report* ini yang akan mungkin mengakibatkan kemalangan atau isu-isu yang tidak diingini di masa depan dan jikalau projek tersebut berlakunya

terbengkalai siapa yang akan menanggungnya seterusnya, iaitu kerana terdapat projek-projek *reclamation* ...(dengan izinnya) terbengkalai juga di negara yang membawa isu-isu yang bukan sahaja buruknya ekonomi. Ia juga menjejaskan alam sekitar seperti di Eropah, kalau tak salah di Sepanyol. Perkara-perkara dan komen-komen yang dibangkitkan oleh NGO memang banyak seperti impak dan mitigasi Alam Sekitar Manusia *Abandonment Paramount Closure* iaitu terbengkalai, impak pengorekkan *review panel* untuk *T.O.R. Ad Hoc Export Panel for the review of DEIA* dan *respond public*...(dengan izin).

Perlunya satu *assessment independent* oleh organisasi dan atas DEIA itu dan pembangunan perumahan untuk sasaran *20% of the top purchasing power* saja, ini mungkin yang di *target* kan...(dengan izin). Berapa peratus rakyat yang *middle class* Pulau Pinang dapat membelikannya dan T.I.A. *Traffic Impact Assessment* mesti juga dipertimbangkan ICUN kononya tidak di dalam DEIA sistem pengangkutan dalam Pelan Induk Pengangkutan tidak bagi ruang untuk *Mass Transportation* ....(dengan izin). *Traffic figure according to NGO not accurate using the appropriate table in this HPU manual, but the result are not unreliable at the liability of the whole exercise has to be questioned, for a township of over 200,000 in population*...(dengan izinnya), dan satu lagi Cost Benefit Analysis (C.B.A.) perlu diadakan dengan betul dan kos penggalakkan oleh Kerajaan Negeri lepas STP2 tidak adillah kalau bagi rakyat menanggungnya pada masa akan datang dan akhir sekali dengan *monitoring of impact of EIA of project should be under the jurisdiction of MMK Alam Sekitar and not between the project proponent and DOE*...(dengan izinnya).

Jadi satu lagi perkara saya hendak bangkitkan di sini adalah tentang pembangunan sukan dan belia. Saya mengalu-alukan satu pusat pembelajaran di semua daerah terutamanya memberi penekanan kepada empat (4) bidang utama iaitu Sains, Teknologi, *English* dan *Mathematics* (S.T.E.M). Justeru terutamanya disarankan Kerajaan Negeri *recruit* kan *graduate-graduate* ...(dengan izin) *major in mathematics* terutamanya dari USM di *team up* ...(dengan izin), untuk menubuhkan satu (1) atau mekanisme sistem atau mekanisme *big data* atau digubalkan Akta Big Data yang pernah saya bahas pada penggal yang lalu supaya ia dapat mengumpul, mengurus dan menganalisis data-data yang diproses sistem *Big Data* ini untuk digunakan merancang polisi, ekonomi, sosial, alam sekitar, pendidikan dan sebagainya.

YB. Tuan Timbalan Speaker, saya sekarang hendak sentuh sedikit meningkat program kebajikan. Menurut satu laporan HSBC Asian Insurance Monitor...(dengan izin), bahawa pelan bersara rakyat Malaysia adalah konservatif dibandingkan antara Malaysia, India, Singapura, Taiwan, Korea, China dan Hong Kong. Kita diambil kira sebagai negara berkembang antara negara tersebut. Jadi saya fikir dalam pengagihan, dalam laporan pendapatan setiap bulan rakyat kita belanjakan 60% ke atas keperluan harian, 4% untuk skim sara, 12% simpanan bank, 8% insurans, 4% *investment* saham dan *fund*, 11% untuk *recreational* dan lain-lain.

Ini menunjukkan rakyat kita tidak begitu ambil berat atau kurang faham kepentingan skim bersara dan insurans untuk keperluan kecemasan atau perubahan, terutamanya pada masa tua atau masa bersara. Kita faham kos dan perbelanjaan perubahan sekarang amat mahal, yang boleh ditanggungkah oleh *middle class* dan miskin dan pesara ditanggungkan. Jadi banyak kes kesihatan dan perubahan telah membebankan golongan tersebut dan banyak kempen-kempen *fund raising* telah diadakan untuk mereka, malahan pendapatan rakyat tidak meningkat dan juga pada

tahun hadapan akan diadakan GST, maka teruk sekali dan akan memiskinkan rakyat dalam segi perubatan dan *medical tourism* adalah satu (1) juga memang satu (1) aktiviti ekonomi dan negeri kita tetapi *medical tourism* itu nampaknya sedikit sebanyak sudah meningkatkan kos perubatan kerana ada *demand* dan *supply* pendapatan atau *supply* rawatan doktor yang selalu minta pembayaran yang lebih tinggi kerana mereka kata itu adalah satu rawatan profesional.

Menurut teori dan kajian juga bahawa kekhawatiran kewangan yang membimbangkan rakyat kita, selalu kita khuatir adalah kos perbelanjaan perubatan yang tidak dapat dibajetkan iaitu adalah 59% kekurangan perbelanjaan keperluan harian 41% kewangan simpanan bersara yang tidak cukup 38%, pendapatan yang tidak stabil 37%, tiba-tiba kehilangan mata pencarian kerja 31%. Ini memang kategori di mana membimbangkan status kewangan kita rakyat kita dan saya fikir semua faktor-faktor ini Kerajaan Negeri perlu ambil perhatian dan jelasnya kita khuatir dan takut menghadapi kos dan perbelanjaan perubatan yang makin hari makin mahal, terutamanya bila masa bersara yang tidak sihat yang miskin keluarga *middle class* juga....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Tanjung Bunga, boleh kita rehat, disambung semula selepas ini.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan akan berhenti rehat dan akan disambung semula pada jam 8.00 malam.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.45 petang.***

***Dewan bersidang semula pada jam 8.00 malam.***

**Setiausaha:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya akan sambungkan lagi dan tak akan makan masa banyak, saya teruskan menurut kajian bahawa kekuatiran kewangan yang membingungkan rakyat kita ada lima (5) perkara. Jelasnya kita kuatir dan takut menghadapi kos perbelanjaan perubatan yang makin hari makin mahal terutamanya mereka yang bersara yang miskin dan tidak sihat dan keluarga miskin dan juga

*middle class...*(dengan izin) justeru saya juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kalau boleh menubuhkan satu tabung *medical care* untuk rakyat Negeri Pulau Pinang untuk meringankan bebanan hidup dan kebajikan negeri juga boleh dipertingkatkan.

Kerajaan Negeri bolehlah berunding dengan syarikat insuran untuk merealisasi satu *teller made* kebajikan masyarakat yang lebih manfaat, itupun kerana negeri kita adanya Sumber Manusia yang 2 juta lebih kurang, kalau separuhnya 1 juta dijadikan sasaran dan satu juta dengan adanya 1 juta kalau berbincang dengan syarikat insuran memang satu skim yang saya fikir akan memanfaatkan golongan yang saya sebutkan tadi, kalau ini jadi satu tabung yang direalisasikan, saya fikir ramai orang terutamanya juga ibu tunggal dapat meringankan beban hidup mereka dan mereka bolehlah pergi cari rezeki yang lebih banyak lagi untuk menanggung keluarga mereka, diharap ini boleh dipertimbangkan.

Seterusnya YB. Dato' Speaker, saya hendak rujukkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 aktiviti jabatan agensi dan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Siri. 1. Saya tertarik dengan laporan ini perkara Majlis Perbandaran Pulau Pinang tentang sisa pepejal, mengikut audit ini terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian di muka lima (5) tak perlulah saya baca semuanya dan jadualnya di muka empat (4) kos pungutan pemindahan dan pelupusan sisa pepejal yang dibayar kepada kontraktor bagi tempoh 2011 hingga Jun 2013. Kos ini nampaknya sangat tinggi dan pandangan saya dia boleh dikurangkan dengan beberapa solusi dan juga satu(1) kelemahan juga dalam kawalan penyakit memang juga diberitahu sebab-sebab penyakit tidak terkawal dalam muka surat 15 dan juga satu (1) syor audit juga membangkitkan empat (4) arah supaya memastikan pengurusan sisa pepejal Majlis dapat dipertingkatkan.

Jadi saya fikir, saya berasa satu gembira dan juga terutamanya bahawa Kerajaan Tempatan YB. Padang Kota telah memutuskan satu jawatankuasa untuk penggubalan satu *by law* berdasar *segregation at source* ...(dengan izin) untuk lebih berkesan dalam pengurusan sisa pepejal melalui sistem kotak biru di mana sisa pepejal diasingkan dari puncak *hock at source* .....(dengan izin) dan sistem ini telah saya bahaskan pada mesyuarat sesi yang lalu, saya yakin dengan adanya sistem dan *by law segregation at source*...(dengan izin) ini akan mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal dan pengurusan dipertingkatkan dan dia akan menambahkan pekerjaan baru dan memanjang *lifespans* ...(dengan izin). *Landfill* di Pulau Burung kelemahan dalam audit tersebut akan diselesaikan dan yang pentingnya *recycling range* ...(dengan izin) akan dipertingkatkan 70%. Ini hanya juga terbukti di bandar raya-bandar raya yang mempraktikkan sistem ini terutamanya di London, Kanada.

Jadi YB. Dato' Speaker, solusi adalah *segregation at source* dan kalau kita berjaya menggubal dan menjalankann melaksanakan *by law* ini ...(dengan izin) memang dia akan jadi satu prestasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai satu *carbon mechanism* agar polisi Negeri Hijau dilaksanakan dan juga di *reorganise* ... (dengan izin) uniti sebagai satu mekanisme karbon yang terunggul di Asia ini. YB. Dato' Speaker demi kebaikan kesejahteraan dan kebaikan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya memohon menyokong.



## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Berapit.

## **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

YB. Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya merakamkan setinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk melakukan ucapan perbahasan terima kasih di atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, menurut laporan statistik kebangsaan kadar membunuh diri di Malaysia adalah sebanyak 1.3 orang bagi setiap 100,00 orang pada tahun 2007 hingga tahun 2010. Jumlah ini masih dianggap di bawah jangkaan. Di Pulau Pinang sebanyak 23 kes bunuh diri telah dicatat dari Januari 2013 hingga September 2013. Antaranya lapan (8) kes melibatkan pemuda-pemudi, selain itu mengikut statistik MMK lalu lintas Pulau Pinang pada tahun 2012 terdapat 400 kes maut di mana 380 kes melibatkan penunggang motosikal dan 70% yang pemuda-pemudi yang berumur 17 hingga 35 tahun. Peningkatan kes-kes kemalangan dan kes bunuh diri yang melibatkan remaja amat merisaukan saya, remaja adalah aset untuk masa hadapan Negeri Pulau Pinang. Kematian remaja akibat kemalangan dan bunuh diri merupakan satu kerugian yang besar kepada Negeri kita dan negara kita.

Dengan itu saya berharap Kerajaan Negeri terutamanya MMK Kebajikan dan Masyarakat Penyayang, MMK Belia dan Pembangunan Keluarga dan Komuniti, serta MMK Kesihatan dapat bekerjasama dengan NGO-NGO dan pusat-pusat kaunseling untuk meneliti dan membuat kajian untuk dapat satu kaedah bagi membantu pemuda-pemudi yang menghadapi tekanan jiwa ini. Saya bercadang Kerajaan Negeri menubuhkan lebih banyak pusat kaunseling yang senang dihubungi dan melatih atau mengupah pekerja-pekerja sosial iaitu ...(dengan izin) *social workers* yang mencukupi untuk membantu pemuda-pemudi yang menghadapi tekanan jika supaya dapat mengurangkan gejala bunuh diri yang banyak berlaku pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' yang di-Pertua, pada hari ini kaum wanita memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara, namun ramai lagi wanita masih menghadapi masalah gangguan seksual dan juga keganasan rumah tangga, iaitu *domestic violence* ..(dengan izin), hal ini disebabkan ramai lagi wanita yang tidak memahami hak asasi mereka dan juga tidak mengetahui dalam mencari bantuan yang tepat, dengan itu saya berharap pihak Kerajaan Negeri selain daripada mengadakan aktiviti seperti forum dan bengkel Kerajaan Negeri harus turun padang untuk memberi pendidikan kepada semua lapisan masyarakat ini baru dapat memastikan kaum wanita sedar akan hak asasi sendiri dan juga boleh mencari penyelesaian yang sesuai sekiranya menghadapi masalah keluarga, jikalau boleh Kerajaan Negeri boleh menubuhkan lebih banyak pusat kaunseling untuk wanita yang menghadapi keganasan rumah di setiap daerah dalam Pulau Pinang. Kita hanyalah ada satu kaunseling di Seberang iaitu (PPW) Pusat Perkhidmatan Wanita yang ditubuhkan pada tahun 2008 Disember. Ini tidak mencukupi, so saya harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan berikhtiar macam mana menaik atau menubuhkan pusat kaunseling di seluruh daerah.

YB. Dato' Yang di-Pertua untuk meningkat bidang sukan di dalam negeri, saya amat bersetuju dengan pandangan YB. Pengkalan Kota iaitu Kerajaan Negeri perlu menyediakan lebih banyak pusat-pusat latihan untuk atlet-atlet dan juga tempat-tempat senaman dan rekreasi bagi golongan masyarakat. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan bakat atlet-atlet baru namun juga membantu mengurangkan gejala-gejala sosial para pemuda-pemudi yang tidak sihat seperti yang disebut oleh YB. dari Telok Ayer Tawar, kegiatan mat rempit, kegiatan ragut dan sebagainya. Menceburi dalam aktiviti sukan dapat memupuk cara hidup yang sihat berdisiplin dan juga bersemangat yang kuat dalam menghadapi cabaran hidup.

Mengenai isu pembangunan di KADUN Berapit terdapat dua (2) buah projek pembangunan rumah di kawasan saya dicadangkan dibina dalam kawasan pembangunan sedia ada, dalam menghadapi bantahan dari penduduk antaranya adalah projek di belakang Taman Seri Bukit Indah dan projek rumah di belakang Taman Bukit Emas serta Taman Sentosa iaitu asalnya cadangan kedua-dua projek rumah ini ialah untuk membina 9 buah rumah banglo dan akhirnya bertukar menjadi pembinaan kondominium setinggi 43 tingkat dan 35 tingkat, penduduk risau dengan kepadatan penduduk yang terlalu tinggi akan menjejaskan kehidupan mereka dan akan mengakibatkan kesesakan jalan raya. Selepas mendengar bantahan daripada penduduk pihak OSC MPSP dan Yang Berhormat daripada Padang Kota telah menolak cadangan pembinaan kondominium ini, dengan itu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sudi mendengar dan menghormat suara penduduk tempatan. Namun begitu ada lagi satu projek di Lorong Jernih 8, Taman Jernih di mana pemaju akan membina dua belas (12) unit rumah dan membina jalan di atas tanah rezab JPS dan merentasi parit monsun.

Pihak penduduk-penduduk dan saya telah pun merayu dan bersuara bantahan tetapi keputusan tidak diberitahu lagi. Saya berpendapat bahawa pembinaan jalan merentasi parit monsun bukan satu-satunya pilihan. Terdapat jalan alternatif iaitu Jalan Kilang Ubi di kawasan Macang Bubok untuk memasuki projek perumahan yang akan dibina di tempat yang saya tadi sebut. Saya amat berterima kasih kepada YB. Bukit Tengah kerana membangkitkan isu berkenaan OSC, MPSP dalam ucapan perbahasan beliau. Pada pendapat saya Kerajaan Negeri dan OSC, MPSP seharusnya memantau cadangan projek pembangunan di kawasan pembangunan sedia ada dan memastikan ianya tidak menjejaskan kehidupan dan membawa kesukaran kepada penduduk-penduduk asal di taman yang didudukinya.

YB. Dato' Yang di-Pertua, satu lagi masalah di kawasan saya adalah pembukaan lereng bukit secara haram. Untuk makluman, di kawasan saya terdapat dua (2) tempat kediaman yang berada di bawah lereng bukit iaitu Taman Sentosa dan Taman Seri Bukit Indah. Lereng bukit di kedua-dua kawasan telah dibuka oleh pemilik tanah secara haram untuk tujuan sendiri. Selepas saya membuat aduan barulah MPSP mengeluarkan notis untuk mengarahkan pemilik tanah menghentikan kegiatan pembukaan lereng bukit. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan Negeri atau pihak MPSP mempunyai SOP untuk mengawasi dan memantau pembangunan lereng bukit. Bagaimanakah keselamatan penduduk yang tinggal di sekeliling lereng bukit dapat dijamin? Saya tidak harap sekiranya berlaku sebarang kemalangan seperti tanah runtuh, membawa sekeliling lereng bukit akan terbenam dan membahayakan nyawa penduduk-penduduk di situ.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya berharap barisan EXCO akan menimbangkan semua cadangan-cadangan saya dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian di Dewan yang mulia ini, demi kepentingan rakyat dalam Negeri Pulau Pinang. Sekian sahaja ucapan perbahasan. Saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cepatnya, Permatang Pasir sambung.

#### **Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Terima kasih Yang Dipertua Dato' Speaker. *Alhamdulillah Wassholatu Wassalamu Ala-Rasullillahi Waalaalihinwasahbihi Wamantabiu Walahulawalla.* Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih di atas ucapan Perasmian Penggal Kedua oleh Tuan Yang Terutama pagi semalam dan banyak input-input yang boleh kita manfaatkan dan laksanakan secara peringkat dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya memulakan ucapan pada hari ini dengan menyebut firman Allah yang bermaksud: *“orang-orang ataupun mereka yang diberikan kekuasaan di atas muka bumi ini, sifat-sifat mereka adalah mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan juga mestilah menyeru kepada Yang Maaruf, mencegah kemungkaran dan kepada Allah dalam kendali segala urusan.”*

YB. Dato' Speaker, setelah saya memulakan ucapan ini, yang saya terjemahkan tadi perkara-perkara yang paling asas kepada mereka yang diberikan kekuasaan. Di antara perkara penting, yang menjadi asas kepada matlamat untuk memberikan keadilan adalah seseorang itu mestilah melakukan kebaikan kemudian mengajak yang maaruf mencegah kemungkaran dan kepada Allah lah kembali segala urusan. Apa yang penting pada hari ini ialah kita mahu sebuah pemerintahan yang bertanggungjawab yang boleh melaksanakan amanah ini untuk kepentingan rakyat. Mana-mana kerajaan sekali pun YB. Dato' Speaker, akan mementingkan pemimpin yang boleh dan dapat memenangi bukan sekadar bangsanya sahaja ataupun kaumnya sahaja ataupun puaknya sahaja. Tetapi keadilan itu mestilah merentasi sempadan dapat sampai ke segenap lapisan masyarakat khususnya di negeri kita di Pulau Pinang ini.

YB. Dato' Speaker, berkenaan dengan kemiskinan, saya melihat perkara ini perlu diberi penekanan yang serius dan mesti berterusan oleh Kerajaan Negeri kerana masalah kemiskinan yang masih lagi diperkatakan belum selesai. Rakyat miskin tegar yang berpendapatan rendah dan telah pun ditambah pendapatan mereka yakni di *top-up* oleh Kerajaan Negeri sehingga keluar daripada garis kemiskinan iaitu sebanyak RM770.00 pendapatan isi keluarga. Walaupun begitu saya berpandangan siasatan secara bersepadu melibatkan seluruh agensi kerajaan sepertimana Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk juga Pejabat Daerah dan agensi lain perlu dilakukan secara lebih agresif lagi dengan melibatkan terutamanya daripada ADUN-ADUN Kawasan ataupun pegawai penyelaras KADUN termasuk jugalah JKKK. Ini kerana saya khuatir dan bimbang masih ada di kalangan masyarakat dan keluarga miskin yang tertinggal ataupun mungkin juga terdapat keluarga yang terkeluar dari kelayakan sebenar tetapi masih menerima bantuan kerajaan. Ada kadang kala berlaku apabila kita ada program-program memberi bantuan kepada mereka yang kita nampak dan layak untuk dapatkan bantuan tetapi kadang-kadang berlaku yang di kalangan keluarga juga mempunyai pendapatan

yang tinggi. Tetapi oleh kerana apabila disenaraikan mereka dan dianggap mereka ini layak maka orang itupun dapat. Tetapi dari segi hakikat menunjukkan bahawa keluarga itu mempunyai kemampuan. Jadi ini juga perlu kepada satu pertimbangan supaya mereka yang benar-benar sahaja yang layak untuk mendapatkan bantuan dan juga peruntukan.

YB. Dato' Speaker, sekarang ini musim pelajar-pelajar ke IPT. Ramai di kalangan daripada pelajar-pelajar kita yang telah berjaya di Pulau Pinang ini dan mereka layak untuk memasuki IPT dan ramai juga yang memohon daripada Kerajaan Negeri bantuan dan sumbangan. Masalah yang kita dapat maklumat, bila mereka datang ataupun berjumpa dengan JKKK, khususnya didapati nama ini tak ada dalam senarai walaupun mereka ada membuat permohonan. Ini saya ingin menasihati mereka supaya benar-benar apabila mereka mendaftar supaya senarai pendaftaran mereka mesti kena adalah. Jadi bila dia orang daftar, tengok tak ada pula, jadi mungkin akan menimbulkan persepsi kepada Kerajaan Negeri sedangkan mereka ini adalah tergolong daripada golongan yang amat sangat mengharapkan bantuan dan dikategorikan juga adalah golongan miskin dan perlu bantuan. Tetapi tidak, kadangkala tidak juga mereka ini yang tak tahu nak mendaftar di mana-mana tempat. Ini perlulah kepada semua peringkat, semua pihak ambil tanggungjawab supaya mereka tidak lepas pandang kerana mereka juga adalah mereka yang layak untuk mendapatkan bantuan. Dan saya juga ingin mencadangkan supaya bantuan kepada pelajar IPT ini dipromosikan sepertimana promosi yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri di dalam program Kebajikan Emas. Sepertimana bantuan Warga Emas, Anak Emas, Ibu Emas dan berbagai-bagai bantuan. Ini adalah penting bagi memastikan bantuan kepada pelajar-pelajar IPT ini dapat disampaikan secara menyeluruh kepada rakyat Pulau Pinang yang berkelayakan. Selain daripada itu, saya juga mengharapkan bantuan pendidikan Kerajaan Negeri bukan terhad kepada pelajar Ijazah dan Diploma sahaja tetapi juga kepada pelajar-pelajar peringkat Sijil. Memang ramai yang telah ada kelayakan tetapi mereka cuma ada kelayakan mendapat Sijil juga mereka adalah tergolong orang yang tidak berkemampuan dan dikategorikan juga mereka adalah orang miskin. Jadi saya mengharapkan supaya bantuan-bantuan ini, supaya Kerajaan Negeri dapat mengambil kesempatan dan saya rasa wajar supaya di masa-masa hadapan mereka yang layak mendapat bantuan dan sumbangan juga.

YB. Dato' Speaker, berkaitan dengan pembangunan modal insan khususnya belia walaupun ramai rakan-rakan saya sudahpun menjelaskan tetapi perlu kepada Kerajaan Negeri sebelum ini sudahpun menyebut berkaitan dengan program apa nama ini, *Pro-Growth Programmer* (dengan izin Dato' Speaker). Jadi saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar mengadakan program perkadiran usahawan agar remaja pemuda belia dan anak muda Pulau Pinang, didedahkan dengan suasana perniagaan lebih awal di usia muda kerana tidak dinafikan bidang perniagaan merupakan 9/10 daripada punca rezeki. Berkaitan dengan peluang pekerjaan *programmer* ini, saya mencadangkan kerajaan bersikap pro-aktif dengan mendekati graduan-graduan lepas universiti, kolej, institusi kemahiran dan sebagainya melalui program-program wajib dihadiri oleh graduan dengan sedikit imbuhan sebagai aspirasi kepada mereka yang berjaya bertungkus-lumus menamatkan pelajaran dalam bidang masing-masing. Di dalam program tersebut, pendedahan peluang pekerjaan dapat disampaikan kepada mereka.

YB. Dato' Speaker, juga disebut tadi berkaitan dengan pelupusan sampah ataupun pembuangan sampah dan sisa pepejal. Saya juga ingin menarik perhatianlah tempat-tempat saya nampak sudah menjadi masalah yang cukup kronik di semua kawasan. Dan saya percaya dalam, semua ini dalam pengetahuan pihak MPPP juga MPSP dan juga Kerajaan Negeri sendiri. Jadi saya amat berharap supaya program kesedaran berkaitan masalah ini terus dipertingkatkan bersesuaian dengan moto Kerajaan Negeri Penang Selamat Bersih dan Hijau. Ini adalah kerana kita tahu perkara seperti apa yang berlaku di sungai Batu Feringghi tidak berulang kembali sehinggalah pihak yang bertanggungjawab tidak mahu mengaku kesalahan mereka.

Tambahan pula dengan kononnya fenomena El Nino andaian kemarau panjang akan berlaku dalam tempoh lebih kurang dalam masa enam (6) bulan. Jadi saya mengharapkanlah dan ingin melihat Kerajaan Negeri berperanan dengan penuh rasa tanggungjawab yang tinggi dengan meletakkan rakyat Pulau Pinang mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai alam sekitar ciptaan Tuhan ini kerana kesan daripada El Nino ini nanti kemungkinan menyukarkan di kalangan pesawah-pesawah, penanam-penanam padi yang juga berkaitan dengan keperluan supaya keadaan penanam-penanam sayur, pesawah-pesawah dan berbagai bentuk tanaman supaya mereka tidak menghadapi masalah, sepertinya masalah sebelum ini kemarau lebih kurang 2, 3 bulan juga menimbulkan masalah sehingga menjejaskan sedikit apabila pelepasan air di tali air tidak dapat dibuat kerana kekurangan air. Jadi mengakibatkan tempoh masa penanaman padi tertangguh, mungkin masa depan, akan menimbulkan masalah telah berlakunya pengurangan pengeluaran padi khususnya di Pulau Pinang akibat kita terpaksa mendapatkan juga peruntukan di tempat-tempat yang lain.

YB. Dato' Speaker, saya ingin membangkitkan satu perkara. Setelah beberapa maklumat dan juga aduan walaupun tidak berlaku di kawasan saya tetapi di kawasan lain berkaitan dengan kemudahan awam. Iaitulah status permohonan pasar baru di Teluk Kumbar, Zon Bayan Lepas. Saya sebut ini bukan kerana wakil ADUN Bayan Lepas, baru ini dia sembang dengan saya dia kata, dia pun seorang penanam Durian. Dia kata durian dah masak, dah jatuh, bila nak mai ambil. Jadi bukan kerana sebab kawan dia nak bagi buah durian tetapi oleh kerana satu keperluan walaupun dia di luar kawasan saya. Tetapi oleh kerana saya bangkitkan perkara ini, kerana maklumat yang diterima. Pertamanya berkaitan dengan keperluan mendesak penduduk Telok Kumbar mengenai pasar baru yang lebih komprehensif dengan pasaran tambahan, mesin ATM, astaka dan juga dewan dan lain-lain. Selain daripada itu pembangunan pesat oleh PERDA, KL Metro Hotel, Sekolah dan lain yang dalam proses pembinaan dan kehendak peniaga sendiri menambahkan lagi kepada keperluan pasar baru ini. Selain daripada itu juga, saya telah juga difahamkan bahawa bajet yang diluluskan oleh MPPP pada tahun 2013 lagi. Cuma yang saya difahamkanlah, dan juga saya difahamkan tanah dan lokasi ini adalah tanah *private* yang telah diluluskan untuk pengambilan oleh pejabat tanah ataupun Kerajaan Negeri sendiri. Dan keluasan tanah juga 4.3 ekar dengan dua (2) pemilik tanah. Jadi tempat itulah saya cadangkan supaya disegerakan projek ini dengan pengeluaran notis-notis mengenai pengambilan tanah cadangan tersebut kerana dikhuatiri nilai tanah akan semakin meningkat dan di luar bajet yang diluluskan sekiranya berlaku kelewatan. Ini keluhan penduduk-penduduk di kawasan apa nama yang saya sebut tadi.

YB. Dato' Speaker, semalam saya ada satu soalan saya bangkitkan berkaitan dengan berkaitan dengan tanah yang telah ditukar syarat kepada status pertanian yang saya lihat di peringkat SPT, di kawasan SPT. Jumlah lebih kurang 226.3 ekar dan keseluruhan di Pulau Pinang 560.61 ekar. Ini jumlah yang agak besar yang mengakibatkan bila kawasan-kawasan pertanian ini yang terlibat ini, diubah kepada syarat-syarat yang lain terutamanya untuk dibangunkan perumahan, tempat-tempat kediaman yang lain termasuk perindustrian, perusahaan juga ada juga dibangunkan untuk menjual makanan, makanan yang mewah termasuk juga memproses kitaran semula. Jadi perkara-perkara ini yang mengakibatkan tanah-tanah pertanian makin lama makin terhakis. Ia mengakibatkan berlakunya kekurangan tanah-tanah yang amat penting untuk dijadikan lanskap bernas khususnya tanah-tanah pertanian ini dijadikan kawasan-kawasan jelapang padi. Ini kalau kerana ini dibiarkan dan digunakan banyak terlalu banyak mengakibatkan mungkin menyebabkan hasil tanaman makin berkurangan dan begitu juga yang menjadi permasalahan. Bagi saya apabila saya tengok tanah-tanah ini ditimbus atau dikambus tanpa mendapat kebenaran, dia orang terus timbus dan kambus dan kebenaran pun belum dapat. Jadi ini mengakibatkan berlakunya ketidakpuasan hati, maka akan berlakunya banjir kilat dan sebagainya. Ini begitu juga pemerhatian oleh pihak Kerajaan Negeri.

YB. Dato' Speaker, sekarang ini juga kita dikejutkan dengan kenaikan tarif elektrik. Dikala TNB mencatat keuntungan bersih RM4.61 million bagi tahun kewangan 2013. Jadi saya pun berasa hairan dengan situasi ini berlaku. Kenapa Kerajaan Pusat masih memberi berbagai-bagai alasan kepada rakyat dengan menyatakan TNB mengalami kerugian. Lalu dinaikkan tarif elektrik sedangkan yang sebenarnya TNB mencatat keuntungan yang berlipat kali ganda. Jadi saya amat mengharapkanlah dan memohon Kerajaan Negeri tanam dalam mengadakan program kesedaran penjimatan juga tenaga elektrik kerana dalam Kerajaan Negeri juga akan memberi kesedaran untuk menjimatkan penggunaan air. Saya fikirkan dan bimbang amat sangat akan kenaikan tarikh elektrik ini berlaku. Pada masa hadapan kita kena pula dengan cukai barangan dan perkhidmatan ataupun GST yang telah diluluskan di Parlimen akan dilaksanakan pada bila-bila masa lah. Saya simpatilah kepada rakyat yang akan meraung sengsara. Saya juga difahamkan penggunaan elektrik melebihi 300 kw bersamaan dengan RM260.00 sebulan juga akan dikenakan GST. Hal ini kita menunggu dan melihat perkara yang didakwa dengan masalah kenaikan harga barangan yang tidak terkawal. Pendapatan rakyat yang tidak seimbang yang pagi tadi pun saya telah menyebut dan ditambahkan lagi dengan GST yang tidak sistematik. Ia bercanggah dengan moto Kerajaan Pusat, eh... apa diutamakan, rakyat didahulukan. Pencapaian diutamakan rakyat didahulukan, seolah-olah rakyat didahulukan dengan bebanan cukai. Ini yang kita nampak dan ini sepatutnya tidak berlakulah yang menimbulkan keresahan di kalangan rakyat.

YB. Dato' Speaker, saya ingin juga menjelaskan dan menyatakan amat bergembiralah dalam suasana sekarang, suasana sekarang di ambang skuad sukan sekarang. Skwad sukan diambang World Cup di Rio Brazil. Saya nak ucapkan tahniahlah kepada Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang kerana menolak judi bola seperti dilakukan lebih kurang 4, 5 tahun dahulu. Ini yang sama Pakatan Rakyat juga tolak judi bola. Jadi Negeri Pulau Pinang ini telah menjadi negeri di Malaysia seperti kita sama-sama menolak judi bola. Ini menunjukkan kita ada persamaan. Tahniah kepada Kerajaan Pulau Pinang lah. Oleh itu saya sendiri mengucapkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta PDRM terus melakukan tindakan pro-aktif yang lebih awal kepada pengharaman judi bola dan juga judi-judi yang lain. Dan juga kasino dan *cybercafe* yang mengadakan aktiviti-aktiviti ini, aktiviti-aktiviti judi.

YB. Dato' Speaker, mengenai perancangan permohonan fizikal di seluruh Pulau Pinang, saya melihat satu perkara yang amat serius. Minta dikekalkan kawasan kampung sedia ada malah dinaik taraf menjadikan perkampungan-perkampungan tradisi sebagai satu tarikan pelancong dalam dan luar negeri. Saya juga amat bimbang dan khuatir sekiranya *zoning* perkampungan sedia ada ditukar kepada *zoning* lain seperti perniagaan, perdagangan, kediaman baru yang akhirnya penduduk kawasan tersebut akan dipindah ke kawasan-kawasan yang lain yang tinggal di situ hanyalah masjid tanpa anak kariah sepertimana kawasan Bukit Minyak dan juga terdapat di tempat-tempat yang lain. Jadi masjid duduk di tengah, anak kariah duduk di kawasan yang jauh.

YB. Dato' Speaker, ada beberapa persoalan-persoalan bertulis saya telah dikemukakan, saya ingin merujuk sedikit berkaitan dengan salah satu soalan berkaitan dengan peningkatan jumlah penumpang.

“Apakah jumlah peningkatan penumpang yang menaiki pesawat MAS di Pulau Pinang setelah peristiwa kehilangan MH370 baru-baru ini.”

Ini jawapan yang saya terima menunjukkan bahawa, Negeri Pulau Pinang ini, adalah yang paling selamat untuk didatangi dan untuk didiami kerana jawapan yang telah saya terima menunjukkan trajedi MH370 secara keseluruhan tidak menjejaskan kedatangan pelancong melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Malaysian Airport Berhad, Pulau Pinang telah menerima penumpang antarabangsa sebanyak 305,844 orang dalam suku tahun pertama 2014 berbanding dengan 278,661 orang dalam suku tahun pertama 2013. Peningkatan sebanyak 9.74%. Sebab itu saya mengatakan Pulau Pinang negeri yang paling selamat untuk didatangi, untuk didiami dan untuk berbagai-bagai untuklah, untuk mendapat keselesaan. Dan sedikit yang kemungkinan kita terasa apabila berlaku, bila wujudnya dua (2) jambatan di Pulau Pinang. Jambatan Pulau Pinang ada dua (2) sekarang ini, jambatan yang sedia ada kemudian Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. Saya juga ada bertanya soalan, apabila ada dua (2) jambatan ini, bagaimana dari segi pengangkutan feri. Apabila ada dua (2) jambatan feri ini. Apakah dari segi pengangkutan feri ini, apakah jumlah penggunaan feri berkurangan. Memang jawapan yang saya terima ini menunjukkan pengangkutan feri ini, maknanya penggunaan dia, jumlahnya penggunaan kurang. Jadi kena ambil perhatian jugalah supaya walaupun penggunaan-penggunaan di kedua-dua jambatan dapat kita guna dengan selesa, dan juga feri, tapi feri ini kurang kena ada sesuatu untuk dilakukan.

Kemudiannya soalan yang saya juga kemukakan berkaitan dengan jambatan kedua, apa nama Jambatan Sultan Abdul Halim Muazam Shah. Sebelum berlakunya, sebelum siapnya Jambatan Pulau Pinang sudah berlaku kemalangan. Dan saya tanya jugalah dalam apabila jambatan ini dibuka pada orang ramai, apakah berlaku kemalangan dan berapa jumlah kemalangan dan apa sebab berlaku kemalangan tersebut. Sebanyak 18 kes yang berlaku setakat rekod yang ada 18 kes ini adalah melibatkan 28 unit kenderaan. Dengan alasan, berlakunya kemalangan ini dengan sebab kenderaan berjalan perlahan. Jadi jambatan yang kedua, kena jalan laju sikitlah supaya tidak berlaku kemalangan. Ini mengakibatkan bila lambat sebab nak tengok sini, tengok sana mungkinlah dan mengakibatkan lambat dan kelambatan itu juga menjejaskan urusan-urusan orang lain. Jadi pengguna-pengguna jambatan kedua ini kena pekalah supaya jangan kita mengambil kesempatan, mengambil masa dan membuang masa di atas jambatan tetapi lalulah dengan berhemah.

YB. Dato' Speaker, sekali lagi saya menjunjung kasih ucapan Tun T.Y.T. yang meminta kesemua di sini bekerja, berusaha untuk memajukan Negeri Pulau Pinang. Saya amat berharap supaya kita sentiasa berlapang dada boleh menerima perbezaan pandangan, tidak membangkitkan perkara-perkara yang tiada asal-usul kebenarannya dan jangan melihat seseorang itu dengan pandangan politik sahaja lalu kita mengeneipkan kebaikan yang ada banyak. Dengan itu, YB. Dato' Speaker saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Pinang. Silakan.

#### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang saya hormati dan dengan hormatnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan Perasmian Penggal Kedua oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri berkenaan ucapan Tun pada hari kelmarin.

YB. Dato' Speaker, izinkan saya merakam takziah kepada keluarga mendiang YB. Karpal Singh yang meninggal dunia pada 17hb April 2014. Saya sangat berharap seluruh rakyat Malaysia akan mempelajari daripada mendiang YB. Karpal Singh atas kepercayaan tidak menyerah kalah dalam perjuangan menegakkan keadilan di Malaysia dan saya percaya semua rakyat Malaysia juga setuju dengan saya. Kami dalam DAP sentiasa menyifatkan mendiang sebagai seorang pemimpin DAP yang amat disanjung dan disukai.

Dengan ini saya ingin memulakan ucapan perbahasan saya dengan merujuk kepada Ucapan Tuan Yang Terutama Tun mengenai keadaan aman dan makmur di seluruh negeri Pulau Pinang. Saya amat bersetuju bersama semua rakyat Malaysia yang mengutamakan suasana keamanan dan kemakmuran. Saya percaya bagi sebuah negara yang terdiri daripada berbilang kaum, peranan kerajaan termasuklah semua pemimpin sama ada dari parti-parti politik, badan-badan NGO atau orang perseorangan adalah sangat penting. Dan ini bukan baru, saya merayu bahawa semua pihak terus mengekalkan keamanan dan kemakmuran Negara kita.

Tahniah dan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia Pulau Pinang kerana berjaya menjadikan Pulau Pinang aman dan bebas dari masalah jenayah. Terima kasih kepada Polis kerana berjaya mewujudkan Pasukan *Task Force* (khusus untuk tujuan pemantauan kes) dan meningkatkan rondaan MPV/URB bagi memastikan kadar indeks jenayah kekerasan serta jenayah harta benda yang berlaku di Negeri Pulau Pinang menurun berbanding dengan tahun-tahun yang lepas di Pulau Pinang. Juga diharapkan pihak Polis dapat bekerjasama dengan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) dalam memberi latihan dan pengetahuan berkenaan bagaimana mengenal pasti dan menangani jenayah di negeri Pulau Pinang dalam bersama membantu menjaga keamanan rakyat Pulau Pinang seperti mana yang telah disebut oleh Tuan Yang Terutama Tun di dalam ucapan beliau.



YB. Dato' Speaker, saya telah membangkitkan perkara keselamatan dan pemasangan CCTV di kawasan *promenade* Sungai Pinang semasa Mesyuarat Pertama Penggal Pertama DUN Yang Ketiga Belas. Saya ingin mengulangi bahawa kawasan *promenade* Sungai Pinang ini berpotensi menjadi satu tempat destinasi pelancongan tempatan dan luar negeri memandangkan...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Pinang bukan sudah tukar nama, *Promenade* sudah tukar namakah?

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Nanti, nanti saya akan teruskan. Saya ingin mengulangi bahawa kawasan *promenade* ini berpotensi menjadi satu tempat destinasi pelancongan tempatan dan luar negeri, memandangkan ia telah menjadi tumpuan orang ramai bagi tujuan riadah dan bersosial. Oleh itu, saya berharap pemasangan dan penggunaan CCTV di kawasan *promenade* Sungai Pinang tersebut diutamakan dan penambahan sistem pencahayaan amatlah perlu agar kawasan tersebut lebih terang dan selamat sekaligus mengurangkan keberangskalian kes ragut dan samun di kawasan tersebut. Dalam pada itu saya menyokong pengumuman cadangan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menamakan *promenade* Sungai Pinang sebagai Persiaran Karpal Singh. Saya percaya mending YB. Karpal Singh sebagai tokoh politik yang berjiwa rakyat layak diberikan penghormatan ini. Marilah kita menjadikan Persiaran Karpal Singh mewakili simbol perjuangan keadilan rakyat.

YB. Dato' Speaker, saya ingin merakamkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berusaha menjadikan Pulau Pinang sebagai tarikan kepada para penerbit dan pengeluar filem. Usaha ini perlu dipertingkatkan untuk memberikan para penerbit dan pengeluar filem lebih pilihan. YB. Kebun Bunga amat memberi sokongan. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerokai dan menyediakan lebih banyak tempat bersejarah dan tempat pelancongan yang lebih tersusun di antaranya mengtengahkkan kembali sejarah penempatan awal di Pulau Pinang terdahulu daripada Sir Francis Light.

Terima kasih Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana mengambil inisiatif bersama pihak swasta menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Pinang dan cabang-cabang Sungai Pinang dengan menggunakan teknologi IQPR, *Infinitesimal Quantum Persistent Reflection*, (dengan izin). Pemuliharaan alam sekitar adalah tanggungjawab kita semua, maka saya yakin dengan kerjasama semua rakyat Pulau Pinang, kualiti air Sungai Pinang akan dipertingkatkan sehingga kelas dua seperti yang disasarkan. Di pihak saya juga berharap pemantauan dengan teliti juga perlu diberi terhadap kerja-kerja pelaksanaan dan penyelenggaraan seperti mengorek sungai, perangkap sampah agar setiap sen wang yang disalurkan memberi manfaat dan keputusan yang baik. Begitu juga kempen kesedaran terhadap rakyat berkenaan tabiat membuang sampah ke dalam sungai. Apa gunanya kalau kerajaan menghabiskan berjuta-juta ringgit untuk membaikpulih sungai di masa yang sama rakyat masih membuang sampah ke dalam sungai?

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, saya sangat bersyukur bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan Skim Pemilikan Bersama atau *Share Ownership Scheme* untuk membolehkan rakyat berpendapatan rendah berpeluang memiliki rumah pertama dengan bantuan pinjaman tanpa faedah. Seperti yang ketahui ramai di DUN Sungai Pinang terdapat sebilangan besar golongan berpendapatan rendah tidak berpeluang memiliki rumah sendiri. Saya berharap skim ini dipanjangkan secepat mungkin kepada penduduk Daerah Timur Laut khususnya di kawasan Sungai Pinang. Umum mengetahui bahawa penduduk di Sungai Pinang merupakan warga bandar yang kini semakin tertekan ekoran kenaikan harga barang dan perbelanjaan pengurusan keluarga yang tinggi.

Sehubungan dengan ini, adalah diharapkan Kerajaan Negeri dapat melihat potensi dan peluang yang ada bagi membawa satu ruang lingkup baru penjaan ekonomi setempat bagi membantu warga bandar Sungai Pinang. Untuk pengetahuan sidang Dewan sekalian, Sungai Pinang merupakan antara pusat atau hab dalam bidang permotoran seperti kereta dan kenderaan berat. Justeru itu, wujudnya banyak bengkel-bengkel kenderaan berenjin di kawasan ini dengan banyak sekali, jumlahnya ratusan. Oleh yang demikian, seharusnya Kerajaan Negeri melihat akan kepentingan dan peluang yang ada bagi mewujudkan hab baru yang lebih tersusun dalam bidang ini sekali gus bakal mewujudkan peluang pekerjaan dan pendidikan kepada warga Pulau Pinang khususnya bagi penduduk di Sungai Pinang. Cadangan mewujudkan *one stop center or learning centre*...(dengan izin) bagi bidang ini amatlah diharapkan.

Amalan membaca adalah satu jalan keluar bagi manusia daripada agenda pembodohan. Kempen membaca yang kini menjadi *trend* ...(dengan izin) dilakukan setiap hujung minggu telah diadakan oleh NGO-NGO berkonsepkan "Buku Jalanan". Mereka ini membawa sendiri koleksi buku mereka untuk dipinjamkan kepada pembaca. Ini semua dilakukan tanpa apa-apa bayaran. Justeru itu, adalah dicadangkan Kerajaan Negeri membantu mereka dan dipergiatkan lagi di semua tempat riadah atau rekreasi setiap hujung minggu.

YB. Dato' Speaker, yang dihormati. Kerajaan Pulau Pinang memang terkenal dengan keprihatinan dalam membantu rakyat seperti mewujudkan program miskin tegar, sumbangan program emas iaitu Anak Emas, Pelajar Emas, Warga Emas, Ibu Emas dan Ibu Tunggal. Walau pun jumlah yang diberikan tidaklah seberapa hanya RM100.00 setahun tetapi untuk anak-anak emas RM200.00 lah. Tapi jika ia dihitungkan dalam jumlah besar berjuta ringgit dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi melaksanakan program ini. Syabas diucapkan kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya memulangkan kembali hasil keuntungan perbendaharaan negeri kepada rakyat. Inilah contoh pentadbiran atau urus tabdir yang Cekap, Bersih dan Amanah. Maka hampir boleh dikatakan Kerajaan Pulau Pinang mirip *welfare state* ....(dengan izin) begitu juga dengan lain-lain pengecualian bayaran seperti parkir motosikal, pengurangan bayaran lesen penjaja, perkhidmatan pengangkutan percuma iaitu bas CAT dan banyak lagi kalau hendak diuraikan.

Saya sokong sepenuh dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengambil langkah awal dalam menjadikan bajet *Responsive Gender* dan *Participatory* iaitu GRPB sebagai projek perintis di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Inisiatif Perintis Komuniti Keselamatan telah dijalankan di PPR iaitu Perumahan Rakyat Jalan Sungai di Kawasan DUN Sungai Pinang. Projek GRPB

dengan cogan katanya “Orang Berbeza Keperluan Berbeza”. Skop dan Perancangan untuk melahirkan sikap, keterangkuman dan Pemilikan di Perumahan Sosial yang menekankan kepentingan penglibatan komuniti, Pegawai Majlis Perbandaran serta Pasukan BRG dalam pelaksanaan kerja bagi mengenal pasti keperluan utama komuniti sekali gus mencadangkan pelan tindakan penyelesaian yang realistik.

Dengan besar hati, dengan gembiranya saya ingin merakamkan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat menjayakan projek tersebut yang membawa manfaat kepada komuniti setempat. Saya berasa syukur dan gembira memandangkan ramai pemuda pemudi yang menceburi dalam bidang politik terutamanya wanita. Sementara kita menggalakkan lebih ramai orang muda melibatkan diri dalam politik untuk bersama-sama kerajaan, maka satu pusat latihan belia perlu dibina untuk mencungkil dan mengenalpasti bakat bakal pemimpin alaf baru. Program-program berupa diskusi dan bengkel perlu kerap dilakukan untuk membincangkan idea-idea baru bersangkutan dengan sistem urus tadbir yang lebih baik mahupun pelaksanaan polisi-polisi baru kerajaan. Peranan wanita amat penting dalam pembangunan dalam sesebuah negara tidak dapat dinafikan lagi. Prinsip kesaksamaan *gender* adalah dorongan untuk ke arah kemajuan semua. Oleh itu satu modal jangka masa panjang perlu diadaptasikan di dalam Pelan Perancangan Pembangunan Wanita agar ia tidak tersasar ataupun dikesampingkan.

Merujuk soalan lisan saya nombor 16 tentang tempat penyusuan susu ibu di pusat membeli belah dan tempat awam. Dimaklumkan jawapan soalan lisan cuma terdapat 37 tempat penyusuan susu ibu yang sedia ada di pusat membeli belah atau tempat-tempat awam di sekitar Pulau. Manakala terdapat 94 lokasi penyusuan susu ibu yang terdapat di Seberang Perai. Saya hairan dengan angka yang begitu kurang di Pulau. Jika dibandingkan dengan Seberang Perai, iaitu 37 dengan 94. Sebab kita semua tahu bahawa adalah lebih banyak pusat membeli belah di Pulau berbanding di Seberang Perai. Jadi dengan ini, saya berharap supaya Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau mengambil berat tentang kepentingan dan keperluan tempat penyusuan susu ibu dan mempromosikan program ini. Saya juga minta supaya satu senarai tempat-tempat yang menyediakan tempat penyusuan susu ibu itu diberi, disenaraikan dengan ini mudahlah untuk pihak tertentu untuk mempergiatkan usaha penyediaan tempat penyusuan susu ibu.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian. Sukan dan Belia memang tidak dapat dipisahkan. Sehubungan dengan itu, dengan mewujudkan kompleks-kompleks sukan kepada awam adalah diharapkan peranan dalam mencungkil bakat baru dalam sukan yang sinonim dengan Pulau Pinang seperti badminton, *squashy*, sepak takraw, bola sepak, *taekwondo*, karate dan sebagainya perlu diteruskan dan diperluaskan tanpa sempadan kaum. Sukan juga adalah *medium* yang terbukti mampu menyatukan segala bentuk fahaman dan warga bangsa. Justeru dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri merubah persepsi luar yang jahat tentang Negeri Pulau Pinang khususnya musuh-musuh politik-politik yang sering kali mendendangkan lagu perkauman bagi menghuru-harakan kestabilan dan keharmonian Negeri Pulau Pinang yang tercinta ini. Pulau Pinang Pulau Mutiara usah cemarkan kegemerlapannya. *We are color blind*, ...(dengan izin). Sekian, terima kasih. Mohon disokong.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam sesi perbahasan. YB. Jawi, silakan.

## **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih. YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi ucapan pada Dewan yang mulia ini. YB. Ahli Dewan dan YB. Dato' Speaker, EXCO-EXCO. Berikut adalah beberapa usul dalam Dewan ini pada malam ini.

Usul pertama adalah pembangunan ekonomi. Saya berasa amat bangga dengan adanya Jambatan Kedua Pulau Pinang yang dinamakan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang disiapkan dan dirasmikan pada 1 Mac 2014 yang lalu. Jambatan sepanjang 24 km yang merupakan jambatan terpanjang di Asia Tenggara ini bukan sahaja menjadi ikon kepada negara malah kepada Negeri Pulau Pinang khususnya ia dapat memudahkan lagi penduduk-penduduk yang menduduki di Daerah Seberang Perai Selatan untuk menyeberangi ke sebelah Pulau. Seperti yang dinyatakan dalam ucapan Tuan Yang Terutama, kemudahan jambatan ini juga akan membantu merencanakan lagi perkembangan ekonomi di kawasan Seberang Perai Selatan terutama di kawasan Perindustrian Batu Kawan. Dengan itu saya percaya bahawa kawasan Batu Kawan akan mengalami pembangunan ekonomi yang pesat dalam jangka masa lima (5) tahun yang akan datang.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, saya sebagai ADUN Jawi, saya amat berharap agar perkembangan ekonomi di kawasan Batu Kawan ini boleh membawa kepada perkembangan ekonomi di kawasan DUN Jawi juga. Namun begitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu ada satu perancangan yang teratur bagi merealisasikan impian saya dan juga impian penduduk-penduduk di kawasan DUN Jawi. Pada pandangan saya, aspek yang perlu diutamakan adalah pembinaan jambatan baru yang dapat menghubungkan kawasan Batu Kawan ke kawasan Changkat di DUN Jawi. Lanjutan daripada pembinaan Jambatan Kedua ini ramai pelabur telah mula melabur di kawasan Batu Kawan seperti membeli untuk membina kilang, perumahan, universiti, *theme park*...(dengan izin) dan lain-lain.

Dengan itu, kawasan Changkat yang merupakan kawasan yang terdekat kepada kawasan Batu Kawan di DUN Jawi turut akan menjadi satu tarikan pelaburan kerana ia masih belum dibangunkan dengan pesat sehingga sekarang. Justeru itu, adalah dijangka kawasan Changkat akan dibangunkan dengan pesat juga pada masa yang akan datang. Walaupun setakat ini Kerajaan Negeri masih belum ada rancangan untuk membina jalan baru yang menghubungkan kawasan Batu Kawan ke Changkat di DUN Jawi. Saya berharap agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh mempertimbangkan pembinaan jalan perhubungan ini dalam masa terdekat kerana ia dapat memudahkan perhubungan di antara penduduk-penduduk di kedua-dua tempat tersebut apabila kedua-dua kawasan ini dibangunkan pada masa depan.

Usul yang kedua adalah pembangunan sektor pendidikan. YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Sebelum ini pelajar-pelajar telah tamat pengajian SPM mahupun STPM perlu melanjutkan pengajian mereka di tempat lain. Terutama di Kuala Lumpur kerana kawasan Seberang Perai kekurangan pusat pengajian yang

tinggi seperti universiti dan kolej. Walau bagaimanapun setelah adanya Jambatan Kedua ini sebuah universiti akan dibina di kawasan Batu Kawan, Kolej KDU di Batu Kawan dan sebuah sekolah antarabangsa dijangka akan dibina di kawasan Tasek Simpang Ampat. Tahniah diucapkan kepada YB. Dato' Speaker kerana kedua-dua tempat ini adalah dalam lingkungan kawasan Bukit Tambun iaitu kawasan YB. Dato' Speaker. Saya berpendapat bahawa dengan adanya universiti dan sekolah antarabangsa dan kolej di kawasan Seberang Perai Selatan ia telah menjadi satu tumpuan perbelanjaan dan memanfaatkan pelajar-pelajar di Seberang Perai kerana mereka tidak perlu lagi untuk melanjutkan pelajaran di tempat yang lain. Ini akan meringankan beban ibubapa mereka dari segi kos pembelajaran harian dan kos tempat tinggal. Di samping itu, ia dapat juga menarik pelajar-pelajar di luar negeri untuk datang melanjutkan pelajaran mereka di kawasan Seberang Perai Selatan. Sebenarnya isu yang saya ingin bangkitkan di sini adalah Kerajaan Negeri perlu memberi lebih banyak tumpuan kepada aspek pendidikan di kawasan Seberang Perai Selatan serta meningkatkan mutu pendidikan supaya selaras dengan perkembangan pusat pembelajaran di kawasan ini.

Pada pandangan saya, langkah yang pertama boleh dimulai dengan peningkatan dalam mutu perpustakaan awam. Saya difahamkan bahawa setakat ini terdapat 106 buah perpustakaan awam termasuk perpustakaan desa dan perpustakaan bergerak di Negeri Pulau Pinang. Setiap tahun Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang bagi kerja urus tadbir bagi setiap 106 perpustakaan awam ini. Pada tahun 2012 dan 2013, Kerajaan Persekutuan hanya menyalurkan lebih kurang RM4.9 juta kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang berbanding dengan RM7.5 juta yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sebenarnya jumlah yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah tidak mencukupi untuk meningkatkan mutu perpustakaan awam baik dari segi kemudahan perpustakaan atau pun koleksi bahan bacaan.

Saya menyambut baik usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Pakatan Rakyat dalam meningkatkan mutu perpustakaan awam melalui penyaluran peruntukan yang lebih tinggi kalau dibanding dengan Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sebanyak RM8 juta berbanding dengan RM1.6 juta yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi interim tahun pertama tahun 2014. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Persekutuan boleh menyalurkan lebih banyak peruntukan kepada perpustakaan awam di Negeri Pulau Pinang dan lebih prihatin dalam usaha meningkatkan mutu perpustakaan awam di Negeri Pulau Pinang pada masa yang akan datang. Di samping itu, saya juga mendapati bahawa koleksi bahan perpustakaan di Negeri Pulau Pinang mengikut pecahan bahasa adalah tidak seimbang di mana peratusan koleksi bahan bacaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah jauh lebih dari tinggi daripada Bahasa Cina dan Tamil. Jumlah koleksi bahan bacaan Bahasa Melayu adalah sebanyak 614,870 iaitu 49.5%, manakala Bahasa Tamil, *sorry*, minta maaf. 614,870 iaitu 49.5%.

Bahasa Inggeris pula sebanyak 483,629 ribu, peratusan pula iaitu 38.9%, Bahasa Cina malangnya terdapat sebanyak 78,644 iaitu peratusan 6.3% sahaja. Manakala Bahasa Tamil adalah paling kurang sebanyak 64,639 iaitu peratusan 5.2% sahaja. Statistik ini menunjukkan koleksi bahan bacaan Bahasa Cina dan Tamil adalah terlalu rendah di perpustakaan-perpustakaan awam di Negeri Pulau Pinang. Saya berpendapat bahawa koleksi bahan bacaan setiap bahasa di setiap

perpustakaan awam sepatutnya haruslah mencapai sekurang-kurangnya 10%, minimum 10% daripada jumlah keseluruhan koleksi bahan bacaan untuk memenuhi keperluan kelompok masyarakat yang berlainan.

Cadangan saya adalah supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau Kerajaan Pusat haruslah mengkaji semula keperluan-keperluan koleksi bahan bacaan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil yang rendah ini, supaya perpustakaan awam dapat memberi perkhidmatan yang lebih sempurna dan responsif kepada keperluan golongan masyarakat yang berbeza. Di kawasan Dewan Undangan Negeri Jawi terdapat dua (2) perpustakaan awam iaitu perpustakaan cawangan Jawi dan perpustakaan Desa Siber Ilmu Changkat. Di sini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi lebih banyak penumpuan kepada pembangunan perpustakaan di kawasan Dewan Undangan Negeri Jawi sama ada dengan menambah perpustakaan desa di kawasan Dewan Undangan Jawi atau menyediakan lebih banyak perpustakaan bergerak. Selain itu saya juga ingin memohon agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi lebih banyak peruntukan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan perpustakaan dan koleksi bahan bacaan di perpustakaan Desa Siber Ilmu Changkat ini, supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelajar-pelajar dan penduduk di kawasan Changkat, DUN Jawi ini. Jika mahu kemudahan dan bahan bacaan di perpustakaan tersebut adalah lengkap dan selesa, ia akan mendapat lebih banyak kunjungan daripada pelajar-pelajar dan penduduk-penduduk di kawasan setempat, secara tidak langsung dapat membantu memupuk minat membaca di kalangan penduduk setempat.

Usul ketiga iaitu usul pembangunan perumahan, YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan sekalian, Kerajaan Negeri telah memberi unit-unit rumah perumahan yang telah siap dibina oleh pemaju swasta seperti memberi 51 unit rumah pangsa, kos rendah, di Taman Serunding Emas, Seberang Perai Selatan untuk menjalankan skim sewa beli bagi golongan berpendapatan rendah dengan kadar sewaan sebanyak RM100.00 sebulan dan kos penyelenggaraan RM20,000.00 sebulan. Di samping itu juga Kerajaan Negeri juga melaksanakan skim pemilikan bersama atau ...(dengan izin), *Shared Ownership Scheme (SOS)*, untuk membolehkan rakyat berpendapatan rendah berpengalaman memiliki rumah.

Pertama, dengan bantuan pinjaman tanpa faedah yang merupakan inisiatif julung kali diadakan di Malaysia. Di bawah skim ini pemohon hanya perlu mendapatkan pinjaman bank dengan faedah bank sebanyak 70% daripada harga rumah manakala baki pinjaman sebanyak 30% lagi akan diperolehi daripada Kerajaan Negeri tanpa faedah. Inisiatif ini telah dilaksanakan dengan pemberian 104 unit rumah kos rendah di Taman Sungai Duri Permai di Daerah Seberang Perai Selatan oleh Kerajaan Negeri pada 29 April 2014. Saya amat bersetuju dan menyokong tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan dasar ini dalam membantu golongan-golongan miskin supaya mereka dapat memiliki rumah dan hidup dengan lebih selesa. Saya berasa berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat teruskan skim-skim ini terutama di Kawasan DUN Jawi ini. Ini adalah kerana di kawasan DUN Jawi masih terdapat banyak golongan miskin dan tidak mampu memiliki rumah atau pun mendapat pinjaman daripada bank untuk membeli rumah.

Isu yang lain, YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan sekalian, seperti yang telah dimaklumkan tadi, kawasan DUN Jawi masih belum dibangunkan pesat jika dibandingkan dengan kawasan lain di Seberang Perai seperti di Seberang Perai Tengah, Machang Bubuk terdapat banyak pasar raya yang canggih dan juga di Pulau Tikus juga terdapat banyak pasar raya yang canggih atau pun di sebelah pulau, di tempat-tempat yang lain. Setakat ini yang masih belum ada pawagam atau pun pasar raya besar untuk kunjungan rakyat setempat pada masa lapang. Dengan itu, ramai warga emas atau penduduk yang telah bersara mereka akan berasa bosan dan sunyi kerana mereka kekurangan tempat untuk berjalan-jalan atau menghabiskan masa lapang mereka, terutamanya apabila anak-anak mereka belajar di luar negeri atau bekerja di kawasan tempat lain.

Oleh yang demikian, saya bercadang agar Kerajaan Negeri dapat menubuhkan pusat aktiviti warga emas untuk membolehkan warga emas ini berkumpul, bertemu, bersembang atau dapat menjalankan aktiviti-aktiviti bersama kawan-kawan yang lebih kurang sama dengan kumpulan umur mereka. Di dalam pusat aktiviti ini boleh disediakan beberapa sudut, seperti sudut membaca, bermain catur, sudut menonton televisyen dan sebagainya. Dengan itu kemudahan asas seperti televisyen, meja dan kerusi dan bahan bacaan dan lain-lain juga perlu disediakan juga untuk melancarkan pusat aktiviti tersebut. Sesungguhnya pusat aktiviti seperti ini adalah amat penting untuk menghilangkan rasa sunyi warga emas kerana kebanyakan daripada mereka akan berasa sunyi dan mereka akan merasa diri mereka sendiri tidak berguna selepas bersara, jika mereka duduk berseorangan di rumah setiap hari menghadapi dinding. Sudut-sudut aktiviti yang berbeza akan memberikan warga emas yang mempunyai hobi yang berlainan memilih aktiviti yang diminati oleh mereka dan menghabiskan masa lapang mereka di sana. Ia juga akan memberi peluang kepada warga emas atau pekerja persaraan untuk menambah ilmu, sama ada melalui perbualan dengan kawan baru atau pun bahan bacaan di sudut bacaan dalam pusat aktiviti ini. Dengan itu saya amat berharap agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memberi perhatian kepada penubuhan pusat aktiviti jenis ini.

Selain itu, saya juga berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga dapat memberi perhatian kepada keperluan penduduk-penduduk di Kawasan Byram, Seberang Perai Selatan. Buat sementara waktu ini penduduk di Kawasan Byram telah berpindah ke suatu tempat yang lain bagi memberi laluan kepada kerajaan untuk tujuan pelupusan sampah di Pulau Burung, namun begitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang masih dikekalkan di lokasi yang sama dan terdedah kepada pencemaran udara dan pencemaran bunyi. Manakala Tokong Hindu Tanjung Bunga di pindahkan ke suatu tempat yang berdekatan untuk sementara waktu. Dengan itu tempat-tempat kegiatan penduduk ini menjadi bertaburan dan tidak tertumpu.

Oleh yang demikian, saya bercadang agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mencari satu tempat yang baru untuk mengumpulkan penduduk-penduduk di kawasan Byram ini, untuk mendirikan rumah kos rendah untuk mereka serta memindahkan sekolah tamil ini dan Tokong Hindu ke tapak tersebut untuk memudahkan penduduk-penduduk Kawasan Byram ini dan kalau boleh juga menubuhkan satu perpustakaan desa di kawasan Byram untuk kaum India. Untuk penutup perbahasan pada malam ini, YB. Dato Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, di sinilah saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan cadangan

dan pandangan seperti yang saya telah huraikan tadi dan berharap agar semua pihak yang berkaitan dapat memberi kerjasama dan membantu untuk menjadikan kawasan Seberang Perai Selatan dan juga kawasan DUN Jawi sebagai pusat ekonomi yang baru di Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih. Saya pohon sokong.

### **Yang di Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, seterusnya, sesiapa yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan. Satu (1). Sila Ahli Kawasan KOMTAR.

### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB.Teh Lai Heng):**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk memberikan ucapan perbahasan terima kasih di atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Kali ini kali ketiga saya diberi peluang untuk memberi ucapan perbahasan di Dewan yang mulia ini. Dalam persidangan Dewan yang lepas saya pernah mencadangkan Kerajaan Negeri untuk menjenamakan Lebuh Armenian, Lebuh Acheh dan Lebu Cannon yang berlokasi di tapak warisan dunia sebagai jalan khusus bagi program-program kebudayaan.

Lanjutan daripada itu saya berasa amat bangga kerana idea ini telah direalisasikan pada bulan November akhir tahun lepas dengan melancarkan *Projek Armenian Street's Got Talent* yang bertemakan kesenian dan kebudayaan di Lebu Armenian, tidak dapat diabaikan juga atas usaha JKKK Kampung Kolam, dengan kerjasamasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Perbadanan Warisan Dunia George Town (GTWHI), Penang Global Tourism (PGT), dan Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang bersama-sama menjayakan projek ini. Projek ini diadakan pada setiap hari Sabtu, jam 5.00 petang hingga 10.00 malam. Buat setakat ini sebanyak 68 lot telah disediakan dan 53 lot daripadanya telah digunakan, antaranya termasuk persembahan sudut kanak-kanak, jualan produk kreatif, produk buatan tangan, makanan tradisional dan sebagainya.

Selepas tamat tempoh percubaan selama tiga (3) bulan, kami telah membuat keputusan untuk meneruskan projek ini, dalam usaha memperkayakan daya tarikan satu jawatankuasa yang terdiri daripada sukarelawan yang mahir dalam bidang kesenian dan kebudayaan telah ditubuhkan. Mereka memainkan peranan dalam membekalkan pandangan dan idea, merancang pelbagai aktiviti dan pertandingan serta menjadi titian berhubung dengan Persatuan Kesenian dan Kebudayaan di seluruh negeri. Kini *Projek Armenian Street Got Talent* masih terbuka kepada pendaftaran untuk menarik lebih banyak bakat-bakat. Sehubungan dengan itu saya berharaplah agar Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Tempatan terus menyokong projek ini serta Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mempromosikan projek ini di kawasan masing-masing untuk menjayakan projek ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, sukacita diambil maklum bahawa proses pemutihan hotel tanpa lesen sedang giat dijalankan oleh Kerajaan Negeri, didapati sebanyak 135 hotel tanpa lesen dikenal pasti di bahagian Pulau, manakala di bahagian Seberang Perai terdapat lebih kurang 20 hotel yang tidak mempunyai lesen. Hotel tanpa lesen yang semakin berleluasa terutamanya di kawasan Bandar Raya George



Town telah menjejaskan periuk nasi pengusaha hotel yang sedia ada. Tambahan pula keselamatan penginap tidak terjamin di hotel tanpa lesen. Saya percaya Kerajaan Negeri menyedari betapa bahaya yang mungkin timbul pada suatu hari nanti. Sejauh ini kebanyakan masalah yang timbul di antara pengusaha-pengusaha baru adalah kerana mereka salah faham akan proses permohonan lesen berniaga atau permohonan lesen hotel adalah susah dan rumit langkahnya tetapi sebenarnya bukan. Jadi saya amat menyokong proses pemutihan tersebut dilaksanakan secepat mungkin sebab saya percaya akan usaha ini dapat membantu usaha tanpa lesen mendapatkan lesen mengikut perundangan dan peraturan yang ditetapkan di samping memastikan premis penginapan dioperasi dalam keadaan yang selamat dan sesuai.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bermula pada 1 Jun tahun ini, bilik penginapan di hotel dicadangkan mengenakan levi sebanyak RM2.00 setiap malam bagi hotel yang bertaraf satu (1) hingga tiga (3) bintang, manakala levi RM3.00 akan dikenakan bagi bilik penginapan di hotel yang bertaraf empat (4) bintang dan ke atas. Sebanyak 72 hotel bertaraf dan 172 hotel *budget* dalam negeri akan dikenakan levi tersebut. Sehubungan dengan itu, saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi kenyataan yang jelas kepada pengusaha penginapan dan *public* atas jumlah levi yang dikutip dari semasa ke semasa. Pihak yang bertanggungjawab dan juga kegunaan levi tersebut. Saya turut mencadangkan agar kerajaan untuk membahagikan sebahagian levi yang dikutip tersebut kepada Perbadanan Warisan Dunia George Town (GTWHI) selain daripada Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan supaya levi tersebut juga boleh menyumbang kepada kerja pemulihan atau usaha memberi balik premis warisan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, golongan belia memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara, akan tetapi masyarakat kini yang semakin berdaya saing dan kelembapan ekonomi yang berlaku menyebabkan anak-anak muda perlu memikul beban yang berat dan semakin bersaing di masyarakat. Oleh yang demikian, golongan tersebut perlu diberi perhatian dan diberi bantuan untuk pencapaian mereka demi untuk pembangunan negara. Di sini saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri untuk menyediakan satu skim Tabung Keusahawanan Belia yang khas kepada golongan belia yang membolehkan mereka memula dan mengembangkan perniagaan. Saya difahami bahawa Kerajaan sedang dalam proses melancarkan Tabung Usahawan Tani Muda Pulau Pinang di UTM yang disasarkan usahawan tani muda. Ini adalah usaha yang bagus, tetapi saya berpendapat bahawa tabung tersebut harus dibuka kepada belia di pelbagai bidang dan bukan sahaja fokus ke atas sektor pertanian.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta laluan, saya ingin membangkitkan jawapan kepada salah satu soalan bertulis saya iaitu mengenai peratusan pemohon Program Titian Saksama Rakyat, iaitu yang dikendalikan oleh PDC. Saya telah meminta *breakdown* atau pecahan mengikut *gender*, umur dan kaum, tetapi dimaklumbalaskan bahawa kami hanya mempunyai pecahan mengikut kaum. Saya rasa ini memang tidak mencukupi bagi memahami kesaksamaan *gender* serta sama ada program yang baik ini dapat dicapai atau dimaklumkan kepada pelbagai sektor masyarakat kami, ianya penting agar kami mengumpul maklumat pecahan, selain daripada kaum kerana kita tak nak fokus sangat kepada kaum tetapi juga mengikut *gender*, mengikut umur. Ini akan

membantu kami untuk mengenal pasti sama ada ada *gender-gender* yang terkecuali atau pun ada golongan umur yang juga boleh lebih banyak dimaklumkan mengenai program yang baik ini. Terima kasih.

### **Yang di Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan YB. Ahli Kawasan KOMTAR.

### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB.Teh Lai Heng):**

Terima kasih, YB. Ahli Pulau Tikus. Malah Skim Mikro Kredit yang telah dilaksanakan selama empat (4) tahun dan telah memperuntukkan sejumlah RM7 juta sehingga kini, hanya memberi keutamaan kepada golongan miskin, orang kurang upaya dan ibu tunggal. Oleh itu saya berpendapat bahawa golongan belia juga memerlukan skim sebegini terutamanya kepada antara mereka yang kreatif dan berinovasi yang ingin memajukan diri dalam perniagaan atau mengembangkan perniagaan sedia ada.

Di sini saya ingin memberikan beberapa contoh negara yang telah berjaya melancarkan tabung jenis ini, seperti di Macau, Macau telah melancarkan program bantuan keusahawan belia dengan menawarkan pinjaman tanpa faedah sebanyak 300,000 kepada rakyat tempatan yang berumur 21 hingga 44 tahun yang buat pertama kali memulakan perniagaan. Tempoh bayara balik pinjaman dipanjangkan selama lapan (8) tahun maksimum.

Contoh yang lain seperti Singapore, bantuan kewangan disediakan kepada golongan siswazah universiti yang ingin memulakan perniagaan. Mereka boleh memohon tunai sebanyak SGD50,000 hingga SGD1 juta dari kerajaan bergantung kepada jenis perniagaan dan kriteria pemohon. Di samping itu Singapura menawarkan suasana yang menggalakkan bagi usahawan muda termasuk meningkatkan tempoh, mengsingkatkan tempoh pendaftaran lesen perniagaan bagi golongan usahawan kecil dan sederhana, menubuhkan pelbagai tabung dan persatuan untuk memberi bimbingan keusahawanan dan pekerjaan bagi golongan belia. Kerajaan Singapura juga telah menubuhkan Tabung Belia Kebangsaan (NYF) pada tahun lepas dengan memperuntukkan sebanyak 100 juta dolar Singapura, bertujuan untuk menyokong belia Singapura yang kreatif.

Melalui tabung ini Kerajaan Singapura juga telah bekerjasama dengan sekolah-sekolah dan institut-institut untuk memberi latihan dan pelbagai program pembelajaran keusahawanan. Nampak kedua-dua Kerajaan Singapura dan Macau sangat mengambil berat keupayaan golongan belia dalam perkembangan keusahawanan sebab mereka tahu keusahawanan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan menjelaskan semula ekonomi negara. Sesetengah wilayah seperti Eropah berharap dengan bantuan ini dapat mengurangkan masalah pengangguran belia melalui keusahawanan. Dana perniagaan adalah masalah yang biasa dihadapi oleh usahawan muda, jadi adalah diperlukan kerajaan menubuhkan tabung bantuan yang berkenaan. Pada masa yang sama, tidak boleh mengabaikan program dan latihan keusahawanan.

Sehubungan dengan itu, saya berharap *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) yang telah ditubuhkan dapat mengambil bahagian dalam program dan latihan keusahawanan. Seperti yang Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang sentiasa berkata dalam bahasa Cina (bercakap dalam Bahasa Cina)... (dengan izin). "Maksudnya Kerajaan Negeri harus menghargai bakat-bakat dalam negeri, barulah kekayaan dapat dikumpulkan." Ini menunjukkan pembangunan sumber manusia adalah faktor yang sangat penting untuk memimpin kemajuan negara, jadi golongan muda yang berupaya hendaklah sentiasa diberi peluang. Jadi, sekali lagi saya mencadangkan Kerajaan Negeri supaya mempertimbangkan cadangan saya dengan menubuhkan Skim Tabung Keusahawanan Belia yang diperuntukkan RM2 juta setahun dan terbuka kepada semua warga Pulau Pinang tanpa mengira kaum dan agama, bangsa dan jantina yang berumur 18 tahun hingga 40 tahun. Satu jawatankuasa yang berkenaan boleh ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Belia dan Sukan yang dipimpin oleh YB. Padang Lalang dan saya sudi menjadi ahli jawatankuasa supaya dapat menyumbangkan idea dan pandangan untuk menubuhkan tabung ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang topik yang hangat baru-baru ini, iaitu cadangan kenaikan tarif air yang bertujuan menggalakkan pengguna menjimatkan air. Dengan ini, perbahasan saya akan fokus ke atas golongan pengguna domestik yang membayar tarif air minimum. Bayaran minimum domestik bagi bekalan air Pulau Pinang tidak pernah disemak sejak tahun 1985 dan ianya sudah menjangkau selama 29 tahun dari masa semakan terdahulu. Setakat akhir tahun 2013, sebanyak 120,638 pengguna domestik dikenakan bayaran minimum iaitu sebanyak RM2.50 sebulan di Negeri Pulau Pinang. Angka ini mencapai 25.6% daripada jumlah pengguna domestik iaitu sebanyak 471,466 orang. Salah satu tujuan PBA menaikkan tarif air adalah untuk menggalakkan pengguna-pengguna menjimatkan air, saya berpendapat bahawa golongan pengguna domestik yang hanya dikenakan bayaran minimum harus dikecualikan atau diberi diskaun keistimewaan sebab jumlah penggunaan air adalah tidak membazirkan. Selain isu kenaikan tarif, PBA patut membuat rancangan untuk memperingkatkan lagi kualiti air dalam negeri. Masalah seperti karat dan kebocoran paip sentiasa berlaku dan memberi kesan kepada kualiti air dan tekanan air. Dalam banyak kes paip berada di bawah tanah seringkali bocor dan susah dapat dikesan sehingga pelanggan terpaksa membayar bil air yang tinggi. Ini menyebabkan pembaziran air dan kerugian kewangan.

Biar kita mengkaji keadaan di Singapura, situasi yang dihadapi seperti kesukaran tadahan air dan kekurangan air bersih telah memberi inspirasi kepada mereka untuk menginovasikan dan membangunkan keupayaan dalam bidang ini untuk mendapat bekalan air yang mampan. Secara amnya, sumber air di Singapura datang dari tadahan air tempatan dan air *import*. Di samping itu, mereka turut menghasilkan NEWater dan air sulingan dengan mengitar semula air terpakai dan air laut kepada air yang bersih dan selamat untuk diminum. Saya ingin mengambil contoh NEWater. NEWater menggunakan teknologi canggih di mana salah satu proses merupakan cara yang sama seperti digunakan untuk pengeluaran air minuman botol. Air dirawat melalui DWI-*membrane* iaitu jenis penapisan mikro dan osmosis terbalik dan teknologi penyinaran ultraungu untuk memproseskan air dengan lebih bersih dan selamat diguna pakai. Air terawat mereka memenuhi piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat dan kualiti air minum disemak secara berkala berdasarkan Garis Panduan Organisasi Kesihatan Dunia (WHO).

Sekarang setiap isi rumah di Singapura boleh akses kepada air minuman yang selamat, ia tidak lagi perlu mendidih air sebelum minum. Apa yang kita patut belajar adalah mereka masih teruskan usaha untuk membesarkan kapasiti yang sedia ada supaya dapat memenuhi lebih banyak permintaan air pada masa depan. Berbanding dengan Singapura, saya tertanya-tanya apakah kualiti air yang dapat kita nikmati di tanah air kita? Apakah usaha kerajaan yang dapat dibuat untuk menjamin kualiti air kita? Secara ringkasnya, saya berharap agar kerajaan terus menerokai teknologi yang bagus dan sesuai dalam usaha meningkatkan kualiti air.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya amat bersyukur atas usaha Kerajaan Negeri yang aktif untuk mempromosikan dan memupuk amalan gaya hidup sihat seperti berbasikal, banyak acara basikal telah dianjurkan dalam beberapa tahun ini dan telah berjaya menarik minat berbasikal orang ramai dan sememangnya aktiviti berbasikal semakin mendapat sambutan di kalangan masyarakat pada waktu ini. Sejak kebelakangan ini, aktiviti berbasikal yang semakin berkembang di Pulau Pinang ini bukan sahaja mengiatkan lagi aktiviti riadah dan pelancongan, tapi ia juga bermanfaat dan memberi faedah kepada komuniti tempatan dengan mewujudkan peluang perniagaan kepada penduduk tempatan seperti mereka memulakan perniagaan sewa basikal. Ini adalah satu permulaan yang baik. Seperti projek laluan berbasikal berdedikasi dari Queensbay Mall ke pusat Bandar Raya George Town sejauh 12.5 kilometer yang sedang dibina, ini adalah usaha baik kerajaan untuk mengembangkan lagi aktiviti berbasikal. Persoalannya, laluan basikal berdedikasi tidak dapat diimplimentasi di kawasan bandar George Town terutamanya tapak warisan sebab laluan yang sempit dan menyebabkan penunggang basikal terpaksa berkongsi laluan dengan kenderaan lain.

#### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Minta laluan. Tahukah YB. KOMTAR bahawa aktiviti basikal ini adalah satu kebbaikannya ialah satu laporan di Jepun bahawa satu kilang bila ia mempromosikan berbasikal pergi bekerja, dalam satu (1) tahun rekod *medic MC (medical certificate)* sudah kurang. Ini satu yang boleh dikongsikan dan satu (1) lagi bolehkah jadi George Town kalau jalan raya yang sempit mungkin jalan belakang boleh diguna pakai kalau boleh dirancangkan. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih YB. Tanjong Bunga dengan *sharing* cadangan. Saya ingat YB. EXCO akan kaji dan untuk bincang dengan saudara Tanjong Bunga. Saya juga pernah menerima beberapa aduan dari penduduk tempatan. Masalah seperti percanggahan aliran trafik antara basikal dengan kenderaan lain, gangguan lalu lintas melanggar lampu merah, tempat letak basikal dan lain-lain isu telah dihadapi di tapak warisan. Masalah tersebut timbul secara tanpa disedari dan jika tidak diberi perhatian sepenuhnya, akibatnya akan bertambah teruk dan mungkin akan menjejaskan imej baik negeri sebagai negeri berbasikal. Jadi, saya ingin menarik perhatian kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin supaya aktiviti yang bermanfaat tersebut tidak membawa kesan negatif kepada penduduk tempatan. Dalam usaha untuk mengelakkan dan meminimumkan kes kemalangan berlaku, kerajaan harus memberi arahan keselamatan yang sepatutnya, memupuk amalan mematuhi peraturan-peraturan jalan raya di kalangan penunggang basikal atau alternatif lain. Saya berharap agar Kerajaan Negeri dapat mengambil langkah yang pro-aktif bagi memantau perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di mana kerajaan sedang berusaha untuk melaksanakan sistem jaringan TRAM dan sistem jaringan Transit Aliran Ringan (LRT). Ini juga adalah topik yang saya pernah bangkitkan pada Persidangan Dewan yang lepas. Seperti dalam ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, saya difahami bahawa kerajaan telah memulakan langkah awal dengan menawarkan permintaan untuk cadangan (RFP) secara tender terbuka untuk menjemput pihak yang berminat untuk membina TRAM serta menjalankan kajian kemungkinannya. Apa yang membimbangkan saya ialah bagaimanakah Kerajaan Negeri bekerjasama atau mendapatkan kuasa lesen pengendalian daripada Kerajaan Persekutuan. Untuk merealisasikan projek ini di mana kuasa pelaksanaannya terletak di bawah Kerajaan Persekutuan. Konflik di antara kedua-dua kerajaan atas ini harus ditangani secepat mungkin sebab penduduk Negeri Pulau Pinang memerlukan sistem pengangkutan awam yang sempurna untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang kian serius.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sejak inisiatif Pulau Pinang Bersih dan Hijau dilancarkan pada November 2010, pelaksanaannya kian bertambah giat dan membawa Negeri Pulau Pinang ke arah sebuah bandar yang bersih dan hijau serta meningkatkan kualiti hidup penduduk. Pulau Pinang adalah satu Negeri Hijau di Malaysia dan kami juga telah mencapai pengiktirafan antarabangsa untuk usaha-usaha hijau kami dan program alam sekitar seperti Sekolah Hijau, Warga Hijau dan program Pejabat Hijau, Program 3R. Usaha-usaha dalam mempertingkatkan penggunaan semula bahan buangan, kitar semula 3R, pengumpulan sisa-sisa dapur dan mengurangkan sampah ke tapak pelupusan di Pulau Burung. Mengikut laporan daripada MPPP dan MPSP, kadar kitar semula dalam Negeri Pulau Pinang telah meningkat daripada 29.35% pada tahun 2012 ke 31.29% pada tahun 2013. Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha kerajaan tempatan makin mendapat sambutan yang baik daripada rakyat Negeri Pulau Pinang.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tertarik kepada kempen-kempen hijau yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri dan saya juga ingin bertanya adakah Dewan juga akan melaksanakan bangunan Dewan kerana saya mendapati *air-cons* di dalam Dewan ini sangat sejuk dan saya terpaksa keluar dari Dewan untuk mendapatkan haba sedikit kerana saya rasa suhu di dalam Dewan ini sudah rendah daripada 20 *degree celsius*. Sepatutnya kita boleh naik sampai 24 atau 25 *degree celcius*. Ini cadangan saya, boleh setuju tak?

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Setuju tak? Esok suruh rakan-rakan yang lain penuhkan Dewan ini.

#### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Kerajaan juga berjaya dengan menggunakan pelbagai teknologi untuk menguruskan aliran sisa organik. Sebagai contoh sisa makanan, dengan kerjasama pengusaha *bio-regent* mesin pemprosesan dan metodologinya yang menukarkan sisa makanan kepada baja bio-cecair dan ini telah dilaksanakan dalam beberapa pasar basah, sekolah, kompleks penjaja dan

pangsapuri. Di samping itu, kerajaan sedang membangunkan skim insentif untuk menggalakkan lagi pengurangan sisa pepejal dan lencongan sisa pepejal ke tapak pelupusan. Rangkaian undang-undang kecil juga dalam proses di dalam negeri untuk menggalakkan pengasingan sisa dipunca penjanaan. Percayalah bahawa pengasingan sisa dipunca penjanaan adalah langkah asas yang paling berkesan ke arah dan sistem pengurusan sisa pepejal yang lengkap.

Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa pelan dan strategi bagi menangani sisa organik yang terdiri daripada 40% hingga 60% daripada sisa pepejal di Perbandaran Pulau Pinang. Dalam usaha ini, beberapa pangsapuri di Pulau Pinang dan Seberang Perai telah dipilih sebagai projek perintis di mana insentif akan diberi oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada komuniti yang dapat mengelakkan pelupusan sampah organik ke tapak pelupusan sampah Pulau Burong. Sisa organik ini akan dikutip dan diproseskan kepada baja organik. Pulau Pinang juga telah berjaya menarik perhatian ramai agensi antarabangsa dengan program-program yang berani yang masih belum dilaksanakan di tempat-tempat lain di Malaysia seperti melarang pengedaran beg plastik percuma, mewujudkan program komuniti sisa sifar dan kini kempen Pulau Pinang bebas daripada merokok.

Negeri Pulau Pinang bercita-cita untuk menjadi salah satu hab hijau di rantau ini dan dengan bangganya akan mempamerkan amalan terbaik, infrastruktur, kemudahan, susun atur dan operasi yang akan menangani pelbagai isu seperti kawalan pencemaran cara air, pengurusan air dan tenaga serta pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan bahan cemar lain di udara. Negeri Pulau Pinang harus memperkenalkan tanda aras antarabangsa dalam menangani isu-isu alam sekitar, kebersihan, jenayah dan kesesakan supaya Pulau Pinang menjadi lokasi pilihan pelabur, destinasi pilihan untuk pelancong dan pelawat, dan habitat pilihan untuk kehidupan yang mampan, bekerja dan rekreasi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas usaha Kerajaan Negeri dalam beberapa projek pembangunan di KADUN KOMTAR yang sedang dijalankan seperti Projek Menaik Taraf Pasar Chowrasta, kerja menaik taraf Kompleks Makan Padang Brown, Projek Pemulihan Bangunan KOMTAR bersama pihak swasta, Projek Menaiktaraf Jejantas *Octopus* dan sebagainya. Projek Menaiktaraf Jejantas *Octopus* yang dianggarkan menelan belanja sebanyak RM5 juta melalui Program Perkongsian Awam dan Swasta *Public Private Partnership* masih belum bermula kerja walaupun pernah diumumkan jangkakan mula kerja pada akhir tahun lepas. Daripada jawapan soalan Dewan yang saya terima, saya difahami bahawa reka bentuk terperinci Jejantas *Octopus* sedang disediakan dan syarat-syarat serta draf perjanjian sedang diteliti oleh MPPP dan pihak penaja pada masa sekarang. Saya berharap agar projek naik taraf ini dapat dipercepatkan supaya dapat memberi manfaat kepada pengguna-pengguna di sekitar. Jalan Penang merupakan jalan yang agak terkenal dan sering dikunjungi ramai. Akan tetapi, saya berpandangan bahawa jalan ini masih belum dibangunkan sepenuhnya terutamanya di bahagian hujung jalan. Bahagian atas Jalan Penang dikenali sebagai *Upper Penang Road* dipenuhi hotel-hotel, restoran-restoran dan pusat hiburan, bahagian tengah adalah kedai-kedai perniagaan dan Pasar Chowrasta, manakala bahagian hujung terletaknya Bangunan KOMTAR yang kurang mendapat sambutan pada waktu malam sebab tiada aktiviti di tempat tersebut pada waktu malam.

Saya berharap selepas Pasar Chowrasta dinaik taraf, jalan-jalan di sekeliling boleh dijadikan Jalan Pasar Malam dan di sambung ke Lebuhr Kimberley di mana bahagian Pasar Chowrasta di jadikan zon membeli-belah, dan bahagian Lebuhr Kimberley dikhususkan untuk zon makanan. Saya ingin memberi beberapa contoh di luar negara sebagai rujukan kerajaan, pasar malam yang berjaya dan terkenal di luar negara seperti *Ladies Market* dan *Temple Street Market* di Hong Kong, Pasar Malam Shilin, Pasar Malam Feng Chia, Pasar Malam Keelung di Taiwan dan sebagainya. Haraplah Bandar Raya George Town juga boleh mewujudkan Pasar Malam yang berunsurkan tempatan dan ia boleh dikembangkan menjadi salah satu tarikan pelancongan di peringkat antarabangsa. Saya amat berharap usaha menjenamakan Jalan Penang boleh dibangunkan bersama-sama projek menaik taraf jejantas *Octopus* supaya menjadi satu pakej tarikan pelancong. Harap kerajaan mempertimbangkan cadangan tersebut dan merancang dengan sewajarnya agar menjenamakan Jalan Penang di peringkat antarabangsa. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada 21 Mei 2014, hari Rabu jam 9.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 10.00 malam.***